

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

RANCANGAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2026 – 2035



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

RANCANGAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2026 – 2035

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Hak Cipta © 2026
Kementerian Pendidikan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang terbit mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan.

RANCANGAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2026 – 2035

Nombor ISBN 978-983-9425-39-0

Diterbitkan oleh:
Kementerian Pendidikan
Blok E8, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

KANDUNGAN

Kata Pengantar Perdana Menteri 10
Kata Pengantar Menteri Pendidikan 12
Kata Pengantar Ketua Setiausaha 14
Kata Pengantar Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia 16
Ringkasan Eksekutif 18

BAB 1
Pengenalan 21

Latar Belakang 22
1.1 Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan 23
1.2 Matlamat Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 — 2035 24
1.3 Lima Ciri Murid 25
1.4 Lima Tumpuan Utama RPM 2026 – 2035 26
1.5 Tujuh Teras Strategik RPM 2026 – 2035 31
1.6 Kaedah Pembangunan Keseluruhan 32
1.7 Sasaran Wajib Capai RPM 2026 – 2035 34

BAB 2
Impak Kepada Pihak Berkepentingan 35

2.1 Murid 37
2.2 Pendidik 38
2.3 Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan 39
2.4 Ibu Bapa dan Komuniti 40
2.5 Industri 41

BAB 3

Pencapaian Semasa 42

3.1 Pengenalan 43
3.2 Ringkasan 35
3.3 Pencapaian Mengikut Aspirasi Sistem 36
3.4 Kesimpulan 60

BAB 4

Teras Strategik 1: Memastikan Sistem Pendidikan Malaysia yang Terangkum, Dinamik dan Relevan 61

Ringkasan 62
4.1 Pengenalan dan Rasional 64
4.2 Keadaan Semasa 65
4.3 Matlamat 66
Strategi 1: Meneliti Keberkesanan dan Kecekapan Implementasi Dasar Pendidikan 67
Prakarsa 1: Memperkasakan Pendidikan Sains dan Matematik 69
Prakarsa 2: Memperkukuh Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris 74
Prakarsa 3: Mengkaji Semula Dasar Pengambilan dan Penempatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan 77
Strategi 2: Memperkasakan Struktur Persekolahan Kebangsaan 86
Prakarsa 1: Memperkasakan Struktur Persekolahan Kebangsaan 88
Prakarsa 2: Menambah Baik Dasar Penawaran Bahasa Tambahan serta Pengoperasian Bahasa Cina dan Bahasa Tamil 96
Strategi 3: Memperkasakan Pentaksiran dan Peperiksaan Kebangsaan 100
Prakarsa 1: Memperkasakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan 102
Pemboleh Daya: Membangunkan Kerangka Sistem Indeks Dalaman Prestasi Institusi Pendidikan secara Bersepadu 109
4.4 Kesimpulan 116

BAB 5

Teras Strategik 2 : Mengoptimumkan Potensi Setiap Murid Melalui Pengalaman Pembelajaran yang Bermakna untuk Menjadi Warganegara Global 117

Ringkasan 118
5.1 Pengenalan dan Rasional 119
5.2 Keadaan Semasa 120
5.3 Matlamat 123
Teras Strategik 2 124
Strategi 1: Reformasi Kurikulum 125
Prakarsa 1: Kurikulum Pendidikan Berorientasikan Kompetensi dan Keperluan Masa Hadapan 125
Strategi 2: Meningkatkan Kemahiran Murid 133
Prakarsa 1: Memperkukuh Literasi dan Numerasi Murid Tahap 1 134
Prakarsa 2: Memperkukuh Keterampilan Berbahasa 136
Prakarsa 3: Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Murid 138
Prakarsa 4: Memperkukuh Kemahiran Murid Masa Hadapan 141
Strategi 3: Membangunkan Bakat 143
Prakarsa 1: Membangunkan Bakat Murid secara Holistik dalam Pelbagai Bidang STEM, TVET, Sukan dan Seni 144
Strategi 4: Membentuk Karakter 150
Prakarsa 1: Memperkasakan Kesejahteraan Murid Merangkumi Kesihatan Fizikal, Mental dan Sosial 151
Prakarsa 2: Memperkukuh Jati Diri dan Kerohanian Murid 155
Pemboleh Daya 159
Pemboleh Daya 1: Akses Terangkum – Program Bersasar Golongan Khusus 159
Pemboleh Daya 2: Pentaksiran Pintar – Pentaksiran Bersepadu Menggunakan Teknologi Digital dan Kecerdasan Buatan 163
5.4 Kesimpulan 165

BAB 6

Teras Strategik 3: Mentransformasikan Pendidik agar Berkeupayaan Tinggi dan Berorientasikan Masa Hadapan 166

Ringkasan 167
6.1 Pengenalan dan Rasional 167
6.2 Keadaan Semasa 169
6.3 Matlamat 175
Strategi 1: Meningkatkan Kesejahteraan Pendidik 176
Prakarsa 1: Menumpukan Peranan Guru kepada Pengajaran dan Pembelajaran 177
Prakarsa 2: Memperkasakan Kesejahteraan Pendidik melalui Keseimbangan Holistik 180
Strategi 2: Memperkasakan Kompetensi Pendidik melalui Pemberdayaan Pembangunan Profesionalisme Berterusan secara Berstruktur dan Bermutu 183
Prakarsa 1: Memantapkan Pembangunan Profesionalisme Berterusan secara Berstruktur untuk Memastikan Tahap Kompetensi Pendidik Kekal Relevan 184
Strategi 3: Mentransformasikan Latihan Keguruan agar Bersifat Adaptif, Dinamik dan Relevan 187
Prakarsa 1: Memperkasakan Latihan Keguruan agar Luwes dan Relevan 188
Prakarsa 2: Memperkukuh Mekanisme Jaminan Mutu Latihan Guru Dalam Perkhidmatan 190
Strategi 4: Membangunkan Pemimpin Transformatif, Berkeupayaan Tinggi dan Berorientasikan Masa Hadapan 192
Prakarsa 1: Memperkasakan Perancangan Pengganti dengan Membentuk Kumpulan Pelapis Pemimpin Pendidikan yang Berteraskan Nilai dan Berwawasan Sistemik 193
Prakarsa 2: Mewujudkan Keluwesan Guru Besar di Sekolah Rendah dan dari Sekolah Rendah ke Sekolah Menengah 197
Pemboleh Daya: Membudayakan Penyelidikan dan Inovasi Berimpak Tinggi melalui Penubuhan Pusat yang Bertumpukan Penyelidikan dan Inovasi di Bawah KPM 199
6.4 Kesimpulan 201

BAB 7

Teras Strategik 4: Memantapkan Prasarana Fizikal dan Digital di Semua Institusi Pendidikan KPM 202

Ringkasan 203
7.1 Pengenalan dan Rasional 204
7.2 Keadaan Semasa 206
7.3 Matlamat 207
Strategi 1: Memperkukuh Pembangunan Prasarana yang Terangkum dan Lestari 208
Prakarsa 1: Memperkukuh Pembangunan Prasarana Pendidikan yang Strategik dan Responsif 209
Prakarsa 2: Memantapkan Pengurusan Aset, Penyelenggaraan Proaktif dan Berfasa untuk Kelestarian Prasarana KPM 211
Prakarsa 3: Memperkasakan Prasarana dan Sokongan Pembelajaran Pendidikan Khas 219
Prakarsa 4: Memperkukuh Kemudahan Sedia Ada yang Berfungsi, Terangkum dan Berimpak 224
Strategi 2: Memperkasakan Prasarana Digital untuk Pendidikan 229
Prakarsa 1: Mentransformasikan Pengalaman Pembelajaran dengan Inovasi Teknologi 230
Prakarsa 2: Menambah Baik Prasarana Digital di Institusi Pendidikan KPM 238
Strategi 3: Menambah Baik Sistem Pintar dan Tadbir Urus Berpandukan Data 242
Prakarsa 1: Memperkukuh Tadbir Urus Pendidikan Melalui Sistem Maklumat dan Data Pintar serta Terhubung 243
7.4 Kesimpulan 248

BAB 8

Teras Strategik 5: Mempergiat Sinergi antara Institusi Pendidikan KPM dengan Pihak Berkepentingan 249

Ringkasan 250
8.1 Pengenalan dan Rasional 251
8.2 Keadaan Semasa 253
8.3 Matlamat 254
Strategi 1: Memperkukuh Dasar Kerjasama antara KPM dengan Pihak Berkepentingan 255
Prakarsa 1: Memperkasakan Dasar Kerjasama Institusi Pendidikan KPM dengan Pihak Berkepentingan 256
Strategi 2: Memperkukuh Ekosistem Penyaluran Sumber 258
Prakarsa 1: Memperkukuh Ekosistem Penyaluran Sumber 259
Strategi 3: Meningkatkan Pelibatan Pihak Berkepentingan dengan Institusi Pendidikan KPM 261
Prakarsa 1: Mempelbagaikan Mekanisme Pelibatan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan 262
8.4 Kesimpulan 263

BAB 9

Teras Strategik 6: Membudayakan Kemampanan dalam Ekosistem Pendidikan 264

Ringkasan 265
9.1 Pengenalan dan Rasional 266
9.2 Keadaan Semasa 269
9.3 Matlamat 270
Strategi 1: Memperkasakan Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (PPM) dalam Kalangan Murid 271
Prakarsa 1: Mengintegrasikan PPM dalam Kurikulum dan Kokurikulum 272
Prakarsa 2: Menyediakan Murid dengan Kemahiran Berkaitan Bidang Pekerjaan Lestari 274
Strategi 2: Mengupayakan Pendidik dan Pemimpin Pendidikan bagi Menerajui PPM 276
Prakarsa 1: Membangunkan Kapasiti Pendidik dan Pemimpin Pendidikan sebagai Peneraju PPM 277
Strategi 3: Meningkatkan Advokasi dan Promosi PPM dalam Ekosistem Pendidikan secara Terangkum 279
Prakarsa 1: Mengoptimumkan Jaringan dan Jalinan untuk PPM 280
Prakarsa 2: Memperkasakan Murid dan Warga KPM sebagai Agen Perubahan Amalan Kemampanan 282
Strategi 4: Memperkukuh Pemantauan dan Penilaian Pelaksanaan PPM di Institusi Pendidikan KPM 284
Prakarsa 1: Menilai dan Mengiktiraf Institusi Pendidikan KPM yang Menerapkan Amalan Kemampanan 285
Pemboleh Daya: Pengupayaan Pendanaan, Kepakaran dan Logistik untuk Semua Prakarsa berkaitan PPM 287
9.4 Kesimpulan 288

BAB 10

Teras Strategik 7: Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus dan Sistem Penyampaian 289

Ringkasan 290
10.1 Pengenalan dan Rasional 291
10.2 Keadaan Semasa 293
10.3 Matlamat 294
Strategi 1: Mengukuhkan Pelan Komunikasi KPM yang Responsif dan Proaktif 295
Prakarsa 1: Memantapkan Pelaksanaan Pelan Strategik Komunikasi KPM yang Berstruktur dan Bersasar 296

Strategi 2: Memperkukuh Fungsi dan Struktur Organisasi Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Institusi Pendidikan KPM 298
Prakarsa 1: Menyusun Semula Fungsi, Struktur dan Perjawatan Bahagian KPM, JPN, PPD dan Institusi Pendidikan KPM 300
Prakarsa 2: Memperkasakan Polisi dan Prosedur Penamatan Pegawai di KPM 302
Strategi 3: Meningkatkan Pemberian Autonomi Terpimpin kepada Institusi Pendidikan KPM 305
Prakarsa 1: Memperkukuh Pelaksanaan Autonomi Terpimpin di Institusi Pendidikan KPM 306
Prakarsa 2: Mengoptimumkan Penggunaan Fasiliti dan Prasarana di Institusi Pendidikan KPM 309
Strategi 4: Memperkasakan Pengurusan Perubahan dan Risiko 311
Prakarsa 1: Membangunkan Pelan Pengurusan Perubahan KPM 312
Prakarsa 2: Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko KPM 315
10.4 Kesimpulan 318

Kesimpulan RPM 2026 – 2035 319
Lampiran 321
Singkatan 349
Glosari 355
Indeks 358
Rujukan 365

KATA PENGANTAR

PERDANA MENTERI



Dewasa ini, pendidikan terus kekal sebagai tunjang utama dalam menterjemah maksud pembangunan negara, selain menjadi nadi dan sendi pembentukan insan yang menyeluruh. Dengan menjamin pendidikan yang bermutu tinggi, masyarakat yang berilmu dan berdaya saing mampu dijelmakan, lantas memperkukuh mobiliti sosial dan bakat masa depan yang berpaksi pada nilai dan jati diri yang ampuh.

Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035 adalah lanjutan dasar yang menandakan tekad berterusan Kerajaan dalam memperkukuh sistem pendidikan negara agar ia kekal menyemangati zaman dan tuntutannya, serta bersifat terangkum. Ia menjadi pernyataan hala tuju negara yang memungkinkan pendidikan sebagai hak yang asasi kepada semua serta menjadi salah satu cabang untuk melonjak negara di bidang sosial dan ekonomi.

Kemunculan revolusi digital yang semakin canggih dan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence) telah meletakkan negara di persimpangan yang penting. Perkembangan teknologi yang sangat pantas ternyata telah merubah cara manusia menyerap ilmu pengetahuan dan bekerja. Justeru, Malaysia mesti melihat cabaran ini sebagai manfaat kepada negara dan berusaha menanggapinya agar pendidikan terus relevan sebagai tunjang pembangunan negara yang lestari dan berdaya saing untuk generasi akan datang.

Pada peringkat global, Malaysia tegas menyesuaikan sistem pendidikan dengan piawaian antarabangsa tanpa mengorbankan jati diri kenegaraan, dengan aspirasi utuh dalam menjadikan negara sebagai hab ilmu serantau yang mampu menarik bakat, memacu aspek penyelidikan berimpak tinggi serta melahirkan warganegara global yang progresif. Lantaran itu, kita akan memastikan setiap prakarsa dilaksanakan secara telus, wujud pertanggungjawaban dan berkesan, dengan kejayaannya bergantung pada komitmen menyeluruh seluruh tenaga dalam ekosistem pendidikan dan dukungan padu rakyat dalam usaha kita mengolah sistem pendidikan nasional.

Akhirul kalam, RPM 2026 – 2035 akan memastikan masa depan negara terus menyinar dengan ilmu pengetahuan sebagai tonggak. Saya menyeru kepada semua agar dasar ini digalas secara bersama dalam usaha dan upaya membentuk dan mencorak generasi masa hadapan yang cintakan ilmu pengetahuan, berjiwa besar dan teguh jati diri demi sebuah Malaysia yang sejahtera dan bermaruah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri

KATA PENGANTAR

MENTERI PENDIDIKAN



Pendidikan ialah landasan utama pembinaan bangsa dan tamadun. Dalam konteks Malaysia yang majmuk dan berdaya saing, pendidikan menjadi asas perpaduan nasional, kemajuan sosial dan kemakmuran ekonomi. RPM 2026 – 2035 yang bertemakan "Merapatkan Jurang, Meningkatkan Mutu, Meraih Kejayaan Bersama" menzahirkan komitmen berterusan kementerian untuk mempertingkat keberhasilan sistem pendidikan negara melalui akses saksama dan peningkatan mutu yang berterusan agar kejayaan dapat dikongsi bersama oleh semua pihak.

Rancangan ini digubal sebagai kompas strategik untuk memperkukuh sistem pendidikan negara agar kekal relevan, berdaya saing dan berpaksikan kemanusiaan bagi menghadapi dekad yang penuh cabaran. Rancangan ini terhasil melalui proses libat urus yang menyeluruh, melibatkan pendidik, murid, ibu bapa, pemimpin pendidikan, komuniti dan sektor industri bagi memastikan dasar pendidikan berakar pada realiti sebenar di lapangan.

Dalam tempoh 10 tahun mendatang, pendidikan Malaysia perlu bergerak melangkaui sempadan tradisional, daripada sistem berorientasikan peperiksaan kepada pembelajaran yang menekankan pemikiran kritikal, kreativiti dan inovasi. Transformasi ini menuntut pembaharuan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran untuk membentuk generasi murid yang celik ilmu dan teknologi, berkemahiran menyelesaikan masalah, berdaya cipta dan anjal menghadapi perubahan.

Kecemerlangan akademik semata-mata tidak harus menjadi satu-satunya ukuran keberhasilan sistem pendidikan negara. Arah tuju baharu pendidikan Malaysia mesti menekankan keseimbangan kepada pemerkasaan pendidikan karakter dan nilai bagi melahirkan warganegara beretika dan pemimpin masa hadapan. Pendidik sebagai egen perubahan akan terus diperkasa melalui pembangunan profesionalisme, manakala kepimpinan sekolah dan ekosistem sokongan akan diperkukuh bagi memastikan persekitaran pembelajaran kondusif kepada perkembangan potensi dan sahsiah murid.

Rancangan ini juga menegaskan keadilan pendidikan dengan memastikan tiada murid yang tertinggal. Pendidikan bermutu mesti dapat dinikmati oleh semua, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, lokasi atau keupayaan. Setiap dasar, intervensi dan prakarsa akan dilaksanakan secara terangkum dan berimpak nyata terhadap kehidupan murid serta komuniti.

Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk menjadikan rancangan ini sebagai tanggungjawab bersama. KPM komited untuk merealisasikan wawasan RPM 2026 – 2035, demi masa depan generasi Malaysia MADANI dan sistem pendidikan yang menjadi kebanggaan serta pemangkin kemajuan dan kesejahteraan negara.

Fadhlina Sidek
Menteri Pendidikan

KATA PENGANTAR

KETUA SETIAUSAHA



Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 – 2035 adalah kesinambungan usaha transformasi pendidikan negara, sambil membuka lembaran baharu dalam usaha memperkukuh sistem pendidikan untuk dekad seterusnya. Rancangan ini memberikan penekanan terhadap lima tumpuan utama, iaitu mutu, akses dan ekuiti, ketersediaan sumber dan kecekapan, keluwesan serta kemampanan yang menjadi asas strategi pembangunan pendidikan negara. Kementerian Pendidikan (KPM) memainkan peranan penting bagi memastikan dasar, perancangan dan pelaksanaan program pendidikan dilaksanakan dengan cekap, berintegriti dan berimpak. Sebagai organisasi besar yang menaungi jutaan murid, ratusan ribu pendidik dan institusi pendidikan di seluruh negara, keberkesanan rancangan ini bergantung pada sistem tadbir urus yang mantap, koordinasi yang efisien dan budaya kerja berasaskan akauntabiliti serta prestasi. Prinsip-prinsip ini menjadi landasan bagi memastikan setiap strategi diterjemahkan dengan jayanya pada semua peringkat.

RPM 2026 – 2035 dibangunkan melalui proses libat urus yang terangkum dan berasaskan data dan bukti. Kaedah pembangunan menyeluruh ini memastikan rancangan ini berpaksikan keperluan semasa dan sejajar dengan aspirasi masa hadapan negara, di samping memperkukuh dasar dan keberkesanan pelaksanaannya.



Dalam tempoh 10 tahun akan datang, sistem pendidikan Malaysia perlu diperkasa agar menjadi lebih tangkas, adaptif, berwawasan dan selari dengan perkembangan global. KPM komited menyampaikan pendidikan yang cekap, terangkum dan menumpukan kepada keberhasilan murid. Langkah ini merangkumi peningkatan keupayaan KPM melalui inovasi digital, penambahbaikan prasarana fizikal dan digital, pengoptimuman sumber serta pemantapan pentadbiran dan akauntabiliti pada semua peringkat. Tadbir urus berasaskan data dan prestasi menjadi pemangkin untuk memastikan setiap prakarsa memberikan nilai tambah kepada pembangunan insan dan negara.

Kejayaan rancangan ini memerlukan kepimpinan berterusan dan kolaborasi seluruh ekosistem pendidikan. Hal ini menuntut komitmen aktif antara kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil, ibu bapa dan warga pendidikan di lapangan. Pendidikan merupakan agenda nasional yang memerlukan penyertaan menyeluruh (whole-of-nation approach) dan rancangan ini akan menjadi hasil usaha kolektif rakyat Malaysia yang percaya bahawa pendidikan merupakan pelaburan paling bernilai untuk masa hadapan negara.

Dengan semangat integriti, profesionalisme dan dedikasi, KPM akan terus memacu pelaksanaan RPM 2026 – 2035 bagi memastikan setiap anak Malaysia mendapat peluang terbaik untuk berkembang sebagai insan berilmu, berakhlak, berdaya tahan dan berjati diri kukuh demi Malaysia yang makmur dan maju.

Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim
Ketua Setiausaha

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA



Pendidikan ialah nadi pembangunan negara dan setiap generasi bergantung pada kekuatan sistem pendidikannya untuk mencorakkan masa depan bangsa. Bagi menghadapi dunia yang semakin kompleks, pendidikan bukan lagi sekadar proses menyampaikan ilmu, tetapi menjadi medan membina keperibadian, menanam nilai dan memperkasakan potensi manusia.

Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 — 2035 memperkukuh asas yang telah dibina melalui PPPM 2013 — 2025 dan menjadi panduan strategik bagi dekad akan datang untuk memastikan sistem pendidikan negara terus kukuh, adaptif dan berdaya tahan menghadapi cabaran abad ke-21 dan seterusnya.

Proses pembangunan rancangan ini menekankan penyertaan luas pelbagai pihak, termasuk wakil KPM, agensi negeri, institusi pengajian, industri, pertubuhan masyarakat serta libat urus awam melalui Jelajah Masa Depan Pendidikan Negara (JMDPN) yang mengumpulkan pelbagai pandangan dan cadangan daripada murid, pendidik, ibu bapa, pentadbir, masyarakat sivil dan sektor swasta.

Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 — 2035 menggambarkan kesungguhan KPM dalam usaha mengemudi transformasi pendidikan dengan berpaksikan keseimbangan antara ilmu, kemahiran dan nilai. Dalam tempoh 10 tahun mendatang, sistem pendidikan negara perlu terus berkembang dengan berasaskan lima tumpuan utama, iaitu mutu, akses dan ekuiti, ketersediaan sumber dan kecekapan, keluwesan dan kemampanan.



Antara tumpuan utama rancangan ini termasuklah pemerkasaan pendidikan karakter dan nilai sebagai asas pembentukan sahsiah murid. Dalam dunia yang semakin berorientasikan teknologi dan material, nilai seperti amanah, hormat, tanggungjawab, empati dan semangat cinta akan negara mesti terus dipupuk. Sekolah bukan sekadar tempat menimba ilmu, tetapi institusi pembentukan insan.

Bagi memastikan kejayaan rancangan ini, peranan pendidik ialah teras utama. Pendidik merupakan agen perubahan, pencetus inspirasi dan pembentuk masa hadapan anak bangsa. Oleh itu, KPM akan terus memperkukuh pembangunan profesionalisme berterusan bagi memastikan para pendidik memiliki kompetensi dan kecekapan yang selaras dengan tuntutan semasa.

Kepimpinan sekolah, pegawai pendidikan daerah dan negeri serta semua warga pendidik mesti berganding bahu melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh dedikasi dan semangat kolektif.

Akhirnya, RPM 2026 — 2035 ini bukan sekadar dokumen dasar, tetapi satu amanah dan janji kita kepada masa hadapan. Saya menyeru seluruh warga pendidik untuk menjadikan rancangan ini sebagai panduan tindakan dan sumber inspirasi bagi melaksanakan tanggungjawab mendidik dengan penuh iltizam dan kasih. Marilah kita jadikan sistem pendidikan Malaysia sebagai contoh kecemerlangan sistem yang melahirkan insan berilmu, berkarakter dan berjati diri yang mampu memimpin negara ke arah kemajuan dan kesejahteraan sejagat.

Datuk Dr. Mohd Azam bin Ahmad
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

RANCANGAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2026 — 2035

Memacu Transformasi Pendidikan Negara

Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026 — 2035 ialah rancangan menyeluruh untuk mengubah landskap pendidikan negara. Rancangan ini bertujuan meningkatkan mutu, akses dan ekuiti, ketersediaan sumber dan kecekapan, keluwesan serta kemampanan dalam pendidikan. Rancangan ini mengambil kira perubahan dunia yang pantas, memastikan sistem pendidikan kita kekal relevan, dinamik dan luwes.

Pendekatan transformatif yang berlandaskan perspektif nasional dan global disasarkan untuk melahirkan individu yang berpandangan luas, mampu berfikir secara kritikal, berdaya tahan dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi negara. Strategi yang digariskan didorong oleh kemajuan teknologi, keperluan masyarakat serta perubahan dalam dunia pendidikan dan pekerjaan global.

Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence – AI) akan memainkan peranan kritikal pada masa hadapan dan murid akan didedahkan atau dilengkapi dengan kemahiran teknologi terkini. Murid juga dapat mengemudi dunia digital ini secara bertanggungjawab, beretika dan berupaya untuk menjadi pengguna teknologi yang bijak dan berhemah.

KPM telah meneliti pencapaian, jurang dan cabaran daripada RPM 2013 – 2025. Penilaian berdasarkan rancangan sebelum ini menjadi asas penting untuk membentuk strategi dan prakarsa baharu bagi tempoh 2026 – 2035 agar benar-benar memenuhi harapan pendidikan negara.

Kepimpinan tertinggi kerajaan dan KPM komited untuk memantau kemajuan, membimbing serta terlibat secara langsung dalam penyelesaian isu pelaksanaan. Bagi menjamin kelestarian transformasi yang dirancang, KPM akan mengenal pasti dan memupuk bakat pemimpin masa hadapan yang berteraskan nilai dan berwawasan.

Memperkasakan Kecekapan Pentadbiran dan Sistem Penyampaian

Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 — 2035 menggariskan pelan tindakan yang jelas dan realistik untuk mempertingkat sistem pendidikan secara menyeluruh. Kejayaan rancangan ini bergantung pada kecekapan semua warga pendidikan bawah KPM melalui peningkatan kapasiti sumber manusia, kecekapan operasi dan tadbir urus. Fungsi dan struktur bahagian-bahagian di Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta institusi pendidikan akan diperkasakan. Tiga pelan pengurusan penting akan dibangunkan, iaitu Pelan Komunikasi Strategik, Pelan Pengurusan Perubahan dan Pelan Pengurusan Risiko untuk menyokong pelaksanaan RPM 2026 – 2035.

Pendekatan Libat Urus dengan Komuniti dan Pihak Berkepentingan

Pembangunan RPM 2026 — 2035 melibatkan maklum balas daripada pelbagai pihak, termasuk warga pendidikan, ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan. KPM akan terus menggalakkan pelibatan bermakna semua pihak berkepentingan. Pemantauan berkala akan dijalankan bagi setiap prakarsa untuk

memastikan transformasi pendidikan berjalan lancar dan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

Impak yang Dijangka Menjelang Tahun 2035

RPM 2026 – 2035 dirangka untuk merapatkan jurang pencapaian yang masih wujud selepas tamatnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Antara langkah utama termasuklah mengukuhkan sistem pendidikan sedia ada, mempersiapkannya menghadapi cabaran masa hadapan dan memastikannya kekal berdaya saing di peringkat global. Rancangan ini menggariskan transformasi melalui tujuh teras strategik utama berkaitan sistem pendidikan, murid, pendidik, prasarana fizikal dan digital, sinergi, kemampanan serta tadbir urus.

Transformasi menyeluruh ini mengambil masa selama 10 tahun, namun perubahan dijangka mula kelihatan menjelang tahun 2030. Antara impak utamanya termasuklah penstrukturan semula sistem persekolahan kebangsaan agar lebih anjal, responsif dan setara, di samping menjadikan sekolah kebangsaan pilihan utama ibu bapa. Semua murid disasarkan untuk menguasai literasi dan numerasi pada akhir Tahap Satu, manakala peratusan calon yang tidak layak mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kadar keciciran dijangka menurun. KPM juga berhasrat melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, sahsiah dan daya tahan emosi.

Profesion keguruan akan diperkukuh sebagai tunjang pendidikan dengan menumpukan kepada peranan pendidik kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan memastikan aspek kesejahteraan diberikan keutamaan. Pendidik juga akan diberikan peluang membangunkan profesionalisme berterusan secara berstruktur, luwes dan relevan. Peningkatan jumlah pemimpin berkeupayaan tinggi juga akan memperkasakan kecekapan institusi pendidikan KPM.

Semua institusi pendidikan KPM disasarkan mencapai piawaian minimum prasarana fizikal dan digital. Amalan pemantauan sumber dan pelaporan berkala berasaskan data akan menjadi norma di semua institusi pendidikan KPM.

Kerjasama KPM dengan pihak berkepentingan akan membina ekosistem pendidikan yang terangkum, responsif dan mampan. Sinergi antara institusi pendidikan KPM dengan pelbagai rakan strategik akan menyediakan saluran sumbangan yang lebih telus. Prakarsa yang menekankan pembudayaan kemampanan dan kewarganegaraan global akan melahirkan murid yang memiliki nilai, tingkah laku dan cara hidup yang positif demi kesejahteraan masa hadapan. Penjajaran fungsi, penyusunan semula struktur organisasi KPM dan pemerkasaan autonomi terpimpin akan meningkatkan prestasi pendidikan negara.

KESIMPULAN

RPM 2026 – 2035 ialah rancangan menyeluruh pendidikan negara bukan sahaja untuk generasi kini, tetapi juga untuk masa hadapan negara. Melalui rancangan ini, KPM akan mengukuhkan sistem pendidikan demi memastikannya kekal relevan dan berdaya saing pada peringkat global. Kejayaan transformasi ini memerlukan komitmen padu daripada setiap rakyat Malaysia, melalui kerjasama erat kerajaan, komuniti, pendidik dan semua pihak berkepentingan. Dengan matlamat yang jelas dan tindakan yang terancang, KPM yakin impak positif menjelang tahun 2035 akan memberikan manfaat besar kepada sektor pendidikan dan pembangunan negara secara keseluruhan.



BAB 1

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Dunia sedang bergerak pantas dalam era globalisasi, membawa perubahan besar dalam ekonomi, sosial dan politik. Ledakan teknologi dan pengaruh media sosial kini menimbulkan cabaran yang unik, iaitu kebanjiran sumber dan jumlah maklumat yang boleh mengelirukan. Masyarakat yang berilmu dan berakhlak mampu memahami hak dan tanggungjawab mereka, bertindak rasional serta tidak mudah terpengaruh oleh unsur yang boleh merosakkan perpaduan dan kestabilan negara. Pendidikan merupakan tunjang utama untuk memastikan hala tuju pembangunan pendidikan selari dengan perubahan global, sekali gus membentuk masyarakat yang berilmu, berakhlak dan berdaya tahan menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks.

Pendidikan menjadi pemangkin utama dalam membasmi kemiskinan, meningkatkan tahap kesihatan, memperkukuh mutu hidup serta menjamin keamanan dan kestabilan.

Kajian Bank Dunia (World Bank Group's Education Watch, 2023) menunjukkan secara global, setiap penambahan satu tahun persekolahan dapat meningkatkan pendapatan individu sebanyak 10 peratus. Dapatan ini membuktikan bahawa setiap individu perlu mendapat pendidikan sehingga ke tahap yang tertinggi bagi memastikan negara dapat melahirkan bakat berkemahiran tinggi. Hal ini amat penting bagi memacu produktiviti, mempercepat inovasi, menjana pertumbuhan ekonomi, mengukuhkan institusi dan memupuk perpaduan sosial.

Dalam ekonomi moden, daya saing sesebuah negara banyak bergantung pada keupayaan rakyatnya mencipta nilai melalui ilmu dan inovasi. Malaysia mempunyai potensi besar dalam aspek ini, terutamanya dengan bakat golongan muda yang boleh dimanfaatkan melalui pelaburan dalam pendidikan.

Pendidikan bermutu membuka peluang kepada setiap individu untuk meningkatkan mutu hidup di samping menyumbang secara aktif kepada pembangunan dan keharmonian negara. PPPM 2013 – 2025 sebelum ini telah menggariskan lima aspirasi sistem, iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan. Lima aspirasi sistem ini memberikan tumpuan kepada penambahbaikan dasar pendidikan dan pelaksanaan program secara berperingkat. Dalam masa yang sama, tempoh ini turut menguji keupayaan sistem apabila berdepan pandemik COVID-19, ledakan teknologi yang semakin pantas serta kemunculan AI yang memberikan kesan dalam pelbagai aspek, termasuklah kesejahteraan dan kesihatan mental murid. Cabaran ini harus ditangani dengan segera dalam usaha memastikan pendidikan negara berupaya melahirkan individu yang holistik selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Berdasarkan jurang pencapaian daripada rancangan terdahulu, RPM 2026 – 2035 kini memberikan tumpuan kepada perancangan strategik baharu. Rancangan ini memperkukuh sistem pendidikan negara agar lebih berdaya tahan dan memacu pertumbuhan negara selaras dengan aspirasi nasional.

1.1 RUKUN NEGARA DAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Rukun Negara diperkenalkan untuk mencapai perpaduan yang kukuh dalam kalangan pelbagai kaum di Malaysia bagi menjamin keharmonian nasional. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menggariskan hasrat utama negara, iaitu membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Nilai teras seperti adab, amanah, ihsan, hormat, kasih sayang, kerjasama, tolak ansur, cinta ilmu, cinta negara dan kesedaran kelestarian merupakan asas kepada pembentukan karakter insan sejahtera.

RPM 2026 — 2035 menterjemahkan Rukun Negara dan FPK kepada tindakan nyata. Rancangan ini akan memastikan murid menguasai ilmu asas yang kukuh, membina karakter mulia dan menguasai kemahiran abad ke-21, di samping menghayati nilai serta menjadi warganegara yang aktif. Pendekatan pengajaran akan memupuk pemikiran yang mendalam melalui pembelajaran berasaskan inkuiri, penyelesaian masalah, projek kolaboratif dan kerja berpasukan. Sistem pentaksiran akan lebih seimbang, merangkumi penilaian formatif dan sumatif untuk mengukur bukan sahaja kemajuan akademik, tetapi juga perkembangan karakter termasuk sikap positif, semangat kerjasama, keupayaan refleksi diri dan nilai kerohanian yang teguh.

Peranan pendidik pula adalah sebagai pembimbing dan pembentuk bakat masa hadapan. KPM akan terus melatih pendidik untuk memperkukuh kemahiran mengajar, bimbingan emosi, literasi data dan pedagogi digital yang beretika. Budaya sekolah akan dibentuk berasaskan peraturan yang jelas, teladan yang baik, amalan apresiasi, sistem bimbingan rakan sebaya serta pelibatan aktif ibu bapa dan komuniti. Persekitaran pembelajaran yang selamat, kondusif dan mampan amat penting untuk menyokong pembentukan nilai murni.

Setiap murid, dari prasekolah hingga menengah atas, termasuklah murid berkeperluan pendidikan khas berhak menikmati pengalaman pembelajaran bermutu yang sama bagi memastikan akses dan ekuiti dalam pendidikan. Sokongan khusus akan diberikan melalui intervensi akademik dan emosi, pemerkasaan bahasa kebangsaan, pendedahan kepada bahasa tambahan, literasi digital, pengukuhan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta program kokurikulum yang membangunkan sahsiah, kepimpinan dan kesihatan fizikal.

Tadbir urus akan mengutamakan akauntabiliti dan ketelusan. Keputusan di sekolah akan berlandaskan data, dengan tumpuan utama kepada murid. Kerjasama dengan komuniti, industri dan masyarakat akan diperkukuh. Amalan kemampanan di sekolah akan diterapkan untuk menghargai alam sekitar, memelihara sumber semula jadi dan memupuk rasa tanggungjawab terhadap generasi akan datang.



1.2 MATLAMAT RPM 2026 – 2035

Evolusi sistem pendidikan di Malaysia bermula dengan usaha awal kerajaan kolonial British untuk mewujudkan sistem pendidikan di Tanah Melayu yang bertumpkuan kepada integrasi nasional menjelang kemerdekaan melalui penubuhan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh L.J Barnes dan seterusnya manghasilkan Laporan Barnes (1950). Cadangan daripada Laporan Barnes berhubung pemansuhan sekolah vernakular telah mendapat tentangan daripada masyarakat Cina. Bagi meredakan keadaan, Jawatankuasa Fenn-Wu telah ditubuhkan dan seterusnya mengeluarkan Laporan Fenn-Wu (1951). Laporan ini mencadangkan sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Melayu dibenarkan beroperasi dengan menggunakan bahasa pengantar masing-masing.

Seterusnya, Penyata Razak (1956) menjadi asas kepada Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan matlamat menyatupadukan kaum melalui satu kurikulum yang sama, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan sekolah yang bercorak kebangsaan, manakala Laporan Rahman Talib (1960) pula menekankan pendidikan percuma di sekolah rendah dan pengukuhan sekolah kebangsaan. Usaha ini kemudiannya menjadi asas kepada Akta Pelajaran 1961 yang membentuk Sistem Pendidikan Kebangsaan. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) telah memperluas matlamat pendidikan kepada pembangunan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Laporan ini menghasilkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menyeimbangkan ilmu, kemahiran dan nilai serta memperkukuh jati diri dan semangat patriotisme murid.

Pendidikan abad ke-21 di Malaysia berkembang secara lebih strategik melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 — 2010 dan PPPM 2013 — 2025. Kedua-dua rancangan ini bertumpukan kepada peningkatan mutu, pemerkasaan pendidik, kepimpinan sekolah dan pembangunan kemahiran abad ke-21 untuk melahirkan modal insan bertaraf global.

Walaupun setiap rancangan pendidikan mempunyai tumpuan dan pendekatan berbeza mengikut zamannya, matlamat asas kekal konsisten, iaitu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis selaras dengan FPK dan Rukun Negara. Matlamat ini menekankan pembangunan holistik individu, perpaduan nasional, penguasaan ilmu dan kemahiran relevan untuk menghadapi cabaran global.

Negara-negara di rantau ASEAN dan negara maju lain turut berkongsi matlamat pendidikan yang sama, berlandaskan konsep pembangunan murid secara menyeluruh dan berasaskan nilai. Negara maju seperti Finland, Jepun dan Korea Selatan juga memberikan keutamaan kepada kesejahteraan murid, pembelajaran berasaskan nilai dan keseimbangan ilmu serta kehidupan. Filipina dan Brunei Darussalam pula menumpukan kepada patriotisme, potensi diri dan kemahiran berdaya saing.

Negara-negara ini menganggap pendidikan bukan sekadar pemerolehan ilmu, tetapi proses membentuk individu yang beretika, berempati dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dunia.

Dalam era global yang kompleks, pendekatan pembangunan insan seimbang amat penting. Hal ini bagi memastikan pendidikan tidak hanya melahirkan murid cemerlang intelek, tetapi juga individu berakhlak, berperikemanusiaan dan harmoni. Matlamat RPM 2026 – 2035 adalah untuk melahirkan insan sejahtera yang beradab, berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berkeyakinan yang berteraskan FPK.

Matlamat ini menekankan bahawa pendidikan perlu melahirkan individu yang seimbang dari segi sahsiah, emosi, sosial dan rohani serta berupaya menghadapi cabaran masa hadapan dengan ilmu, nilai dan kemahiran yang relevan melalui pembelajaran sepanjang hayat.

1.3 LIMA CIRI MURID

Huraian ringkas bagi setiap ciri Insan Sejahtera adalah seperti yang berikut:



Rajah 1.1 Lima Ciri Murid yang Membentuk Insan Sejahtera

1.4 LIMA TUMPUAN UTAMA RPM 2026 – 2035

Bagi merealisasikan matlamat RPM 2026 – 2035, lima tumpuan utama menjadi pemacu transformasi sistem pendidikan negara. (Rajah 1.2).



Tumpuan RPM 2026 — 2035
Mutu, Akses dan Ekuiti, Ketersediaan Sumber dan Kecekapan, Keluwesan dan Kemampanan

Rajah 1.2 Kerangka RPM 2026 — 2035

MUTU

Mutu sistem pendidikan merujuk kepada keupayaan dan kesediaan sistem dalam menyediakan peluang dan pengalaman pembelajaran yang terbaik untuk semua murid. Tumpuan penting merangkumi pelbagai aspek seperti kurikulum, pedagogi dan pentaksiran yang bermutu, prasarana fizikal dan digital yang kondusif serta menyokong PdP, pengurusan dan tadbir urus yang cekap serta sistem sokongan holistik untuk perkembangan murid. Oleh itu, mutu pendidikan perlu terus diperkukuh secara berterusan untuk meningkatkan keberhasilan setiap murid.

Aspirasi untuk memastikan setiap murid mendapat akses kepada pendidikan bermutu juga selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan – Pendidikan Bermutu (SDG4), iaitu "memastikan pendidikan yang terangkum dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua". Bagi merealisasikan aspirasi ini, sistem pendidikan negara perlu mencapai tahap mutu yang setanding dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi pada peringkat global.

Prestasi Malaysia dalam Programme for International Student Assessment (PISA) 2022 dan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) masih di bawah purata antarabangsa. Oleh itu, usaha memperkukuh mutu sistem pendidikan perlu menjadi keutamaan. Sasaran KPM adalah untuk mencapai purata skor antarabangsa dalam pentaksiran TIMSS dan PISA.

Pencapaian murid dalam SPM, khususnya dalam mata pelajaran teras turut menjadi keutamaan sebagai petunjuk mutu sistem. Meskipun calon layak menerima sijil SPM telah pun meningkat, usaha untuk meningkatkan peratusan murid yang mencapai sekurang-kurangnya gred kepujian dalam SPM masih perlu diperkukuh.

Taraf mutu institusi pendidikan di Malaysia secara umumnya berada pada tahap baik dengan pelbagai usaha penambahbaikan berterusan oleh KPM untuk memastikan standard yang setara dengan amalan antarabangsa. Pelbagai mekanisme penilaian seperti akreditasi, audit institusi, pemantauan pencapaian murid dan penilaian berasaskan kompetensi guru dilaksanakan. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk terus memperkukuh konsistensi pelaksanaan di lapangan bagi meningkatkan kapasiti pendidik dan memperkukuh pembuatan keputusan berasaskan data dan bukti seterusnya memastikan setiap institusi mencapai tahap kecemerlangan yang mampan dan terangkum.

Aspirasi KPI Mutu:

1. Murid mencapai sekurang-kurangnya gred C bagi keempat-empat mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.
2. 33 peratus sekolah mencapai taraf mutu cemerlang (Sekolah Inspirasi).

AKSES DAN EKUITI

Akses dan ekuiti merangkumi dua aspek utama, iaitu memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan bermutu serta menjamin peluang pendidikan yang setara dan adil bagi setiap individu. Konsep kesaksamaan dan kesetaraan ini menegaskan bahawa setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat pendidikan bermutu, tanpa mengira latar belakang sosial, ekonomi, geografi dan ketidakupayaan.

Malaysia telah mencapai kadar penyertaan yang tinggi bagi pendidikan rendah dan menengah. Namun, tumpuan kini beralih kepada usaha memperluas akses pendidikan bermutu pada peringkat prasekolah. Usaha ini selaras dengan sasaran 4.2 dalam SDG4 yang menekankan keperluan memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan awal dan prasekolah yang bermutu. Sehubungan dengan itu, sistem pendidikan negara berhasrat memastikan penyertaan sejagat dari peringkat prasekolah hingga menengah atas. Antara prakarsa utama termasuklah memperkukuh pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak berumur lima tahun dan disokong oleh Kurikulum Prasekolah 2026 untuk merapatkan jurang pembelajaran dengan memastikan pendidikan wajib prasekolah dilaksanakan seperti dalam RMK13.

Aspirasi KPI Akses dan Ekuiti:

1. Enrolmen sejagat pada setiap peringkat pendidikan prasekolah hingga menengah atas.
2. Pengurangan 50 peratus dalam jurang pencapaian bandar dan luar bandar.
3. Pengurangan 70 peratus dalam jurang pencapaian jantina dan sosioekonomi.



KETERSEDIAAN SUMBER DAN KECEKAPAN

Ketersediaan sumber dan kecekapan melibatkan kesediaan dan akses murid serta pendidik terhadap pelbagai jenis bahan pengajaran dan pembelajaran, di samping keupayaan sistem menggunakan sumber sedia ada dengan cekap.

Ketersediaan sumber merujuk kepada penyediaan prasarana fizikal dan digital yang berfungsi, bahan pengajaran dan peralatan bersesuaian untuk mewujudkan iklim pembelajaran kondusif, sejajar dengan kurikulum abad ke-21. Berdasarkan Laporan Bank Dunia (Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills, 2024), bekalan sumber manusia (terutama pendidik terlatih) dan sumber kewangan yang mencukupi berperanan penting dalam aktiviti perkembangan murid.

Kecekapan pula ialah kemampuan sistem pendidikan untuk memanfaatkan sumber secara berkesan dan efisien bagi mencapai hasil yang diingini. Tumpuan ini merangkumi tadbir urus yang cekap, penyampaian pendidikan yang bermutu dan penambahbaikan berterusan dalam proses PdP.

Oleh itu, kecekapan dan ketersediaan sumber perlu dilihat sebagai aspek yang saling melengkapi. Sistem yang cekap memerlukan sumber yang mencukupi dan relevan, manakala sumber yang tersedia hanya akan memberikan impak jika dimanfaatkan dengan berkesan.

Selain sumber kewangan, kepakaran, kemudahan fizikal dan sokongan teknikal adalah penting sebagai asas keupayaan sistem. Penilaian kecekapan sistem pendidikan juga perlu menekankan pulangan hasil dan nilai daripada pelaburan pendidikan. Meskipun sistem pendidikan Malaysia menerima peruntukan yang tinggi secara konsisten, peningkatan keberhasilan murid masih belum sepadan dengan sumber yang disalurkan. Oleh itu, tumpuan kepada keberkesanan perbelanjaan perlu menekankan penggunaan sumber dan pelaburan yang memberikan pulangan maksimum kepada murid melalui penyampaian prakarsa pendidikan yang tepat pada masanya.

Aspirasi KPI Ketersediaan Sumber dan Kecekapan:

1. Semua institusi pendidikan KPM yang mempunyai bangunan daif akan dinaik taraf.
2. Pulangan nilai/hasil daripada perbelanjaan pendidikan bagi murid.

KELUWESAN

Keluwesan menekankan keupayaan sistem pendidikan untuk menyesuaikan pendekatan pedagogi mengikut keperluan dan keupayaan murid, persekitaran pembelajaran yang dinamik serta perkembangan teknologi. Pendekatan pembelajaran yang lebih terangkum dan berpusatkan murid memberikan peluang kepada setiap murid mendalami bidang pembelajaran berdasarkan minat, kebolehan dan kecenderungan masing-masing. Keluwesan juga merangkumi keanjalan dalam tadbir urus pendidikan bagi meningkatkan kecekapan, akauntabiliti dan integriti dalam penyampaian pendidikan.

Tumpuan ini memastikan sistem pendidikan mampu bertindak balas secara adaptif terhadap perubahan keperluan murid, kepelbagaian konteks setempat dan tuntutan landskap global yang sentiasa berubah. Pada masa yang sama, keluwesan memperkukuh pemberdayaan sistem untuk membuat keputusan secara kontekstual dan memperkasa pelaksana di peringkat akar umbi. Oleh itu, bermutu merupakan asas penting untuk memastikan sistem pendidikan kekal relevan, tangkas dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Aspirasi KPI Keluwesan:

1. Semua institusi pendidikan KPM mendapat autonomi terpimpin sekurang-kurangnya dalam satu bidang, sama ada kurikulum, kewangan, sumber manusia, pengurusan murid atau perolehan.

KEMAMPANAN

Kemampanan memberikan tumpuan kepada usaha memelihara dan melestarikan sistem pendidikan agar kekal relevan, berdaya tahan dan mampu memenuhi keperluan masa hadapan. Kemampanan merupakan teras baharu dalam RPM 2026 — 2035 yang menekankan pembudayaan kemampanan, merangkumi dimensi alam sekitar, sosial dan ekonomi dalam ekosistem pendidikan. Penekanan ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi memastikan pembangunan bakat yang berdaya saing, beretika dan berorientasikan masa hadapan.

Oleh itu, warga pendidikan perlu dilengkapi dengan kesedaran, pengetahuan dan keupayaan untuk bertindak secara bertanggungjawab terhadap isu kemampanan pada peringkat tempatan dan global. Pembudayaan amalan kemampanan ini akan diintegrasikan melalui pendekatan holistik di semua institusi pendidikan KPM. Manfaat pendidikan dapat dinikmati secara adil oleh generasi kini dan akan datang untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, tetapi juga bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat dan kelestarian bumi.

Aspirasi KPI Kemampanan:

1. Semua warga institusi pendidikan KPM membudayakan amalan kemampanan.



1.5 TUJUH TERAS STRATEGIK RPM 2026 – 2035

Transformasi sistem pendidikan melalui RPM 2026 — 2035 didorong oleh tujuh teras strategik untuk mempercepat perubahan ekosistem pendidikan seiring dengan perkembangan dunia.



Rajah 1.3 Tujuh Teras Strategik RPM 2026 — 2035

Setiap teras strategik ini mempunyai strategi dan prakarsa yang digubal berdasarkan penelitian pelbagai isu, cabaran dan potensi. Hal ini penting bagi memastikan setiap prakarsa memberikan impak dan mutu yang tinggi terhadap transformasi yang disasarkan.

1.6 KAEDAH PEMBANGUNAN KESELURUHAN



RPM 2026 — 2035 merupakan kesinambungan strategik daripada rancangan terdahulu yang dirangka melalui pendekatan menyeluruh kerajaan (whole of government) dan pendekatan menyeluruh masyarakat (whole of society) serta memastikan pelibatan keseluruhan ekosistem pendidikan. Ekosistem ini meliputi kementerian, agensi kerajaan dan swasta, institusi pendidikan, masyarakat, ibu bapa serta murid yang turut terlibat dalam membentuk hala tuju pendidikan negara. Rancangan ini dibina berlandaskan visi untuk melahirkan insan sejahtera dan menjadikan pendidikan sebagai pemacu utama pembangunan modal insan negara. Oleh itu, usaha merapatkan jurang, meningkatkan mutu dan mencapai kejayaan bersama merupakan tumpuan utama dalam proses pembangunannya.

Pembangunan RPM 2026 — 2035 melalui proses yang menyeluruh dan berlapis, yang menggabungkan Sesi Libat Urus (SLU) dan Diskusi Kumpulan Berfokus (DKB) yang menghimpunkan pandangan pelbagai pihak berkepentingan. Proses ini turut diperkukuh melalui pelaksanaan Jelajah Masa Depan Pendidikan Negara (JMDPN) 2024 di seluruh negara selama sembilan bulan pada tahun 2024. Melalui dapatan proses ini, teori perubahan serta rangka kerja strategik bagi setiap teras telah dibentuk, seterusnya memacu pembangunan keseluruhan RPM 2026 — 2035 sebagai rancangan yang berasaskan data, aspirasi nasional, bukti empirikal dan keperluan semasa sistem pendidikan.

Pembangunan RPM 2026 — 2035 berpandukan proses yang menyeluruh, iaitu:

1. **Sesi Libat Urus dan Diskusi Kumpulan Bertumpuan mengenai isu dasar, penyampaian, pentadbiran dan pelibatan masyarakat.**
2. **Jelajah Masa Depan Pendidikan Negara 2024 dilaksanakan di seluruh negara bermula pada bulan Februari hingga Oktober 2024. Sebanyak 31,106 input berjaya dikumpulkan daripada pelbagai pihak berkepentingan. Semua input telah diteliti, dianalisis dan dibincangkan dengan menyeluruh dalam sesi DKB yang melibatkan 320 orang pakar dalam bidang masing-masing.**
3. **Pembentukan teori perubahan dan rangka kerja strategik untuk setiap teras.**
4. **Pembangunan RPM 2026 — 2035.**

Rajah 1.4 Proses pembangunan RPM 2026 — 2035

Makmal Penyelesaian Masalah diadakan untuk memastikan strategi dan prakarsa yang dibangunkan secara "penciptaan bersama" (co-creation) melibatkan pelbagai pihak berkepentingan secara menyeluruh dan bermakna. Prakarsa bagi setiap teras strategik disemak dan disahkan untuk menilai kesesuaian dan keberkesanan prakarsa serta merangka rancangan strategik dan rancangan pelaksanaan. Dalam sesi ini, prakarsa dibincangkan dan diperhalusi secara kritikal oleh pihak berkepentingan yang terdiri daripada pakar akademik, kementerian, agensi awam dan swasta serta pelibatan badan antarabangsa seperti pihak Bank Dunia dan United Nations Children's Fund (UNICEF). Tumpuan diberikan kepada kebertanggungjawaban dan pemilikan bahagian untuk memastikan kestabilan pelaksanaan jangka panjang.

Sesi sindikasi kepimpinan turut dilaksanakan untuk membentangkan hasil makmal kepada pihak kepimpinan tertinggi bagi mendapatkan maklum balas. Selain itu, lawatan penanda aras antarabangsa ke Jerman dan Perancis diadakan untuk mendapatkan input yang menyeluruh dan menyeluruh.

Seterusnya, siri jerayawara dilaksanakan di seluruh negara untuk memberikan penerangan berkenaan prakarsa dan mendapatkan sokongan menyeluruh daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem pendidikan awam sebelum pelancaran rasmi RPM 2026 — 2035.

Pelaksanaan RPM 2026 — 2035 dibahagikan kepada tiga fasa utama, iaitu:

Fasa 1 **Prakarsa Jangka Pendek** **(2026 — 2027):**	**Fasa 2** **Prakarsa Jangka Sederhana** **(2028 — 2030):**	**Fasa 3** **Prakarsa Jangka Panjang** **(2031 — 2035):**
Memberikan tumpuan kepada pelaksanaan prakarsa yang dapat menunjukkan impak segera.	Menumpukan kepada pengukuhan dan peluasan pelaksanaan.	Menumpukan kepada kelestarian, penambahbaikan berterusan dan pelarasan dasar berdasarkan hasil dan pembelajaran daripada fasa sebelumnya.



1.7 SASARAN WAJIB CAPAI RPM 2026 – 2035

Slogan "Merapatkan Jurang, Meningkatkan Mutu, Meraih Kejayaan Bersama" (Closing the Gap, Raising the Bar, Together We Succeed) mencerminkan semangat kerjasama seluruh ekosistem pendidikan bagi memastikan tiada murid yang tertinggal, setiap sekolah terus meningkatkan prestasi dan semua pihak bergerak seiring menuju kejayaan yang terangkum dan mampan.

Bagi menjayakan agenda RPM 2026 — 2035, kerangka rancangan ini menggariskan beberapa sasaran wajib capai yang perlu disemarakkan pada peringkat akar umbi. (Rajah 1.5)



Rajah 1.5 Sasaran Wajib Capai RPM 2026 – 2035

Kerangka dan Sasaran Wajib Capai RPM 2026 — 2035 ialah panduan komprehensif untuk memperkukuh sistem pendidikan negara dalam tempoh 10 tahun akan datang.

BAB 2

IMPAK KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN



Pelaksanaan RPM 2026 — 2035 membawa impak positif dan manfaat besar kepada semua pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan, termasuklah murid, pendidik, institusi pendidikan KPM, ibu bapa, komuniti dan industri.

2.1 MURID

1 | Pendidikan Bermutu untuk Semua

Murid mendapat akses penuh kepada pendidikan bermutu dari prasekolah hingga menengah atas. Mereka memulakan alam persekolahan dengan asas literasi dan numerasi yang kukuh, dilengkapi kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya dan melangkah yakin ke peringkat seterusnya.

2 | Pengalaman Pembelajaran Bermakna

Murid menikmati pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Hal ini mendorong mereka berkembang secara menyeluruh dan mempersiapkan diri menjadi warganegara global yang aktif dan bertanggungjawab.

3 | Pembelajaran Diperibadikan

Penggunaan teknologi membolehkan pembelajaran yang berasaskan keperluan sebenar dan mengikut tahap perkembangan murid.

4 | Sokongan Kesejahteraan Menyeluruh

Murid menerima sokongan penuh untuk kesejahteraan mereka dalam persekitaran sekolah yang selamat, terangkum dan responsif. Model Sistem Sokongan Pelbagai Peringkat menjadi kerangka utama bagi memastikan kesejahteraan murid sentiasa terpelihara.

5 | Pembangunan Karakter dan Jati Diri

Murid dibentuk menjadi individu yang berjati diri kukuh dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani serta intelek. Mereka berdaya tahan menghadapi cabaran masa hadapan dan mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat dan negara.

6 | Penguasaan Pelbagai Bahasa

Murid menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, berpeluang mempelajari bahasa tambahan seperti Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Isyarat Malaysia. Kemahiran pelbagai bahasa ini akan meningkatkan daya saing mereka dan membolehkan komunikasi berkesan merentas budaya dan konteks.

7 | Pendedahan Terhadap Amalan Kemampanan dan Kewarganegaraan Global

Murid memperoleh kemahiran dan pengalaman praktikal untuk menyelesaikan isu kemampanan melalui pembelajaran kontekstual. Murid menghayati nilai kemanusiaan sejagat, bertindak secara bertanggungjawab terhadap isu tempatan dan global.

Rajah 2.1 Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada Murid

2.2 PENDIDIK



Tumpuan kepada Tugas Hakiki 1

Pendidik dapat memberikan tumpuan kepada tugas utama seperti persediaan, pengajaran dan bimbingan murid yang memberikan impak langsung kepada hasil pembelajaran. Hal ini mengurangkan tekanan kerja dan meningkatkan kesejahteraan serta kepuasan kerja pendidik.

Pembangunan Profesionalisme yang Luwes 2

Pendidik berpeluang mengikuti latihan yang relevan dan bersesuaian, melalui pendekatan pembelajaran yang luwes, bersasar dan berasaskan data. Hal ini memastikan peningkatan kompetensi yang berterusan.

Kompetensi Pendidik yang Relevan 3

Pendidik dapat meningkatkan dan menyesuaikan kemahiran profesional mereka, selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Galakan Penyelidikan dan Inovasi 4

Pendidik digalakkan menjalankan penyelidikan dan inovasi dalam pendidikan. Usaha ini memperkukuh amalan profesional mereka dan menyumbang kepada peningkatan mutu sistem pendidikan secara menyeluruh.

Rajah 2.2 Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada Pendidik

2.3 INSTITUSI PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1

Kepimpinan Berwawasan dan Berprestasi Tinggi

Institusi pendidikan diterajui oleh pemimpin yang berwawasan, berkeupayaan tinggi dan membuat keputusan berdasarkan data.

2

Autonomi Terpimpin

Keluwesan dalam pengurusan kurikulum, murid, sumber manusia, kewangan dan perolehan membolehkan sekolah membuat keputusan yang lebih kontekstual dan responsif terhadap keperluan murid serta komuniti setempat.

3

Prasarana Fizikal dan Digital Strategik dan Responsif

Pembangunan prasarana fizikal dan digital institusi pendidikan KPM berasaskan prinsip reka bentuk sejagat dan terangkum. Hal ini mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, menyokong proses PdP yang berkesan dan meningkatkan keberhasilan murid.

4

Kecekapan Tadbir Urus

Pendigitalan sistem pengurusan dan perancangan sumber, disokong oleh data masa nyata dan pengurangan pertindihan yang meningkatkan kecekapan tadbir urus, ketelusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pendidikan.

Rajah 2.3 Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada KPM

2.4 IBU BAPA DAN KOMUNITI

1

Kerjasama Strategik

Kerjasama yang terancang, telus dan efektif memperkukuh sinergi KPM dengan pihak berkepentingan, dan memberikan manfaat kepada ibu bapa serta komuniti.

2

Pelibatan Aktif Ibu Bapa, Komuniti, Sekolah dan Pihak Swasta

Ibu bapa, komuniti dan sektor swasta berperanan lebih aktif menyokong pihak sekolah untuk meningkatkan mutu pembelajaran dan membentuk perkembangan murid secara menyeluruh.

3

Ekosistem Penyaluran Sumber yang Lebih Kukuh

Proses penyaluran dan perkongsian sumber menjadi lebih pantas, telus dan bersepadu melalui sistem Platform Digital Sehenti (One Point Access – OPA).

4

Pelbagai Mekanisme Pelibatan Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan mempunyai peluang untuk menyumbang kepada pembangunan pendidikan melalui pelbagai cara, termasuklah mobilisasi tenaga sukarelawan seperti guru bersara, kaunselor dan profesional industri.

5

Komunikasi Berkesan

Ibu bapa dan masyarakat menerima maklumat pendidikan yang lebih jelas, konsisten dan mudah difahami bagi meningkatkan kefahaman dan sokongan terhadap dasar dan prakarsa pendidikan.

6

Tanggungjawab Sivik Bersama

Peningkatan rasa tanggungjawab sosial pihak luar terhadap pendidikan dan budaya kolaboratif yang mampan akan memastikan pendidikan terus menjadi usaha bersama seluruh masyarakat.

Rajah 2.4 Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada Ibu Bapa dan Komuniti

2.5 INDUSTRI



1

Bakat Berorientasikan Masa Hadapan

Pengukuhan bakat dalam bidang STEM dan TVET serta pendedahan kepada ekonomi hijau melahirkan tenaga kerja yang relevan, inovatif dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan industri masa hadapan.

2

Tenaga Kerja Mahir Pelbagai Bahasa

Individu yang fasih berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta berkebolehan bertutur dalam bahasa antarabangsa dan tambahan mempunyai kelebihan daya saing di pasaran kerja tempatan dan antarabangsa.

3

Platform Digital Sehenti untuk Industri

Platform tunggal ini menyelaras dan memudahkan kerjasama strategik antara industri dengan KPM, memastikan sokongan industri lebih tersusun dan selaras dengan keperluan semasa.

4

Peningkatan Pelaburan dan Pertumbuhan Industri Baharu

Sistem pendidikan yang bermutu dapat menarik pelaburan domestik dan antarabangsa dengan jaminan bakat tempatan yang kompeten dan selaras dengan keperluan semasa serta masa hadapan. Penekanan terhadap kemahiran abad ke-21 dan bidang pekerjaan lestari turut membantu memacu pertumbuhan sektor baharu seperti teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui.

Rajah 2.5 Impak Pelaksanaan RPM 2026 – 2035 kepada Industri

BAB 3

PENCAPAIAN SEMASA

3.1 PENGENALAN



Sistem pendidikan negara telah melalui pelbagai fasa transformasi bagi meningkatkan mutu pendidikan dan keberhasilan murid. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 — 2025 merupakan rancangan jangka panjang yang bertujuan mentransformasikan sistem pendidikan negara berasaskan visi "Pendidikan Bermutu, Insan Terdidik, Negara Sejahtera". Rancangan tersebut mempunyai tiga objektif utama, iaitu:

- Memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia.
- Mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas bagi setiap murid.
- Menggariskan transformasi sistem pendidikan yang menyeluruh termasuk perubahan struktur dan fungsi Kementerian.

PPPM 2013 — 2025 telah menetapkan lima aspirasi sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Bagi mencapai aspirasi sistem tersebut, PPPM 2013 — 2025 telah merangka transformasi melalui 11 anjakan.



Rajah 3.1 Anjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 — 2025

Pelbagai prakarsa telah dilaksanakan di bawah setiap anjakan tersebut yang membawa kemajuan kepada sistem pendidikan negara. Namun, pandemik COVID-19 telah memberikan impak kepada pelaksanaan rancangan secara menyeluruh dan menuntut perubahan dari segi pendekatan dan keutamaan. Pengalaman ini menuntut keperluan sistem pendidikan yang resilien dan tangkas serta memberikan pengajaran penting bagi pembangunan strategi transformasi yang lebih terangkum dan berdaya tahan.

Bab ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai prestasi semasa sistem pendidikan negara dengan menggariskan kejayaan yang telah dicapai serta jurang dan cabaran yang masih wujud. Penilaian ini menjadi asas penting untuk menentukan tumpuan strategik RPM 2026 — 2035.

3.2 RINGKASAN

PPPM 2013 — 2025 telah menghasilkan pelbagai pencapaian penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang boleh dinilai berdasarkan indikator prestasi utama bagi lima aspirasi sistem yang telah ditetapkan.

Aspirasi	Sasaran	Pencapaian
Akses	100% enrolmen merentas semua peringkat pendidikan dari prasekolah hingga menengah atas.	Prasekolah 93.52% | Rendah 99.39% | Menengah Rendah 96.31% | Menengah Atas 92.60% *data pada 30 Jun 2024
Kualiti	Negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti *Programme for International Student Assessment* (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dalam tempoh 15 tahun.	PISA 2022 • Literasi Bacaan: Purata skor 388 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 476. • Literasi Sains: Purata skor 416 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 485. • Literasi Matematik: Purata skor 409 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 472. TIMSS 2023 • Matematik: Purata skor 411 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 478. • Sains: Purata skor 426 mata berbanding dengan purata antarabangsa, iaitu 478.
Ekuiti	50% pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar–luar bandar, sosioekonomi, gender) menjelang 2020.	• Pengurangan jurang pencapaian gred purata SPM 2024 berdasarkan lokaliti (bandar–luar bandar) sebanyak 26.23%. • Pengurangan jurang layak mendapat sijil SPM 2024 berdasarkan jantina sebanyak 52.78%. • Pengurangan jurang layak mendapat sijil SPM 2024 berdasarkan sosioekonomi sebanyak 57.75%.
Perpaduan	Sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian.	Indeks Perpaduan: Skor 8.1 menunjukkan tahap perpaduan yang sangat erat.
Kecekapan	Sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada.	84.07% sekolah telah ditambah baik dan dinaik taraf.

Rajah 3.2 Sasaran dan Pencapaian PPPM 2013 — 2025

3.3 PENCAPAIAN MENGIKUT ASPIRASI SISTEM

Akses

Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak untuk mendapat pendidikan tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, etnik atau lokasi geografi. Sasaran utama bagi aspirasi ini adalah untuk mencapai 100% enrolmen merentas semua peringkat pendidikan dari prasekolah hingga menengah atas. Sejak 2013, KPM telah melaksanakan pelbagai prakarsa untuk memperluas akses kepada pendidikan, menurunkan kadar keciciran dan memastikan peluang pendidikan yang terangkum bagi semua murid, termasuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dan murid daripada kumpulan rentan.

Bagi meningkatkan enrolmen prasekolah, usaha yang dilaksanakan termasuk menambah bilangan kelas prasekolah awam, menyediakan bantuan geran permulaan untuk penubuhan prasekolah swasta serta memperkukuh bantuan yuran pendidikan dan sokongan pembangunan profesional guru prasekolah. Data menunjukkan peningkatan enrolmen prasekolah untuk kanak-kanak berumur 4+ tahun daripada 72.7% pada 2013 kepada 78.34% pada 2024, manakala enrolmen prasekolah untuk kanak-kanak berumur 5+ tahun meningkat daripada 90.8% kepada 93.52% dalam tempoh yang sama.

Usaha untuk merapatkan jurang sedia ada diteruskan dan menyokong Strategi B1.3 Mempertingkatkan Keberhasilan Pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menekankan bahawa pendidikan awal kanak-kanak atau prasekolah diwajibkan pada umur lima tahun.

Pada peringkat sekolah rendah, kadar enrolmen telah mencapai 99.39%, manakala enrolmen pada peringkat menengah rendah turut mencatat pencapaian tinggi pada 96.31%. Enrolmen pada kedua-dua peringkat pendidikan ini telah melepasi nilai enrolmen sejagat iaitu 95.00%. Namun, jurang yang tipis masih wujud terutamanya pada peringkat menengah atas (92.60%) yang memerlukan perhatian khusus bagi memastikan kesinambungan laluan pendidikan murid dari peringkat prasekolah hingga ke menengah atas. Oleh itu, pindaan Rang Undang-undang (RUU) Pendidikan pada 2025 untuk Pelanjutan Dasar Pendidikan Wajib dari Pendidikan Rendah hingga Pendidikan Menengah telah diluluskan. Hal ini menunjukkan komitmen berterusan kerajaan Malaysia untuk memperkukuh akses pendidikan supaya mencapai nilai enrolmen sejagat pada semua peringkat.

Selain itu, usaha seperti Program *Outreach* Murid Cicir dan Sistem Pengesanan Kementerian Pendidikan Malaysia (SiPKPM) telah menyumbang kepada penurunan kadar keciciran murid secara konsisten, iaitu daripada 1.14% pada 2019 kepada 0.64% pada 2024.



Rajah 3.3 Kadar Keciciran Peringkat Sekolah Menengah

Akses pendidikan bagi MBPK juga telah diperluas dengan peningkatan enrolmen yang ketara. Bilangan murid MBPK yang mengikuti program pendidikan khas KPM telah meningkat sebanyak 57%, iaitu daripada 93,951 orang pada 2020 kepada 147,512 orang pada 2025. Peningkatan enrolmen MBPK pada tahun 2025 mencerminkan kejayaan KPM dalam memperluas akses pendidikan khas. KPM mengambil langkah proaktif memantapkan pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) menerusi bimbingan berterusan Jurulatih Utama dan program kunjung bantu ke sekolah.



Enrolmen Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Sekolah KPM



Tahun	Jumlah	Peratus Peningkatan (%)
2020	93,951	-
2021	97,220	3.48
2022	105,785	8.81
2023	116,044	9.70
2024	132,264	13.98
2025	147,512	11.53

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas

Rajah 3.4 Enrolmen Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Sekolah KPM

Pelbagai usaha turut dilaksanakan untuk menarik minat murid menceburi program kemahiran yang ditawarkan di Kolej Vokasional (KV), Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan aliran kemahiran seperti Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), Mata Pelajaran Vokasional (MPV) dan Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) di sekolah menengah harian. Hasil daripada usaha ini, enrolmen dalam bidang TVET telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan daripada 4.6 % pada 2013 kepada 11.14% pada 2024. Walau bagaimanapun, pencapaian ini masih jauh daripada sasaran yang ditetapkan, iaitu 20%. Keadaan ini berpunca daripada penawaran peluang pendidikan TVET yang terhad di Kolej Vokasional dan SMT. Justeru, pelaksanaan PVMA dan PIMA di sekolah harian telah diberikan tumpuan untuk memperluas akses kepada pendidikan vokasional.



Rajah 3.5 Peratus Enrolmen TVET

KPM turut memperluas pelbagai laluan pendidikan seperti Sekolah Sukan, Sekolah Seni, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Dalam Hospital (SDH) dan Sekolah Integriti bagi memastikan setiap murid berpeluang mengembangkan potensi dan minat mereka. Penubuhan Sekolah K9 dengan kemudahan asrama juga diperluas untuk memudahkan murid Orang Asli dan peribumi mengakses pendidikan dari peringkat rendah hingga menengah rendah. Namun, peratus kehadiran dan kadar transisi murid Orang Asli dan peribumi masih di bawah purata nasional. Keadaan ini menandakan jurang akses perlu diberikan perhatian bagi memastikan penyertaan yang menyeluruh oleh semua murid.



Rajah 3.6 Peratus Transisi Murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1

Kualiti

Kualiti sistem pendidikan negara boleh dinilai melalui pencapaian murid dalam pentaksiran nasional dan antarabangsa yang mencerminkan keberkesanan proses PdP dan keupayaan sistem untuk menyampaikan pendidikan yang setanding dengan standard antarabangsa. PPPM 2013 — 2025 menetapkan aspirasi agar Malaysia berada dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa PISA dan TIMSS bagi memastikan pencapaian murid setara dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi pada peringkat global.

Sejak 2013, pelbagai prakarsa dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran murid seperti pelaksanaan kurikulum baharu, pentaksiran alternatif dan pembangunan profesionalisme guru. Walau bagaimanapun, pencapaian semasa menunjukkan kemajuan yang tidak sekata dengan beberapa jurang yang masih ketara.

Dalam pentaksiran antarabangsa, Malaysia masih belum mencapai sasaran untuk tergolong dalam kelompok sistem pendidikan sepertiga teratas. Dalam PISA 2022, Malaysia memperoleh skor purata bawah purata OECD dalam ketiga-tiga literasi iaitu Literasi Bacaan, Literasi Matematik dan Literasi Saintifik.





Rajah 3.7 Pencapaian Malaysia dalam PISA

Pencapaian murid dalam peperiksaan nasional Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan trend peningkatan yang memberangsangkan. Trend Gred Purata Kebangsaan (GPK) mencerminkan prestasi calon yang semakin baik dengan nilai GPK yang lebih rendah menandakan pencapaian lebih tinggi. Selain itu, peratus calon yang layak menerima sijil SPM terus meningkat sehingga mencapai 94% pada 2024 manakala peratus calon yang lulus semua mata pelajaran meningkat kepada 62.50%. Bagi item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam SPM 2024, 88.22% murid mencapai tahap penguasaan minimum, manakala 58.45% calon menunjukkan penguasaan baik dalam menjawab item tersebut.



Rajah 3.8 Gred Purata Kebangsaan SPM



Rajah 3.9 Peratus Pensijilan SPM dan Calon yang Lulus Semua Mata Pelajaran

Walaupun terdapat peningkatan dalam pencapaian keseluruhan SPM, masih terdapat keperluan untuk memberikan tumpuan kepada penguasaan kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah. Pencapaian dalam pentaksiran antarabangsa pula belum mencapai purata antarabangsa. Jurang prestasi ini menandakan terdapatnya keperluan untuk terus memperkukuh mutu sistem pendidikan negara bagi meningkatkan keberhasilan murid serta daya saing negara pada peringkat global.

Usaha meningkatkan mutu pendidikan juga merangkumi pengukuhan pendidikan STEM untuk melengkapkan murid dengan kemahiran pengaplikasian sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang diperlukan bagi menghadapi cabaran dunia yang semakin dinamik. Antara usaha yang diberi tumpuan termasuklah peningkatan kompetensi guru bidang STEM dalam menyampaikan ilmu dan kemahiran yang berkaitan serta peningkatan pembudayaan STEM melalui pendidikan STEM bersepadu dan aktiviti kokurikulum. Dokumen Kompetensi Guru Bidang STEM dibangunkan sebagai rujukan bagi mengenal pasti kompetensi yang perlu ada dan dicapai oleh guru bidang STEM. Kaedah bagi mengenal pasti tahap kompetensi guru bidang STEM adalah melalui medium penilaian kendiri. Analisis dapatan data daripada penilaian tersebut akan menjadi panduan dalam merancang pembangunan profesionalisme berterusan yang lebih berfokus dan berstruktur.

Hasil daripada prakarsa yang dilaksanakan, peratus enrolmen murid dalam bidang STEM pada tahun 2023 telah meningkat kepada 50.83%. Namun, peratus enrolmen ini masih belum mencapai sasaran 60% yang telah ditetapkan.





Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Rajah 3.10 Peratus Enrolmen Murid Pakej STEM

Pengukuhan pendidikan bahasa Inggeris turut diberikan perhatian untuk menghasilkan modal insan yang mahir berbahasa Inggeris dan meningkatkan kebolehpasaran pada peringkat global. Antara prakarsa untuk mencapai aspirasi ini termasuklah peningkatan profisiensi guru opsyen bahasa Inggeris untuk mencapai tahap penguasaan minimum Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) C1 supaya murid menerima pengajaran yang bermutu. Melalui kursus Professional Up-skilling of English Language Teachers (Pro-ELT) yang dikendalikan oleh English Language Teaching Centre, sebanyak 33,894 daripada 47,546 guru telah dilatih sehingga 2023. Ujian profisiensi menunjukkan 52.78% guru opsyen bahasa Inggeris mencapai tahap minimum CEFR C1 pada 2023.

Guru Opsyen bahasa Inggeris yang Mencapai Tahap Minimum CEFR C1

Tahun	Jumlah guru opsyen BI yang mencapai tahap minimum CEFR C1	Jumlah guru yang telah menduduki ujian profisiensi BI
2019	15,593	25,129
2020	17,191	32,712
2021	18,878	37,843
2022	18,066	36,473
2023	19,485	37,090



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Graf 3.11 Guru Opsyen bahasa Inggeris yang Mencapai Tahap Minimum CEFR C1



Ekuiti

Penekanan terhadap ekuiti adalah penting bagi memastikan setiap murid tanpa mengira latar belakang mendapat peluang pendidikan bermutu secara adil dan saksama. PPPM 2013 — 2025 menetapkan aspirasi untuk mengurangkan jurang pencapaian antara kelompok murid sebanyak 50%, khususnya antara murid dari sekolah bandar dengan luar bandar, antara murid berstatus sosioekonomi berbeza serta antara gender. Sejak tahun 2013, pelbagai prakarsa telah dilaksanakan untuk merapatkan jurang ekuiti seperti penambahbaikan peruntukan sumber, naik taraf sekolah daif, latihan dan pembangunan profesionalisme guru, pengupayaan kepimpinan sekolah serta intervensi bersasar.

Perbezaan pencapaian antara murid di sekolah bandar dengan luar bandar merupakan indikator utama ekuiti dalam pendidikan. Jurang pencapaian gred purata SPM antara murid bandar dengan luar bandar di Malaysia telah berkurang sebanyak 26.23%. Dalam peperiksaan SPM, kedua-dua kumpulan menunjukkan peningkatan pencapaian dengan jurang yang semakin mengecil dari tahun ke tahun seperti yang digambarkan dalam Graf 3.13. Pencapaian murid mengikut lokasi sekolah dalam PISA dan SPM pula masih menunjukkan murid bandar mempunyai tahap prestasi lebih tinggi berbanding murid luar bandar.

Pencapaian Murid Malaysia dalam PISA 2022 Mengikut Lokasi Sekolah



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Rajah 3.12 Pencapaian Murid Malaysia dalam PISA 2022 Mengikut Lokasi Sekolah

Jurang Pencapaian Gred Purata SPM Mengikut Lokasi Sekolah



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Rajah 3.13 Gred Purata Mengikut Lokasi

Status sosioekonomi kekal sebagai faktor yang mempengaruhi pencapaian murid. Walau bagaimanapun, analisis data SPM menunjukkan perkembangan yang positif dengan jurang pencapaian layak mendapat sijil SPM berdasarkan status sosioekonomi yang semakin mengecil, iaitu sebanyak 57.75% (Rajah 3.15). Namun, perbezaan prestasi masih wujud. Status sosioekonomi dalam pentaksiran PISA diukur melalui Indeks Status Ekonomi, Sosial dan Budaya (SES), dengan nilai yang lebih tinggi mencerminkan kedudukan sosioekonomi yang lebih baik. Status sosioekonomi kekal sebagai peramal utama prestasi murid di semua negara peserta PISA termasuk Malaysia (Rajah 3.14).



Rajah 3.14 Skor Purata Pencapaian Matematik Menurut SES Murid dalam PISA 2022



Rajah 3.15 Jurang Pencapaian Layak Mendapat Sijil SPM Mengikut SES

Selain lokasi dan sosioekonomi, jurang pencapaian antara gender juga diberikan perhatian. Keputusan SPM menunjukkan peningkatan pencapaian bagi kedua-dua gender, dengan murid perempuan secara konsisten mencapai prestasi lebih tinggi. Walau bagaimanapun, jurang pencapaian layak mendapat sijil SPM antara lelaki dan perempuan telah mengecil sebanyak 52.78% (Rajah 3.16). Usaha berterusan akan dilaksanakan untuk terus mengecilkan jurang pencapaian ini.

Jurang Pencapaian Layak Mendapat Sijil SPM Mengikut Gender



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Rajah 3.16 Jurang Pencapaian Layak Mendapat Sijil SPM Mengikut Gender

Usaha ekuiti turut diperkukuh melalui peluasan program pendidikan yang terangkum dan intervensi awal bagi MBPK. Pada tahun 2025, 93.07% MBPK mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI), manakala 75.78% lepasan sekolah berjaya melanjutkan pengajian atau memasuki alam pekerjaan yang mencerminkan keberkesanan laluan sokongan sedia ada. Latihan guru turut dipertingkat dengan 54.47% guru menerima latihan RPI secara dalam talian dan bersemuka, sementara saringan serta sokongan awal melalui program intervensi seperti Program Perkhidmatan Sokongan dan Intervensi Pendidikan Khas (PROSPEK), Program Saringan Penentuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (PROSPER) dan Program Pengesanan Perkembangan dan Intervensi Murid Prasekolah (PROSPIM). Setakat tahun 2025, hanya 37.4% sekolah telah dinaik taraf dengan kemudahan mesra OKU. Usaha menaik taraf kemudahan mesra OKU ini sedang dipergiat bagi menjamin akses kepada pendidikan yang bermutu bagi MBPK.

Secara keseluruhan, usaha untuk meningkatkan ekuiti dalam sistem pendidikan negara telah membawa hasil yang positif. Walaupun begitu, sasaran yang ditetapkan masih belum dicapai dan jurang pencapaian dalam pelbagai dimensi masih wujud. Usaha berterusan memerlukan sokongan sistem yang lebih utuh, pengagihan sumber dan intervensi yang lebih bersasar, penyelarasan antara agensi yang lebih kukuh dan pemantapan kapasiti pendidik. Keberkesanan prakarsa akan terus dioptimumkan melalui pembudayaan data secara analitik serta pengintegrasian pendekatan yang lebih sistematik dan mampan bagi memastikan impak jangka panjang yang signifikan.

Perpaduan

Perpaduan merupakan aspek penting untuk menghasilkan sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian. Pendidikan berperanan menyediakan pengalaman bersama, memupuk empati dan menggalakkan interaksi merentas kaum serta latar belakang sosioekonomi.

KPM telah melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan untuk mengukur tahap perpaduan dalam kalangan guru dan murid berkaitan dengan keupayaan untuk menerima, menghormati dan mengurus perbezaan kaum, budaya, agama dan bahasa sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Data terkini menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam skor indeks perpaduan (Rajah 3.17).





Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Rajah 3.17 Trend Skor Indeks Perpaduan Sekolah, 2014 — 2024

INTERPRETASI INDEKS PERPADUAN

INDEKS	TAHAP PERPADUAN	INTERPRETASI
0.0 – 2.5	Rendah (Longgar)	Proses penyatupaduan perlu diusahakan dengan gigih
2.6 – 5.0	Sederhana (Sederhana)	Proses penyatupaduan perlu dipertingkatkan
5.1 – 7.5	Tinggi (Erat)	Proses penyatupaduan perlu diperkukuhkan
7.6 – 10.0	Sangat Tinggi (Sangat erat)	Proses penyatupaduan perlu terus dipertahankan

Rajah 3.18 Interpretasi Indeks Perpaduan

Peningkatan skor Indeks Perpaduan adalah sejajar dengan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Perpaduan (2022) sebagai dokumen rujukan utama bagi aktiviti perpaduan di sekolah. Program kokurikulum merentas kaum seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), aktiviti badan beruniform, sukan dan aktiviti kelab telah menyediakan ruang interaksi yang bermakna dan menyokong pembinaan hubungan sosial. Usaha seperti ini telah menyumbang kepada pelibatan murid daripada pelbagai latar belakang etnik dalam aktiviti perpaduan dengan penyertaan konsisten mencapai 80–90% setiap tahun. Usaha untuk meningkatkan interaksi merentas etnik secara konsisten, menyeluruh dan bermakna diperkukuh dari semasa ke semasa.

Pendidikan Karakter turut diperkenalkan sebagai asas pembinaan sahsiah, empati dan kesedaran sivik. Program Khidmat Masyarakat (KHIDMAS) menunjukkan 1,183,154 daripada 1,655,225 murid sekolah menengah pada tahun 2024 mendapat skor tertinggi Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) kerana melaksanakan lebih daripada lima aktiviti khidmat masyarakat. Selain itu, usaha meningkatkan kesejahteraan murid turut menyumbang kepada persekitaran sekolah yang lebih kondusif untuk perpaduan. Program seperti Program Intervensi Minda Sihat (PRISMA) membantu murid meningkatkan kesedaran kendiri, regulasi emosi dan kemahiran sosial.

Bilangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia turut meningkat kepada 55.07% pada 2023, sekali gus memperkukuh sokongan psikososial di sekolah. Walau bagaimanapun, usaha diteruskan supaya semua GBK dilengkapkan dengan kompetensi yang diperlukan untuk melaksanakan peranan mereka secara berkesan. Selain itu, nisbah kaunselor kepada murid masih berada pada 1:450, berbanding dengan sasaran 1:350. Pencapaian nisbah ini amat penting untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan menyokong pembangunan holistik murid. Perpaduan kekal sebagai aspirasi jangka panjang yang memerlukan transformasi sistemik untuk mewujudkan ekosistem pendidikan negara yang harmonis dan terangkum.

Kecekapan

Kecekapan sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam memaksimumkan keberhasilan murid berdasarkan peruntukan yang ditetapkan. Sistem pendidikan yang cekap akan memastikan penggunaan sumber awam secara berkesan dan berimpak tinggi. Selain itu, pemantauan berasaskan data, autonomi sekolah, pengukuhan pembangunan kapasiti guru dan pemimpin serta penggunaan teknologi secara optimum turut diberikan penekanan. Aspirasi ini selaras dengan PPPM 2013 — 2025 yang menyatakan bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan harus memberikan pulangan nilai setimpal terhadap keberhasilan murid.

Sejak 2013, pelbagai prakarsa telah dilaksanakan untuk memastikan sistem pendidikan beroperasi secara efisien dan berkesan. Keberhasilan murid dipengaruhi oleh ketersediaan prasarana fizikal dan digital yang mencukupi untuk menyokong pembelajaran bermutu dan pengalaman PdP yang terangkum. Oleh itu, usaha menaik taraf sekolah telah menjadi keutamaan. Sehingga 31 Disember 2025, daripada 1,175 projek yang diluluskan pada tahun 2016 hingga 2025, 782 projek telah selesai, 179 dalam pembinaan manakala 214 projek dalam fasa prabina.



Jumlah projek yang diluluskan

1,175

Projek telah selesai

782 (66.55%)

Projek dalam fasa prabina dan pembinaan

393 (33.45%)

Pengukuhan prasarana digital untuk menyokong pembelajaran turut diberikan perhatian, terutamanya dalam era pasca-COVID. Pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuk penambahbaikan pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa), penyediaan peluang pembelajaran digital yang lebih luas dan penambahbaikan prasarana ICT sekolah. Walau bagaimanapun, akses internet dan peranti masih tidak seimbang di kawasan pedalaman dan kompetensi digital guru perlu ditingkatkan untuk menyokong pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, pengukuhan prasarana digital diberikan tumpuan untuk memastikan pembelajaran yang saksama dan berorientasikan keperluan masa hadapan.

Kecekapan sistem pendidikan turut bergantung pada tadbir urus dan autonomi yang berkesan pada peringkat daerah dan sekolah. Program Transformasi Daerah (District Transformation Programme – DTP) telah memperkasakan JPN dan PPD untuk memainkan peranan lebih aktif dalam membimbing dan memantau prestasi sekolah, termasuk menyediakan peluang pembangunan profesional, mewujudkan penunjuk prestasi yang jelas dan budaya membuat keputusan berdasarkan data. Hasilnya, majoriti PPD di seluruh Malaysia telah memperoleh pencapaian tinggi dalam Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PKPPD).

Sekolah turut diberikan autonomi lebih besar dalam aspek seperti pelaksanaan kurikulum, pengurusan belanjawan dan penyesuaian program mengikut konteks tempatan. Pada 2024, 73% daripada 996 sekolah yang telah diberikan autonomi pembiayaan saksama berjaya mengoptimumkan perbelanjaan daripada peruntukan yang diterima. Bagi memastikan kecekapan sistem pendidikan dapat dioptimumkan pada masa akan datang, beberapa penambahbaikan seperti latihan bertumpukan kepada sekolah berprestasi rendah dalam pengurusan kewangan, mengemas kini Garis Panduan Pengurusan Kewangan Sekolah dan menambah baik capaian internet untuk Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS) supaya beroperasi dengan efisien di kawasan pedalaman dan Sabah/Sarawak.

Usaha meningkatkan kecekapan sistem pendidikan perlu diteruskan bagi memastikan penggunaan peruntukan yang berkesan dan penyampaian pendidikan yang bermutu. Kecekapan tadbir urus dan penggunaan sumber secara berhemah terus menjadi tumpuan untuk meningkatkan impak pendidikan dan keberhasilan murid secara menyeluruh.





3.4 KESIMPULAN

Pencapaian semasa sistem pendidikan menunjukkan kemajuan signifikan sejak tahun 2013 terutamanya dalam peningkatan enrolmen murid, pengurangan jurang pencapaian SPM, pengukuhan autonomi sekolah serta peningkatan kapasiti warga pendidikan dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan lima aspirasi sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Jurang prestasi yang masih wujud dan sasaran yang belum tercapai memerlukan usaha dan komitmen berterusan yang sistematik dan menyeluruh untuk terus mentransformasikan sistem pendidikan negara. Oleh yang demikian, RPM 2026 – 2035 merupakan kesinambungan kepada usaha PPPM 2013 – 2025 dengan memberikan peningkatan dan penambahbaikan kepada aspek kualiti, akses dan ekuiti, ketersediaan sumber dan kecekapan, keluwesan dan kemampanan.

BAB 4

TERAS STRATEGIK 1 | MEMASTIKAN SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA YANG TERANGKUM, DINAMIK DAN RELEVAN

RINGKASAN

Seiring dengan era globalisasi dan perkembangan pesat teknologi, sistem pendidikan perlu melalui transformasi menyeluruh agar selari dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Usaha ini penting bagi memastikan pendidikan yang terangkum, dinamik dan relevan dapat terus memacu kemajuan negara serta menjamin kesejahteraan rakyat dengan daya saing tinggi pada peringkat global. Singapura, Indonesia, Vietnam dan Filipina mempunyai sistem pendidikan yang berbeza serta mencerminkan pendekatan tersendiri dalam penyampaian pendidikan asas kepada rakyat masing-masing. Sistem pendidikan antara negara mencerminkan bahawa tiada satu pun yang mengetepikan perbezaan kerana setiap negara mempunyai konteks sosioekonomi, budaya, sejarah, dasar kerajaan dan keperluan masyarakat yang tersendiri. Oleh yang demikian, sistem pendidikan perlu disesuaikan dengan acuan negara masing-masing bagi menjamin keberkesanannya.

Sistem Pendidikan

Sistem pendidikan merujuk keseluruhan rangka kerja yang mengatur proses pengajaran dan pembelajaran secara formal dalam sesebuah negara atau organisasi. Hal ini meliputi dasar, kurikulum, struktur persekolahan, kaedah pentaksiran, latihan guru serta sokongan pentadbiran dan kewangan. Sistem pendidikan bertujuan memastikan setiap individu mendapat peluang untuk memperoleh ilmu, kemahiran, nilai dan sikap yang diperlukan bagi pembangunan diri, masyarakat dan negara.

Secara ringkas, sistem pendidikan ialah mekanisme yang menyelaras penyampaian pendidikan secara terancang dan berterusan, merangkumi tahap prasekolah hingga pendidikan tinggi dan mendukung prinsip keadilan, keterangkuman serta pembangunan modal insan.

Sumber: UNESCO *(United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization)*



Sumber: UNESCO

Rajah 4.1 Pendekatan Pendidikan Beberapa Negara ASEAN

Terdapat keperluan untuk mentransformasikan sistem pendidikan Malaysia bagi menghadapi cabaran global dan kemajuan teknologi. Perkara ini bagi memastikan pembangunan modal insan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan. Pendekatan mentransformasikan sistem pendidikan adalah melalui penilaian semula dasar sedia ada dengan mengambil kira amalan terbaik pada peringkat global yang disesuaikan dengan konteks tempatan. Pendekatan ini memastikan setiap murid mendapat peluang yang adil dan bersedia untuk menghadapi masa hadapan.



Rajah 4.2 Kepentingan Sistem Indeks Prestasi Institusi Pendidikan KPM

Sistem pendidikan perlu dirangka secara terangkum bagi memastikan akses pendidikan yang bermutu untuk semua, termasuk murid berkeperluan khas dan golongan rentan. Antara perkara yang perlu diambil perhatian untuk mentransformasikan sistem pendidikan termasuklah keberkesanan pelaksanaan dasar, struktur persekolahan dan pentaksiran serta sumber manusia agar selari dengan aspirasi pembangunan modal insan yang dihasratkan. Bagi memastikan keberkesanan dan keterjaminan prakarsa tersebut, sistem indeks prestasi bersepadu perlu dibangunkan sebagai penanda aras menyeluruh bagi menilai mutu dan pencapaian institusi pendidikan secara konsisten.

Teras Strategik 1 menyasarkan pembentukan generasi berpendidikan, berdaya tahan dan berupaya menyumbang kepada pembangunan negara. Sistem pendidikan yang terangkum dan dinamik menjadi asas kepada akses pendidikan yang adil dan menyeluruh seterusnya memberikan peluang kepada setiap murid untuk berjaya, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

4.1 PENGENALAN DAN RASIONAL



Seiring agenda transformasi pendidikan masa hadapan, KPM komited menyediakan sistem pendidikan yang terangkum, dinamik dan relevan bagi memastikan peluang setara kepada semua murid, di samping memperkukuh bakat dan keupayaan mereka, selaras dengan aspirasi nasional. Strategi ini juga bertujuan untuk melahirkan insan sejahtera dan bersedia menghadapi masa hadapan serta menjadi masyarakat berdaya tahan. Matlamat utama yang dihasratkan melalui strategi teras ini adalah untuk meningkatkan standard pendidikan setara dengan piawaian antarabangsa. Perkara ini dilaksanakan dengan meneliti dasar sedia ada, terutama yang berkaitan dengan pembelajaran murid, struktur persekolahan, sumber manusia, pentaksiran pendidikan dan pembangunan kerangka indeks dalaman prestasi institusi pendidikan.

Strategi ini turut menyasarkan peningkatan akses pendidikan yang lebih meluas serta pengurangan kadar keciciran murid. Pelaksanaannya dapat menggalakkan penyertaan yang menyeluruh dan terangkum bagi memastikan setiap murid, tanpa mengira latar belakang mendapat peluang yang adil untuk berkembang dan berjaya. Penambahbaikan terhadap mutu dan imej sekolah kebangsaan juga dijangka meningkatkan keyakinan ibu bapa untuk memilih sekolah kebangsaan.

Menerusi strategi ini, kecemerlangan institusi pendidikan dipertingkatkan melalui usaha memperkukuh profesionalisme, kompetensi dan motivasi pendidik selain menggalakkan mereka kekal dalam profesion pendidikan. Seiring dengan itu, autonomi terpimpin institusi pendidikan diperkasakan menerusi budaya pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab bagi membolehkan keputusan dibuat secara lebih berkesan berdasarkan keperluan institusi dan murid. Pendidik turut diberikan akses kepada ketepatan maklumat serta latihan berterusan dalam bidang pentaksiran pendidikan.

Pelaksanaan strategi Teras Strategik 1 yang menyeluruh berpotensi memberikan impak terhadap sistem pendidikan negara yang signifikan dan menjana perubahan positif.

4.2 KEADAAN SEMASA

Keperluan untuk KPM menyemak semula dasar pendidikan sedia ada adalah untuk memastikan dasar yang ada kekal relevan, berkesan dan seterusnya mampu memenuhi aspirasi negara serta keperluan murid yang sentiasa berubah. Keperluan menyemak dasar sedia ada juga penting agar sesuatu dasar tersebut lebih responsif terhadap keperluan semasa dan masa hadapan.

Transformasi sistem pendidikan Malaysia memerlukan pendekatan holistik dan komitmen tinggi supaya lebih berorientasikan kesaksamaan dan terangkuman serta berimpak tinggi. Pendidik dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik agar semua murid mendapat peluang untuk berjaya melalui prinsip keadilan dan keterangkuman dasar dalam sistem pendidikan.

Dasar pendidikan sedia ada yang diberi tumpuan dalam Teras Strategik 1

1	**Enrolmen murid**	1. Enrolmen aliran sains masih tidak mencapai matlamat Dasar 60:40 (Sains:Sastera). 2. Enrolmen prasekolah berumur lima tahun masih belum mencapai purata standard global.
2	**Struktur persekolahan**	1. Tempoh persekolahan 13 tahun tidak sejajar dengan purata global.
3	**Bahasa Tambahan**	1. Peningkatan permintaan terhadap bahasa tambahan seperti mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di SK. 2. Keperluan bahasa tambahan lain mengikut permintaan.
4	**Pentaksiran Pendidikan**	1. Keyakinan terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) masih rendah.
5	**Sistem Penarafan**	1. Kerangka dan instrumen standard penarafan prestasi institusi pendidikan KPM tidak bersepadu.

Standard Global Penyertaan Kanak-kanak Berumur 5 Tahun (OECD)

- Kebanyakan negara anggota OECD mencatat penyertaan kanak-kanak umur 3 – 5 tahun melebihi 90% dan hampir semua mewajibkan setahun prasekolah pada umur 5 tahun.
- Standard global menyasarkan kadar penyertaan prasekolah umur 5 tahun sekurang-kurangnya 90%, seperti yang diamalkan di negara anggota OECD.
- Malaysia melaporkan kadar GER (Gross Enrolment Rate) prasekolah sekitar 90-94% (2020-2024) yang hampir menyamai piawaian global. Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk penambahbaikan dari segi liputan dan mutu perkhidmatan.

Maksud GER Prasekolah

GER prasekolah merujuk Kadar Penyertaan Kasar bagi pendidikan prasekolah. GER prasekolah ialah peratusan jumlah pendaftaran kanak-kanak dalam program prasekolah (tanpa mengira umur) berbanding dengan jumlah populasi kanak-kanak dalam lingkungan umur rasmi prasekolah, biasanya umur 4 – 6 tahun (bergantung pada definisi negara).

4.3 MATLAMAT

Matlamat Teras Strategik 1 adalah untuk memastikan sistem pendidikan yang terangkum, dinamik dan relevan agar dapat melengkapkan murid dengan ilmu, kemahiran serta nilai untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Terdapat tiga strategi utama di bawah Teras Strategik 1.

TERAS STRATEGIK 1
Memastikan Sistem Pendidikan Malaysia Yang Terangkum, Dinamik Dan Relevan

STRATEGI 1
Meneliti Keberkesanan dan Kecekapan Implementasi Dasar Pendidikan

1. Memperkasakan pendidikan sains dan matematik.
2. Memperkukuh pelaksanaan dasar Memartabatkan bahasa Melayu Memperkukuh bahasa Inggeris (MBMMBI).
3. Mengkaji semula dasar pengambilan dan penempatan pegawai perkhidmatan pendidikan.

STRATEGI 2
Memperkasakan Struktur Persekolahan Kebangsaan

1. Memperkasakan struktur persekolahan kebangsaan.
2. Menambah baik dasar penawaran bahasa tambahan serta pengoperasian bahasa Cina dan bahasa Tamil.

STRATEGI 3
Memperkasakan Pentaksiran dan Peperiksaan Kebangsaan

1. Memperkasakan sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan.

PEMBOLEH DAYA
Membangunkan kerangka sistem indeks dalaman prestasi institusi pendidikan secara bersepadu

Secara keseluruhan, prakarsa di bawah teras strategik ini saling melengkapi untuk memperkukuh daya saing dan daya tarikan di institusi pendidikan KPM. Perkara ini bagi memastikan sistem pendidikan Malaysia bermutu dan setaraf peringkat global, serta mampu menawarkan peluang pendidikan terbaik untuk semua.

Impak Pelaksanaan Teras Strategik 1

1. Peningkatan standard pendidikan negara agar setara dengan piawaian antarabangsa.
2. Pengukuhan kedudukan institusi pendidikan KPM yang diyakini oleh masyarakat.
3. Pengurangan kadar keciciran pembelajaran melalui intervensi bersasar dan pendekatan pendidikan yang lebih luwes dan responsif.

STRATEGI 1: MENELITI KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN IMPLEMENTASI DASAR PENDIDIKAN

Strategi ini menumpukan kepada dasar teras seperti Dasar 60:40 dan MBMMBI, di samping pemantapan pengambilan dan penempatan pegawai perkhidmatan pendidikan. Melalui penilaian menyeluruh dan pelaksanaan yang diperkasakan, strategi ini memastikan keselarasan antara dasar, amalan dan keperluan sistem pendidikan masa hadapan.

Strategi 1 menekankan kepentingan meneliti keberkesanan dan kecekapan pelaksanaan dasar pendidikan yang digubal semula dapat mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan.



Ringkasan Isu dan Cabaran Strategi 1

1. Nisbah dasar 60:40 belum tercapai, data terkini menunjukkan sekitar 44 – 47% murid berada dalam aliran Sains/STEM.
2. Kekurangan pakar STEM (pendidik).
3. Fasiliti makmal dan peralatan sains di sekolah tidak mencukupi.
4. Persepsi murid dan ibu bapa bahawa aliran sains lebih sukar dan membebankan.
5. Kurangnya pendedahan awal kepada aplikasi STEM dalam kehidupan seharian.
6. Cabaran bagi memastikan keseimbangan antara penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris dan tahap kompetensi belum mencapai tahap optimum.
7. Peluang pembelajaran bahasa tidak menyeluruh dan tahap kompetensi pendidik yang belum mencapai tahap optimum, menjejaskan tahap penguasaan murid.
8. Dasar pengambilan dan penempatan pendidik yang kurang jelas mengakibatkan ketidakseimbangan kepakaran, kekurangan pendidik opsyen dan penempatan yang tidak mengikut kepakaran.

Rajah 4.3 Ringkasan Isu dan Cabaran Teras Strategik 1

Isu utama yang perlu ditangani melalui strategi ini ialah meneliti keberkesanan dan kecekapan pelaksanaan dasar pendidikan ialah jurang ketara antara dasar yang digubal dengan pelaksanaannya.

Dasar 60:40 merujuk dasar kerajaan Malaysia yang menetapkan nisbah enrolmen murid dalam aliran sains/teknikal berbanding dengan aliran sastera pada peringkat menengah atas dan prauniversiti adalah pada kadar 60% aliran sains/teknikal dan 40% aliran sastera.

Dasar 60:40 diperkenalkan sejak tahun 1967 dan dilaksanakan pada 1970 sebagai sebahagian daripada strategi negara untuk memacu pembangunan berasaskan ilmu, teknologi dan inovasi. Tujuan utama dasar ini adalah untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja berpengetahuan dalam bidang STEM bagi menyokong aspirasi ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Pelaksanaan Dasar MBMMBI pula berdepan cabaran dalam usaha mengekalkan keseimbangan antara penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Penguasaan bahasa guru bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang belum mencapai tahap kompetensi ditetapkan menyebabkan penyampaian PdP kurang berkesan dan menjejaskan pemahaman murid terhadap konsep asas bahasa.

Dasar sedia ada berkaitan dengan pengambilan dan penempatan pegawai perkhidmatan pendidikan masih belum sejajar dengan keperluan sebenar. Ketidakjelasan dalam pelaksanaan dasar mengakibatkan ketidakseimbangan kepakaran, kekurangan pendidik opsyen serta penempatan yang tidak mengikut bidang kepakaran. Keadaan ini menjejaskan kestabilan tenaga pendidik di sekolah yang memberikan kesan terhadap kesinambungan pengajaran dan pembelajaran serta mutu pendidikan secara keseluruhan.



Rajah 4.4 Prakarsa bagi Strategi 1

PRAKARSA 1: MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN SAINS DAN MATEMATIK



Objektif utama ialah:

1. Menggalakkan lebih ramai murid menyertai bidang STEM.
2. Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk sektor berasaskan STEM.
3. Mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing berkemahiran tinggi.
4. Menyokong kemajuan dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan inovasi.

Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi (1967) menetapkan peralihan nisbah unjuran peratus enrolmen murid dalam bidang sains dan teknikal kepada sastera secara beransur-ansur mulai tahun 1970 daripada nisbah 45:55 kepada nisbah 60:40 pada tahun 1980. Jawatankuasa tersebut juga mengesyorkan supaya unjuran peratus enrolmen murid, terutama pada peringkat pendidikan menengah atas dan pengajian tinggi mengikut nisbah 60:40.

Kurikulum sedia ada terlalu bertumpukan kepada kandungan topikal dan kurang menekankan aplikasi dunia sebenar serta kemahiran berfikir aras tinggi. Pentaksiran pula masih berorientasikan peperiksaan dan bukan bersifat autentik yang dapat mendorong penerokaan dan inovasi. Selain itu, latihan kepada pendidik dalam bidang STEM didapati masih tidak mencukupi dan lebih tertumpu kepada pendidik peringkat menengah atas.

Isu Dasar 60:40

Keputusan TIMSS dan PISA menunjukkan prestasi yang membimbangkan, iaitu Malaysia berada dalam kelompok satu pertiga terbawah. Dalam PISA 2022, skor Malaysia bagi sains, matematik dan bacaan masing-masing berada di bawah purata OECD. Laporan TIMSS 2023 pula turut mencatat penurunan prestasi dalam matematik dan sains.

Minat murid terhadap bidang STEM semakin merosot. Indeks Pembudayaan STEM menurun daripada 63.96% (2021) kepada 44.72% (2024). Antara punca utama termasuklah persepsi bahawa bidang STEM sukar, kurang pendedahan terhadap kerjaya menarik dan kaedah pengajaran yang tidak dikaitkan dengan kehidupan sebenar.

Peruntukan waktu pengajaran bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan negara maju seperti Singapura, Jepun, Finland dan Amerika Syarikat. Kekurangan masa ini menjejaskan penguasaan yang mendalam terhadap konsep STEM.

Isu autonomi sekolah yang terhad juga menyukarkan sekolah untuk menyesuaikan pendekatan mengikut keperluan murid dan konteks setempat, sekali gus mengehadkan inovasi serta pelaksanaan prakarsa STEM.

Cabaran Pelaksanaan

Nisbah sebenar masih belum tercapai: Data beberapa tahun belakangan ini menunjukkan hanya sekitar 44 – 47% murid berada dalam aliran sains/STEM.

Faktor Penyumbang Kelewatan Pencapaian Nisbah

- Kekurangan guru pakar dalam mata pelajaran STEM.
- Fasiliti makmal dan peralatan sains yang tidak mencukupi.
- Persepsi murid dan ibu bapa bahawa aliran sains lebih sukar dan membebankan.
- Kurangnya pendedahan awal terhadap aplikasi STEM dalam kehidupan seharian.

Usaha Penambahbaikan

- Prakarsa STEM4All dan Dekad STEM 2020 – 2030.
- Galakan pendidikan STEM melalui kurikulum yang lebih kontekstual dan berasaskan inkuiri.
- Kerjasama strategik dengan industri, universiti dan agensi berkaitan dalam memperkukuh pendidikan STEM.
- Peningkatan kesedaran melalui program pembudayaan STEM di sekolah rendah dan menengah.

	Aspirasi Dasar "IDEAL"	Isu dan Data "REALITI"	Analisis dan Implikasi "AKIBAT"
Dasar 60:40	**Malaysia mencapai nisbah 60:40 murid Sains/Teknikal :Sastera untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.**	Belum capai sejak tahun 1970; enrolmen pakej STEM hanya 50.83% (2024); bidang STEM masih tidak diminati.	Standard aspirasi negara belum tercapai; keperluan pelaksanaan lebih menyeluruh dan relevan.
Pencapaian Malaysia dalam TIMSS dan PISA	**STEM Malaysia kompetitif pada peringkat antarabangsa.**	Murid Malaysia berada di kelompok 1/3 terbawah TIMSS dan PISA. Contoh PISA 2022 – skor literasi saintifik (416) di bawah purata OECD (485).	Kurikulum dan pentaksiran tidak selaras dengan standard global; murid kurang penguasaan KBAT.
PPPM 2013 – 2025 Aspirasi Transformasi PdP	**STEM menarik, bermutu dan dipandu oleh PdP inovatif (PdPc, pentaksiran, latihan pendidik).**	Indeks Pembudayaan STEM menurun: 2021 (63.96) -> 2024 (44.72); minat murid terhadap STEM merosot.	Intervensi tidak mencukupi; guru perlukan lebih banyak sokongan dan pelaksanaan bersifat tempatan.
Masa PdP dan Autonomi Sekolah	**Masa PdP mencukupi untuk eksplorasi, eksperimen dan projek STEM.**	Waktu PdP sains rendah: Tahun 1 – 3 (60 min/seminggu), Tahun 4 – 6 (120 min/seminggu); autonomi sekolah terhad.	Sukar laksana pembelajaran bermakna; aktiviti pengayaan dan pentaksiran projek sering diketepikan.

Walaupun peratusan lepasan bidang STEM kekal stabil melebihi 40% bagi tempoh tahun 2020 hingga tahun 2025, ekonomi Malaysia masih bergantung pada sektor perkilangan asas dan komoditi dengan peluang yang terhad dalam bidang penyelidikan, pembangunan, reka bentuk dan inovasi berteknologi tinggi berkaitan dengan bidang STEM. Keadaan ini menyumbang kepada dua situasi seperti yang berikut:

1. **Ketidaksepadanan dasar 60:40 dengan realiti industri**
   Dasar yang bersifat satu hala boleh menyebabkan kehilangan minat murid, tekanan kepada sekolah untuk memenuhi petunjuk prestasi utama dan ketidakpadanan antara keberhasilan pendidikan dengan keperluan sebenar industri.
2. **Penghijrahan tenaga mahir** (brain drain)
   Lepasan graduan STEM terbaik Malaysia mencari peluang pekerjaan yang lebih mencabar dan bergaji lebih tinggi di luar negara seperti Singapura, Australia, Eropah dan Amerika Syarikat.



Pembangunan Industri Jepun dan China berbanding dengan Malaysia

Jepun

Memulakan pembangunan industri dan teknologinya secara besar-besaran sejak Era Pemulihan Meiji pada akhir abad ke-19.

China

Bermula lebih lewat daripada Jepun, memulakan reformasi ekonominya pada akhir tahun 1970-an dengan tumpuan yang jitu untuk menjadi kuasa industri.

Malaysia

Mula memberikan tumpuan kepada perindustrian berteknologi tinggi bermula dengan Wawasan 2020 pada tahun 1990-an.

Rajah 4.5 Pembangunan Industri Jepun dan China berbanding dengan Malaysia

Beberapa kementerian seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) masih menyokong pemerkasaan Dasar 60:40 dengan cadangan penambahbaikan enrolmen aliran sains tulen. KPM juga diberikan ruang untuk menyesuaikan strategi dan sasaran pelaksanaan agar lebih relevan dengan realiti semasa dan keperluan industri. Oleh yang demikian, KPM mencadangkan sasaran 20% murid dalam aliran sains tulen menjelang tahun 2035.

Melalui rancangan ini, KPM melaksanakan semakan semula Dasar 60:40 bagi merangka pendekatan yang bersesuaian melalui tiga strategi yang dicadangkan, iaitu;

1. **Strategi 1**: Kajian pelaksanaan dan penambahbaikan dasar (2026 – 2027).
2. **Strategi 2**: Pembangunan sumber, kompetensi pendidik dan pelaksanaan rintis (2028 – 2030).
3. **Strategi 3**: Pelaksanaan dan penilaian program (2031 – 2035).

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Kajian dan Penambahbaikan Dasar Pelaksanaan

- Kajian terhadap cabaran pelaksanaan dasar di sekolah dan daerah.
- Menambah baik struktur kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan keperluan memperkukuh aliran sains dan matematik selaras dengan aspirasi dasar 60:40.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Pembangunan Sumber, Kompetensi Pendidik dan Pelaksanaan Rintis

- Memperkukuh kurikulum melalui pembangunan garis panduan pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang menyeluruh.
- Memantapkan autonomi sekolah bagi merangka pengurusan PdP yang lebih anjal mengikut konteks murid dan kapasiti sekolah.
- Membangunkan profil murid serta memperkukuh pembangunan profesional guru melalui penyediaan modul latihan yang berstruktur.
- Melaksanakan fasa rintis yang berfokus bagi menilai keberkesanan dokumen yang dibangunkan bagi memastikan dasar yang diperkenalkan berdaya laksana dan berimpak tinggi.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Pelaksanaan dan Penilaian Program

- Melaksanakan penambahbaikan dasar secara berterusan melalui dapatan rintis dan analisis impak di lapangan.
- Memperluas kefahaman pendidik melalui penataran pelaksanaan dasar secara menyeluruh.
- Memantapkan keberkesanan pelaksanaan dasar melalui pemantauan dan penilaian berasaskan data.
- Menyediakan cadangan jangka panjang untuk penyelarasan dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN).

Rajah 4.6 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 1

Secara keseluruhannya, isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan prestasi antarabangsa yang membimbangkan, minat murid yang menurun dan cabaran dalam usaha memperkasakan pendidikan STEM. Usaha bersepadu dan reformasi yang menyeluruh diperlukan untuk mengubah iklim STEM masa kini dan memastikan generasi akan datang mampu bersaing pada peringkat global.

PRAKARSA 2:
MEMPERKUKUH PELAKSANAAN DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU DAN MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

Dasar MBMMBI merupakan prakarsa strategik KPM yang diluncurkan pada tahun 2009 sebagai pengganti dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI), dengan matlamat memperkukuh bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, di samping meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dalam kalangan murid. Pelaksanaannya disokong oleh pelbagai prakarsa seperti Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) melibatkan murid yang belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Program Dwibahasa (Dual-Language Programme – DLP) dirangka bagi membolehkan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris dilaksanakan di sekolah terpilih. Dasar ini turut memberikan tumpuan kepada peningkatan kompetensi pendidik, penyediaan bahan bantu mengajar yang bermutu dan penggunaan teknologi dalam PdP.

Dapatan Makmal Penyelesaian Masalah RPM 2026 – 2035

Cabaran utama yang dikenal pasti

1
Latihan kepada pendidik yang terhad dalam penggunaan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) dan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) untuk bahasa Inggeris.

2
Kekeliruan dalam garis panduan pelaksanaan; pencapaian akademik murid yang rendah; risiko keciciran murid; ketidaksamaan sosial; serta kelemahan daya saing negara pada peringkat global.

3
Ketidakselarasan pelaksanaan Program DLP daripada objektif asalnya turut menjejaskan keberkesanan penguasaan bahasa Inggeris melalui pengajaran sains dan matematik.

Menurut laporan PISA 2022, skor purata literasi bacaan murid Malaysia menurun sebanyak 27 mata, daripada 415 mata (2018) kepada 388 mata (2022). Hanya 0.2% murid Malaysia mencapai Aras Penguasaan 5 atau 6 (prestasi tinggi) berbanding dengan purata OECD sebanyak 7%. Sementara itu, pengesanan awal literasi dan numerasi mendapati 11% (122,062 daripada 448,113) murid Tahun 1 pada tahun 2024 belum menguasai kemahiran asas 3M.

Rajah 4.7 Dapatan Makmal Penyelesaian Masalah RPM 2026 – 2035

Bagi menangani pelbagai cabaran yang dikenal pasti dalam pelaksanaan dasar MBMMBI, beberapa langkah strategik yang bertujuan memperkukuh keberkesanan dasar ini telah dirangka.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Penambahbaikan Pelaksanaan Dasar MBMMBI

- Memperkukuh keberkesanan dasar MBMMBI melalui semakan dan penilaian strategi pelaksanaan secara menyeluruh.
- Memantapkan intervensi literasi kebangsaan melalui analisis berkala terhadap tahap penguasaan bahasa Melayu (BM) dan bahasa Inggeris (BI) murid.
- Menyelaraskan standard kompetensi bahasa melalui penyetaraan KSBM serta pengukuhan CEFR bagi guru dan murid.
- Mengoptimumkan keberkesanan program BM dan BI yang relevan berasaskan keperluan murid dan konteks sekolah.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Peningkatan Mutu dan Kompetensi Pendidik dalam PdP BM dan BI

- Menjamin tahap kompetensi CEFR bagi guru opsyen BI melalui pemantauan dan garis panduan berstruktur.
- Memperkasakan penggunaan bahasa instruksional BI pada peringkat prasekolah.
- Menggalakkan inovasi dalam PdP BM dan BI melalui pelaksanaan intervensi bertumpuan yang juga berfungsi sebagai pengisian LADAP.
- Memperkukuh penguasaan guru BM melalui penilaian berasaskan Ujian Penguasaan BM Guru (UPBM) selaras dengan standard KSBM.
- Memastikan KSBM menjadi rujukan dalam pengisian kurikulum, penyediaan bahan sokongan dan pentaksiran (PBS dan peperiksaan pusat).

Fasa 3
(2031 – 2035)
Pengukuhan PdP BM dan BI

- Memperkukuh mutu prasarana fizikal dan digital BM dan BI di sekolah.
- Melaksanakan semakan dan penambahbaikan DLP berdasarkan objektif asal program.

Rajah 4.8 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

Berdasarkan aktiviti utama yang dirancang, hasil utama dan impak pelaksanaan Dasar MBMMBI yang dihasratkan telah dikenal pasti (Rajah 4.6 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 1). Pendekatan ini disokong oleh penyediaan maklum balas berkala bagi memastikan pelaksanaan dasar yang bermutu, berimpak berterusan dan lestari kepada murid, pendidik serta keseluruhan sistem pendidikan.

Solusi	Hasil Utama	Impak Strategi
Mengenal pasti strategi sedia ada yang masih relevan untuk diperkukuh dan strategi yang tidak lagi berkesan untuk diganti atau ditamatkan pelaksanaannya (contoh: Fullbright dan KIA2M).	Penjajaran dasar pelaksanaan yang lebih efektif membolehkan sumber diagihkan dengan lebih berkesan.	Strategi pelaksanaan MBMMBI yang dikemas kini bagi meningkatkan keberkesanan dasar.
Pendidik opsyen dan bukan opsyen BM perlu menduduki UPBMG dan mencapai standard kecekapan mengikut garis panduan KSBM. Pendidik opsyen BI pula perlu berada pada tahap CEFR yang ditetapkan.	Semua murid mendapat akses kepada guru yang kompeten untuk menyampaikan kandungan bahasa mengikut tahap mereka.	Standard kecekapan guru BM dan BI ditingkatkan bagi memastikan keberkesanan pengajaran.
Membenarkan sekolah memilih intervensi BM dan BI yang sesuai berdasarkan profil serta tahap penguasaan murid. Elakkan pendekatan "satu untuk semua" yang kurang berkesan.	Murid mendapat sokongan pembelajaran yang bersasar dan berkesan seterusnya mempercepat penguasaan BM dan BI.	Program BM dan BI dipilih mengikut kesesuaian pada peringkat sekolah.
Memastikan program literasi BM dan BI diwajibkan untuk semua murid pada semua tahap (prasekolah, rendah dan menengah).	Menjadikan literasi sebagai program mandatori sejak awal persekolahan bagi memastikan murid memulakan pembelajaran dengan asas yang kukuh. Langkah ini dapat mengurangkan risiko keciciran pada peringkat seterusnya akibat prestasi akademik yang lemah.	Pelaksanaan program literasi yang wajib pada semua peringkat persekolahan.
Melaksanakan semakan semula pelaksanaan DLP secara menyeluruh, termasuk keberkesanan, kesesuaian dan kesejajaran dengan tujuan asal.	DLP lebih selaras dengan konteks dan ekosistem sekolah serta keperluan murid.	Pelaksanaan program DLP yang lebih sejajar dengan objektif asal.

Secara keseluruhannya, tahap penguasaan bahasa dalam kalangan murid dan pendidik serta pelaksanaan Program DLP terus diperkukuh melalui pelaksanaan Dasar MBMMBI yang lebih berkesan, terancang dan relevan dengan keperluan semasa. Pendekatan ini memastikan penguasaan BM sebagai bahasa ilmu dan perpaduan diperkasakan, sementara kecekapan BI ditingkatkan bagi menyokong aspirasi pendidikan negara.

PRAKARSA 3: MENGKAJI SEMULA DASAR PENGAMBILAN DAN PENEMPATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)



Prakarsa ini menumpukan kepada pemerkasaan pelaksanaan pengambilan dan penempatan PPP melalui kajian semula yang dilaksanakan sebagai langkah awal bagi memperkukuh dasar sedia ada. Kajian ini menjadi asas kepada pembentukan dasar dan mekanisme pelaksanaan yang lebih berkesan, mantap dan responsif terhadap keperluan semasa pendidikan. Keberkesanan pengambilan dan penempatan PPP diperkukuh bagi memberikan impak kepada mutu pengajaran di bilik darjah. Pengambilan dan penempatan PPP merupakan faktor kritikal yang menentukan keberkesanan sistem pendidikan di Malaysia. Kajian *Predictors of Beginning Teachers' Teaching Performance* (2024) mendapati bahawa pencapaian akademik, pengalaman guru, cara pendidik dilatih dan ditempatkan berkait rapat dengan keberkesanan pengajaran mereka. Oleh yang demikian, pengambilan, latihan dan penempatan guru perlu dirancang dengan berhati-hati sebagai strategi penting untuk memastikan mutu pengajaran yang tinggi dan menyokong kejayaan murid.

Perubahan dalam Struktur Pengambilan dan Penempatan PPP

Pengambilan dan penempatan PPP yang strategik amat penting untuk melahirkan pendidik dan pemimpin yang profesional, terangkum dan berinovasi, seterusnya memacu peningkatan mutu pendidikan dan pengurusan sumber manusia secara menyeluruh. Terdapat peluang untuk memperkukuh dasar yang lebih terancang dan berpandukan keperluan sebenar bagi mengoptimumkan penempatan pendidik dan pemilihan pemimpin, meningkatkan mutu pengajaran, penggunaan sumber secara efisien serta memastikan kesamarataan pendidikan di seluruh negara.

Penambahbaikan yang berterusan penting untuk memperkukuh imej profesion keguruan dan memastikan kemajuan berterusan terhadap pencapaian matlamat jangka panjang sistem pendidikan di Malaysia.

Konsep Dasar Pengambilan dan Penempatan PPP

Dasar pengambilan dan penempatan PPP digubal bagi memastikan ketelusan, keadilan dan konsistensi dengan mengambil kira kelayakan, keperluan murid, profil sekolah dan komuniti. Pendekatan ini memastikan guru ditempatkan di sekolah yang tepat mengikut keperluan murid supaya semua murid mendapat peluang pendidikan yang sama, jurang pencapaian antara sekolah dapat dirapatkan dan pencapaian murid dipertingkatkan. Perkara ini juga disokong oleh sistem data pintar serta strategi penempatan yang luwes.

Semakan dasar menstruktur semula mekanisme pengambilan dan penempatan PPP berdasarkan kompetensi, lokasi pedalaman, jenis murid serta mata pelajaran kritikal. Proses pemilihan diperluas secara lebih luwes bagi memenuhi keperluan sebenar sekolah tetapi tetap mengekalkan standard latihan praperkhidmatan.

Penambahbaikan dan Pengemaskinian Dasar bagi Meringankan Beban Pelaksana dan Memastikan Mutu serta Kompetensi Bermakna

Selaras dengan aspirasi RPM 2026 – 2035, penambahbaikan dasar memberikan tumpuan kepada pelaksanaan yang lebih efektif pada peringkat akar umbi. Perkara ini dapat meringankan beban pelaksana tanpa menjejaskan mutu dan kompetensi melalui panduan strategik dan anjal yang adaptif.

Penambahbaikan dan pengemaskinian dasar ini dapat mengoptimumkan sumber manusia agar dapat memberi nilai tambah untuk murid. Usaha ini turut diperkukuh melalui sistem komunikasi bersepadu, analisis keperluan pengambilan dan penempatan yang jitu, serta pemantauan digital secara masa nyata.

Pendekatan ini dapat meningkatkan kecekapan pelaksanaan dasar serta memperkukuh profesionalisme pendidik melalui latihan dan sokongan berterusan dengan komunikasi dan maklum balas dua hala yang lebih dinamik.

Cabaran Pengambilan dan Penempatan PPP

Dalam pelaksanaan proses pengambilan dan penempatan PPP, antara cabaran yang dihadapi termasuklah memastikan gambaran menyeluruh tentang keperluan sebenar, menyeimbangkan penempatan guru, meningkatkan mutu pengambilan dan penempatan serta memastikan data dan maklumat sentiasa konsisten dan terkini. Cabaran ini memberikan peluang untuk memperkukuh mekanisme dan sistem sokongan agar penempatan guru lebih tepat, efisien dan berkesan.

Struktur pengambilan guru masih terlalu bergantung pada laluan tradisional tanpa mengambil kira kepelbagaian bakat dalam pasaran. Sistem penempatan pula belum mencerminkan keperluan sebenar pada peringkat pelaksana kerana sistem sedia ada tidak mampu meramal keperluan masa hadapan dengan tepat. Situasi ini mengakibatkan jurang kesesuaian antara bidang pengkhususan guru dengan lokasi penempatan. Selain itu, kekurangan maklumat bersepadu daripada peringkat negeri dan daerah juga menjejaskan kecekapan proses penempatan, seterusnya memberikan kesan negatif terhadap mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Reformasi dasar ini penting untuk memastikan sistem lebih responsif dan bermutu termasuklah membuka ruang kepada tenaga profesional luar untuk menyumbang kepakaran di sekolah. Mekanisme penempatan yang cekap dan telus serta rancangan kontingensi juga diwujudkan agar sistem lebih berdaya tahan.

Model Berasaskan Analisis Keperluan

Model analitik menggunakan data semasa dan sejarah untuk merancang keperluan masa hadapan seperti bilangan guru, murid dan kemudahan pendidikan.

Komponen Model

- Data sejarah dan semasa
- Analisis corak dan trend
- Pemboleh ubah sosial dan ekonomi
- Teknologi masa hadapan

Aplikasi dalam Pendidikan

- Intervensi awal mata pelajaran kritikal dan kawasan kekurangan guru.
- Perancangan pembukaan sekolah baharu.
- Perancangan latihan dan pengambilan IPG/universiti.
- Penempatan guru secara optimum.

Faedah Strategik

- Pembuatan keputusan berpandukan data.
- Pelaksanaan dasar berdasarkan jangkaan sebenar.
- Penyelarasan keperluan dan bekalan sumber pendidikan.
- Menjamin kesiapsiagaan sistem pendidikan masa hadapan.

Rajah 4.9 Model Berasaskan Analisis Keperluan

Prakarsa ini memberikan penekanan terhadap kajian dasar secara menyeluruh merangkumi tiga aspek utama seperti yang berikut:

1. Memperluas sumber dan laluan pengambilan PPP.
2. Memelihara mutu serta persediaan calon PPP.
3. Memperkukuh kecekapan penempatan berasaskan keperluan.

Prakarsa ini memberikan penekanan terhadap pemetaan semula laluan pengambilan cadangan latihan minimum prapenempatan dan pembangunan model berasaskan analisis keperluan seperti model berasaskan analisis keperluan (predictive demand model) untuk penempatan yang lebih tepat. Selain itu, penyelarasan sistematik antara pihak berkepentingan diperkukuh bagi mengurangkan birokrasi dan mempercepat proses penempatan pendidik.

Meningkatkan Kejelasan untuk Pelaksanaan di Lapangan

Laluan yang lebih luwes dan berstruktur akan menyediakan garis panduan yang jelas dan mudah difahami oleh semua pihak, terutamanya PPD dan JPN, seterusnya menjimatkan masa dalam proses penerangan dan latihan.

Memberikan Ruang untuk Tumpuan kepada Prakarsa Strategik

Penambahbaikan dalam pengambilan dan penempatan PPP menjadikan tugas pentadbiran lebih efisien, membolehkan tenaga pentadbir memberikan tumpuan kepada peningkatan mutu PdP, pembangunan profesional guru serta inovasi dalam sistem pendidikan.

Mengurangkan Kesilapan Penempatan dan Ketidaksesuaian antara Kepakaran Guru dengan Keperluan Sekolah

Pendekatan model berasaskan analisis keperluan dan penandaan kompetensi yang tepat dapat meningkatkan kesesuaian penempatan guru. Hal ini dapat mengurangkan keperluan rayuan, pindaan dan aduan, seterusnya meringankan beban pentadbir.

Mengurangkan Keperluan Penyelesaian Masalah Secara Reaktif Melalui Pendekatan Proaktif dan Berstruktur

Dasar dan pelaksanaan yang lebih jelas serta berstruktur mengurangkan keperluan penyelesaian masalah secara reaktif, seterusnya meminimumkan kekeliruan dan aduan berulang yang sebelum ini memerlukan penyelesaian manual.

Memudahkan Komunikasi dan Koordinasi

Sistem komunikasi yang diperkukuh (melalui jawatankuasa bersepadu dan SOP yang jelas) dapat meminimumkan keperluan "mengejar" maklumat secara silo antara agensi.



Rajah 4.10 Manfaat Utama Penambahbaikan Dasar Pengambilan dan Penempatan PPP

Bagi memastikan profesion keguruan kekal relevan, terangkum dan mampu menarik calon bermutu dari pelbagai latar belakang, sistem pemilihan PPP perlu lebih anjal dan menyeluruh. Oleh yang demikian, pelbagai laluan alternatif ke arah pensijilan pedagogi diterokai secara sistematik bagi membolehkan individu berkelayakan tinggi, termasuk calon daripada industri atau profesion lain boleh menyumbang secara langsung di dalam bilik darjah (Rajah 4.11).

Prakarsa pensijilan pedagogi *Fast Track* dan pemetaan laluan pemilihan PPP, termasuk laluan bukan ikhtisas berpotensi meningkatkan sumber bakat dalam profesion keguruan. Konsep pendidik "generalist" di sekolah rendah diperluas bagi memberi keluwesan penempatan PPP di kawasan yang mempunyai kekangan sumber, terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman.



Rajah 4.11 Keluwesan Laluan Kemasukan Guru

Pengambilan PPP pada masa hadapan memerlukan anjakan paradigma, iaitu daripada kelayakan akademik semata-mata kepada pendekatan berasaskan kompetensi dan kesesuaian individu terhadap keperluan semasa pendidikan seperti yang diamalkan oleh negara-negara maju. Perkara yang diberi tumpuan dalam pengambilan PPP adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan kriteria pemilihan berdasarkan penilaian psikometrik dan kompetensi bakal memastikan calon pendidik benar-benar bersedia secara emosi, kognitif dan profesional untuk mendidik generasi masa hadapan.
2. Syarat latihan minimum sebelum memasuki bilik darjah menjadi penanda aras kepada jaminan mutu pedagogi yang konsisten.
3. Keperluan khusus seperti kemahiran teknologi, kecekapan bahasa dan mobiliti rentas bidang atau opsyen turut ditetapkan dengan lebih jelas untuk memastikan kesepadanan antara kompetensi pendidik dengan kehendak kurikulum.

Perbandingan Mutu Guru di Negara Maju

Finland

Ministry of Education and Culture Finland, *Finnish National Agency for Education* (EDUFI) dan universiti melaksanakan latihan guru berasaskan penyelidikan dan autonomi pedagogi.
Contoh: kajian tindakan berasaskan data bilik darjah untuk menambah baik literasi dan motivasi belajar.

Korea Selatan

Ministry of Education Korea, Korea Institute for Curriculum and Evaluation (KICE), *Korea Educational Development Institute* (KEDI) dan pejabat pendidikan wilayah menggabung penilaian, bimbingan dan latihan sasaran.
Contoh: pemerhatian berfokus, latihan literasi, peningkatan dibuktikan melalui kerja dan data murid.

Australia

Australian Institute for Teaching and School Leadership (AITSL) menetapkan standard *Victorian Institute of Teaching* (VIT), NSW *Education Standards Authority* (NESA), *Queensland College of Teachers* (QCT) mengawal selia amalan profesion, prestasi dinilai berasaskan impak pembelajaran.
Contoh: *peer observation*, data diagnostik, intervensi dan pentaksiran formatif susulan.

China

Ministry of Education China menetapkan hala tuju, manakala *Teaching Research Offices* memacu komuniti amalan seperti jiaoyanzu.
Pendekatan berasaskan penyelidikan pengajaran melalui perancangan bersama, demonstrasi pengajaran dan pembelajaran dan refleksi berprotokol.
Contoh: guru menganalisis miskonsepsi pecahan, melaksana pengajaran demonstrasi dan menilai semula kefahaman melalui tugasan berstruktur.

Singapura

MOE Singapore menyelaras penilaian dan pembangunan prestasi guru, disokong oleh *National Institute of Education* (NIE) *Nanyang Technological University* (NTU) dan *Academy of Singapore Teachers*.
Kitaran prestasi berasaskan standard kompetensi, dialog prestasi dan bukti bilik darjah. Contoh: sasaran PdP, coaching pertengahan tahun, pelarasan pengajaran guna data formatif murid.

Kanada

CMEC menyokong penyelarasan dasar antara wilayah, manakala Kementerian Pendidikan dan badan profesional seperti *Ontario College of Teachers* mengurus standard profesion keguruan. Mutu PdP diperkukuh melalui kolaborasi sekolah, lembaga sekolah dan universiti berasaskan bukti.
Contoh: projek kajian tindakan penulisan membina rubrik, menilai sampel berkala dan melaras pedagogi melalui *coaching*.

Jerman

Standing Conference of the Ministers of Education and Cultural Affairs of the Länder in the Federal Republic of Germany (KMK) menyelaras kerangka, Akkreditierungsrat memastikan jaminan kualiti program latihan guru, *Institute for Educational Quality Improvement*(IQB) menyokong standard sistem.
Contoh: audit kurikulum, praktikum dan portfolio profesional sebelum penambahbaikan program.

Rajah 4.12 Perbandingan Mutu Guru di Negara Maju

Penempatan pendidik diselaraskan dengan keperluan sebenar sekolah secara telus, adil, responsif, mengurangkan birokrasi dan mempercepat PPP melapor diri ke sekolah.



Rajah 4.13 Perbandingan Contoh Aliran Proses Sedia Ada dan Cadangan bagi Penempatan Pendidik Baharu



Pemilihan PPP yang lebih bermakna, bersandarkan prestasi, potensi dan kepakaran juga diperkenalkan bagi menyokong laluan kerjaya yang lebih tersusun dan bersifat meritokratik.

- Pemetaan semula laluan pemilihan guru termasuk laluan alternatif guru.
- Laluan pantas pensijilan pedagogi.
- Memastikan mutu guru melalui latihan minimum sebelum masuk bilik darjah.
- Kriteria ambilan berdasarkan kompetensi dan psikometrik.
- Mengambil kira keperluan pedagogi pada masa berkenaan.
- Meningkatkan insentif untuk penempatan guru di pedalaman.
- Kemahiran teknologi, kecekapan bahasa dan syarat keperluan opsyen berkaitan dengan mata pelajaran.
- Memperluas konsep guru "generalist" di SK.
- Pembangunan sistem model berasaskan analisis keperluan seperti model ramalan permintaan (predictive demand model) mengikut mata pelajaran, lokasi dan aliran.
- Penandaan guru yang bermakna.

Pindaan ini bertujuan untuk memperluas laluan pemilihan guru melalui pendekatan lebih luwes berasaskan keperluan semasa dan tetap memastikan mutu pengambilan serta latihan guru *pre-service* kekal terjamin.

Cadangan-cadangan yang dipaparkan adalah hasil perbincangan makmal yang mencerminkan keperluan untuk memperkasa sistem pemilihan dan penempatan guru secara lebih luwes, responsif dan berasaskan keperluan semasa.

Sepanjang sesi libat urus, peserta mendapati terdapat kekeliruan merentas bahagian berkenaan proses sebenar pemilihan guru, dasar sedia ada dan titik rujukan yang jelas, mengakibatkan ketidakselarasan dalam pelaksanaan. Banyak maklumat yang dikongsikan adalah berdasarkan pengalaman lapangan (experiential knowledge), bukan dokumen dasar yang seragam.

Oleh yang demikian, cadangan ini bersifat peringkat tinggi (high-level) dan bertujuan menjadi pemangkin kepada penambaikan dasar sedia ada, bukan pengganti segera. Penekanan utama adalah kepada:

- Keluwesan laluan kemasukan ke dalam profesion keguruan
- Pemeliharaan mutu latihan dan kompetensi
- Penyelarasan antara keperluan masa sebenar dan dasar rasmi

Rajah 4.14 Cadangan Kandungan Dasar Ambilan dan Penempatan PPP

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2028)
Memperluas Sumber Bakat Calon Pendidik

- Menyemak dan menyelaras mekanisme pengambilan PPP untuk memastikan keseragaman dan mutu.
- Menambah baik kriteria kelayakan bagi semua calon PPP dari pelbagai institusi termasuk IPG, universiti awam, swasta dan luar negara.
- Menyediakan modul atau model khas bagi keperluan kursus praperkhidmatan PPP kepada calon terbuka/luwes.
- Memperluas saluran komunikasi dan kerjasama antara KPM serta pengeluar calon PPP termasuk sektor swasta.

Fasa 2
(2029 – 2030)
Penekanan Terhadap Mutu Pengambilan PPP

- Melaksanakan sistem saringan dan penilaian kompetensi bagi menapis calon PPP berdasarkan keperluan mata pelajaran dan konteks sekolah.
- Pemberian latihan tambahan dan kursus khas kepada PPP sebelum penempatan sebenar bagi memperkukuh kesediaan profesional.
- Penggunaan sistem data dan maklumat penempatan untuk mengurus keperluan PPP berdasarkan lokasi dan bidang pengajaran.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Penempatan Berasaskan Keperluan

- Penempatan PPP baharu secara automatik dalam tempoh dua bulan selepas kelulusan pelantikan.
- Penggunaan sistem maklumat bersepadu bagi memastikan padanan pendidik – sekolah lebih optimum.
- Mengoptimumkan penempatan PPP dalam tempoh dua bulan sebagai sasaran prestasi utama.
- Semakan dasar secara berkala untuk memastikan sistem kekal responsif terhadap perubahan dan keperluan pendidikan.

Rajah 4.15 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 3

Pelaksanaan prakarsa ini dijangka membawa perubahan besar kepada ekosistem pengambilan dan penempatan PPP dengan proses yang lebih jelas dan tersusun. Prakarsa ini juga dapat mengurangkan kesilapan dan beban pentadbiran, seterusnya membolehkan pentadbir memberikan tumpuan kepada peningkatan mutu PdP dan pembangunan profesional PPP. Sistem yang diperkemas juga dapat meningkatkan daya tarikan profesion keguruan sebagai kerjaya bermutu dan berimpak tinggi.

Selain itu, penjajaran dengan Teras Strategik 3 perlu bagi memastikan aspek seperti pedagogi berstruktur, latihan, insentif bakat dan mekanisme penempatan dapat disepadukan.

Secara keseluruhan, prakarsa ini menawarkan reformasi menyeluruh terhadap aspek pengambilan dan penempatan PPP dengan pendekatan progresif dan berasaskan data.

STRATEGI 2: MEMPERKASAKAN STRUKTUR PERSEKOLAHAN KEBANGSAAN



Strategi memperkasakan struktur persekolahan kebangsaan penting bagi memastikan sistem pendidikan Malaysia kekal relevan, efisien dan sejajar dengan keperluan murid serta kehendak masa hadapan negara. Tempoh persekolahan 13 tahun (rendah hingga lepas menengah) perlu dikaji semula dengan mengambil kira kesesuaian terhadap perkembangan kognitif, emosi dan sosial murid. Pendekatan ini juga merangkumi pendidikan wajib prasekolah dengan peluasan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak untuk memenuhi keperluan dan potensi murid seawal umur lima tahun, seterusnya memenuhi 90% dan ke atas enrolmen murid prasekolah berdasarkan standard global.

Struktur sistem persekolahan yang mantap dapat memastikan kesinambungan pembelajaran secara progresif dan membuka laluan pendidikan yang pelbagai seperti akademik atau vokasional yang sesuai dengan kebolehan murid. Strategi ini juga berperanan penting bagi mengurangkan keciciran persekolahan, memperkukuh kesediaan murid untuk menyambung pengajian ke pendidikan tinggi atau alam pekerjaan, serta menjamin akses pendidikan bermutu kepada murid luar bandar, peribumi dan kumpulan rentan.

Strategi ini turut merangkumi penambahbaikan dasar penawaran bahasa tambahan dan pengoperasian mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan serta penawaran bahasa tambahan lain di sekolah kebangsaan. Usaha ini ke arah memperkaya pengalaman pembelajaran dan meningkatkan kecekapan komunikasi murid. Langkah ini bukan sahaja dapat menyemarakkan perpaduan, menyokong keterangkuman budaya dan kepelbagaian komuniti tetapi juga memperkukuh daya saing murid pada peringkat serantau dan global.

Isu dan Cabaran

Struktur sistem persekolahan sedia ada memerlukan penambahbaikan agar lebih relevan dan menepati perkembangan murid secara holistik. Cabaran yang perlu ditangani adalah seperti yang berikut:

1
Tempoh persekolahan selama 13 tahun yang tidak selaras dengan amalan pendidikan global dan perkembangan murid serta menyebabkan pembaziran masa pembelajaran

2
Daya saing murid Malaysia terjejas kerana kelewatan memasuki alam pekerjaan atau pendidikan tinggi berbanding dengan negara lain

3
Pendidikan prasekolah belum diwajibkan dan bergantung pada pilihan ibu bapa

4
Penawaran bahasa tambahan dan pengoperasian mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan adalah terhad disebabkan pelbagai faktor

Rajah 4.16 Isu dan Cabaran Struktur Persekolahan Kebangsaan

Prakarsa Strategi 2

1
Memperkasakan struktur persekolahan kebangsaan

2
Penambahbaikan dasar penawaran bahasa tambahan serta pengoperasian bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan

Rajah 4.17 Prakarsa bagi Strategi 2

PRAKARSA 1: MEMPERKASAKAN STRUKTUR PERSEKOLAHAN KEBANGSAAN

Prakarsa ini bertujuan memperkasakan struktur persekolahan kebangsaan agar selaras dengan amalan global, merujuk Model Persekolahan K–12.

Model Persekolahan K–12

Definisi

Model K–12 merujuk struktur persekolahan:
K: Prasekolah (Kindergarten , 1 tahun atau lebih).
1–12: Tahun 1 hingga Tahun 12 (peringkat rendah hingga menengah/lepas menengah).



Struktur umum K–12

- Pendidikan prasekolah (1 tahun).
- Sekolah rendah (6 tahun, Tahun 1 – 6)
- Sekolah menengah rendah (3 tahun, Tingkatan 1 – 3).
- Sekolah menengah atas/lepas menengah (3 tahun, Tingkatan 4 – 6).

Ciri–ciri Utama

- Memberikan asas literasi dan numerasi kukuh pada peringkat awal.
- Menyediakan kesinambungan pembelajaran secara progresif dan berfasa.
- Memupuk kemahiran abad ke–21 (pemikiran kritis, kreativiti, kolaborasi).
- Lebih selaras dengan amalan negara maju (contohnya Singapura, Korea Selatan dan Jepun).
- Membolehkan penanda aras antarabangsa yang lebih sepadan (contohnya TIMSS, PISA).

Kelebihan

- Kurikulum lebih menyeluruh dan berstruktur.
- Masa mencukupi untuk pembangunan sahsiah, nilai dan bakat murid.
- Meningkatkan peluang murid untuk bersedia lebih awal ke pendidikan tinggi atau pasaran kerja.
- Menyokong pembangunan modal insan negara jangka panjang.

Struktur persekolahan sedia ada seliaan KPM bermula pada peringkat prasekolah hingga lepas menengah.

Jadual 4.1 Struktur Persekolahan Kebangsaan yang Diselia oleh KPM

Prasekolah (5 – 6 tahun)	Rendah (7 – 12 tahun)	Menengah Rendah (13 – 15 tahun)	Menengah Atas (16 – 17 tahun)	Lepas Menengah (18 tahun ke atas)
• Prasekolah • PERMATA Kurnia	**Akademik** • SK • SJKC • SJKT • SABK • SK (Asli) • SKPK • SBJK • Sekolah Model Khas K9 • Sekolah Model Khas K11 • SDH **Pentaksiran** • PBS • Pentaksiran Alternatif (MBPK)	**Akademik** • SMK • SBP • SBPI • SMAP • SMKA • SABK • SMKPK • Sekolah sukan • Sekolah seni • PPPC • SBJK • Sekolah Model Khas K9 • Sekolah Model Khas K11 • SDH **Pentaksiran** • PBS • Pentaksiran Alternatif (MBPK)	**Akademik** • SMK • SBP • SBPI • SMAP • SMKA • SABK • SMKPK • Sekolah sukan • Sekolah seni • PPPC • SBJK • Sekolah Model Khas K9 • Sekolah Model Khas K11 • SDH **Teknikal dan Vokasional** • SMT • KV • SMPKV **Pentaksiran** • PBS • SPM • Pentaksiran Alternatif (MBPK) • SVM	**Akademik** • Pusat/Kolej Tingkatan Enam • SABK (Tingkatan Enam Dini) • Kolej Matrikulasi • Sekolah Sukan (Prauniversiti) • SBP (Diploma IB) • IPG **Teknikal dan Vokasional** • KV **Pentaksiran** • STPM • STAM • Mengikut institusi

Petunjuk:

- SK – Sekolah Kebangsaan
- SJKC – Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
- SJKT – Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
- SABK – Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
- SKPK – SK Pendidikan Khas
- PBS – Pentaksiran Berasaskan Sekolah
- PKSK – Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus
- SMK – Sekolah Menengah Kebangsaan
- SBP – Sekolah Berasrama Penuh
- SBPI – Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
- SMAP – Sekolah Menengah Agama Persekutuan
- SKM – Sekolah Kurang Murid
- S Confim – Sekolah *Conforming*
- SMKA – SMK Agama
- SMKPK – SMK Pendidikan Khas
- PPPC – Program Pendidikan Pintar Cerdas
- SBJK – Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
- SMT – Sekolah Menengah Teknik
- KV – Kolej Vokasional
- SMPKV – Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
- SPM – Sijil Pelajaran Malaysia
- SVM – Sijil Vokasional Malaysia
- IB – International Baccalaureate
- IPG – Institut Pendidikan Guru
- STPM – Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
- MBPK – Murid Berkeperluan Khas
- SDH – Sekolah Dalam Hospital

Cabaran

1. Kekurangan guru prasekolah yang terlatih dan mencukupi, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
2. Kebanyakan guru prasekolah swasta atau komuniti tidak mempunyai kelayakan profesional yang sesuai.
3. Nisbah murid:guru prasekolah awam mencecah 18:1 di bandar dan 25:1 di luar bandar, melebihi nisbah ideal yang disarankan UNESCO, iaitu sekitar 15:1.
4. Kelewatan murid memasuki pengajian tinggi sekitar usia 19 hingga 20 tahun dan pasaran kerja pada usia 22 hingga 23 tahun.

Kesan

1. Mengehadkan perkembangan awal murid dalam literasi, kemahiran sosial dan sahsiah.
2. Menjejaskan kesinambungan pendidikan prasekolah ke sekolah rendah.
3. Membataskan potensi jangka panjang dalam pembentukan modal insan bermutu dan kesediaan murid menghadapi cabaran masa hadapan.
4. Menjejaskan pembangunan ekonomi Malaysia yang menuju negara tua menjelang tahun 2030 dan mengalami penurunan kadar pertumbuhan penduduk.
5. Penurunan prestasi murid Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa seperti PISA di bawah purata OECD (Rajah 4.18).



Kadar Penyertaan Kasar Prasekolah (GER) Malaysia mencatatkan kadar pendaftaran prasekolah antara 90–94% bagi tempoh tahun 2020–2024. Namun, kadar ini masih di bawah pendaftaran prasekolah negara serantau seperti Vietnam (99.9%) dan Indonesia (95.8%).

Maksud GER Prasekolah

GER prasekolah ialah peratusan jumlah pendaftaran kanak-kanak dalam program prasekolah (tanpa mengira umur) berbanding dengan jumlah populasi kanak-kanak dalam lingkungan umur rasmi prasekolah, biasanya umur 4 tahun hingga 6 tahun (bergantung pada definisi negara).

Maklumat

- **Malaysia termasuk dalam kategori negara berpendapatan sederhana tinggi.**
- **GER untuk umur 4+ hingga 6 tahun bagi kategori negara berpendapatan tinggi ialah: ≈ 92 – 97%.**

Sumber: UNESCO, UNICEF dan KPM

Analisis dan Rumusan

Kadar penyertaan murid prasekolah di Malaysia menghampiri standard negara berpendapatan tinggi (≥ 92 – 97%).

Walau bagaimanapun, Malaysia belum mewajibkan pendidikan prasekolah, berbeza dengan negara seperti Singapura, Filipina dan Korea Selatan yang mewajibkan sekurang-kurangnya satu tahun pendidikan awal atau prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur 4 tahun hingga 5 tahun.

Meskipun Malaysia menghampiri standard negara berpendapatan tinggi, isu seperti jurang akses antara luar bandar dengan bandar, mutu pendidikan awal kanak-kanak dan ketersediaan guru terlatih masih perlu ditangani untuk menepati sepenuhnya maksud **akses bermutu** dalam **Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDG) SDG4.2**:

> **Menjelang tahun 2031, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mempunyai akses kepada pembangunan awal kanak-kanak, penjagaan dan pendidikan prasekolah yang bermutu supaya mereka bersedia untuk pendidikan rendah.**

Sumber: Teks rasmi sasaran UN, 2015









Skor purata murid Malaysia lebih rendah daripada skor purata OECD bagi ketiga-tiga literasi.

Peserta PISA 2022 ialah murid SPM 2023.



Rajah 4.18 Skor Purata Murid Malaysia dalam PISA

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Struktur persekolahan memerlukan transformasi ke arah sistem yang dapat melahirkan murid yang berkemahiran tinggi, berfikir secara kritikal dan mampu menyelesaikan masalah kehidupan sebenar. Latar belakang, kesan dan asas pertimbangan penstrukturan semula persekolahan kebangsaan merujuk Model Persekolahan K-12 telah dikenal pasti.

Struktur Persekolahan Semasa Malaysia, Kesan dan Asas Pertimbangan

Latar Belakang	Kesan Utama	Asas Pertimbangan
Pendidikan wajib di Malaysia meliputi 11 tahun (Tahun 1 – Tingkatan 5) dan murid memulakan persekolahan rendah pada usia 6 tahun (6+).	Graduan Ijazah Sarjana Muda mula pengajian pada usia 19 – 20 tahun, lewat berbanding dengan negara lain (18 – 19 tahun).	1 Negara seperti Vietnam, Singapura, Thailand dan Indonesia telah menyelaras sistem persekolahan kepada Model Persekolahan K-12 dan murid memulakan persekolahan rendah pada usia 6 tahun.
Struktur persekolahan semasa merangkumi 13 tahun persekolahan daripada peringkat rendah hingga lepas menengah. **Rendah** 6 **Menengah** 5 **Lepas Menengah** 2 → 13	Memasuki pasaran kerja pada usia 22 – 23 tahun – lewat dan kurang kompetitif.	2 Negara yang mengamalkan model K-12 menunjukkan peningkatan dalam prestasi pendidikan.
	Ramai murid tidak menyambung pelajaran selepas SPM.	3 Vietnam khususnya menunjukkan peningkatan ketara selepas perubahan kepada sistem K-12.
	Prestasi pentaksiran antarabangsa (TIMSS dan PISA) belum mencapai sasaran.	4 Malaysia sedang menuju status negara tua menjelang tahun 2030 dan perlu menyediakan tenaga kerja pada usia yang lebih awal.
Pendidikan **prasekolah** tidak wajib dan bergantung pada pilihan ibu bapa.	*ROV sistem pendidikan sedia ada tidak memadai untuk mendepani cabaran masa hadapan negara.	5 Meningkatkan peratusan murid yang meneruskan pengajian selepas SPM dan pendidikan tinggi.

*Return on Value (ROV) dalam pendidikan merujuk kepada pulangan menyeluruh hasil pelaburan pendidikan yang merangkumi bukan sahaja pencapaian akademik tetapi juga pembentukan kemahiran abad ke-21, nilai murni, kebolehpasaran, kesejahteraan murid serta impak sosial dan ekonomi jangka panjang.

Rajah 4.19 Struktur Persekolahan Semasa di Malaysia, Kesan dan Asas Pertimbangan Merujuk Model Persekolahan K-12

Perbandingan struktur persekolahan kebangsaan sedia ada dengan cadangan perubahan merujuk Model Persekolahan K–12 adalah seperti yang berikut.

Struktur Semasa	Umur (Tahun)	Merujuk Model Persekolahan K–12	Umur (Tahun)
Lepas Menengah	18 – 19 (17+ – 18+)	Lepas Menengah	17 (16+)
Menengah Atas (Tingkatan 4 – 5)	16 – 17 (15+ – 16+)	Menengah Atas (Tingkatan 4 – 5)	15 – 16 (14+ – 15+)
Menengah Rendah (Tingkatan 1 – 3)	13 – 15 (12+ – 14+)	Menengah Rendah (Tingkatan 1 – 3)	12 – 14 (11+ – 13+)
Sekolah Rendah (Tahun 1 – 6)	7 – 12 (6+ – 11+)	Sekolah Rendah (Tahun 1 – 6)	6 – 11 (5+ – 10+)
Prasekolah (tidak wajib)	4 – 6	Prasekolah (umur 4+ tahun wajib)	4 – 5

Rajah 4.20 Perbandingan Struktur Persekolahan Semasa dengan Merujuk Model Persekolahan K–12

Cabaran dan isu dalam melaksanakan penyesuaian Model Persekolahan K–12

Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] menetapkan enam tahun pendidikan rendah bermula pada umur enam tahun (6+)

Pendidikan prasekolah pada umur enam tahun di Malaysia masih bersifat pilihan dan belum diwajibkan bawah Akta 550

Implikasi utama terhadap cadangan perubahan struktur persekolahan

1. Prasekolah wajib pada umur lima tahun
2. Sekolah rendah bermula pada umur enam tahun
3. Sekolah menengah bermula pada umur 12 tahun
4. Murid menduduki peperiksaan SPM pada umur 16 tahun
5. Pendidikan lepas menengah dalam tempoh satu tahun bermula pada umur 17 tahun

Rajah 4.21 Implikasi utama dalam Melaksanakan Penyesuaian Model Persekolahan K–12

Sebagai pelengkap penjajaran penstrukturan persekolahan kepada Model Persekolahan K–12, Dasar Wajib Pendidikan Prasekolah merupakan perkara penting yang perlu dirangka untuk memastikan semua murid memulakan pembelajaran formal lebih awal dalam persekitaran yang menyokong perkembangan asas literasi, numerasi, sosial, dan emosi. Mewajibkan satu tahun pendidikan prasekolah bukan sahaja meningkatkan tahap kesediaan murid ketika memasuki Tahun 1, tetapi juga bertindak sebagai mekanisme terangkum bagi murid daripada latar sosioekonomi berbeza. Dasar ini juga memacu penambahbaikan terhadap mutu kandungan kurikulum dan kelayakan guru prasekolah serta mendorong peningkatan akses, pendaftaran dan pemantauan bermutu di seluruh negara. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan menyeluruh penyesuaian kepada Model Persekolahan K–12, prakarsa ini dapat mengukuhkan peranan peringkat prasekolah dalam ekosistem pendidikan kebangsaan dan menjadi asas kepada pelaksanaan secara bersepadu.

Prakarsa ini dilaksanakan melalui penetapan kemasukan murid ke pendidikan prasekolah pada umur 5 tahun dan kemasukan ke Tahun 1 pada umur 6 tahun bermula tahun 2027. Pendaftaran murid ke Tahun 1 pada umur 6 tahun bagi tahun 2027 dilaksanakan secara sukarela tertakluk kepada pilihan ibu bapa.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Pembangunan Struktur Persekolahan Merujuk Model Persekolahan K–12

- Menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyelaras pembangunan struktur persekolahan.
- Melaksanakan kajian keperluan, penandaarasan, sesi libat urus dan FGD dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas dan perspektif pelbagai pihak.
- Merangka struktur persekolahan yang menyeluruh, termasuk pendidikan prasekolah wajib.
- Kemasukan murid ke pendidikan prasekolah pada umur 5 tahun pada tahun 2027.
- Kemasukan murid ke Tahun 1 pada umur 6 tahun bermula pada tahun 2027.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Penyediaan Rang Undang-Undang Pendidikan Struktur Baharu Sistem Persekolahan

- Penyediaan, pemurnian dan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri (2029).
- Penyediaan, pemurnian dan kelulusan Rang Undang-Undang (2030).
- Penyediaan arahan pelaksanaan, penataran dan latihan (2030).

Fasa 3
(2031 – 2035)
Pelaksanaan, Penilaian dan Penambahbaikan Struktur Persekolahan dan Pendidikan Wajib Prasekolah

- Pelaksanaan wajib pendidikan prasekolah (2031).
- Pelaksanaan struktur persekolahan baharu secara berfasa.

Rajah 4.22 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

Pelaksanaan struktur persekolahan merujuk Model Persekolahan K–12 dijangka meningkatkan mutu dan kesaksamaan pendidikan dengan menyediakan laluan pembelajaran seawal umur lima tahun. Pelaksanaan yang progresif dan berstruktur ini dapat merapatkan jurang pembelajaran dan memperkukuh kemahiran abad ke–21, seterusnya mengurangkan kadar keciciran dalam sistem.

PRAKARSA 2: MENAMBAH BAIK DASAR PENAWARAN BAHASA TAMBAHAN SERTA PENGOPERASIAN BAHASA CINA DAN BAHASA TAMIL



Kepelbagaian bangsa dan etnik di seluruh dunia telah mewujudkan lebih 7000 bahasa seperti dilaporkan dalam *Languages Matter: Global Guidance on Multilingual Education* (UNESCO, 2025). Faktor migrasi dalaman dan antarabangsa turut meningkatkan kepelbagaian bahasa termasuk di bilik darjah. Pada masa yang sama, revolusi digital menjadikan pembelajaran pelbagai bahasa lebih mampu milik dan efisien. Pendidikan pelbagai bahasa dapat menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan peluang pendidikan tinggi serta kebolehpasaran kerja. Manfaat ini termasuk memelihara warisan bahasa dan budaya, di samping membantu komuniti tertentu melestarikan bahasa ibunda mereka.

Prakarsa ini juga dapat meningkatkan keyakinan ibu bapa terhadap sekolah kebangsaan sebagai institusi yang menawarkan pendidikan menyeluruh dan terangkum. Terdapat pola peningkatan enrolmen murid pelbagai latar belakang kaum ke sekolah jenis kebangsaan tertentu. Statistik kemasukan murid bumiputera ke sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) dilaporkan meningkat pada tahun 2023 dan tahun 2024. Fenomena ini menunjukkan permintaan ibu bapa untuk mendapatkan akses pendidikan yang menawarkan kelebihan penguasaan bahasa tambahan seperti mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Usaha menawarkan bahasa tambahan lain merupakan langkah strategik untuk mengekalkan daya saing SK sebagai pilihan utama ibu bapa pelbagai kaum. Cadangan bahasa tambahan lain seperti bahasa Thai, bahasa Lao dan bahasa Vietnam ditawarkan mengikut kesesuaian lokaliti sekolah dengan pelaksanaan berperingkat melalui sokongan guru terlatih, pembelajaran digital dan kerjasama serantau.

Dalam usaha untuk menambah baik dasar penawaran bahasa tambahan serta pengoperasian bahasa Cina dan bahasa Tamil di SK, beberapa kekangan masih perlu ditangani bagi memastikan pelaksanaannya lebih terangkum, berkesan dan mampan.

Cabaran dan Isu

1
Penawaran mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil yang masih belum merangkumi semua SK

2
Kekurangan pendidik berkelayakan dan terlatih untuk mengajar bahasa tambahan

3
Sumber pembelajaran dan bahan kurikulum digital yang terhad

4
Kekangan fasiliti yang perlu diberikan perhatian untuk diselenggara

Rajah 4.23 Cabaran dan Isu Berkaitan dengan Penambahbaikan Dasar Penawaran Bahasa Tambahan serta Pengoperasian Bahasa Cina dan Bahasa Tamil

Pelaksanaan prakarsa ini dirancang secara berperingkat bagi memastikan dasar, keupayaan pelaksana dan model pengajaran dapat dibangunkan secara teratur dan berkesan. Setiap fasa yang dikenal pasti memberikan tumpuan kepada persediaan dasar, penilaian kebolehlaksanaan dan perluasan penawaran secara berstruktur. Perkara ini dengan mengambil kira keutamaan pembangunan pendidik, sumber pembelajaran serta kerjasama strategik dalam dan luar negara.



GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Penambahbaikan Dasar Penawaran dan Pengoperasian Bahasa Tambahan (BC dan BT)**	• Penyediaan dan kelulusan kertas cadangan dasar penawaran dan pengoperasian bahasa tambahan (BC dan BT). • Penyelarasan dan pengoperasian bahasa tambahan (BC dan BT) di SK.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Kajian Kebolehlaksanaan Bahasa Tambahan Lain**	• Kajian kebolehlaksanaan bahasa tambahan lain. • SLU dan FGD bahasa tambahan lain. • Pembangunan kerangka penawaran bahasa tambahan lain.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Penawaran Bahasa Tambahan Lain**	• Menjalinkan kerjasama dengan institusi bahasa dalam dan luar negara. • Penyediaan dan kelulusan kertas cadangan dasar bahasa tambahan lain. • Pembangunan sumber kepakaran bahasa (latihan, linguistik, pedagogi, bahasa). • Rintis penawaran bahasa tambahan lain. • Penawaran bahasa tambahan lain.

Rajah 4.24 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 2

Pelaksanaan prakarsa ini bukan sahaja bertujuan untuk menyediakan pilihan bahasa yang lebih luas di SK, tetapi juga membentuk murid yang berpengetahuan, bertoleransi dan bersedia bersaing pada peringkat global. Melalui latihan guru, pembangunan bahan digital dan sistem pemantauan berasaskan data, usaha ini dijangka memberikan impak yang menyeluruh kepada perpaduan sosial, pembangunan pendidikan bermutu dan keupayaan negara bersaing dalam ekonomi serantau. Oleh yang demikian, setiap hasil yang dicadangkan menyumbang secara langsung kepada peningkatan kemahiran bahasa murid, motivasi guru serta pengukuhan hubungan antara komuniti dalam negara dan juga pada peringkat global.



Rajah 4.25 Hasil Strategik Mampu Memperluas Penguasaan Bahasa Tambahan dan Membawa Manfaat Sosioekonomi serta Integrasi Serantau

Prakarsa untuk menambah baik dasar penawaran bahasa tambahan serta pengoperasian bahasa Cina dan bahasa Tamil ini merupakan langkah strategik untuk memperkukuh perpaduan serta meningkatkan mutu pembelajaran. Selain itu, prakarsa ini juga dapat menyediakan murid dengan keupayaan komunikasi yang relevan pada peringkat serantau dan global. Pelaksanaan latihan guru yang menyeluruh, pembangunan sumber digital dan pemantauan berasaskan data pula dapat memastikan pelaksanaan prakarsa ini lebih terarah dan berkesan. Melalui sokongan yang berterusan daripada ekosistem pendidikan, usaha ini dapat memperluas akses bagi pembelajaran bahasa. Seiring dengan itu, prakarsa ini turut dapat menyumbang pembangunan modal insan yang berdaya saing dalam ekonomi masa hadapan serta menjadi bahasa tambahan untuk penyertaan pada peringkat setempat dan global.

STRATEGI 3: PENTAKSIRAN DAN PEPERIKSAAN KEBANGSAAN



Strategi ini memberikan tumpuan kepada usaha memperkukuh sistem pentaksiran dan peperiksaan kebangsaan. Strategi ini mengemukakan satu prakarsa penting yang berperanan secara menyeluruh bagi mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran, kepercayaan masyarakat terhadap sistem pendidikan dan kesinambungan laluan pendidikan dan kerjaya murid.

Dapatan Kajian Berkaitan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Black dan Wiliam (1998) dan OECD (2023) mendapati bahawa penekanan berlebihan terhadap penilaian sumatif dan peperiksaan berpusat telah mengabaikan pembangunan holistik serta tidak mencerminkan kemahiran abad ke-21 yang diperlukan. Sistem pentaksiran perlu digerakkan ke arah pendekatan yang lebih autentik, formatif dan menyeluruh dengan menitikberatkan aspek sahsiah, pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran insaniah.

Darling-Hammond *et al.* (2021) menekankan bahawa pentaksiran yang berkesan perlu menyediakan maklum balas formatif dan menjadi cerminan kepada proses pembelajaran guru dan murid. Latihan guru sebagai pentaksir profesional dan penggunaan instrumen yang sahih ialah elemen penting untuk menjamin sistem pentaksiran yang adil dan telus.

Mok Soon Sang (2021) dan Roselan Baki (2020) menyatakan bahawa transformasi sistem pentaksiran kebangsaan perlu lebih holistik dan berorientasikan murid. Pelaporan perlu berpaksikan kompetensi dan pembangunan menyeluruh murid dari segi kognitif, emosi, sosial dan sahsiah. Pemerkasaan pentaksiran kebangsaan harus dijadikan komitmen strategik untuk melahirkan generasi berdaya saing sejajar dengan keperluan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan perubahan global.

Terdapat beberapa isu dan cabaran utama yang perlu ditangani dalam usaha memperkasakan pentaksiran dan peperiksaan kebangsaan.



Isu dan Cabaran

1
Kebergantungan terhadap peperiksaan sumatif yang menekankan hafalan dan jawapan standard

2
Mengehadkan perkembangan kemahiran seperti kreativiti, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah

3
Mewujudkan tekanan emosi serta persekitaran pembelajaran yang kurang holistik

4
Latihan kepada pendidik terhadap pelaksanaan pentaksiran tidak konsisten

5
Struktur pentaksiran yang kurang responsif terhadap perubahan global, digitalisasi pendidikan dan keperluan murid berbeza upaya

Rajah 4.26 Isu dan Cabaran

Prakarsa Strategi 3

1

Memperkasakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan

Rajah 4.27 Prakarsa bagi Strategi 3

PRAKARSA 1: MEMPERKASAKAN PENTAKSIRAN KEBANGSAAN

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) perlu diperkasakan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi melahirkan insan sejahtera, prakarsa ini memberikan tumpuan kepada pemerkasaan PBS untuk menyokong perkembangan murid secara menyeluruh, seiring dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Cabaran utama dalam pelaksanaan PBS ialah keberkesanan pelaksanaan yang belum menggambarkan kemajuan sebenar murid dan keyakinan masyarakat.



Dasar Pendidikan Kebangsaan merujuk rangka kerja utama yang menjadi panduan hala tuju, prinsip dan matlamat sistem pendidikan Malaysia. Dasar ini bertujuan membangunkan **modal insan yang seimbang, berpengetahuan, berkemahiran dan berakhlak mulia** sejajar dengan keperluan negara dan cabaran global. Dasar ini digubal berasaskan **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** dan diperincikan dalam pelbagai rancangan strategik dan perundangan seperti **Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]**.

Ciri-ciri Utama Dasar Pendidikan Kebangsaan

Berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Pendidikan untuk semua
Menjamin akses dan ekuiti pendidikan bermutu tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang sosioekonomi.

Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama
Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan memperkukuh bahasa Inggeris melalui dasar MBMMBI.

Penggunaan kurikulum kebangsaan
Kurikulum kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua institusi pemdidikan dibawah sistem pendidikan kebangsaan.

Peperiksaan
Murid menduduki peperiksaan yang sama.

Sumber: KPM 2017

Rajah 4.28 Dasar Pendidikan Kebangsaan



Rajah 4.29 Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Salah tanggapan terhadap pentaksiran

Konsep pentaksiran pendidikan kurang difahami sepenuhnya oleh guru, ibu bapa dan masyarakat.

Pelaksanaan PBS yang kurang berkesan

- Guru belum dilatih dan diperakui sepenuhnya sebagai pentaksir yang kompeten.
- Kepakaran dalam pentaksiran pendidikan tidak diiktiraf atau dirujuk.
- Kurang keberanian untuk melaksanakan autonomi pada peringkat sekolah.
- Penjaminan mutu PBS tidak dilaksanakan dengan sewajarnya.

Penolakan dan kurang pengiktirafan terhadap PBS

- Orang awam dan pemegang taruh kurang yakin terhadap pelaksanaan PBS disebabkan kekurangan maklumat, piawaian yang kurang jelas serta isu kredibiliti guru dalam penghasilan data dan laporan pentaksiran berikutan isu pengesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dihasilkan.
- Penggunaan data pentaksiran PBS sebagai rujukan mobiliti masih terhad.

Prakarsa ini bertujuan memperkasakan sistem pentaksiran kebangsaan dengan memperkukuh PBS agar dapat mencerminkan perkembangan holistik murid, kemajuan pembelajaran dan kesediaan menghadapi dunia sebenar.



Rajah 4.30 Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan

Berdasarkan isu dan cabaran yang dihadapi, pemantapan pelaksanaan PBS penting bagi pemerkasaan sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan.

Memperkasakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) dilaksanakan dalam tiga fasa.

Fasa 1
Menyusun Semula Tujuan dan Struktur Pentaksiran

Menambah baik kerangka pentaksiran pendidikan yang holistik dan seimbang selaras dengan tahap perkembangan dan nilai murid.

Fasa 2
Memperkukuh Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Meningkatkan kapasiti guru dan membina trajektori pembelajaran melalui pentaksiran autentik untuk memperkukuh mutu dan kebolehpercayaan PBS.

Fasa 3
Pelaporan dan Pensijilan yang Lebih Bermakna

Mengiktiraf perkembangan murid secara menyeluruh melalui gabungan data peperiksaan kebangsaan dan PBS.



Rajah 4.31 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1

Prakarsa yang ditunjukkan bertujuan mewujudkan satu sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan yang menyeluruh dan diiktiraf bagi tempoh 2026 – 2035 dengan pelibatan bahagian di KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi. Pelaksanaan yang terancang dan berstruktur dapat menyokong pembinaan sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan yang lebih menyeluruh, seimbang dan terangkum. Usaha ini bagi memperkukuh keupayaan sistem pendidikan negara dalam usaha melahirkan generasi murid yang berdaya tahan, berkemahiran dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Meningkatkan Kesedaran	Memperkukuh Pelaksanaan PBS	Meningkatkan Tahap Penerimaan dan Pengiktirafan PBS
Meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang konsep pentaksiran melalui rancangan komunikasi yang lebih berkesan (media, artikel, media sosial, buku dan sebagainya).	**Pembangunan Kapasiti Pendidik** **Pensijilan Pentaksir** • Meningkatkan kemahiran dan melatih guru dalam perkhidmatan agar diperakui sebagai pentaksir yang kompeten. • Mewujudkan program untuk memperakui guru praperkhidmatan sebagai pentaksir pendidikan. **Pakar Rujuk (*Subject Matter Expert* – SME) dalam Pentaksiran Pendidikan** • Menggalakkan autonomi melalui pengukuhan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan pentaksiran dalam kalangan guru/pemimpin. **Penjaminan Mutu Pentaksiran dengan Menggunakan Data Sedia Ada untuk Memperkukuh Akauntabiliti Pemimpin Sekolah dalam Pelaksanaan Pentaksiran** **Teknologi sebagai Pemudah Cara** • Menyediakan instrumen PBD yang bersifat adaptif. • Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan PBD, PAJSK, PPsi dan PP.	• Mereka bentuk pelaporan PBS yang bertumpukan kepada perkembangan murid yang melengkapi pelaporan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). • Meningkatkan pelibatan komuniti dalam pelaksanaan PBS. • Memperoleh pengiktirafan pelaporan akhir PBS daripada kementerian berkaitan agar pelaporan akhir PBS diterima sebagai rujukan kepada pihak lain, seterusnya dapat meningkatkan keyakinan awam. • Menggalakkan perkongsian dan penggunaan data pentaksiran untuk penambahbaikan pembelajaran. • Pelaksanaan pentaksiran pusat bagi murid Tahun 4 bermula tahun 2026 dan murid Tingkatan 3 pada tahun 2027. Pentaksiran pusat ini dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan.

Rajah 4.32 Langkah strategik di bawah Prakarsa Memperkasakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan

Prakarsa ini dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2026 hingga tahun 2035. Prakarsa jangka pendek dilaksanakan dalam tempoh dua tahun bermula tahun 2026 sehingga tahun 2027, manakala prakarsa jangka sederhana dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun bermula tahun 2028 hingga tahun 2030. Prakarsa jangka panjang diteruskan dalam tempoh lima tahun bermula tahun 2031 sehingga tahun 2035.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Memperkasakan Dasar Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan

- Menambah baik kerangka sistem pentaksiran kebangsaan.
  - Matlamat SPPK.
  - Struktur sistem pentaksiran.
  - Strategi dan pendekatan.
  - Pelaporan akhir PBS dan peperiksaan pusat.
- Pelaksanaan pentaksiran pusat murid Tahun 4 bermula tahun 2026 dan pentaksiran pusat Tingkatan 3 bermula tahun 2027 kendalian Lembaga Peperiksaan.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Membangunkan Sumber Kepakaran Pentaksiran Pendidik

- Pembangunan sumber kepakaran pentaksiran pendidik dari pelbagai aspek.
  - Keupayaan profesional dalam pentaksiran pendidikan.
  - Memacu laluan perkembangan pembelajaran murid (profil).
  - Pengiktirafan kepakaran dalam pentaksiran.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Penambahbaikan Pelaporan Pentaksiran

- Memperkukuh pelaporan perkembangan murid secara holistik melalui gabungan data akhir PBS dan peperiksaan pusat.



Rajah 4.33 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1



Matlamat prakarsa adalah untuk mewujudkan satu sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan yang menyeluruh, diiktiraf dan dipercayai. Pelaksanaan SPPK, terutama PBS dapat menyokong pembangunan profil murid secara holistik bagi membolehkan pengiktirafan yang lebih luas terhadap potensi dan pencapaian murid dalam pelbagai aspek.

Cadangan untuk memperkasakan SPPK bagi memperkukuh keberkesanan transformasi pentaksiran pendidikan

Penggunaan portfolio digital berasaskan perkembangan murid secara berterusan – diperkasakan melalui sistem profil digital yang menyeluruh, iaitu murid mengumpul *badge* atau bukti pembelajaran dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 sebagai sebahagian pelaporan akhir. Hal ini dapat memperkukuh pemantauan perkembangan holistik murid dan meningkatkan ketelusan serta kebolehpercayaan pelaporan kepada ibu bapa, pihak berkepentingan dan masyarakat.

Reformasi SPM secara modular dan bertahap – menyusun semula struktur pelaksanaan SPM supaya lebih luwes dan mencerminkan keupayaan sebenar murid, contohnya melalui pendekatan modular, iaitu murid atau calon SPM menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran yang dipelajari dalam tempoh tersebut dan gred yang diperoleh calon dalam tempoh tersebut. Pendekatan penggredan ini adalah seperti model pentaksiran di New Zealand.

Penyemakan semula struktur ganjaran dan KPI sekolah – prestasi sekolah tidak hanya berasaskan keputusan peperiksaan akhir (sumatif) seperti SPM tetapi juga mengambil kira perkembangan atau kemajuan murid secara individu (value-added learning) bagi membolehkan pentadbir memberikan perhatian kepada semua murid tanpa tekanan untuk mengejar gred purata sekolah semata-mata.



Kejayaan dalam pemerkasaan sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan memerlukan komitmen menyeluruh daripada semua pihak. Reformasi pentaksiran pendidikan kebangsaan yang menyeluruh merupakan transformasi budaya pendidikan negara ke arah pembangunan murid yang bersepadu dan bermutu. Oleh yang demikian, rancangan ini menyasarkan hasil pendidikan seperti yang berikut:

1. Menambah baik kerangka Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan dari segi matlamat SPPK, struktur pentaksiran pendidikan, strategi dan pendekatan serta pelaporan akhir PBS dan peperiksaan pusat.
2. Semua pendidik diberi latihan berterusan dalam bidang pentaksiran pendidikan bagi memperkukuh keupayaan profesional dan seterusnya dapat memberikan tumpuan kepada laluan pembelajaran serta kerjaya murid. Pendekatan pentaksiran autentik akan meningkatkan mutu dan kebolehpercayaan PBS.
3. Memperoleh pengiktirafan terhadap perkembangan murid secara menyeluruh melalui pelaporan akhir (integrasi data) PBS dan peperiksaan pusat.

Pelibatan pakar pentaksiran yang bertauliah dan latihan berterusan kepada pendidik dapat memastikan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran yang selaras dengan standard mutu nasional yang dirancang serta dapat meningkatkan kebolehpercayaan. Melalui prakarsa ini, data pentaksiran juga boleh diintegrasikan dengan program intervensi sekolah untuk penambahbaikan sistem sokongan pembelajaran murid pada peringkat sekolah dan daerah. Selain itu, kurikulum kebangsaan dan garis panduan pelaporan yang telah disemak semula dibuat untuk menyokong pendekatan pentaksiran berasaskan perkembangan.

Secara keseluruhan, prakarsa ini merupakan satu anjakan penting dalam usaha memperkasakan sistem pentaksiran negara ke arah memperkukuh mutu pendidikan dan kepercayaan masyarakat terhadap sistem pendidikan negara.

PEMBOLEH DAYA: MEMBANGUNKAN KERANGKA SISTEM INDEKS DALAMAN PRESTASI INSTITUSI PENDIDIKAN SECARA BERSEPADU

Bagi memastikan mutu pendidikan yang berterusan, semua institusi pendidikan KPM perlu dinilai melalui penarafan standard dan bersepadu merangkumi aspek PdP.

Semua institusi pendidikan KPM perlu dinilai melalui penarafan standard dan bersepadu bagi memastikan mutu dan keterjaminan pendidikan yang berterusan kerana KPM komited untuk menyediakan pendidikan yang terbaik kepada murid. Aspek yang dinilai ialah PdP, kelayakan pendidik, prasarana fizikal dan digital, keselamatan sekolah, pencapaian akademik, sahsiah murid dan inovasi. Sistem ini mengukur mutu institusi berdasarkan skala indeks bersepadu. Penilaian sistem ini dicadangkan supaya dinilai setiap tahun bagi memastikan keberkesanan serta kesesuaiannya dengan perkembangan semasa.



Kelebihan Kerangka dan Instrumen Standard Penarafan Institusi Pendidikan Bersepadu

Prakarsa ini memperkukuh mutu dan prestasi institusi pendidikan KPM bagi memastikan jaminan mutu dan keterangkuman yang berterusan, seterusnya dipantau melalui papan pemuka (dashboard).

Skala indeks bersepadu penarafan berdasarkan kriteria standard, pemantauan dan audit berasaskan data, penyelarasan dengan piawaian antarabangsa, transparensi dan pelibatan pihak berkepentingan serta meningkatkan akauntabiliti institusi pendidikan.

Pemantauan yang telus dan sistematik bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan aspek sistem lebih awal dan melaksanakan pengukuhan dan penambahbaikan yang berterusan.

Sistem ini turut diselaraskan dengan piawaian antarabangsa seperti PISA dan TIMSS bagi memastikan mutu pendidikan Malaysia setanding dengan negara maju serta memudahkan pengiktirafan global.



Institusi pendidikan di KPM menggunakan sistem penarafan yang berbeza pada pelbagai peringkat. Hal ini menyebabkan pemantauan menjadi kurang berfokus dan perancangan pendidikan tidak berasaskan data serta menyebabkan implikasi kewangan pendidikan.

Jadual 4.2 Sistem Penilaian Prestasi Sedia Ada

Institusi	Nama Instrumen	Kriteria yang Dinilai
Prasekolah	Standard Mutu Prasekolah Kebangsaan (SKPK) 2.0	Pendidik, pengajaran, staf, prasarana, persekitaran digital serta sokongan komuniti dan ibu bapa.
Sekolah	Standard Mutu Pendidikan Malaysia (SKPM) –Mutu @ Sekolah (SK@S)	Pendidik, tadbir urus, kurikulum, pelibatan ibu bapa dan aspek kesihatan serta keselamatan untuk tujuan penilaian kendiri dan penambahbaikan mutu prasekolah.
	Sistem Penarafan Keselamatan Sekolah (SPKS)	Keselamatan sekolah meliputi pengurusan aktiviti murid, prasarana keselamatan, pengurusan sosial, krisis, risiko dan perkhidmatan pengawal keselamatan untuk penarafan kendiri oleh sekolah.
Kolej Vokasional	Penilaian Kecemerlangan TVET (ACeTVET)	Pengurusan organisasi, pelibatan, pencapaian, program antarabangsa, inovasi, pertandingan kemahiran dan keusahawanan.
Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK)	Standard Penarafan IPG – MyTARAF	Kepimpinan, pensyarah, penyelidikan, prasarana, kurikulum, pelajar, dan latihan untuk mengenal pasti kekuatan dan kekurangan bagi penambahbaikan berterusan.

Prakarsa ini bertujuan membangunkan kerangka dan instrumen penilaian bersepadu untuk semua institusi pendidikan di KPM yang merangkumi pelbagai dimensi termasuk pencapaian akademik, kebolehpasaran graduan, mutu pengajaran, fasiliti dan sumber, kepuasan murid serta inovasi dan penyelidikan. Perkara ini membolehkan pemantauan prestasi di institusi pendidikan secara menyeluruh, adil dan berasaskan data, dilaksanakan secara konsisten, seterusnya membantu mengenal pasti ruang penambahbaikan.

KES UNTUK PERUBAHAN

Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperkenalkan sistem penilaian institusi bersepadu untuk memantau mutu pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Melalui sistem penilaian ini, KPT dapat menawarkan sokongan dan bantuan yang bersasar kepada IPTA dan IPTS.

Jadual 4.3 Sistem Penilaian Institusi Bersepadu KPT

Institusi	Nama Instrumen	Kriteria yang Dinilai
Universiti/Kolej Universiti	Sistem Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA)	Pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perkhidmatan, dan pengiktirafan graduan dan reputasi untuk universiti dan kolej universiti.
Kolej Swasta	Sistem Penilaian Mutu dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST)	Mutu pelajar, kewangan, pengurusan mutu, pengiktirafan program, serta pengiktirafan graduan dan reputasi institusi untuk kolej swasta.

Melalui prakarsa ini, pelaporan serta analisis berkala yang lebih tepat dan berasaskan bukti dapat disediakan secara berpusat dan bersepadu. Platform sepunya untuk pengumpulan data dan penjanaan maklumat dibangunkan melalui satu sistem bersepadu. Pendekatan ini membolehkan standard pendidikan ditingkatkan secara menyeluruh, iaitu pemprofilan setiap institusi pendidikan dikenal pasti untuk keperluan latihan pendidik, penambahbaikan kemudahan, bahan sokongan PdP dan penyelarasan kurikulum sekiranya piawaian minimum tidak dicapai.



KONSEP



Setiap institusi pendidikan perlu melalui pemantauan berkala seperti audit pendidikan, laporan penilaian berkala serta maklum balas daripada pendidik, murid dan ibu bapa. Langkah ini memastikan semua institusi pendidikan dinilai dan dipantau melalui indeks bersepadu bagi memastikan kesetaraan dan standard yang tinggi diukur secara sistematik. Penggunaan bank data yang responsif penting bagi mengukur prestasi pendidikan melalui analisis data analitik untuk perancangan pendidikan.

Melalui skala indeks bersepadu yang dijana berdasarkan kriteria standard yang jelas daripada aspek mutu kurikulum, prasarana fizikal dan digital, pengajaran, pencapaian akademik dan kokurikulum serta pentadbiran, KPM dapat memberikan maklumat yang jelas berkaitan dengan prestasi institusi pendidikan dan membantu masyarakat membuat pilihan.

Aspek mutu yang diukur dalam sistem penarafan institusi pendidikan bersepadu turut mengambil kira elemen utama dalam sistem penarafan sedia ada di KPM (Rajah 4.34). Pengukuran mutu penarafan institusi pendidikan KPM adalah berdasarkan skala indeks bersepadu. Skala indeks bersepadu merupakan nilai pengukuran yang dibangunkan untuk menentukan tahap prestasi institusi pendidikan. Setiap elemen dinilai berdasarkan pemberat yang ditentukan supaya dapat mewakili ekuiti setiap institusi pendidikan dan tidak berat sebelah. Setiap institusi mempunyai penilaian tahap prestasi institusi masing-masing.



Rajah 4.34 Aspek yang Diukur dalam Sistem Indeks Dalaman Prestasi Institusi Pendidikan Bersepadu

Peningkatan mutu institusi pendidikan secara berterusan dicapai melalui pengukuran skala indeks bersepadu yang diberikan kepada setiap institusi pendidikan. Tiga fasa pelaksanaan adalah seperti yang berikut.



Rajah 4.35 Garis Masa Pelaksanaan Pemboleh Daya

Proses pembentukan skala indeks bersepadu bagi pengukuran perkara dalam sistem indeks dalaman prestasi institusi pendidikan KPM adalah seperti Rajah 4.36. Sebagai contoh, hasil akhir sistem membolehkan pemetaan skor prestasi bagi setiap kategori institusi (Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Kolej Vokasional dan lain-lain) ditunjukkan dalam Rajah 4.37 dan seterusnya dapat membantu meningkatkan mutu institusi dengan penambahbaikan yang berterusan dan menoktahkan jurang pendidikan.



Rajah 4.36 Aspek Penambahbaikan yang Dapat Dilaksanakan Menggunakan Skala Indeks Bersepadu





Indikator	Penilaian (cth. 1 – 5)	Pemberat	Skor (Penilaian x pemberat)
Akademi	2	25%	0.50
Kebolehpasaran murid	4	15%	0.60
Mutu pengajaran	3	20%	0.60
Fasiliti dan sumber	2	15%	0.30
Kepuasan murid	1	15%	0.15
Inovasi dan penyelidikan	2	10%	0.20
Jumlah		**100%**	**2.35**

Rajah 4.37 Contoh Hasil Akhir Sistem – Pemetaan Skor Prestasi

Pola prestasi setiap institusi juga dianalisis bagi tujuan menyokong operasi dasar dan interensi pada peringkat sistem (Rajah 4.38). Tumpuan utama adalah untuk membantu pihak pengurusan mengenal pasti institusi yang memerlukan sokongan tambahan, memperkukuh keupayaan institusi yang kurang berdaya saing serta memacu penambahbaikan berasaskan bukti dan bersasar untuk seluruh sistem.



Rajah 4.38 Contoh Penggunaan Indeks Prestasi Sekolah

Pengumpulan data bagi setiap institusi dibuat melalui penilaian kendiri dan audit berkala. Pemantauan dan audit berkala dapat mengenal pasti pengekalan institusi cemerlang atau institusi yang memerlukan perhatian. Akhirnya, sistem dapat disokong untuk meningkatkan akauntabiliti institusi pendidikan. Pelaksanaan sistem ini turut menyokong hala tuju pembangunan pendidikan seperti pengagihan peruntukan dan penambahbaikan latihan pendidik untuk mutu pengajaran yang lebih baik.

Dengan adanya sistem indeks prestasi yang menyeluruh dan bersepadu, setiap institusi dinilai secara objektif dan sistematik. Pulangan pelaburan dalam pendidikan dapat diukur dengan lebih tepat untuk tindakan susulan yang efektif oleh kementerian dan agensi. Laporan prestasi yang menyeluruh meningkatkan kepercayaan dan keterlibatan pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, pentadbir, pendidik, ibu bapa dan komuniti untuk sistem pendidikan, sekali gus membantu KPM mencapai aspirasi yang diharapkan.

4.4 KESIMPULAN

Pelaksanaan Teras Strategik 1 memastikan sistem pendidikan Malaysia yang terangkum, dinamik dan relevan melalui RPM 2026 – 2035. Pelaksanaan ini memberikan penekanan terhadap pembugaran dasar pendidikan secara holistik melalui amalan terbaik global yang disesuaikan dengan konteks tempatan. Matlamat keseluruhan adalah untuk melahirkan insan sejahtera yang bersedia menghadapi cabaran masa hadapan, berinovasi dan berdaya saing. Dalam konteks ini, teras ini memacu aspirasi sistem pendidikan negara agar lebih kompetitif pada peringkat global serta memastikan peluang pendidikan yang adil dan berkesan untuk semua lapisan masyarakat.



BAB 5

TERAS STRATEGIK 2 | MENGOPTIMUMKAN POTENSI SETIAP MURID MELALUI PENGALAMAN PEMBELAJARAN YANG BERMAKNA UNTUK MENJADI WARGANEGARA GLOBAL



RINGKASAN

Teras Strategik 2 memberikan tumpuan terhadap pembangunan murid secara menyeluruh bagi melahirkan generasi yang seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi, rohani dan sosial. Matlamat utama Teras Strategik 2 adalah untuk memastikan setiap murid memperoleh pengalaman pembelajaran yang bermakna dan relevan dengan cabaran semasa.

Usaha memperkukuh potensi murid dilaksanakan melalui empat strategi utama yang saling melengkapi. Strategi pertama memberikan tumpuan kepada reformasi kurikulum berorientasikan kompetensi dan masa hadapan dengan penekanan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti dan pembelajaran berasaskan nilai. Strategi kedua menumpukan peningkatan kemahiran asas dan kemahiran abad ke-21 untuk kehidupan dan kerjaya murid pada masa hadapan. Strategi ketiga memberikan ruang kepada pembangunan bakat murid dalam bidang STEM, TVET, sukan dan seni agar keunikan potensi setiap murid dapat digilap dan dimanfaatkan sepenuhnya. Strategi keempat menekankan pembentukan karakter dan kesejahteraan murid secara menyeluruh melalui usaha memperkukuh kesihatan mental, nilai moral, integriti dan daya tahan.

Pelaksanaan Teras Strategik 2 turut disokong oleh dua pemboleh daya utama, iaitu akses terangkum bagi menjamin peluang pendidikan yang saksama kepada semua murid dan pentaksiran pintar yang menggunakan teknologi serta AI untuk menilai kemajuan individu secara holistik. Pendekatan yang holistik ini berupaya melahirkan generasi masa hadapan yang berpengetahuan, beridentiti kukuh serta bersedia untuk menyumbang kepada kemajuan negara dan kesejahteraan sejagat.

5.1 PENGENALAN DAN RASIONAL

Sistem pendidikan memberikan ruang kepada perkembangan murid mengikut kompetensi, minat dan gaya pembelajaran masing-masing. Usaha ini berupaya mengoptimumkan potensi setiap murid secara seimbang dan harmoni.

Pengalaman pembelajaran yang bermakna berfungsi sebagai jambatan antara ilmu dengan kehidupan sebenar. Pembelajaran bukan sahaja menyemai ilmu, tetapi juga menjadi proses pembentukan karakter yang mempunyai nilai kemanusiaan sejagat, empati dan kesedaran sivik untuk menjadi warganegara global. Oleh itu, KPM berusaha melahirkan murid yang bersedia untuk menghadapi cabaran masa hadapan dengan merangka pelbagai strategi dan prakarsa di bawah Teras Strategik 2.



5.2 KEADAAN SEMASA

Laporan antarabangsa seperti *The OECD Learning Compass 2030*, *OECD Education Policy Outlook 2024* dan OECD *Education at a Glance 2025* jelas menunjukkan bahawa pendidikan global kini bergerak ke arah pembangunan insan yang lebih holistik, adaptif dan berteraskan nilai kemanusiaan. Laporan ini menekankan kreativiti, daya tahan, penggunaan teknologi pintar serta pelaburan berterusan dalam pendidikan asas dan profesionalisme guru bagi mewujudkan sistem pendidikan yang melangkaui penyampaian kandungan secara tradisional.

Kejayaan sistem pendidikan di negara luar merupakan hasil pendekatan yang strategik dan bersasar.

FINLAND

Finland, meskipun mencatat sedikit penurunan dalam beberapa kitaran PISA, masih melebihi purata OECD dalam semua domain. Keadaan ini merupakan hasil pelaburan besar dalam pembelajaran awal, intervensi berstruktur dan profesion keguruan yang berstatus tinggi.

SINGAPURA

Singapura terus mendominasi TIMSS 2023 dengan pencapaian tertinggi dalam domain Matematik dan Sains, dipacu oleh pembangunan profesional guru yang mantap, kurikulum STEM berorientasikan masa hadapan dan penggunaan teknologi pembelajaran secara meluas.

KOREA SELATAN

Korea Selatan pula mengekalkan prestasi PISA yang konsisten melalui penjajaran kukuh antara kurikulum, pasaran kerja dan keperluan industri berteknologi tinggi.

JEPUN

Jepun kekal unggul dalam literasi, numerasi dan sains melalui pendekatan *whole-child development* yang menyeimbangkan akademik, disiplin dan pembentukan karakter murid secara holistik.

VIETNAM

Vietnam telah membuktikan bahawa status sebagai negara berpendapatan sederhana bukan penghalang untuk cemerlang dalam PISA apabila negara ini berjaya menghampiri purata negara OECD melalui budaya pembelajaran yang kukuh dan dasar pendidikan yang terangkum.

CHINA

China, khususnya wilayah seperti Shanghai, Beijing, Jiangsu dan Zhejiang, sering tergolong dalam kelompok negara dengan pencapaian terbaik di dunia bagi subjek Matematik dan Sains. Namun begitu, kini kerajaan China sedang giat melaksanakan reformasi kurikulum bagi mengimbangi antara ketekunan akademik dengan kreativiti murid.

INDIA

India, melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan 2020 memberikan penekanan terhadap kesaksamaan dalam pendidikan, integrasi digital, pembelajaran berasaskan kompetensi dan pemupukan kemahiran abad ke-21 demi memenuhi tuntutan masa hadapan.

TURKIYE

TIMSS 2023 turut menunjukkan perkembangan positif melalui pencapaian negara membangun yang lain seperti **Turkiye**. Negara tersebut telah mencatat peningkatan paling ketara hasil pelaburan dalam pendidikan asas, pelaksanaan reformasi kurikulum berasaskan kompetensi, pembangunan profesional guru dan pemantauan prestasi murid secara konsisten.

EMIRIAH ARAB BERSATU

Emiriah Arab Bersatu pula kini berada di tangga teratas dunia Arab dalam subjek Matematik dan Sains. Hal ini didorong oleh pelaburan besar dalam pendidikan STEM, strategi dwibahasa (bahasa Arab – bahasa Inggeris), integrasi teknologi pintar serta sistem pemantauan berasaskan data untuk menyokong pembelajaran terangkum.

Rajah 5.1 Kejayaan Sistem Pendidikan di Negara Luar

Analisis rentas negara ini menunjukkan bahawa kecemerlangan pendidikan dipacu oleh beberapa faktor utama, iaitu penguasaan literasi asas dan digital yang kukuh, dasar kesaksamaan yang efektif untuk mengurangkan jurang pencapaian, inovasi kurikulum yang responsif terhadap perubahan global, penjajaran pendidikan dengan keperluan ekonomi berteknologi tinggi serta penekanan terhadap pembentukan karakter dan kesejahteraan murid. Kesemua elemen ini membentuk asas kepada sistem pendidikan berprestasi tinggi yang relevan, terangkum dan mampan bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Kemajuan teknologi, perubahan struktur pekerjaan dan tuntutan kemahiran abad ke-21 menuntut Malaysia menilai semula keberkesanan intervensi pendidikan sedia ada bagi memastikan setiap murid memperoleh asas pembelajaran yang kukuh. Dapatan penilaian antarabangsa seperti PISA dan TIMSS menunjukkan bahawa terdapat ruang penambahbaikan untuk merangka rancangan tindakan strategik bagi meningkatkan mutu dan daya saing sistem pendidikan. Laporan *Southeast Asia Primary Learning Metrics* (SEA-PLM) 2019 turut menunjukkan jurang literasi dan numerasi yang ketara antara kawasan bandar dengan luar bandar, sekali gus memberikan gambaran bahawa isu akses dan mutu pendidikan perlu ditangani sepenuhnya.

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai Pemacu Pembangunan Modal Insan

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kini diiktiraf sebagai pemacu utama pembangunan modal insan dan kebolehpasaran tenaga kerja. TVET tidak lagi dilihat sebagai laluan alternatif, sebaliknya menjadi aliran arus perdana dalam strategi pendidikan dan ekonomi di kebanyakan negara.

Laporan OECD *Education at a Glance 2025* menegaskan bahawa pelaburan dalam TVET dapat meningkatkan produktiviti, mobiliti sosial dan daya saing negara. Menurut International Labour Organisation dan UNESCO-UNEVOC International Centre for Technical and Vocational Education 2023, lebih 80% graduan TVET di Jerman, Switzerland dan Singapura menerima tawaran pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian, sekali gus membuktikan keberkesanan TVET sebagai penghubung antara pendidikan dengan pasaran kerja.

Walaupun terdapat cabaran dalam pendidikan arus perdana, kadar kebolehpasaran graduan TVET di Malaysia terus meningkat.



Kadar kebolehpasaran graduan TVET di Malaysia:

- Graduan diploma Kolej Vokasional (KV) mencecah 99.17% pada tahun 2024, membuktikan laluan vokasional KPM semakin diiktiraf oleh industri.
- Graduan TVET negara mencapai 95.1%, menunjukkan bahawa pendidikan berasaskan kemahiran semakin diyakini oleh majikan.

Peningkatan ini turut menggambarkan kesesuaian latihan vokasional dengan keperluan pasaran kerja serta mengukuhkan TVET sebagai pilihan yang relevan dan bernilai tinggi untuk kerjaya masa hadapan.

Rajah 5.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan TVET di Malaysia

Penguasaan Asas Murid Tahun 1

Dapatan saringan murid Tahun 1 sesi 2024/2025 menunjukkan tahap penguasaan kemahiran asas yang membimbangkan:

- 53% murid tidak menguasai literasi bahasa Melayu.
- 21% tidak menguasai numerasi.
- 36% gagal menguasai kedua-duanya.

Situasi ini memerlukan intervensi menyeluruh dan bertumpu, disokong dengan perancangan sistematik serta pemantauan berterusan bagi memastikan murid mendapat sokongan yang tepat dan berkesan.

Rajah 5.3 Penguasaan Asas Murid Tahun 1

Jurang Prestasi dalam SPM dan Tahap Penguasaan Bahasa

Data peperiksaan SPM 2024 (Lembaga Peperiksaan) menunjukkan jurang yang ketara antara aspirasi dasar dengan kecekapan sebenar murid, khususnya dalam aspek bahasa:

- 2.5% murid gagal bahasa Melayu dalam SPM 2024 walaupun subjek tersebut merupakan subjek wajib lulus.
- 9.8% murid gagal bahasa Inggeris dan hanya 57 peratus mencapai Standard B1 *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR), iaitu tahap yang membatasi kebolehpasaran dan penyertaan dalam ekonomi global.

Laporan SPM 2021 — 2024 juga menunjukkan jurang pencapaian yang konsisten antara bandar dengan luar bandar. Pada tahun 2024, 1789 murid gagal semua mata pelajaran dan lebih 8000 murid tidak menghadiri peperiksaan, yang menggambarkan isu akses, motivasi dan kesejahteraan murid.

Rajah 5.4 Jurang Prestasi dalam SPM dan Tahap Penguasaan Bahasa

Kesejahteraan Murid sebagai Keutamaan Kurikulum

Laporan Tinjauan Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027 pada tahun 2023 mendapati bahawa terdapat keperluan untuk memberikan tumpuan terhadap kesejahteraan murid. Hal ini seiring dengan kebimbangan nasional terhadap peningkatan masalah kesihatan mental remaja. Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2023 mendapati bahawa:

- Satu daripada enam kanak-kanak mengalami masalah kesihatan mental dengan beban yang meningkat hampir dua kali ganda sejak tahun 2019.
- Isu utama meliputi masalah rakan sebaya (46%), tingkah laku (25%), emosi (17%) dan hiperaktif (8%).

Bagi menangani cabaran ini, kurikulum perlu mengintegrasikan pembangunan emosi dan sosial murid secara sistematik dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang serta pengaruh persekitaran.

Rajah 5.5 Kesejahteraan Murid sebagai Keutamaan Kurikulum

Keperluan Membangunkan Kurikulum Futuristik

Kajian *MyMahir Impact Study* oleh TalentCorp (2024) menjangkakan bahawa 60 peranan baharu akan muncul dalam ekonomi masa hadapan yang kebanyakannya berkaitan dengan AI, digital dan ekonomi hijau. Dalam tiga hingga lima tahun akan datang, sebanyak 620,000 pekerjaan (18% tenaga kerja) berisiko terjejas jika peningkatan kemahiran tidak dilakukan.

Secara keseluruhan, pendidikan Malaysia memerlukan transformasi yang menyeluruh. Walaupun TVET menunjukkan kejayaan yang ketara, cabaran asas seperti tahap literasi, numerasi, penguasaan bahasa, kesejahteraan murid dan jurang antara bandar dengan luar bandar memerlukan tindakan progresif. Perubahan kurikulum futuristik, responsif dan berorientasikan masa hadapan kini menjadi keutamaan KPM bagi memastikan murid memiliki kemahiran dan daya tahan sesuai dengan permintaan masa hadapan.



5.3 MATLAMAT

Matlamat Teras Strategik 2 menekankan komitmen untuk memastikan setiap murid mencapai tahap penguasaan digital selaras dengan keperluan teknologi masa kini, di samping memastikan kemahiran literasi dan numerasi dikuasai secara menyeluruh sejak peringkat awal persekolahan. Teras ini turut memberikan perhatian terhadap pembangunan murid secara holistik, keseimbangan dalam pencapaian akademik, pembentukan sahsiah serta pemeliharaan kesejahteraan mental.

Bagi merealisasikan matlamat ini, Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM 2026 — 2035) memberikan penekanan terhadap strategi yang menyeluruh dan bertumpu bagi memperkukuh pembelajaran bermakna serta pembentukan warganegara global. Pendekatan bersepadu diharapkan dapat menjadi agen perubahan positif yang memperkukuh kemajuan negara dan menyumbang kepada keamanan serta kesejahteraan dunia.

TERAS STRATEGIK 2
MENGOPTIMUMKAN POTENSI SETIAP MURID MELALUI PENGALAMAN PEMBELAJARAN YANG BERMAKNA UNTUK MENJADI WARGANEGARA GLOBAL

STRATEGI 1
Reformasi Kurikulum

1. Kurikulum pendidikan berorientasikan kompetensi dan keperluan masa hadapan.

STRATEGI 2
Meningkatkan Kemahiran Murid

Kemahiran Asas:
1. Memperkukuh Kemahiran Literasi dan Numerasi Murid Tahap 1.
2. Memperkukuh Keterampilan Berbahasa.

Kemahiran Abad Ke–21:
1. Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat.
2. Memperkukuh Kemahiran Murid Masa Hadapan.

STRATEGI 3
Membangunkan Bakat

1. Membangunkan bakat secara holistik dalam pelbagai bidang STEM, TVET, Sukan dan Seni.

STRATEGI 4
Membentuk Karakter

1. Memperkasakan Kesejahteraan Murid Merangkumi Kesihatan Fizikal, Mental dan Sosial.
2. Memperkukuh Jati Diri dan Kerohanian Murid.

PEMBOLEH DAYA
1. Akses Terangkum: Program Bersasar Golongan Khusus
2. Pentaksiran Pintar: Memperkasakan Pentaksiran Bersepadu Menggunakan Teknologi Digital dan AI

Secara keseluruhan, matlamat ini dirangka bagi mengoptimumkan potensi setiap murid melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna untuk menjadi warganegara global.

STRATEGI 1:
REFORMASI KURIKULUM

Reformasi kurikulum merupakan langkah strategik untuk memastikan sistem pendidikan negara kekal relevan dan berdaya saing untuk menghadapi perubahan global yang pesat. Kurikulum yang dibangunkan berorientasikan masa hadapan yang berasaskan kompetensi dan nilai kemanusiaan.

Pelaksanaan reformasi kurikulum menuntut perubahan yang menyeluruh dan bersifat transformasi meliputi kandungan dan pendekatan pembelajaran. Di samping itu, sokongan kukuh daripada pelbagai aspek seperti peruntukan kewangan yang mencukupi, prasarana fizikal dan digital yang kondusif serta pembangunan kapasiti guru juga penting bagi melahirkan insan sejahtera. Pendekatan yang menyeluruh dan disokong dengan sumber yang mencukupi dapat memperkasakan sistem pendidikan yang relevan, terangkum dan mampan.

Selain itu, KPM telah menetapkan semua murid warganegara Malaysia yang tidak mengikuti kurikulum kebangsaan wajib mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Kedua-dua mata pelajaran ini mesti mematuhi kurikulum kebangsaan dan terpakai kepada semua jenis sekolah termasuk Sekolah Antarabangsa, Sekolah Agama dan Sekolah Persendirian.

Prakarsa Strategi 1

1

Kurikulum pendidikan berorientasikan kompetensi dan keperluan masa hadapan

Rajah 5.6 Prakarsa bagi Strategi 1

PRAKARSA 1:
KURIKULUM PENDIDIKAN BERORIENTASIKAN KOMPETENSI DAN KEPERLUAN MASA HADAPAN

Strategi ini memberikan penekanan terhadap pembangunan kurikulum kebangsaan yang relevan dan sejajar dengan perubahan global serta keperluan masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, Teras Strategik 2 Strategi 1 memberikan tumpuan terhadap perkara yang berikut:

- **Pembangunan kurikulum abad ke-21,** termasuk Kurikulum Prasekolah 2026 dan Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027) yang direka untuk memenuhi keperluan murid pada era global.
- **Pelaksanaan yang terancang dan berkesan** bagi memastikan kitaran pembangunan kurikulum sentiasa adaptif terhadap perubahan konteks, kehendak industri dan keperluan murid, seterusnya menjamin keberkesanan pelaksanaan jangka panjang.
- **Penambahbaikan holistik,** disokong melalui peruntukan kewangan yang mencukupi, prasarana kondusif serta pembangunan kapasiti tenaga pengajar bagi memastikan kurikulum dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berimpak tinggi.

Dalam tempoh RPM 2026 — 2035, kurikulum persekolahan baharu akan dilaksanakan bermula dengan Kurikulum Prasekolah pada tahun 2026, seterusnya diikuti dengan KP2027. Pelaksanaan kurikulum baharu ini merupakan prakarsa berimpak tinggi yang dirangka untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara agar lebih relevan, progresif dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Kurikulum Persekolahan 2027 memperkenalkan pembaharuan secara menyeluruh yang merangkumi kerangka dan struktur kurikulum, kandungan yang kontekstual dan bersepadu, pedagogi yang lebih interaktif dan berpaksikan murid, kaedah pentaksiran yang autentik serta ekosistem sokongan pelaksanaan yang tersusun dan bersepadu.

Penggubalan KP2027 bertujuan menyediakan pendidikan yang bukan sahaja membekalkan ilmu pengetahuan, malah membina kemahiran, nilai dan karakter yang diperlukan bagi melahirkan generasi yang berdaya saing pada peringkat global. Dengan pendekatan berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi, KP2027 memberikan penekanan terhadap pembangunan menyeluruh murid dari segi kognitif, emosi, sosial dan sahsiah, selaras dengan aspirasi nasional dan komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pendidikan Bermutu (SDG4).

Selaras dengan aspirasi Malaysia menjadi negara berasaskan AI menjelang tahun 2030 seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) 2026 – 2030, Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia 2026 - 2035 turut dirangka untuk melahirkan murid yang mahir menyelesaikan masalah, berfikiran analitikal, kritis, inovatif serta menguasai pemikiran komputasional yang penting dalam ekonomi digital masa kini. Rancangan ini juga menekankan pembangunan daya tahan dalam kalangan murid supaya mereka berupaya menghadapi dan mengatasi cabaran, terutamanya untuk menyelesaikan masalah matematik yang kompleks tanpa mudah berputus asa. Pelaksanaan Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia 2026 - 2035 dijangka dapat meningkatkan mutu pendidikan matematik negara ke tahap yang lebih tinggi, bukan sahaja dari segi pencapaian akademik, tetapi juga penguasaan kemahiran, inovasi dan daya saing murid. Rancangan ini juga mencerminkan komitmen berterusan KPM untuk menyediakan pendidikan matematik yang bermutu, setara dan berimpak tinggi demi kemajuan negara berteraskan ilmu pengetahuan dan teknologi.



Sebagai kesinambungan reformasi KP2027 yang menekankan standard, kompetensi dan pembelajaran holistik, kurikulum lepas menengah dirangka untuk memastikan peralihan yang lancar serta menyokong pembangunan insan secara menyeluruh. Pelbagai laluan lepas menengah yang luwes dan terangkum disediakan oleh KPM selaras dengan minat dan potensi murid serta keperluan masa hadapan negara.



Program Matrikulasi akan diperkasakan melalui pelaksanaan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (KTMH) bermula tahun 2027 yang berasaskan pendekatan Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-Based Education – OBE), sejajar dengan penekanan KP2027 terhadap pembelajaran berpusatkan murid dan pentaksiran autentik. Kurikulum ini disokong dengan latihan profesional pensyarah, bahan pembelajaran yang menyeluruh serta semakan berkala untuk memastikan keselarasan kandungan dan aspirasi pendidikan kebangsaan. Seiring dengan keperluan Revolusi Industri 4.0, program diploma KV dilaksanakan melalui Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang menitikberatkan keseimbangan antara kemahiran teknikal dengan insaniah. Pendekatan OBE dan pembelajaran berasaskan kerja (Work-Based Learning – WBL) membantu murid menguasai kemahiran sebenar industri, selari dengan prinsip pembelajaran kontekstual dan relevan yang digariskan dalam KP2027.



Pendidikan Tingkatan Enam melalui kurikulum Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang diiktiraf antarabangsa juga mengalami transformasi di bawah Pelan Hala Tuju Pendidikan Tingkatan Enam 2024 — 2030 yang memperkenalkan kurikulum abad ke-21, pengukuhan kokurikulum dan peluasan program ke institusi pengajian tinggi. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan mutu pendidikan, tetapi juga menyokong sasaran KP2027 untuk membina murid yang berdaya tahan dan mampu bersaing pada peringkat global. Salah satu strategi berimpak tinggi adalah peluasan pelaksanaan pendidikan Tingkatan Enam ke IPTA seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Pelaksanaan ini membuka peluang kepada murid untuk mengikuti pengajian dalam ekosistem universiti.



Melengkapi ekosistem ini, Program Prauniversiti Kementerian Pendidikan – Kementerian Pendidikan Tinggi – Majlis Sukan Negara (KPM–KPT–MSN) di Sekolah Sukan Malaysia menyediakan laluan akademik khusus untuk atlet murid kebangsaan melalui kurikulum yang bersifat anjal, holistik dan kontekstual. Pembangunan kurikulum ini akan diselaraskan dengan KTMH dan OBE mulai tahun 2026 bagi memenuhi keperluan latihan dan pertandingan serta memperkukuh laluan kerjaya dalam dan luar bidang sukan. Kerjasama strategik bersama – sama agensi dan industri melibatkan pembangunan kurikulum, pembelajaran berasaskan kerja, pengiktirafan kompetensi bukan akademik dan laluan kerjaya yang jelas.

Secara keseluruhannya, kurikulum peringkat lepas menengah dirancang sebagai lanjutan strategik kepada KP2027 dalam membentuk murid yang berilmu, berketerampilan dan bersedia menyumbang kepada kemajuan negara serta masyarakat global.

KONSEP DAN PELAKSANAAN KP2027

Struktur persekolahan di bawah KP2027 dirangka bagi memastikan kesinambungan pembelajaran yang lebih terancang, progresif dan bersesuaian dengan tahap perkembangan murid. Pada peringkat prasekolah, tumpuan diberikan terhadap kemahiran berkomunikasi, bersosialisasi dan pembentukan karakter sebagai asas penting sebelum murid melangkah ke alam persekolahan formal. Peringkat sekolah rendah distruktur semula daripada dua tahap kepada tiga tahap, iaitu Tahap I (Tahun 1 dan Tahun 2) yang menekankan penguasaan literasi dan numerasi; Tahap II (Tahun 3 dan Tahun 4) yang memberikan tumpuan terhadap aplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai; serta Tahap III (Tahun 5 dan Tahun 6) yang menumpukan keupayaan analitikal dan inovatif. Pada peringkat menengah rendah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3), murid diberikan peluang meneroka pelbagai bidang ilmu untuk mengenal pasti minat dan potensi diri, manakala pada peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5), murid mengikuti laluan pengajian mengikut bidang yang diminati dan selari dengan aspirasi kerjaya. Pembentukan karakter diterapkan seawal peringkat prasekolah dan dilaksanakan secara berterusan sepanjang tempoh persekolahan, selaras dengan usaha melahirkan generasi yang seimbang, berakhlak dan holistik.



PERUBAHAN TAHAP DAN TUMPUAN

Prasekolah

Kemahiran berkomunikasi, bersosialisasi dan pembentukan karakter.

Tahap I
Tahun 1 dan Tahun 2

Penguasaan literasi dan numerasi serta pembentukan karakter.

Tahap II
Tahun 3 dan Tahun 4

Aplikasi kemahiran, pengetahuan dan nilai serta pembentukan karakter.

Tahap III
Tahun 5 dan Tahun 6

Kemahiran menganalisis dan menghasilkan inovasi dan pembentukan karakter.

Menengah Rendah
Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3

Penerokaan pelbagai bidang ilmu, dorongan mengenali minat dan potensi diri serta pembentukan karakter.

Menengah Atas
Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5

Laluan bidang yang ingin diceburi ke peringkat pengajian tinggi serta pembentukan karakter.

Rajah 5.7 Perubahan Tahap dan Tumpuan

Bagi memberikan tumpuan terhadap pembangunan insan sejahtera, KP2027 turut membawa anjakan besar dalam landskap pendidikan negara dengan memperkenalkan pendekatan berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi. Peralihan daripada kurikulum yang sepenuhnya berasaskan standard kepada kurikulum yang berorientasikan kompetensi ini bukan sahaja membolehkan murid menguasai ilmu pengetahuan, tetapi juga membina kemahiran, nilai dan keupayaan yang relevan untuk kehidupan, kerjaya dan cabaran abad ke-21. Pendekatan ini menyokong matlamat melahirkan murid yang holistik, berdaya tahan dan bersedia untuk menyumbang kepada pembangunan negara.



Rajah 5.8 Kerangka Kurikulum Persekolahan 2027

ELEMEN BAHARU DALAM KURIKULUM KP2027

Sebagai tindak balas terhadap perubahan landskap pendidikan global dan nasional, pelbagai penambahbaikan kurikulum turut diperkenalkan dalam KP2027. Antaranya termasuklah pengenalan mata pelajaran baharu seperti Pembelajaran Bersepadu, Bahasa Isyarat Malaysia, Teknologi dan Digital, dan Bahasa Arab Komunikasi.

Selain itu, KP2027 turut menegaskan prinsip keterangkuman dengan memastikan setiap murid tanpa mengira latar belakang, keupayaan atau keperluan khas, menerima peluang pembelajaran yang adil dan saksama melalui pelaksanaan kurikulum yang anjal. Penekanan ini mencerminkan usaha berterusan KPM untuk membina sistem pendidikan yang menyantuni kepelbagaian serta menjamin hak setiap murid untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran.

Dari sudut pentaksiran, KP2027 menekankan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang lebih progresif, holistik dan autentik. Tiga elemen utama yang diperkukuh adalah seperti yang berikut:

- Semakan Kemajuan: Membolehkan pemantauan berterusan terhadap perkembangan pembelajaran murid secara formatif.
- Pembelajaran Berasaskan Khidmat Sosial: Mengintegrasikan pembelajaran dengan sumbangan kepada masyarakat, memperkukuh penghayatan nilai dan tanggungjawab sosial.
- Pelaporan Profil Murid: Menyediakan gambaran menyeluruh tentang perkembangan dan pencapaian murid yang merangkumi aspek akademik, sahsiah serta kompetensi pelbagai.

Pelaksanaan pentaksiran ini dirangka untuk menyokong budaya pembelajaran sepanjang hayat dan pembinaan profil murid yang berkeupayaan untuk terus berkembang sebagai individu seimbang, berdaya tahan dan menyumbang secara bermakna kepada masyarakat dan negara.

KURIKULUM PRASEKOLAH 2026

Kurikulum Prasekolah 2026 direka bentuk secara holistik dan berorientasikan kompetensi dengan menekankan enam bidang pembelajaran utama, iaitu Sosioemosi, Fizikal dan Kesejahteraan Diri, Kerohanian, Nilai dan Kewarganegaraan, Bahasa dan Literasi, Kognitif serta Kreativiti dan Estetika. Bagi murid berkeperluan khas, dua bidang tambahan disediakan, iaitu Pengurusan Diri dan Kemahiran Asas Ketidakupayaan. Kesemua bidang ini membentuk asas perkembangan menyeluruh kanak-kanak, mengintegrasikan keperluan emosi, fizikal, rohani, kognitif dan sosial secara seimbang untuk mempersiapkan murid ke alam persekolahan formal dan pembelajaran seterusnya.

Seiring dengan itu, Kurikulum Prasekolah 2026 turut menampilkan beberapa penambahbaikan seperti penekanan terhadap pembentukan karakter, pemantapan pengurusan diri dan pemupukan minat membaca melalui sesi Baca Bersama. Di samping itu, murid turut didedahkan kepada literasi digital secara asas termasuk aspek keselamatan siber dan penggunaan peranti secara beretika.



Rajah 5.9 Perkara Baharu dalam Kurikulum Prasekolah 2026

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersepadu seperti Pendekatan Bertema, Pembelajaran Berasaskan Projek dan PdP di Pusat Pembelajaran digalakkan bagi memastikan PdP menjadi lebih bermakna. Kesemua prakarsa ini mencerminkan usaha menyeluruh untuk memperkukuh kesinambungan pendidikan prasekolah yang lebih terangkum dan bermutu tinggi.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Pembangunan dan Pelaksanaan KP2027 bermula seawal tahun 2022 dan dijangka selesai pada tahun 2032, manakala pembangunan dan pelaksanaan Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia bermula dari tahun 2026 hingga tahun 2035.

GARIS MASA PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN KP2027 SERTA RANCANGAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN MATEMATIK MALAYSIA

2026

1. Pelaksanaan Kurikulum Prasekolah 2026
2. Penataran KP2027 Tahun 1 dan Tingkatan 1
3. Pembangunan Dokumen Kurikulum Mata Pelajaran Tahun 2 dan Tingkatan 2
4. Pembangunan dan Pelaksanaan Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia

2027

1. Pelaksanaan KP2027 Tahun 1 dan Tingkatan 1
2. Penataran KP2027 Tahun 2 dan Tingkatan 2
3. Pembangunan Dokumen Kurikulum Mata Pelajaran Tahun 3, Tingkatan 3 dan Tingkatan 4
4. Pelaksanaan Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia

2028

1. Pelaksanaan KP2027 Tahun 2 dan Tingkatan 2
2. Penataran KP2027 Tahun 3 dan Tingkatan 3
3. Penyerahan Dokumen Kurikulum Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 kepada LP
4. Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia

2029

1. Pelaksanaan KP2027 Tahun 3 dan Tingkatan 3
2. Penataran KP2027 Tahun 4 dan Tingkatan 4
3. Pembangunan Dokumen Kurikulum Mata Pelajaran Tahun 6
4. Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia

2030

1. Pelaksanaan KP2027 Tahun 4 dan Tingkatan 4
2. Penataran KP2027 Tahun 5 dan Tingkatan 5
3. Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia

2031

1. Pelaksanaan KP2027 Tahun 5 dan Tingkatan 5
2. Penataran KP2027 tahun 6
3. Pelaksanaan KP 2027 tahun 6 (2032)
4. Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Transformasi Pendidikan Matematik Malaysia

Rajah 5.10 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 1

PERUNTUKAN PER KAPITA

Peruntukan Per Kapita (Per Capita Grant – PCG) sedia ada tidak lagi menggambarkan keperluan sebenar pelaksanaan kurikulum semasa dan wujud ketidakseimbangan antara peringkat pendidikan, jenis sekolah dan kategori murid. Kadar semasa dilihat tidak memadai untuk menyokong pendekatan PdP seperti pembelajaran berasaskan permainan, penggunaan teknologi, keperluan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) serta kepelbagaian jurusan pada peringkat lepas menengah. Di samping itu, kekangan keluwesan dalam penggunaan peruntukan menyulitkan penyesuaian terhadap keperluan PdP yang semakin dinamik.

Oleh itu, semakan semula kadar PCG perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kos semasa, jenis kurikulum, lokasi sekolah dan kategori murid. Peruntukan khas juga perlu disediakan bagi murid berkeperluan khas dan menyokong pelaksanaan PdP digital. Langkah ini dijangka dapat memastikan pelaksanaan PCG yang lebih adil, luwes serta berkeupayaan menyokong pelaksanaan kurikulum secara bermutu dan holistik.

BAHAN SOKONGAN KURIKULUM

Pelaksanaan KP2027 disokong melalui penyediaan pelbagai bahan yang bersifat terangkum dan menyeluruh. Sokongan ini merangkumi bahan pengajaran seperti buku teks, modul dan e-RPH; bahan bantu mengajar termasuk alat bukan digital dan aplikasi pembelajaran; peralatan seperti tablet, mesin Braille dan alat amali; dan panduan serta bahan latihan guru yang turut mengambil kira keperluan MBPK. Prakarsa ini membantu memastikan kurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memenuhi keperluan semua murid.



Rajah 5.11 Bahan Sokongan Kurikulum

KAJIAN LONGITUDINAL KURIKULUM PERSEKOLAHAN

Pelaksanaan kajian membujur (longitudinal) amat penting kerana membolehkan penilaian secara mendalam dan berterusan terhadap kesan pelaksanaan KP2027 sepanjang tempoh persekolahan murid. Kajian ini menyediakan data empirikal yang menyeluruh untuk memahami perkembangan murid daripada peringkat prasekolah hingga menengah atas, termasuk dalam aspek pencapaian akademik, sahsiah, kemahiran abad ke-21 dan kesejahteraan diri. Maklumat yang diperoleh dapat dimanfaatkan untuk menambah baik dasar dan amalan pendidikan secara berasaskan bukti, sekali gus memastikan sistem pendidikan kekal relevan, responsif dan terangkum mengikut keperluan sebenar murid.

STRATEGI 2:
MENINGKATKAN KEMAHIRAN MURID

Teras Strategik 2 Strategi 2 menekankan penguasaan kemahiran asas seperti membaca, menulis, mengira dan berfikir secara kritis sebagai asas utama pembentukan murid yang berilmu dan berdaya saing. Kemahiran ini perlu dikuasai sejak awal persekolahan kerana kemahiran ini menjadi kunci kepada pencapaian akademik, pembangunan potensi diri dan pembentukan sahsiah murid secara menyeluruh.

Prakarsa Strategi 2

1	2	3	4
Pengukuhan literasi dan numerasi murid Tahap 1 untuk membina asas pembelajaran yang kukuh	**Pemerkasaan keterampilan bahasa bagi mempertingkatkan kecekapan komunikasi dan penguasaan pelbagai bahasa**	**Penyediaan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk membina keluwesan dan daya tahan ketika menghadapi perubahan**	**Pembangunan kemahiran masa hadapan, khususnya kemahiran digital dan inovatif bagi meningkatkan kesiapsiagaan murid pada era teknologi**

Rajah 5.12 Prakarsa bagi Strategi 2

PRAKARSA 1: MEMPERKUKUH LITERASI DAN NUMERASI MURID TAHAP 1

Kemahiran literasi dan numerasi merupakan faktor penting untuk memastikan murid menguasai kemahiran asas. Penguasaan kemahiran asas ini penting untuk perkembangan murid bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Pelaksanaan KP2027 memberikan penekanan terhadap kemahiran literasi dan numerasi murid Tahap 1 secara bertumpu dalam bilik darjah dengan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai berdasarkan tahap penguasaan murid.

Pendekatan untuk memperkukuh kemahiran literasi dan numerasi dibangunkan secara holistik berasaskan empat prinsip utama yang menekankan pelibatan aktif murid dalam proses pembelajaran kendiri seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.13.

1 **Pemerkasaan Murid (Student Empowerment)**
Memberikan kuasa kepada murid untuk membuat keputusan, menyertai proses pembelajaran dan membina keyakinan diri.

2 **Pembelajaran Murid (Student Learning)**
Menyesuaikan kaedah PdP dengan keperluan murid untuk memastikan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan.

3 **Pemilikan Pembelajaran oleh Murid (Student Ownership)**
Membimbing murid menetapkan matlamat, memantau kemajuan dan mengambil tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

4 **Suara Murid (Student Voice)**
Mendengar pandangan murid, melibatkan murid dalam pembuatan keputusan dan menambah baik pengalaman pembelajaran.



Rajah 5.13 Empat Prinsip Utama dalam Proses Pembelajaran Kendiri

GARIS MASA PELAKSANAAN

Pendekatan strategi ini memberikan tumpuan terhadap pengukuhan literasi dan numerasi murid melalui pelaksanaan berfasa yang berasaskan prinsip *Build–Measure–Learn*. Pendekatan ini digerakkan melalui tiga unsur utama, iaitu Instrumen Diagnostik, Mekanisme Sokongan dan Pembangunan Kompetensi bagi memastikan setiap murid menguasai kemahiran asas secara menyeluruh dan berterusan.

Fasa 1 (2026 — 2027) Perancangan dan Pembangunan Instrumen Literasi dan Numerasi	1. Pembangunan instrumen diagnostik literasi dan numerasi. 2. Guru dilatih untuk mentadbir, menganalisis dan merancang intervensi berpandukan data melalui sistem diagnostik berpusat. 3. Model sokongan teknikal pada peringkat sekolah, PPD dan JPN diwujudkan bagi memantau pelaksanaan dan memberikan sokongan profesional. 4. Modul pedagogi literasi dan numerasi dibangunkan untuk memperkukuh kompetensi guru Tahap 1. 5. Program bimbingan dan pementoran oleh Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah dan Jurulatih Utama secara berterusan.
Fasa 2 (2028 — 2030) Pengoperasian dan Penataran	1. Peluasan pelaksanaan ke semua sekolah rendah dan penggunaan data diagnostik bagi memperkukuh mutu PdP. 2. Guru dilatih untuk menggunakan dapatan diagnostik bagi merancang intervensi bersasar, manakala sistem dalam talian digunakan untuk analisis prestasi murid pada semua peringkat. 3. Komuniti Pembelajaran Profesional (Professional Learning Community – PLC) dan pusat rujukan literasi numerasi negeri diwujudkan. 4. Program bimbingan dan pementoran diperluas ke seluruh sekolah rendah dengan sokongan pemantauan responsif oleh PPD dan JPN bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan.
Fasa 3 (2031 — 2035) Pengukuhan dan Pemantauan	1. Pelaksanaan kelestarian penggunaan teknologi digital dan pemantauan berpandukan data. Instrumen diagnostik diperkasa dengan pentaksiran autentik dan digital adaptif yang menilai kemahiran aplikasi murid dalam konteks sebenar. 2. Pemantauan berterusan melalui kaedah kunjung bantu dan analisis data pada peringkat daerah dan negeri. 3. Pelantar digital latihan kendiri diperkenalkan bagi menyokong pembangunan profesionalisme guru secara berterusan. 4. Kajian impak dilaksanakan bagi menambah baik strategi latihan dan kandungan berdasarkan keberkesanan terhadap pembelajaran murid.

Rajah 5.14 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MEMPERKUKUH KETERAMPILAN BERBAHASA

Prakarsa bagi mencapai matlamat murid berketerampilan dalam bahasa Melayu, berkeyakinan dalam bahasa Inggeris dan berkebolehan dalam bahasa tambahan dilanjutkan dalam RPM 2026 – 2035 demi kesinambungan peningkatan penguasaan berbahasa murid. Bagi memastikan penguasaan bahasa murid dapat ditingkatkan secara menyeluruh dan berkesan, lima pendekatan digariskan untuk meningkatkan keterampilan, keyakinan serta kebolehan murid dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa tambahan.

Pemerkasaan bahasa merentas kurikulum

Mengaplikasikan konsep "semua guru ialah guru bahasa" bagi memastikan semua guru, bukan hanya guru bahasa, menguasai kompetensi minimum serta mengintegrasikan kemahiran bahasa secara tepat dan jelas dalam PdP. Lantaran itu, penyediaan panduan laras bahasa mengikut bidang serta latihan berterusan kepada semua guru untuk menyokong penguasaan bahasa murid menjadi suatu keperluan pelaksanaan.

1

Pemerkasaan dan peluasan bahasa tambahan

Menawarkan bahasa etnik, bahasa antarabangsa dan bahasa isyarat yang boleh dilaksanakan melalui PdP tradisional dalam kelas atau melalui pembelajaran alternatif seperti kursus dalam talian yang menawarkan kelayakan mikro. Penawaran mata pelajaran Bahasa Isyarat Malaysia sebagai bahasa tambahan juga selari dengan perancangan KP2027.

2

Jaminan mutu guru bahasa

Memastikan guru bahasa mematuhi standard KSBM dan CEFR yang ditetapkan termasuk latihan intensif kepada guru yang belum mencapai tahap yang ditetapkan.

3

Peluasan sokongan bersasar dan intervensi khusus

Menyediakan sokongan bersasar kepada murid melalui intervensi khusus, terutamanya kepada MBPK, murid orang Asli dan murid peralihan melalui pendekatan terangkum dan pelaksanaan di pelbagai peringkat institusi pendidikan.

4

Persekitaran sekolah yang positif

Menyediakan suasana yang menggalakkan penguasaan dan penggunaan bahasa secara semula jadi dalam pelbagai konteks pembelajaran dan aktiviti harian murid seperti *Highly Immersive Programme* (HIP) untuk bahasa Inggeris dan pendekatan Sahabat Bahasa untuk bahasa Melayu. Pendekatan ini menyokong reformasi pendidikan sekolah dalam RMK13 melalui pembangunan kecekapan pelbagai bahasa. Selain itu, RPM 2026 – 2035 menyasarkan untuk melahirkan murid yang berketerampilan dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan sekurang-kurangnya satu bahasa tambahan.

5

Rajah 5.15 Pemerkasaan Bahasa Merentas Kurikulum

Pendekatan ini menyokong reformasi pendidikan sekolah dalam RMK13 melalui pembangunan kecekapan pelbagai bahasa. Selain itu, RPM 2026 – 2035 menyasarkan untuk melahirkan murid yang berketerampilan dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan sekurang-kurangnya satu bahasa tambahan.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Pelaksanaan prakarsa dirancang secara berfasa dari tahun 2026 hingga tahun 2035 bagi memastikan pembangunan kompetensi bahasa dalam kalangan guru dan murid berlaku secara sistematik, bertumpu dan berterusan. Pendekatan ini membolehkan KPM menilai dan mengukur keberkesanan intervensi yang dilaksanakan, memperkukuh keupayaan pelaksana pada pelbagai peringkat serta menyesuaikan strategi berdasarkan keperluan sebenar di lapangan.

Fasa 1 (2026 — 2027) Pembinaan Asas Pelaksanaan dan Strategi	1. Penilaian kompetensi guru bahasa, pelaksanaan kursus intensif serta penyediaan garis panduan dan rancangan hala tuju bahasa. 2. Analisis jurang keupayaan dan semakan penawaran bahasa tambahan sebagai asas penetapan sasaran dan intervensi baharu bagi memperkukuh pelaksanaan pada semua peringkat.
Fasa 2 (2028 — 2030) Pelaksanaan Intervensi dan Pengukuhan Kompetensi	1. Pelaksanaan intervensi bersasar untuk murid dan pembangunan profesional berterusan untuk guru bahasa. 2. Program Sahabat Bahasa diperluas bagi membudayakan penggunaan bahasa di sekolah. 3. Bahasa tambahan dan kelayakan mikro diperkenalkan untuk memperluas akses dan pengiktirafan murid. 4. Jalinan strategik antara universiti dengan agensi tempatan dan antarabangsa turut diperhebat bagi menyokong pelaksanaan yang berkesan.
Fasa 3 (2031 — 2035) Kelestarian dan Penambahbaikan Berasaskan Impak	1. Pemantauan dan penambahbaikan berasaskan impak terhadap keberkesanan program, latihan dan strategi pedagogi. 2. Kerjasama nasional dan antarabangsa diperkasakan melalui program silang budaya dan pertukaran bahasa.

Pelaksanaan berfasa prakarsa ini menegaskan komitmen KPM untuk melahirkan murid yang kompeten dalam pelbagai bahasa, beridentiti nasional yang kukuh serta berkeupayaan tinggi untuk berinteraksi pada peringkat global. Pendekatan progresif ini memastikan setiap fasa saling melengkapi, daripada membina asas kukuh dan melatih guru kepada memperluas pelaksanaan dan akhirnya mengekalkan penambahbaikan berterusan.

Rajah 5.16 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 2

PRAKARSA 3: MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK MURID

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merujuk proses pembelajaran yang berterusan tanpa mengira umur, latar belakang atau kaedah pelaksanaan sama ada secara formal, bukan formal atau tidak formal. Seiring dengan tumpuan RPM 2026 – 2035, PSH berperanan untuk memastikan pembelajaran tidak terhenti hanya selepas tamat persekolahan atau universiti.

Selain itu, PSH turut mewujudkan budaya pembelajaran yang membuka peluang kepada semua individu termasuklah mereka yang kurang berkemampuan atau terlepas peluang pendidikan formal untuk terus menimba ilmu dan memperbaharui kemahiran.

Prakarsa PSH berteraskan empat komponen utama 4A, iaitu Akses, Aspirasi, Asah dan Aplikasi yang saling melengkapi untuk memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat murid. Model 4A merupakan strategi holistik yang memperkasa pembelajaran sepanjang hayat melalui peluasan peluang, pemantapan kemahiran dan pembinaan kerjaya murid secara bersepadu.

Akses menekankan peluasan peluang pendidikan yang saksama melalui sekolah dalam talian bertauliah. Prakarsa ini menjamin pendidikan bermutu untuk semua dengan sokongan capaian Internet mampu milik, bantuan peranti digital dan penubuhan Hab Pembelajaran Digital komuniti.

Aspirasi membentuk hala tuju dan matlamat kerjaya murid melalui program penerokaan kerjaya. Instrumen psikometrik seperti *Career Maturity Inventory* (CMI) digunakan untuk menilai kesiapsiagaan kerjaya bagi murid berumur 13 tahun hingga 18 tahun, manakala portfolio digital "Laluan Masa Depan Saya" dalam pelantar DELIMa membantu murid mengenal pasti kekuatan, minat dan potensi diri secara sistematik.

Asah memberikan penekanan terhadap pembangunan kemahiran berterusan melalui modul kelayakan mikro yang diiktiraf dalam DELIMa, diinspirasikan daripada amalan SkillsFuture Singapore dan HRD Corp Malaysia. Pendekatan ini meningkatkan kebolehpasaran murid serta mengiktiraf pembelajaran bukan formal sebagai sebahagian daripada ekosistem kemahiran negara.

Aplikasi menyediakan ruang kepada murid untuk mengamalkan pembelajaran dalam konteks dunia sebenar melalui kolaborasi strategik antara sekolah, industri dan komuniti melalui Rangkaian Aplikasi Kemahiran Nasional. Melalui rangkaian ini, murid terlibat dalam pelbagai bentuk pengalaman seperti latihan maya, projek komuniti, hackathon, bootcamp dan penempatan jangka pendek yang dibimbing oleh mentor industri.





Rajah 5.17 Prakarsa PSH Model 4A

GARIS MASA PELAKSANAAN

Strategi pelaksanaan prakarsa dirangka secara berfasa bagi memastikan pembangunan ekosistem pembelajaran yang menyeluruh dan berkesan, bermula dari tahun 2026 hingga tahun 2035. Pelaksanaan dibahagikan kepada tiga fasa utama seperti yang berikut:

Fasa 1 (2026 — 2027) Memperkasakan Pembelajaran Holistik dan Terangkum untuk Semua Murid	1. Menyediakan akses peranti dan Internet asas bagi keperluan murid. 2. Mengintegrasikan perancangan kerjaya dan pensijilan mikro. 3. Menubuhkan hab komuniti pembelajaran murid bagi memperkukuh asas kemahiran dan pengiktirafan pembelajaran. 4. Membangunkan modul Standard Kompetensi PSH Murid.
Fasa 2 (2028 — 2030) Pembangunan Ekosistem Pendidikan Sepanjang Hayat	1. Pelaksanaan program kesedaran PSH. 2. Penerokaan kendiri, bimbingan kerjaya dan pembangunan asas PSH di sekolah. 3. Peluasan laluan pembelajaran anjal melalui kelayakan mikro yang menghubungkan murid dengan dunia sebenar. 4. Pembangunan profil aspirasi murid untuk memandu laluan pembelajaran individu. 5. Memperkenalkan sekolah dalam talian dan memperluas hab komuniti pembelajaran.
Fasa 3 (2031 — 2035) Pengukuhan Ekosistem Sokongan Pembelajaran Sepanjang Hayat Secara Menyeluruh	1. Pengukuhan ekosistem sokongan PSH. 2. Pembelajaran diperibadikan melalui bimbingan berasaskan AI. 3. Pengiktirafan kelayakan mikro serta penjaminan mutu dan keberkesanan jangka panjang bagi melahirkan murid berkemahiran dan berdaya tahan. 4. Menyediakan ruang pembelajaran anjal dan makmal inovasi untuk pembelajaran kendiri dan projek.

Rajah 5.18 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 3

PRAKARSA 4: MEMPERKUKUH KEMAHIRAN MURID MASA HADAPAN

Perkembangan pesat teknologi digital seperti AI, internet kebendaan (Internet of Things – IoT), rantaian blok (blockchain), pengkomputeran awan dan teknologi 5G telah mengubah secara menyeluruh landskap pendidikan, pekerjaan dan komunikasi global. Keadaan ini menuntut tindakan strategik untuk memperkukuh sistem pembelajaran agar seiring dengan perubahan global yang semakin kompleks.

Walaupun kadar penyertaan murid dalam pertandingan inovasi dan kreativiti adalah tinggi (81.5%), namun skor kompetensi digital menunjukkan penurunan dari tahun 2022 hingga tahun 2024. Faktor utama yang dikenal pasti ialah ketidakseimbangan akses terhadap prasarana digital, mutu pelaksanaan pembelajaran yang tidak sekata, tahap kesediaan pendidik dalam penggunaan teknologi serta penguasaan literasi digital dan pemikiran komputasional murid yang masih belum menyeluruh.

Pelaksanaan Teras Strategik 2 Strategi 2 Prakarsa 4 adalah berasaskan enam komponen utama seperti yang berikut:



Rajah 5.19 Komponen Ekosistem Kemahiran Masa Hadapan

GARIS MASA PELAKSANAAN

Pelaksanaan prakarsa ini dirancang secara berfasa bagi memastikan pembangunan kemahiran masa hadapan murid dapat dijalankan secara sistematik, menyeluruh dan berimpak tinggi.

Fasa 1 (2026 — 2027) Pemupukan Budaya dan Asas Ekosistem	1. Pembinaan asas ekosistem pembelajaran masa hadapan melalui kajian keupayaan murid dan guru serta audit prasarana fizikal dan digital. 2. Pembangunan Modul Kemahiran Masa Hadapan bagi guru dan murid. 3. Penstrukturan semula aktiviti kokurikulum supaya relevan dengan minat dan kecenderungan murid. 4. Pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Skor Kompetensi Digital digunakan bagi menilai pencapaian murid secara holistik.
Fasa 2 (2028 — 2030) Pengukuhan dan Pembudayaan Sistematik	1. Pengukuhan kemahiran masa hadapan secara sistematik melalui pembelajaran kontekstual, kolaborasi dengan industri dan institusi pengajian tinggi serta program pengantarabangsaan untuk pengalaman global murid. 2. Pembudayaan pembelajaran berasaskan inovasi, kolaborasi dan kepimpinan turut dibudayakan selaras keperluan dunia semasa.
Fasa 3 (2031 — 2035) Pemerkasaan dan Kelestarian Holistik	1. Pemantapan dan kelestarian pelaksanaan melalui pengoperasian penuh modul di semua sekolah. 2. Pelaksanaan Program Pengiktirafan Ikon Pemimpin Masa Hadapan. 3. Penghasilan Laporan Keberhasilan Program bagi menilai impak.

Pelaksanaan ini turut disepadukan dengan Dasar Pendidikan Digital (DPD) agar modul, pentaksiran dan pembangunan prasarana fizikal dan digital dapat digerakkan secara selaras serta saling melengkapi. Pada masa yang sama, kerjasama strategik dengan industri dan komuniti akan diperkukuh melalui struktur tadbir urus yang jelas, manakala pemimpin projek utama akan dilantik untuk menyelaras pelbagai pihak berkepentingan pada semua peringkat.

Rajah 5.20 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 4

STRATEGI 3:
MEMBANGUNKAN BAKAT

Strategi 3 memberikan penekanan terhadap pembangunan bakat murid secara holistik dalam pelbagai bidang strategik dan berimpak tinggi. Keutamaan diberikan terhadap pemerkasaan bidang STEM, TVET serta sukan dan seni bagi melahirkan generasi yang celik teknologi, berdaya saing, berdisiplin dan berjati diri. Bidang sains sosial dan pengajian agama turut diberikan perhatian untuk memperkukuh nilai sejagat, pemikiran kritikal dan pembinaan akhlak. Tumpuan utama diberikan kepada tiga aspek penting. Pertama, meningkatkan kesedaran melalui program pendedahan awal kerjaya dan promosi laluan bakat. Kedua, memperluas akses kepada program perantisan, bimbingan industri dan peluang pembelajaran baharu. Ketiga, menyediakan laluan pembangunan bakat khusus termasuk program transisi kerjaya dan laluan bagi MBPK.

Prakarsa Strategi 3

1

Membangunkan bakat secara holistik dalam pelbagai bidang

Laluan STEM	Laluan TVET	Laluan sukan dan seni
Memperkasakan ekosistem kolaboratif yang menyokong pembangunan bakat STEM secara holistik	Memperkasakan ekosistem bakat TVET yang holistik melalui kolaborasi strategik	Membangunkan bakat murid dalam bidang sukan dan seni

Rajah 5.21 Prakarsa bagi Strategi 3

Usaha memperkukuh laluan kerjaya murid melalui kolaborasi strategik antara sekolah, industri dan institusi pengajian tinggi amat penting bagi menjamin kebolehpasaran dan kesediaan murid menghadapi dunia pekerjaan. Melalui kerangka kerjasama sektor awam dan swasta, pelbagai rakan strategik industri terlibat dalam melaksanakan prakarsa ini.

Prakarsa ini turut mengoptimumkan penggunaan prasarana fizikal dan digital dan kepakaran industri di institusi pendidikan KPM bagi memperkukuh pembelajaran amali dan pendedahan kepada teknologi semasa. Pendekatan menyeluruh ini berperanan meningkatkan kesedaran, kecekapan dan kebolehpasaran murid di samping menyokong pelaksanaan Satu Sekolah Satu Industri sebagai platform integrasi pendidikan dan industri yang mampan ke arah melahirkan tenaga kerja masa hadapan.



PRAKARSA 1: MEMBANGUNKAN BAKAT MURID SECARA HOLISTIK DALAM PELBAGAI BIDANG STEM, TVET, SUKAN DAN SENI

Memperkasakan Ekosistem Kolaboratif yang Menyokong Pembangunan Bakat STEM secara Holistik

Ekosistem kolaboratif STEM yang melibatkan kerjasama strategik antara institusi pendidikan, industri, komuniti dan agensi kerajaan amat penting dalam membangunkan bakat murid secara holistik. Usaha ini penting bagi meningkatkan penyertaan murid dalam bidang STEM yang kini masih rendah. Selain itu, prakarsa ini bukan sahaja memastikan penyertaan menyeluruh dan peluang yang adil bagi semua murid, malah sejajar dengan aspirasi negara ke arah ekonomi berteknologi tinggi melalui pembentukan modal insan STEM yang kompeten, inovatif dan adaptif.

Pelaksanaan prakarsa ini memberi tumpuan kepada pembangunan dan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Bakat STEM 2026 — 2035 yang merangkumi tiga komponen utama. Komponen pertama menekankan peluasan akses dan pengenalpastian awal melalui penilaian prakarsa sedia ada serta pembangunan sistem pemprofilan minat murid berasaskan data psikometrik. Komponen kedua memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan program pembangunan laluan kerjaya dan akademik serta kemahiran masa hadapan, termasuk program kesedaran kerjaya dan program intervensi akademik berasaskan kepakaran, iaitu *Student–Teacher–Expert* (STE). Di samping itu, program *Work–Based Learning* (WBL) bagi murid menengah atas turut diperkenalkan. Komponen ketiga pula memberi tumpuan kepada pengukuhan sistem pemprofilan murid, peluasan program WBL serta pemantauan berpandukan data untuk menilai keberkesanan pelaksanaan.



GARIS MASA PELAKSANAAN

Pelaksanaan secara berfasa membolehkan kitaran pelaksanaan projek rintis, penilaian dan seterusnya disusuli pelaksanaan yang lebih meluas sekiranya dapatan daripada fasa rintis terbukti menunjukkan hasil yang menggalakkan.

Fasa 1 (2026 — 2027) Pembangunan Pelan Hala Tuju Bakat STEM	1. Membangunkan Pelan Hala Tuju Bakat STEM 2026 — 2035 dengan menggunakan pendekatan keseluruhan kerajaan (whole-of-government) dan pendekatan keseluruhan masyarakat (whole-of-society) yang melibatkan pelbagai kementerian, agensi, institusi pendidikan, sektor industri serta ibu bapa dan komuniti. 2. Program Kerjaya STEM sedia ada diteruskan, dan pada masa yang sama projek rintis Program Intervensi Akademik *Student-Teacher-Expert* (STE). 3. Membangunkan Sistem Pemprofilan Murid yang merangkumi *Program Personalised Education Pathway.* 4. Penyediaan kurikulum bagi WBL pula berada pada fasa penyediaan kurikulum.
Fasa 2 (2028 — 2030) Pelanjutan Program Pemerkasaan STEM	1. Pelaksanaan Program Kerjaya STEM dan Program Intervensi Akademik STE berpandukan Pelan Hala Tuju Bakat STEM 2026 — 2035. 2. Pelaksanaan projek rintis Sistem Pemprofilan Murid yang merangkumi Program *Personalised Education Pathway* dan program WBL dalam kalangan murid Tingkatan 4 di 10 buah sekolah menengah.
Fasa 3 (2031 — 2035) Penilaian dan Pelaksanaan	1. Melaksanakan penilaian Program Kerjaya STEM, Program Akademik Murid STE, WBL dan Sistem Pemprofilan Murid. 2. Pelaksanaan Sistem Pemprofilan Murid yang merangkumi Program *Personalised Education Pathway* dan perluasan program WBL dalam kalangan murid Tingkatan 4 di seluruh sekolah menengah.

Sejajar dengan RMK13, sasaran utama adalah untuk menggalakkan pembelajaran aliran STEM sebagai laluan pilihan murid.

Rajah 5.22 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1: Memperkasakan Ekosistem Kolaboratif yang Menyokong Pembangunan Bakat STEM secara Holistik

Memperkasakan Ekosistem Bakat TVET yang Holistik Melalui Kolaborasi Strategik

Dalam tempoh pelaksanaan RPM 2026 — 2035, bidang TVET terus menjadi keutamaan strategik. Penekanan diberikan terhadap pemerkasaan TVET pada semua peringkat persekolahan bagi memupuk minat awal terhadap kemahiran teknikal, seterusnya membangunkan generasi murid yang berpengetahuan, cekap dan berdaya saing dalam pelbagai bidang industri.

Pelbagai intervensi strategik bagi memperkukuh kesedaran, akses dan laluan kerjaya murid dalam bidang TVET dilaksanakan melalui kerjasama erat dengan industri dan agensi berkaitan. Usaha ini selaras dengan aspirasi untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan ekonomi negara.

Perantisan industri merupakan pendekatan pendidikan yang mengintegrasikan pembelajaran teori di institusi dengan latihan praktikal di tempat kerja. Pemerkasaan program perantisan industri akan dilaksanakan bagi memberikan peluang kepada murid untuk mendapat pengalaman dunia sebenar, memperkukuh kemahiran praktikal serta memahami budaya kerja profesional.

Penawaran program TVET baharu yang relevan dengan keperluan industri setempat berpotensi meningkatkan enrolmen murid dalam aliran TVET di bawah KPM. Kajian pasaran mengikut lokaliti perlu dilakukan secara berkala supaya program sentiasa selari dengan permintaan semasa. Penawaran program perlu mengambil kira keperluan kerjaya masa hadapan yang mendepani revolusi industri termasuklah penguasaan kemahiran digital, automasi, kecerdasan buatan, robotik, analitik data dan teknologi hijau.

Selain itu, pelaksanaan program baharu SBP TVET di sekolah berasrama penuh terpilih bermula daripada Tingkatan Satu dapat memperkenalkan pendidikan TVET secara formal pada peringkat menengah rendah serta membentuk asas kemahiran yang kukuh sejak peringkat awal.

Rasionalisasi program TVET dilaksanakan untuk memastikan program ini kekal relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa dan perkembangan teknologi dalam industri. Keperluan utama bagi melaksanakan rasionalisasi program TVET adalah dengan memastikan bahawa setiap program yang ditawarkan benar-benar memenuhi kehendak industri dan dapat menjamin kebolehpasaran graduan.

Laluan kerjaya diperkasakan melalui program transisi ke kerjaya, pelaksanaan WBL dan kerjasama berterusan dengan industri untuk menjamin kesinambungan antara pembelajaran dengan pekerjaan. Pendekatan ini dipacu melalui sinergi berimpak tinggi yang merangkumi latihan kemahiran berstruktur, pembangunan kurikulum, perkongsian fasiliti, latihan peningkatan kemahiran, pengiktirafan industri dan penyediaan peluang pekerjaan.

Melalui pendekatan bersepadu ini, KPM komited untuk meningkatkan enrolmen dan kebolehpasaran murid TVET serta membentuk tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing menjelang tahun 2035.



GARIS MASA PELAKSANAAN

Strategi ini akan dilaksanakan secara berfasa dari tahun 2026 hingga tahun 2035. Pendekatan berfasa ini membolehkan penyesuaian berterusan terhadap kerjaya dan perkembangan global.

Fasa 1 (2026 — 2027) Perancangan dan Pembangunan Asas TVET	1. Meningkatkan kesedaran TVET sebagai laluan pendidikan dan kerjaya utama. 2. Melaksanakan kempen kejayaan graduanTVET. 3. Memastikan akses terangkum TVET untuk semua kategori murid. 4. Memperluas program TVET di sekolah harian melalui prasarana fizikal dan digital dan tenaga pengajar bermutu. 5. Melaksanakan kajian rasionalisasi program TVET sedia ada relevan dengan keperluan industri. 6. Meningkatkan kerjasama awam–swasta bagi sokongan kerjaya murid dan pembangunan kepakaran guru.
Fasa 2 (2028 — 2030) Peluasan Program Kesedaran, Akses dan Laluan Kerjaya TVET	1. Memperluas kesedaran dan pendedahan terhadap peluang pendidikan serta laluan kerjaya TVET. 2. Mengoperasikan institusi TVET baharu menumpukan kepada automasi dan teknologi terkini. 3. Memperkasa kolaborasi strategik dengan industri melalui Jawatankuasa Hubungan Industri TVET KPM. 4. Memperluas akses latihan dan peluang kerjaya melalui jaringan industri yang sistematik.
Fasa 3 (2031 — 2035) Pemerkasaan dan Kelestarian Laluan TVET	1. Melaksanakan penilaian impak berasaskan data dan penambahbaikan berterusan. 2. Memperluas akses TVET melalui pelantar digital, kerjasama industri dan penglibatan komuniti. 3. Memantapkan sokongan terangkum bagi memastikan akses TVET kepada semua murid. 4. Menyelaras kurikulum TVET secara berterusan mengikut keperluan industri. 5. Memastikan kelestarian laluan kerjaya TVET bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Rajah 5.23 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1: Memperkasakan Ekosistem Bakat TVET yang Holistik Melalui Kolaborasi Strategik

Membangunkan Bakat Murid dalam Bidang Sukan dan Seni

Bidang sukan dan seni semakin diiktiraf sebagai komponen penting dalam pembangunan modal insan. Teras Strategik 2 Strategi 3 Sub Prakarsa 1C bertujuan mengukuhkan pembangunan bakat murid dalam bidang sukan dan seni melalui tiga pendekatan utama, iaitu peningkatan kesedaran, peluasan akses dan pengukuhan laluan kerjaya. Pendekatan ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara KPM, agensi sukan, institusi seni dan industri bagi memastikan bakat murid digilap secara berterusan.

Tiga aktiviti utama diperkenalkan, iaitu peningkatan kesedaran, pengukuhan akses dan ekosistem sokongan serta pembinaan laluan kerjaya. Kerjasama strategik dengan pihak industri akan merentasi ketiga-tiga aktiviti ini bagi memastikan impak yang lebih menyeluruh, sistematik dan berdaya tinggi.



1

Peningkatan Kesedaran: Pencetus Aspirasi Bakat

Kesedaran awal menjadi pemangkin utama dalam membentuk minat, membina motivasi dan menentukan hala tuju kerjaya murid berbakat, khususnya dalam bidang bukan akademik yang sebelum ini kurang diberikan tumpuan. Sehubungan dengan itu, beberapa program yang dirangka untuk menyokong penerokaan awal kerjaya murid adalah seperti yang berikut:

- MyBakat Expo Kerjaya Sukan dan Seni Malaysia.
- Lawatan ke industri dan institusi sukan atau seni.
- Program Aspirasi Kerjaya.

2

Peluasan Akses dan Ekosistem Sokongan

Pendekatan ini bertujuan memastikan murid berbakat dalam sukan dan seni mendapat akses yang adil dan menyeluruh kepada peluang pembangunan diri sejak peringkat awal sebagai asas penting untuk membina hala tuju kerjaya mereka pada masa hadapan. Bagi mencapai hasrat tersebut, beberapa usaha turut diberikan penekanan, iaitu:

- Penambahan kapasiti institusi bakat.
- Program pembangunan bakat.
- Jalinan strategik bersama industri.

3

Pengukuhan Laluan Kerjaya: Dari Sekolah ke Dunia Profesional

Pendekatan ini menumpukan pembinaan laluan kerjaya yang tersusun, progresif dan diiktiraf untuk murid berbakat dalam bidang sukan dan seni bermula dari peringkat sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, beberapa komponen utama turut diperkenalkan, iaitu:

- Bimbingan dan Pemetaan Pelan Kerjaya Murid.
- Program Pemerkasaan Kerjaya MyBakat.
- Pendedahan dunia sebenar melalui WBL.
- Pensijilan dan Pengiktirafan.
- Pemetaan dan pemadanan bakat.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa pelaksanaan prakarsa ini dijalankan secara berperingkat mengikut tahap keutamaan dan kesediaan ekosistem pendidikan. Setiap fasa menumpukan objektif khusus, bermula dengan pencetusan kesedaran, diikuti dengan peluasan akses kepada pembangunan bakat dan diakhiri dengan pengukuhan laluan kerjaya murid secara tersusun dan berimpak tinggi.

Fasa 1 (2026 — 2027) Pencetus Aspirasi	1. Meningkatkan kesedaran murid terhadap potensi kerjaya dalam bidang sukan dan seni melalui program perintis seperti MyBakat Expo, Program Aspirasi Kerjaya, lawatan ke industri dan institusi pendidikan. 2. Membangunkan Modul Bimbingan Awal dan Pelan Kerjaya Individu. 3. Pelaksanaan jaringan awal dengan institusi dan industri serta pemetaan bakat dan pembangunan pangkalan data kerjaya.
Fasa 2 (2028 — 2030) Peluasan dan Pemerkasaan	1. Memperluas pelaksanaan prakarsa ke seluruh negara dengan pengukuhan akses kepada program pembangunan bakat, termasuk penubuhan sekolah satelit, program modular anjal dan peningkatan kapasiti institusi sedia ada. 2. Murid mengikuti bimbingan mentor industri (MyBakat Mentorship), program WBL dan program persediaan kerjaya, melalui pelibatan komuniti dan sektor profesional.
Fasa 3 (2031 — 2035) Pemantapan dan Pengiktirafan	1. Melaksanakan pemadanan kerjaya secara sistematik melalui pangkalan data kerjaya. 2. Menawarkan pensijilan kemahiran, laluan dwikelayakan dan pengiktirafan pencapaian murid. 3. Membina laluan kerjaya yang mantap dan berdaya saing melalui pemadanan kerjaya sistematik, pensijilan kemahiran, laluan dwikelayakan dan pengiktirafan pencapaian murid. 4. Memperkukuh kedudukan sukan dan seni sebagai pilihan kerjaya yang diiktiraf.

Rajah 5.24 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1: Membangunkan Bakat Murid dalam Bidang Sukan dan Seni

STRATEGI 4: MEMBENTUK KARAKTER

Pembentukan karakter yang kukuh penting untuk melahirkan murid yang holistik, berakhlak dan stabil dari segi mental. Dengan karakter yang mantap, murid lebih bersedia untuk berfikir secara global, menghormati kepelbagaian budaya dan beretika. Pendekatan ini memastikan mereka menjadi warganegara global yang bertanggungjawab serta berdaya saing.

Prakarsa Strategi 4

1
Memperkasakan kesejahteraan murid merangkumi kesihatan fizikal, mental dan sosial

2
Memperkukuh jati diri dan kerohanian murid

Rajah 5.25 Prakarsa bagi Strategi 4



PRAKARSA 1: MEMPERKASAKAN KESEJAHTERAAN MURID MERANGKUMI KESIHATAN FIZIKAL, MENTAL DAN SOSIAL

Sistem pendidikan yang terangkum dan berkesan hanya dapat dibina apabila kesejahteraan murid dijadikan sebagai teras utama. Oleh itu, KPM komited dalam usaha memperkukuh ekosistem yang menyokong kesihatan fizikal, mental dan sosial murid. Matlamat strategi ini adalah untuk memastikan murid mempunyai tubuh badan yang sihat, emosi yang stabil, bebas daripada gejala buli dan gangguan seksual serta mampu membina hubungan sosial yang positif. Isu buli dan gangguan seksual merupakan cabaran utama yang boleh menjejaskan kesejahteraan menyeluruh murid. Gejala ini bukan sekadar tingkah laku agresif individu tetapi mencerminkan corak sosial yang berulang. Dengan memastikan kesejahteraan menyeluruh, murid dapat mencapai kecemerlangan akademik dan pembentukan sahsiah yang seimbang.



1. Kesihatan Fizikal

- Pelaksanaan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) diperluas kepada murid sekolah menengah, selain terus menyokong murid sekolah rendah.
- Kumpulan sasaran termasuklah murid daripada keluarga B40, masyarakat orang Asli dan MBPK.
- Tujuan: Bagi memastikan setiap murid menerima nutrisi seimbang yang menyokong perkembangan fizikal dan keupayaan kognitif.

2. Kesejahteraan Mental

- Pendekatan sistemik bagi menangani isu buli dan gangguan seksual.
- Melaksanakan langkah pencegahan termasuklah memahami punca, corak dan kesan gejala serta merancang intervensi menyeluruh dan mampan.

3. Kesejahteraan Sosial

- Murid membina hubungan positif melalui:
  - Program rakan sebaya
  - Kepimpinan murid dan Duta Sahsiah
  - **Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL)** yang menekankan motivasi dan ketahanan diri
- Memperkukuh sistem sokongan psikososial melalui pemerkasaan pengisian maklumat modul sahsiah dalam Sistem Sahsiah Diri Murid MOEIS.
- Disokong dengan jaringan kerjasama strategik antara KPM, JPN, PPD serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

4. Sistem Sokongan dan Pemantauan Kesejahteraan Murid Melalui Model Sistem Sokongan Pelbagai Peringkat (MSP)

Kesejahteraan murid memerlukan mekanisme menyeluruh untuk mengukur, menyokong dan membiayai intervensi secara holistik. Sehubungan dengan itu, KPM telah membangunkan Sistem Sokongan dan Pemantauan Kesejahteraan Murid yang merangkumi tiga komponen utama, iaitu

1. Indeks Kesejahteraan Murid (IKM)
   a. Membolehkan pihak sekolah dan KPM memperoleh data sahih mengenai tahap kesejahteraan murid.
   b. Data ini digunakan untuk merancang program dan intervensi berdasarkan keperluan lokaliti serta memastikan langkah yang diambil tepat dan bersesuaian dengan konteks sekolah.

2. Unit Kaunseling Sekolah
   a. Memberikan sokongan psikososial melalui intervensi awal, bimbingan bersasar dan penjagaan emosi berterusan.
   b. Fungsi unit diperkukuh melalui kerangka kerja strategik termasuk struktur, perjawatan, kompetensi dan kerjasama rentas sektor.

3. Peruntukan Per Kapita (PCG)
   a. Meningkatkan peruntukan untuk Bimbingan dan Kaunseling serta aktiviti kesejahteraan murid pada peringkat KPM, JPN dan PPD.
   b. Menyokong pelbagai program seperti perkhidmatan kaunseling, kesejahteraan murid, program kerjaya, sokongan psikososial, intervensi murid dan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan.

Rajah 5.26 Kesejahteraan Murid Dijadikan Teras Utama bagi Membina Sistem Pendidikan yang Terangkum dan Berkesan



Rajah 5.27 Model Sistem Sokongan Pelbagai Peringkat sebagai Kerangka Utama Penjaminan Kesejahteraan Murid

Untuk menjadikan sistem ini lebih berkesan, KPM memperkenalkan MSP, yang mengintegrasikan peranan guru, GBK, profesional kesihatan, ibu bapa dan komuniti dalam menyokong kesihatan fizikal, emosi dan sosial murid. Model yang berasaskan prinsip pencegahan, intervensi dan mitigasi ini diperkukuh melalui beberapa komponen utama seperti yang berikut:

- IKM dan SOP: Memastikan pemantauan berasaskan data dan pelaksanaan intervensi yang seragam serta boleh diukur.
- Penambahan Profesional: Pewujudan pegawai psikologi dan jururawat komuniti bagi memperkukuh sokongan profesional, khususnya dalam isu kesihatan mental, emosi dan pembangunan sosial murid.
- Pengukuhan Unit Kaunseling Sekolah: Penyesuaian nisbah kaunselor kepada murid serta peningkatan kapasiti guru Bimbingan dan Kaunseling untuk memastikan intervensi awal yang sistematik.
- Penyemakan Pembiayaan dan Perbelanjaan Prakarsa Kesihatan Murid: Menilai semula penjanaan, pembiayaan, dan perbelanjaan bagi mengoptimumkan program sedia ada.

Pendekatan MSP membolehkan sekolah mengenal pasti murid berisiko lebih awal dan menyediakan sokongan yang sesuai. Pemantauan berterusan, pelaporan data kesejahteraan dan intervensi bersasar mengikut tahap risiko murid memastikan kesejahteraan mereka dipelihara, meminimumkan faktor risiko fizikal, mental dan sosioemosi serta memperkukuh kesiapsiagaan sekolah menghadapi krisis.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Strategi ini akan dilaksanakan secara berfasa dari tahun 2026 hingga tahun 2035 dengan setiap fasa dirancang untuk mencapai objektif tertentu secara berperingkat.

Fasa 1 (2026 — 2027) Pembangunan Asas Kesejahteraan Murid	1. IKM dibangunkan sebagai instrumen pengukuran dengan ujian rintis dan latihan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK). 2. Unit Kaunseling Sekolah distruktur semula dan modul latihan baharu diperkenalkan. 3. Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL) dilaksanakan di 1000 sekolah. 4. Rancangan Makanan Tambahan (RMT) disemak semula agar responsif terhadap lokasi dan inflasi. 5. Cadangan rintis 1000 Pusat Sokongan Kesejahteraan dan Kerjaya diperkenalkan, bersama kajian semula PCG dan rangka kerjasama strategik rentas sektor.
Fasa 2 (2028 — 2030) Pemerkasaan Sistem Sokongan Kesejahteraan Murid	1. IKM diperluas untuk intervensi bersasar, manakala Unit Kaunseling Sekolah diperkukuh dengan nisbah 1:250 murid dan latihan kompetensi GBK. 2. RMT diperluas ke sekolah menengah. 3. Pusat Sokongan dan Kerjaya diperluas ke 4000 sekolah dan Program PEARL juga diperluas. 4. Program SEL/Second Step dilaksanakan untuk pembangunan sosioemosi dan pencegahan buli. Kajian semula PCG serta pengukuhan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO turut dijalankan.
Fasa 3 (2031 — 2035) Pengukuhan Menyeluruh	1. Pemantauan IKM diteruskan dengan intervensi berimpak tinggi. 2. Unit Kaunseling Sekolah direformasi secara holistik termasuk pengantarabangsaan dan perkongsian amalan terbaik. 3. Semua sekolah mempunyai akses ke Pusat Sokongan dan Kerjaya, dan Program PEARL dilaksanakan secara menyeluruh untuk membina daya tahan mental, motivasi kendiri dan ketahanan sosial murid. 4. Peruntukan pembangunan murid ditambah pada semua peringkat KPM, JPN dan PPD bagi memastikan kesinambungan program.

Rajah 5.28 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 4 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MEMPERKUKUH JATI DIRI DAN KEROHANIAN MURID

Kementerian Pendidikan komited mengangkat kerohanian sebagai teras pembentukan insan dan jati diri dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pengukuhan mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta pelaksanaan program pembangunan sahsiah dilaksanakan secara bersepadu. Penekanan terhadap penghayatan ibadah, akhlak, adab dan nilai kemanusian diterapkan sebagai asas sahsiah, manakala etika dan pemupukan perpaduan diperkukuh dengan mengamalkan prinsip Rukun Negara. Murid diharapkan mampu menghayati etika dan nilai kemanusiaan, menyelesaikan konflik secara harmoni melalui pertimbangan bijak serta bertindak dengan betul dalam situasi kritikal.

Prakarsa 2

1
Penerapan nilai

2
Pengalaman berimpak

3
Penerapan penilaian bagi memperkukuh pembangunan sahsiah murid secara holistik



PENERAPAN NILAI ASAS PEMBENTUKAN JATI DIRI

Penerapan nilai asas seperti kejujuran, hormat, kasih sayang dan amanah merupakan asas membentuk jati diri dan kerohanian murid. Dengan ekosistem pendidikan menyeluruh, murid dapat mengamalkan nilai murni dalam tutur kata dan tingkah laku harian, membentuk generasi berilmu, berakhlak mulia dan berjiwa sejahtera. Pemegang taruh seperti pemimpin sekolah, guru, ibu bapa dan komuniti memainkan peranan penting melalui transformasi minda, pembangunan profesional berterusan, teladan, komunikasi berkesan dan kerjasama strategik.

PEMUPUKAN PERPADUAN MELALUI PENGALAMAN BERIMPAK TINGGI

Perpaduan merupakan tunjang kestabilan dan kemakmuran negara. Murid dihargai untuk memahami kepelbagaian sebagai kekuatan dan asas keharmonian sosial. Program seperti Kelab Rukun Negara, Khidmat Masyarakat (≥40 jam persekolahan), Program Pertukaran Murid Asrama Malaysia (AMal) dan Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) membina tanggungjawab sosial, toleransi dan semangat kebersamaan. Pelaksanaan prakarsa berimpak tinggi disokong melalui model kos efektif, terangkum dan pembiayaan alternatif seperti perkongsian awam–swasta, tajaan korporat dan sumbangan komuniti.

PENGETUA DAN GURU BESAR (PGB) / GURU

PGB: NPQEL perlu memberi tumpuan kepada transformasi minda, kemampuan dan keterampilan serta penerapan amalan nilai yang bersesuaian.

Guru: Meningkatkan kefahaman silibus yang dipelajari, melaksanakan seperti yang dikehendaki silibus, membuat pemantauan keberkesanan dan tindakan intervensi.

CPD diperkasakan dalam kalangan PGB (IAB) dan Guru (IPG, IPTA dan IPTS).

KPM/JPN/PPD

Pengurusan tertinggi pendidikan (KPM, JPN, PPD): Perlu menjalani kursus penerapan dan amalan nilai.

CPD diperkasakan dalam kalangan pengurusan tertinggi KPM bagi tujuan penerapan nilai.

Murid

Murid mengamalkan nilai murni dalam tutur kata dan tingkah laku harian.

IBU BAPA

Pelibatan secara aktif dalam penerapan nilai di rumah dan di sekolah.

Meningkatkan kesedaran, keprihatinan atau/ komitmen tentang kepentingan pendidikan dan amalan berteraskan nilai-nilai murni menerusi media massa, PIBG, NGO dan semua agensi serta kementerian yang terlibat.

KOMUNITI

Pelibatan aktif dalam menyokong pembudayaan nilai murni pada peringkat sekolah dan masyarakat.

Meningkatkan kesedaran dan komitmen terhadap kepentingan pendidikan berteraskan nilai melalui sokongan berterusan daripada media, NGO, pemimpin komuniti, sektor swasta, agensi kerajaan serta kementerian berkaitan.

Rajah 5.29 Peranan Pemegang Taruh dalam Penerapan Nilai Asas Pembentukan Jati Diri Murid

PENGUKUHAN EKOSISTEM PENERAPAN NILAI

Penerapan nilai dalam pendidikan memerlukan pelibatan holistik semua pemegang taruh bagi memastikan keberkesanan dan kesinambungan. Pemimpin sekolah dan guru memainkan peranan utama dengan melaksanakan transformasi minda, memperkukuh kefahaman terhadap kurikulum nilai serta meningkatkan pemantauan dan intervensi pada peringkat sekolah. Bagi memastikan nilai diterapkan secara konsisten dalam pengajaran dan kepimpinan, Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (Continuous Professional Development – CPD) diperkuat sebagai asas peningkatan kompetensi guru dan pemimpin.

Ibu bapa pula bertindak sebagai faktor penentu melalui teladan, komunikasi yang berkesan dan sokongan terhadap usaha sekolah, manakala komuniti menyumbang melalui sokongan dan kerjasama strategik dengan media, NGO, sektor swasta serta agensi kerajaan. Kesemua elemen ini membina ekosistem pendidikan yang menyokong penerapan nilai secara menyeluruh.

Pengurusan tertinggi pendidikan (KPM, JPN, PPD) perlu memastikan kursus dan program CPD dijalankan secara berstruktur dan berimpak tinggi, selaras dengan dasar dan tadbir urus pendidikan berpaksikan nilai. Pendekatan ini menekankan kesinambungan antara kepimpinan, guru, keluarga dan komuniti, seterusnya membentuk murid yang berakhlak mulia, berjati diri dan berjiwa sejahtera, menjadikan nilai sebagai asas dalam kehidupan harian mereka.



GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 (2026 — 2027) Asas Pembentukan Jiwa dan Nilai	1. Pembinaan asas rohani murid melalui integrasi kurikulum, kokurikulum dan persekitaran sekolah. 2. Penerapan nilai universal seperti kejujuran, hormat, kasih sayang dan amanah melalui pengalaman pembelajaran kontekstual. 3. Guru bertindak sebagai pemudah cara nilai, manakala murid mengamalkan pembelajaran berasaskan pengalaman seperti khidmat masyarakat, refleksi harian dan jurnal nilai diri. 4. Sekolah digalakkan untuk menyediakan modul latihan dan ruang "sudut jiwa" bagi keseimbangan emosi. 5. Kepimpinan Berjiwa Insan diperkenalkan untuk memperkukuh kesejahteraan guru. 6. Program Sekolah Penyayang dan Sekolah Ihsan diperluas sebagai ekosistem permulaan budaya spiritual terangkum.
Fasa 2 (2028 — 2030) Pengukuhan Amalan dan Ekosistem Kerohanian Sekolah	1. Memperluas pelaksanaan prakarsa ke seluruh negara dengan pengukuhan akses kepada program pengukuhan ekosistem sekolah yang menyokong perkembangan rohani berterusan. 2. Sekolah dijadikan komuniti nilai dengan pelibatan kepimpinan, guru, ibu bapa, komuniti dan agensi agama. 3. Program Pembelajaran Berasaskan Nilai dan Empati diperkenalkan. 4. Program kepimpinan murid seperti Pemimpin Muda Berjiwa Insan dilaksanakan untuk menggabungkan kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan refleksi rohani. 5. Murid digalakkan untuk menulis jurnal refleksi diri, sementara kerjasama dengan komuniti diperluas melalui Program Komuniti Ihsan bagi menguatkan pembangunan moral dan kerohanian sosial.
Fasa 3 (2031 — 2035) Kemandirian Rohani dan Pembentukan Insan Seimbang Global	1. Kurikulum diperluas kepada dimensi Kepimpinan Kerohanian dan Kewarganegaraan Global, menekankan nilai keagamaan, kemanusiaan dan kelestarian. 2. Murid menilai isu global seperti keadilan sosial, perubahan iklim dan keamanan dunia melalui perspektif nilai dan kerohanian. 3. Konsep *"Global Soul, Local Heart"* diperkenalkan untuk menyeimbangkan identiti rohani nasional dengan keterbukaan nilai sejagat. 4. Pemantauan dan penilaian formatif dilakukan melalui portfolio nilai, projek komuniti dan penilaian kendiri. 5. Guru dan GBK bertindak sebagai mentor rohani bagi memastikan nilai kerohanian menjadi cara hidup yang berterusan.

Rajah 5.30 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 4 Prakarsa 2

Menjelang tahun 2035, strategi menyeluruh dijangka dapat melahirkan murid yang cemerlang akademik, berakhlak mulia, berempati dan penyayang. Kerjasama sekolah, ibu bapa, agensi kerajaan dan NGO akan memastikan pendidikan membina insan sejahtera serta menjadikan sekolah tempat selamat, bermakna dan membentuk warganegara global beretika.

PEMBOLEH DAYA

Bagi memastikan pelaksanaan strategi dilakukan secara berkesan dan menyeluruh, Teras Strategik 2 menekankan dua pemboleh daya utama, iaitu akses terangkum dan pentaksiran pintar. Akses terangkum memastikan setiap murid menerima peluang pendidikan yang adil dan saksama tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, lokasi atau keperluan khas, manakala pentaksiran pintar menggunakan teknologi digital dan AI untuk menilai kemajuan murid secara holistik serta menyesuaikan pengajaran bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Kedua-dua pemboleh daya ini berperanan sebagai pemangkin pelaksanaan empat strategi utama dalam usaha melahirkan murid berilmu, berkemahiran, beretika dan berdaya saing pada peringkat global.





Rajah 5.31 Prakarsa bagi Pemboleh Daya

PEMBOLEH DAYA 1:
AKSES TERANGKUM – PROGRAM BERSASAR GOLONGAN KHUSUS

Akses pendidikan yang saksama dan terangkum bagi semua murid tanpa mengira latar sosioekonomi, lokasi, keupayaan atau budaya menjadi asas sistem pendidikan yang saksama. Program bersasar memberikan tumpuan kepada murid orang Asli dan peribumi, MBPK, murid daripada keluarga miskin tegar serta murid pintar cerdas dengan pendekatan yang mengambil kira cabaran khusus setiap kumpulan bagi menyediakan peluang pembelajaran yang bermakna dan menyeluruh.



Rajah 5.32 Murid Berkeperluan Khusus (MBK)

Bagi memastikan golongan ini mendapat peluang pendidikan yang setara dan bermutu, beberapa strategi telah dirangka. Pelaksanaan strategi ini disokong oleh sistem bantuan dan intervensi bersepadu yang melibatkan kerjasama guru, ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan dan pakar profesional bagi memastikan setiap murid berkeperluan khusus mendapat akses pendidikan yang adil, terangkum dan bermakna, selaras dengan aspirasi KPM.

KEMENJADIAN MURID BERKEPERLUAN KHUSUS YANG HOLISTIK DAN INKLUSIF (KEMILAU)

Model KEMILAU menekankan pembangunan ekosistem pendidikan terangkum yang menyeluruh, bermula daripada pengesanan awal, pelaksanaan pengalaman pembelajaran yang bermakna, sehinggalah kepada penyertaan berterusan MBK dalam sistem pendidikan arus perdana.

- ### PENGESANAN AWAL MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS DAN PINTAR CERDAS

  Pengesanan awal murid berkeperluan pendidikan khas dan pintar cerdas dilakukan sejak awal bagi membolehkan intervensi dan sokongan yang tepat. Langkah ini mengukuhkan pendidikan terangkum serta memastikan tindak balas terhadap keperluan murid yang pelbagai berlaku sejak peringkat awal persekolahan.

- ### PELAKSANAAN PENGALAMAN PEMBELAJARAN YANG BERMAKNA

  Pendekatan lebih luwes dan berpusatkan murid digunakan bagi memastikan pembelajaran relevan dengan keperluan individu. Pembelajaran alternatif serta bahan dan peralatan sokongan diperkasa mengikut kemahiran dan lokaliti supaya murid berkeperluan khusus mendapat akses pembelajaran bermutu secara menyeluruh.

  Pembangunan kurikulum berasaskan pengayaan, projek mini dan Ekosistem Pembelajaran Berasaskan Bakat menghubungkan sekolah, universiti dan industri. Program Mentor Global dan Pertukaran Akademik memberikan pendedahan antarabangsa.

  Pengalaman pembelajaran turut diperkukuh melalui Model Sekolah Komuniti Inklusif yang menekankan penghayatan budaya, bahasa ibunda dan nilai warisan. Usaha ini disokong oleh peluasan Program Mobiliti Pendidik dan Mentor Komuniti, penggunaan inovasi pembelajaran digital luar bandar serta kerjasama dengan agensi kerajaan dan NGO tempatan.

• PENINGKATAN PENYERTAAN MURID BERKEPERLUAN KHUSUS DALAM PENDIDIKAN

Usaha meningkatkan pendidikan komuniti orang Asli digerakkan melalui program kesedaran bersama ibu bapa dan komuniti, peluasan Sekolah Model Khas Komprehensif K11 di kawasan berisiko keciciran serta pembangunan modul pembinaan jati diri dan latihan fasilitator yang menyokong minat dan daya tahan murid. Pendekatan ini memastikan kesinambungan pembelajaran dan sokongan bersepadu antara sekolah, keluarga dan komuniti.

Program *Zero Dropout Schools* mengesan murid yang berisiko keciciran, seterusnya disokong dengan intervensi komuniti, bantuan holistik, pembelajaran selepas sekolah dan kerjasama sektor swasta bagi meningkatkan kemudahan pendidikan.

Sekolah arus perdana dilengkapi dengan kemudahan mesra MBPK, dibantu oleh penggunaan Teknologi Bantu Pintar dan kehadiran guru terlatih melalui Program Kompetensi Guru Inklusif. Rangkaian sokongan psikososial menyediakan terapi, kaunseling dan intervensi bersepadu.



Bagi memastikan golongan ini mendapat peluang pendidikan yang setara dan bermutu, beberapa strategi telah dirangka. Pelaksanaan strategi ini disokong oleh sistem bantuan dan intervensi bersepadu yang melibatkan kerjasama guru, ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan dan pakar profesional, bagi memastikan setiap murid berkeperluan khusus mendapat akses pendidikan yang adil, terangkum dan bermakna, selaras dengan aspirasi KPM.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 (2026 — 2027) Menyedia Akses, Mengukuh Sokongan	1. Menyediakan akses dan sokongan awal melalui program bersasar kepada komuniti orang Asli, MBPK, murid miskin tegar dan murid pintar cerdas. 2. Melaksanakan modul pembelajaran terbeza, latihan guru, bantuan kebajikan, saringan awal bakat serta pengukuhan jaringan sokongan komuniti dan NGO.
Fasa 2 (2028 — 2030) Memperluas Intervensi, Menjamin Mutu	1. Peluasan intervensi dan peningkatan mutu pelaksanaan. 2. Peluasan pendekatan dwibahasa, teknologi untuk MBPK dipertingkat, pemantauan kes individu bagi murid miskin tegar dilaksanakan, manakala murid pintar cerdas diberikan peluang perantisan bersama-sama IPT dan industri bagi mengembangkan bakat.
Fasa 3 (2031 — 2035) Melestari keterangkuman, Memperkasakan Potensi	1. Melestarikan keterangkuman dan memperkasakan potensi murid melalui pembangunan Pusat Kecemerlangan Komuniti. 2. Melaksanakan program transisi ke pekerjaan bagi MBPK. 3. Membangunkan sistem data pintar kebajikan murid. 4. Menyediakan laluan pembelajaran yang anjal termasuk Akademi Kecemerlangan untuk murid pintar cerdas.

Rajah 5.33 Garis Masa Pelaksanaan Pemboleh Daya 1

PEMBOLEH DAYA 2: PENTAKSIRAN PINTAR – PENTAKSIRAN BERSEPADU MENGGUNAKAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN KECERDASAN BUATAN

Pentaksiran yang diperkukuh melalui teknologi digital dan AI menjadi asas penting dalam usaha KPM membina sistem pendidikan yang berteraskan bukti, responsif dan berpaksikan potensi murid. Melalui sistem pentaksiran yang berasaskan data dan berterusan, guru, murid dan ibu bapa memperoleh maklum balas yang boleh ditindak secara segera untuk menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, pemboleh daya ini memperkukuh hubungan antara pedagogi, pembelajaran dan sokongan rumah, menjadikan keseluruhan ekosistem pendidikan lebih tangkas, telus dan berimpak tinggi.

Pelaksanaan *Technology-Enhanced Assessment* (TEA) menandakan langkah strategik KPM dalam mentransformasikan pendekatan pentaksiran ke arah yang lebih menyeluruh dan adaptif. Kaedah ini bukan sahaja menilai pencapaian akademik, tetapi juga meneroka kekuatan, minat, gaya pembelajaran serta keupayaan murid melalui teknologi interaktif dan adaptif. Pendekatan ini membolehkan setiap murid dinilai secara lebih adil, kontekstual dan bermakna, sejajar dengan matlamat pendidikan holistik yang menumpukan pembangunan potensi diri dan sahsiah. Guru dapat mengenal pasti keperluan pembelajaran individu, merancang intervensi yang bersasar serta memantau kemajuan murid dengan lebih tepat dan berasaskan bukti.

Pelantar DELIMa berperanan sebagai ekosistem penyokong yang menyepadukan fungsi pentaksiran digital dengan keperluan semua pihak berkepentingan. Melalui pelantar ini, guru dapat menilai kemajuan murid secara pantas dan analitik; murid dapat memahami keupayaan diri serta menetapkan matlamat pembelajaran kendiri, manakala ibu bapa menerima maklum balas yang telus dan segera untuk menyokong pembelajaran anak di rumah. Prakarsa ini memperkukuh amalan pentaksiran sedia ada melalui integrasi teknologi, data dan AI, seterusnya membina persekitaran pendidikan digital yang bersepadu dan kolaboratif.



GARIS MASA PELAKSANAAN

Pelaksanaan TEA dilaksanakan secara berfasa mulai tahun 2026 hingga tahun 2035. Fasa 1 dan Fasa 2 akan dibangunkan untuk memberikan tumpuan terhadap pengukuhan ekosistem digital serta pembangunan kapasiti guru dan murid.

Fasa 1 (2026 — 2027) Pemantapan Asas	1. Projek rintis dilaksanakan di sekolah terpilih untuk menilai keberkesanan awal TEA. 2. Guru dan murid diberikan latihan asas tentang pentaksiran digital, penggunaan platform TEA dan analisis data, seterusnya disokong oleh rancangan komunikasi strategik bagi memastikan penerimaan dan kesiapsiagaan.
Fasa 2 (2028 — 2030) Pelancaran Aktif	1. Peluasan TEA secara berperingkat ke sekolah yang bersedia sebelum dilaksanakan di seluruh sistem. 2. Pemantauan berasaskan data digunakan untuk menambah baik algoritma, reka bentuk dan fungsi sistem secara berterusan.
Fasa 3 (2031 — 2035) Pengukuhan dan Pemantapan	1. Sebagai komponen utama pentaksiran nasional, TEA menumpukan kepada pentaksiran kendiri, pembangunan e-portfolio dan pengukuhan autonomi pembelajaran murid. 2. Audit berkala, analitik pembelajaran dan laporan impak tahunan memastikan kelestarian sistem.

Rajah 5.34 Garis Masa Pelaksanaan Pemboleh Daya 2

5.4 KESIMPULAN

Teras Strategik 2 memberikan tumpuan terhadap usaha mengoptimumkan potensi setiap murid melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna, dengan matlamat melahirkan warganegara global yang kompeten dan berdaya saing. Empat strategi utama digariskan bagi mencapai hasrat ini. Pendekatan ini memastikan sistem pendidikan Malaysia bukan sekadar menyampaikan kandungan tetapi membina insan yang seimbang, beretika dan bersedia menghadapi perubahan dunia.

Pendekatan mengoptimumkan potensi murid melalui pembelajaran bermakna sangat penting dalam era teknologi dan globalisasi yang menuntut murid memiliki kemahiran berfikir aras tinggi, kreatiiti, daya tahan dan kebolehan menyesuaikan diri. Apabila pembelajaran dikaitkan dengan kehidupan sebenar, murid dapat memahami ilmu dengan lebih mendalam serta mengembangkan potensi mengikut minat dan kemampuan masing-masing. Hal ini adalah untuk memastikan setiap murid mendapat peluang yang adil untuk berkembang sebagai individu yang yakin dan berupaya meneruskan pembelajaran sepanjang hayat.

Pembentukan murid sebagai warganegara global menjadi semakin penting dalam dunia yang saling bergantung dan dipacu interaksi merentas budaya. Murid perlu diperkasa dengan literasi global, empati, nilai kemanusiaan dan keupayaan bekerjasama dalam persekitaran kepelbagaian masyarakat. Kecekapan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran mereka pada peringkat antarabangsa, malah membolehkan mereka menjadi penyumbang aktif kepada keamanan, kemampanan dan kesejahteraan sejagat.

Teras Strategik 2 merupakan tonggak penting dalam memastikan sistem pendidikan Malaysia dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga mempunyai kompetensi, karakter dan kesedaran global yang diperlukan untuk memimpin masa hadapan. Melalui pendekatan holistik ini, setiap murid dibangunkan sebagai insan sejahtera yang berilmu, berintegriti dan mampu menyumbang secara bermakna kepada kemajuan negara dan masyarakat dunia.



BAB 6

TERAS STRATEGIK 3 | MENTRANSFORMASIKAN PENDIDIK AGAR BERKEUPAYAAN TINGGI DAN BERORIENTASIKAN MASA HADAPAN

RINGKASAN

Pendidik merupakan penggerak utama kejayaan pelaksanaan dasar dan sistem pendidikan negara. Teras Strategik 3 memberikan tumpuan kepada usaha mentransformasikan pendidik agar berkeupayaan tinggi dan berorientasikan masa hadapan untuk memenuhi keperluan sistem pendidikan abad ke-21. Kerangka strategi dalam Teras Strategik 3 berasaskan empat strategi utama, iaitu meningkatkan kesejahteraan pendidik; memperkasakan kompetensi pendidik melalui pemberdayaan pembangunan profesionalisme berterusan secara berstruktur dan bermutu; mentransformasikan latihan keguruan agar bersifat adaptif, dinamik dan relevan; serta membangunkan pemimpin transformatif, berkeupayaan tinggi dan berorientasikan masa hadapan. Usaha ini disokong oleh pembudayaan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi melalui penubuhan pusat yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan dan inovasi di bawah KPM.

Melalui pelaksanaan strategi di bawah Teras Strategik 3, warga pendidik akan lebih berdaya tahan dalam bidang profesional yang diceburi serta mempunyai laluan kerjaya yang progresif dan bermakna. Seterusnya, sistem pendidikan negara akan dipacu oleh tenaga pendidik yang kompeten, sejahtera dan berwawasan, sekali gus memperkukuh keupayaan Malaysia untuk melahirkan generasi masa hadapan yang beradab, berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berkeyakinan selaras dengan matlamat RPM 2026 – 2035.

Pendidik meliputi guru, pensyarah, pemimpin institusi pendidikan, kaunselor dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di KPM, JPN, PPD serta institusi pendidikan KPM.

6.1 PENGENALAN DAN RASIONAL

Mutu pendidikan sesebuah negara bergantung pada pendidiknya. Sebagai pemacu keberhasilan murid dan transformasi pendidikan, pendidik memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan aspirasi nasional.

Pendidik berperanan untuk membentuk bakat masa hadapan yang beradab, berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berkeyakinan. Cabaran abad ke-21 menuntut anjakan strategik dalam pembangunan dan pemerkasaan kompetensi pendidik. Kajian Pembangunan Model Guru Futuristik Malaysia oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada tahun 2020 menegaskan keperluan membentuk pendidik yang holistik dan responsif terhadap perubahan. Dapatan kajian ini turut disokong oleh pelbagai SLU melalui Jelajah Pendidikan Negara pada tahun 2024 yang secara konsisten menekankan keperluan peningkatan mutu pendidik agar kekal relevan serta berkesan dalam konteks pendidikan masa kini dan akan datang. Oleh itu, usaha pemerkasaan kompetensi pendidik adalah penting untuk mencapai pendidikan bermutu di Malaysia.



Kajian global (Barber dan Mourshed, 2007; Opper, 2019; Engida, Iyasu dan Fentie, 2024) secara konsisten menunjukkan bahawa mutu pendidik merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi keberhasilan murid di sekolah, manakala pendidik yang kompeten dan efektif bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pembelajaran untuk semua murid tetapi berperanan penting dalam merapatkan jurang pencapaian antara murid daripada latar belakang yang berbeza. Kerangka Matlamat Pembangunan Mampan 4 Pendidikan Bermutu (SDG 4) menekankan bahawa pelaburan strategik dalam pembangunan profesionalisme keguruan kunci untuk meningkatkan mutu pendidikan dan memastikan hasil pembelajaran yang terangkum dan saksama.

Strategi dan prakarsa di bawah teras strategik ini bertujuan memastikan sistem pendidikan negara digerakkan oleh tenaga pendidik yang kompeten dan berpotensi untuk mencapai matlamat serta hasil yang sejajar dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Teras strategik ini juga merupakan kesinambungan daripada PPPM 2013 – 2025, khususnya Anjakan 4 yang memberikan tumpuan kepada mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan dan Anjakan 5 yang memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah.

Hasil pelaksanaan strategi dan prakarsa dalam teras strategik ini dijangka membawa kepada beberapa keberhasilan utama bagi pendidik, murid dan sistem pendidikan negara.

Hasil Pelaksanaan Strategi dan Prakarsa

Pendidik akan menjadi lebih bermotivasi, kompeten dan sejahtera serta mempunyai peluang untuk mengakses laluan kerjaya yang lebih luwes dan progresif. Usaha membangunkan kapasiti pendidik turut disokong oleh ekosistem pendidikan yang menggalakkan perkembangan profesional berterusan, sekali gus memperkukuh daya tahan dan profesionalisme dalam kalangan warga pendidik.

Murid akan mendapat manfaat daripada pengalaman pembelajaran yang lebih relevan, bermakna dan holistik hasil daripada pengajaran bermutu oleh guru yang berkeupayaan tinggi. Keberhasilan murid juga diharapkan akan meningkat seiring dengan persekitaran sekolah yang lebih selamat, terangkum dan menyokong apabila diterajui oleh kepimpinan pendidikan yang berkesan serta berwawasan sistemik.

Sistem pendidikan negara akan menjadi lebih dinamik, responsif dan inovatif untuk membolehkan pelaksanaan dasar yang lebih menyeluruh dan berasaskan bukti, pengagihan sumber yang lebih strategik serta pelaburan yang lebih berkesan dalam pembangunan modal insan.

6.2 KEADAAN SEMASA

Pelbagai usaha telah dilaksanakan di bawah PPPM 2013 – 2025 bagi meningkatkan mutu pendidikan melalui penekanan terhadap pembangunan kapasiti pendidik dan usaha memartabatkan profesion keguruan sebagai profesion pilihan. Antara pencapaian di bawah rancangan ini termasuklah pengenalan instrumen penilaian guru yang baharu, iaitu 60% daripada skor penilaian adalah berasaskan keberkesanan pengajaran serta usaha memastikan 60% guru sekolah rendah dan 90% guru sekolah menengah memiliki ijazah (Unit Pengurusan Penyampaian, 2025).

Data dari tahun 2010 hingga tahun 2022 juga menunjukkan bahawa hampir semua warga pendidik KPM memperoleh markah tinggi dalam penilaian prestasi tahunan dengan hanya 0.02% mencatatkan skor bawah 60% (World Bank, 2024). Namun begitu, hasil penilaian ini dilihat tidak seiring dengan pencapaian murid dalam pentaksiran antarabangsa seperti PISA dan TIMSS, menandakan bahawa mekanisme penilaian dan indikator mutu guru sedia ada masih belum memberikan gambaran menyeluruh terhadap keberkesanan sebenar pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (World Bank, 2023).

Tambahan pula, landskap pendidikan pasca-COVID-19 telah berubah secara drastik dengan isu keciciran pembelajaran dan juga pemansuhan peperiksaan UPSR dan PT3. Perubahan ini menuntut pendidik untuk menilai semula pendekatan PdP agar selari dengan keperluan semasa dan perkembangan murid. Oleh itu, usaha meningkatkan kompetensi warga pendidik adalah penting untuk mengoptimumkan hasil pembelajaran murid.



BEBAN TUGAS GURU DAN KESEJAHTERAAN PENDIDIK

Kajian oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM (2020) mendapati bahawa tahap kesejahteraan psikologi guru berada pada tahap sederhana tinggi, manakala tahap keperluan perkhidmatan kaunseling guru berada pada tahap yang tinggi. Data dari Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) turut menunjukkan tahap tekanan kerja yang tinggi dalam kalangan warga pendidik disertai dengan akses yang terhad kepada sokongan kaunseling dan intervensi psikososial.

Bagi menangani isu beban tugas guru, KPM telah memperkenalkan beberapa langkah intervensi pada tahun 2023 seperti pemansuhan sambutan, majlis atau pertandingan yang tidak memberikan impak kepada pembelajaran, pelanjutan waktu untuk mengisi data kehadiran murid dan pelantikan pengawas peperiksaan yang dibuka kepada individu selain guru. Selain itu, KPM turut menempatkan pembantu guru di sekolah sebagai usaha awal untuk meringankan beban tugas guru. Namun, penyelesaian jangka panjang yang mampan dan berimpak tinggi perlu dirangka untuk menangani isu beban tugas dan kesejahteraan guru agar PdP dan perkembangan murid menjadi tumpuan utama.



LATIHAN KEGURUAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN

Dalam memastikan mutu sistem pendidikan negara kekal relevan dan berdaya saing, usaha memperkukuh kompetensi dan profesionalisme guru amat penting. Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) yang diperkenalkan pada tahun 2016 merupakan satu usaha untuk memperkukuh pembangunan profesionalisme berterusan dan laluan kerjaya PPP. Pada masa ini, setiap pegawai dan ketua jabatan hendaklah memastikan pegawai mengikuti program pembangunan kompetensi sekurang-kurangnya 40 jam setahun selaras dengan Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam.

Pada tahun 2024, 100% pegawai KPM telah mencapai ketetapan minimum lima hari latihan setahun (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM). Namun, kadar pematuhan ini tidak semestinya mencerminkan peningkatan sebenar dalam kompetensi dan amalan profesional mereka, memandangkan mutu dan keberkesanan latihan yang diikuti masih belum dapat dijamin atau dinilai secara konsisten. Dapatan laporan oleh Bank Dunia (2024) menunjukkan bahawa kebanyakan latihan adalah bersifat umum dan kurang disesuaikan dengan keperluan individu, bidang atau tahap kerjaya, sekali gus mengurangkan impak terhadap peningkatan kemahiran pedagogi terutamanya dalam aspek berkaitan dengan pengajaran terbeza dan pendidikan terangkum.



Usaha untuk memperkasakan kompetensi guru yang dilaksanakan oleh KPM selaras dengan prakarsa dalam PPPM 2013 – 2025 telah membawa kemajuan, namun masih terdapat jurang yang perlu dirapatkan.

Antara prakarsa dan pencapaian yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan PPPM pada tahun 2023 termasuklah:

- Semua guru opsyen BI disasarkan mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1. Melalui kursus Pro-ELT yang dikendalikan oleh English Language Teaching Centre (ELTC), sebanyak 33,894 daripada 47,546 guru telah dilatih sehingga tahun 2023. Ujian profisiensi menunjukkan 52.53% guru opsyen BI mencapai tahap minimum CEFR C1.



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Rajah 6.1 Pencapaian Guru Opsyen BI yang Mencapai Tahap Minimum CEFR C1

- Instrumen Penilaian Kompetensi Guru bidang STEM telah dibangunkan sebagai panduan untuk merancang pembangunan profesionalisme berterusan yang lebih bersasar dan berstruktur. Sebanyak 1,677 (72.84%) daripada 2,302 guru yang menjalani latihan pemantapan kompetensi STEM telah melengkapkan instrumen tersebut pada tahun 2023 dengan 98.87% guru kompeten.

Namun begitu, pencapaian murid dalam Pentaksiran Kompetensi dan Literasi (PKL) serta pentaksiran antarabangsa seperti PISA tidak seiring dengan pelaporan dan peningkatan kompetensi guru. Laporan PISA 2022 menunjukkan penurunan pencapaian murid bagi ketiga-tiga domain pentaksiran yang merangkumi literasi bacaan, matematik dan saintifik serta skor purata murid adalah lebih rendah daripada skor purata OECD bagi ketiga-tiga literasi. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang antara peningkatan kompetensi guru dengan pencapaian murid. Analisis lanjut diperlukan bagi mengenal pasti hubungan antara mutu latihan dengan sokongan, termasuklah mekanisme penilaian guru sedia ada dengan hasil pembelajaran murid.



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum

Rajah 6.2 Pencapaian Peratus Murid yang Mencapai Skor 600 ke atas dalam PKL

Dalam konteks global, laporan Future of Jobs (World Economic Forum, 2025) meramalkan bahawa hampir 39% kemahiran pada masa ini dalam pasaran kerja global akan berubah atau menjadi usang menjelang 2030. Keadaan ini menandakan keperluan mendesak bagi sistem pendidikan untuk menyediakan peluang peningkatan kemahiran (upskilling), kemahiran semula (reskilling) dan rentas kemahiran (cross-skilling) yang sistematik dan berterusan kepada pendidik agar mereka dapat menyampaikan pendidikan yang relevan dengan keperluan semasa dan pada masa hadapan, di samping melahirkan murid yang bersedia menghadapi dunia pekerjaan yang kian berubah. Tumpuan kepada peningkatan kecekapan penggunaan teknologi dalam kalangan pendidik juga perlu dititikberatkan bagi memperkaya proses PdP serta memastikan pendidik sentiasa seiring dengan kemajuan teknologi dan inovasi pendidikan.

Seiring dengan keperluan tersebut, peruntukan bagi latihan dalam perkhidmatan telah meningkat sebanyak 40% dari tahun 2024 hingga tahun 2025 dengan jumlah perbelanjaan dianggarkan sebanyak RM47 seorang setahun pada tahun 2025. Langkah ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam menyokong pembangunan profesionalisme pendidik yang berterusan. Namun begitu, jumlah ini masih jauh lebih rendah berbanding dengan standard global. Agensi Pendidikan Kebangsaan Finland melaporkan bahawa guru dan pemimpin sekolah semakin aktif menyertai aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan hasil peningkatan peruntukan kerajaan. Dapatan kajian Teaching and Learning International Survey (TALIS) 2018 turut mendapati bahawa guru menganggap pembangunan profesionalisme bermutu tinggi sebagai satu daripada tiga keutamaan dalam perbelanjaan sistem pendidikan.

Pada masa yang sama, pembiayaan latihan masih bergantung hampir sepenuhnya kepada dana kerajaan yang terhad. Kekurangan model pembiayaan strategik yang melibatkan pelbagai rakan kerjasama boleh menjejaskan kesinambungan pelaksanaan latihan. Di samping itu, bilangan penyedia latihan dan kerjasama strategik sedia ada juga terhad kepada institusi pendidikan KPM.

Pertindihan serta ketidakselarasan kandungan latihan oleh pelbagai penyedia latihan di KPM turut menyebabkan berlaku pengulangan kandungan atau keciciran bidang kritikal yang memerlukan tumpuan. Situasi ini bukan sahaja mengurangkan keberkesanan pelaksanaan latihan, malah mengehadkan ruang inovasi dan kepelbagaian pendekatan dalam latihan. Di samping itu, keadaan ini menyebabkan sumber kewangan dan tenaga pengajar tidak dimanfaatkan secara optimum.

Pendekatan yang lebih berstruktur dan berasaskan keperluan sebenar akan memastikan pembangunan profesionalisme pendidik memberikan kesan kepada motivasi pendidik, mutu pengajaran dan hasil pembelajaran murid.

LALUAN KERJAYA DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Pembangunan kepimpinan dalam sistem pendidikan merupakan komponen penting bagi menjamin keberkesanan pengurusan institusi pendidikan KPM dan persekitaran yang menyokong keberhasilan murid. Namun begitu, ekosistem kepimpinan pendidikan di Malaysia masih berdepan dengan beberapa kekangan dalam kesinambungan dan pembangunan kepimpinan pendidikan pada semua peringkat KPM. Keadaan ini menandakan keperluan penambahbaikan dalam reka bentuk dan pelaksanaan latihan kepimpinan bagi memastikan pemimpin pendidikan dilengkapi dengan kecekapan yang relevan dengan tuntutan semasa.

Sistem pendidikan juga berdepan dengan isu kekurangan pelapis kepimpinan pada peringkat sekolah. Jawatan guru besar dan pengetua masih cenderung diisi oleh pendidik kanan yang hampir bersara. Walaupun KPM telah menukar kriteria pelantikan berasaskan senioriti kepada pelantikan berasaskan kecekapan sejak tahun 2013, pelaksanaan ini masih belum menghasilkan kesinambungan kepimpinan yang dinamik dan progresif.

Pengetua

PPP yang dilantik oleh KPM untuk mengetuai dan memacu kepimpinan **sekolah menengah.**

Guru Besar

PPP yang dilantik oleh KPM untuk mengetuai dan memacu kepimpinan **sekolah rendah.**

Selain itu, laluan kerjaya pemimpin sekolah masih terhad, iaitu jawatan guru besar sebelum ini hanya setakat Gred DG12 tanpa laluan kenaikan pangkat yang jelas dan berstruktur. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan motivasi, malah mewujudkan ketidakseimbangan dalam pengurusan sumber manusia.

EKOSISTEM PENYELIDIKAN DAN INOVASI PENDIDIKAN

Pada masa ini, ekosistem penyelidikan dan inovasi di KPM masih kurang berstruktur dan terpisah. Ketiadaan pusat penyelaras pada peringkat KPM menyebabkan aktiviti penyelidikan dikendalikan secara berasingan oleh pelbagai bahagian tanpa koordinasi menyeluruh. Keadaan ini menyumbang kepada kadar pembudayaan penyelidikan dan inovasi yang rendah, iaitu hanya 1.66% pendidik terlibat secara aktif dalam penyelidikan dan 1.4% dalam inovasi (Bahagian Profesionalisme Guru, 2022). Jurang ini jelas menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh kapasiti penyelidikan dan inovasi agar sistem pendidikan negara menjadi lebih dinamik dan berdaya saing.



6.3 MATLAMAT

TERAS STRATEGIK 3

Mentransformasikan Pendidik agar Berkeupayaan Tinggi dan Berorientasikan Masa Hadapan

STRATEGI 1

Meningkatkan kesejahteraan pendidik

1. Menumpukan peranan guru kepada pengajaran dan pembelajaran
2. Memperkasakan kesejahteraan pendidik melalui keseimbangan holistik

STRATEGI 2

Memperkasakan kompetensi pendidik melalui pemberdayaan pembangunan profesionalisme berterusan secara berstruktur dan bermutu

1. Memantapkan pembangunan profesionalisme berterusan secara berstruktur untuk memastikan tahap kompetensi pendidik kekal relevan

STRATEGI 3

Mentransformasikan latihan keguruan agar bersifat adaptif, dinamik dan relevan

1. Memperkasakan latihan keguruan agar luwes dan relevan
2. Memperkukuh mekanisme jaminan mutu latihan guru dalam perkhidmatan

STRATEGI 4

Membangunkan pemimpin transformatif, berkeupayaan tinggi dan berorientasikan masa hadapan

1. Memperkasakan perancangan pengganti dengan membentuk kumpulan pelapis pemimpin pendidikan yang berteraskan nilai dan berwawasan sistemik
2. Mewujudkan keluwesan penempatan guru besar di sekolah rendah dan dari sekolah rendah ke sekolah menengah

PEMBOLEH DAYA

Membudayakan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi melalui penubuhan pusat yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan dan inovasi di bawah KPM

Teras Strategik 3 berhasrat untuk mentransformasikan pendidik agar berkeupayaan tinggi dan berorientasikan masa hadapan. Kerangka strategi ini memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan pendidik, memperkukuh kompetensi profesional, menambah baik latihan keguruan serta membangunkan pemimpin pendidikan transformatif. Teras strategik ini turut disokong oleh satu pemboleh daya yang memberikan tumpuan kepada pembudayaan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi di bawah KPM.

Hasil daripada pelaksanaan strategi dalam teras strategik ini, pendidik akan menerima latihan yang relevan dan selari dengan keperluan abad ke-21 untuk meningkatkan prestasi akademik, sahsiah murid dan pembangunan bakat dengan lebih cemerlang di sekolah. Selain itu, pembudayaan penyelidikan dan inovasi akan menjadi pemangkin kepada sistem pendidikan yang lebih berasaskan data dan berdaya saing.

STRATEGI 1: MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN PENDIDIK

Isu kesejahteraan pendidik masa kini dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk beban tugas yang berlebihan atau di luar skop tugas utama, persekitaran kerja, tekanan emosi serta kekurangan peluang pembangunan profesional yang menepati keperluan sebenar. Dapatan daripada TALIS 2024 menunjukkan bahawa faktor seperti kestabilan pekerjaan serta persekitaran tempat kerja adalah penting dalam membentuk pilihan kerjaya pendidik di sesetengah negara.





Rajah 6.3 Prakarsa bagi Strategi 1

PRAKARSA 1: MENUMPUKAN PERANAN GURU KEPADA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah (MySG) menggariskan waktu bekerja guru adalah sebanyak 45 jam seminggu, dengan 25 hingga 30 jam diperuntukkan kepada guru mata pelajaran mengikut tahap persekolahan bagi aktiviti PdP. Bagi memastikan peruntukan masa dalam garis panduan ini dipatuhi, langkah segera yang diambil untuk meringankan beban tugas guru di seluruh negara adalah melalui peluasan pelantikan pembantu guru. Peranan pembantu guru diperincikan dengan jelas bagi mengelakkan pertindihan fungsi dengan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) sedia ada.

Jadual 6.1 Pelaksanaan 45 Jam Waktu Bekerja Bukan Pejabat Selama Seminggu untuk Guru Sekolah Rendah

SEKOLAH RENDAH

Pelaksanaan PdP	Kekerapan	Jam Seminggu
Pelaksanaan PdP	30 waktu x 30 minit	15 jam
Sebelum PdP	1 jam x 5 hari	5 jam
Selepas PdP	1 jam x 5 hari	5 jam
Kokurikulum*	60 minit x 3 waktu	3 jam
Lain-lain/Tugas Rencam**	2 jam x 5 hari	10 jam
Jumlah Jam Bekerja		**38 jam**
Waktu Rehat		**7 jam**
Jumlah Keseluruhan Waktu Bekerja Selama Seminggu		**45 jam**

* Pelaksanaan semasa kebanyakan sekolah rendah ialah 2 jam.
** Waktu persekolahan dan bilangan guru sekolah rendah kurang berbanding dengan sekolah menengah menyebabkan guru berpotensi tinggi terlibat dengan tugas-tugas rencam (merangkumi tugas sampingan/tugas sokongan/tugas tambahan/tugas *ad hoc)*

Jadual 6.2 Pelaksanaan 45 Jam Waktu Bekerja Bukan Pejabat Selama Seminggu untuk Guru Sekolah Menengah

SEKOLAH MENENGAH

Pelaksanaan PdP	Kekerapan	Jam Seminggu
Pelaksanaan PdP	40 waktu x 30 minit **atau** 30 waktu x 40 minit	20 jam
Sebelum PdP	1 jam x 5 hari	5 jam
Selepas PdP	1 jam x 5 hari	5 jam
Kokurikulum*	60 minit x 3 waktu	3 jam
Lain-lain/Tugas Rencam**	1 jam x 5 hari	5 jam
Jumlah Jam Bekerja		**38 jam**
Waktu Rehat		**7 jam**
Jumlah Keseluruhan Waktu Bekerja Selama Seminggu		**45 jam**

* Pelaksanaan semasa kebanyakan sekolah menengah ialah 3 jam.
** Waktu persekolahan dan bilangan guru sekolah rendah kurang berbanding dengan sekolah menengah menyebabkan guru berpotensi tinggi terlibat dengan tugas-tugas rencam (merangkumi tugas sampingan/tugas sokongan/tugas tambahan/tugas *ad hoc*)
Peruntukan waktu bekerja guru untuk sekolah rendah (Oktober 2021) dan sekolah menengah (Jun 2022) dalam MySG.

SINGAPURA

Di Singapura, staf pentadbiran dan eksekutif merupakan sebahagian daripada Pasukan Pentadbiran Sekolah (School Administration Team – SAT) yang bekerja rapat dengan pendidik untuk mengurus pentadbiran dan operasi sekolah. Antara jawatan dalam SAT termasuklah:

- Pengurus Pentadbiran: Mengetuai pasukan pentadbiran dan mengurus operasi harian pejabat.
- Pengurus Operasi: Menyelia pegawai sokongan operasi dan mengurus penyelenggaraan fasiliti sekolah.
- Eksekutif Pentadbiran: Menyokong pengurusan kewangan, sumber manusia dan perolehan.
- Pegawai Sokongan Korporat: Melaksanakan tugasan pentadbiran seperti pengisian data dan penyelarasan maklumat.
- Pegawai atau Pengurus ICT: Mengurus prasarana ICT sekolah serta memberikan latihan dan sokongan kepada guru dan murid.

Staf sokongan berperanan khusus menyokong operasi sekolah bagi membolehkan guru memberikan tumpuan kepada PdP. Usaha ini turut mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif.

PENSTRUKTURAN SEMULA TUGAS GURU MELALUI DASAR 80:20

Dasar 80:20 diperkenalkan untuk menangani isu beban tugas guru yang berlebihan tanpa menjejaskan skop profesional mereka. Dasar ini menggariskan 80% masa guru mata pelajaran diperuntukkan untuk aktiviti berkaitan dengan PdP, manakala 20% diperuntukkan untuk tugasan bukan PdP. Prakarsa ini berhasrat untuk menstruktur semula tugas guru supaya guru dapat melaksanakan peranan profesional mereka dengan lebih berkesan, meningkatkan mutu penyampaian dalam bilik darjah serta mengurangkan tekanan akibat beban kerja yang tidak memberikan impak yang tinggi terhadap keberhasilan murid. Melalui penggubalan dasar ini, pengurusan masa kerja guru akan diperincikan dengan lebih jelas berdasarkan skop profesional mereka. Langkah ini juga mewujudkan mekanisme kawal selia yang membolehkan pemantauan berterusan terhadap pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional (MMI).

Antara amalan terbaik antarabangsa yang selari dengan penstrukturan semula tugas guru dan dasar 80:20 termasuklah:

Iceland membahagikan tugas guru sebanyak 40 jam seminggu kepada tiga komponen utama: (A) tugas utama pengajaran termasuklah penyediaan dan susulan PdP; (B) aktiviti bukan pengajaran termasuklah pembangunan profesional, mesyuarat, kolaboratif dan komunikasi dengan ibu bapa; dan (C) tugasan khas yang dipersetujui bersama-sama dengan pemimpin sekolah. Sekolah mempunyai keluwesan menentukan agihan masa yang sesuai, namun sebarang masa yang diperuntukkan bagi komponen C perlu digantikan dengan pengurangan masa dalam tugasan komponen A dan B.

Sumber: Results from TALIS 2024: The State of Teaching , OECD, 2025

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Penggubalan dasar dan pembangunan skop**	Penggubalan dasar dan pembangunan skop awal bagi pelaksanaan dasar pembahagian tugas guru 80:20 serta peluasan prakarsa pembantu guru.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Rintis dan penilaian keberkesanan rintis**	Pelaksanaan rintis dan penilaian keberkesanan rintis untuk penambahbaikan prakarsa.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pelaksanaan penuh dan peluasan**	Pelaksanaan penuh dasar 80:20 secara konsisten dan selaras pada semua peringkat.

Rajah 6.4 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MEMPERKASAKAN KESEJAHTERAAN PENDIDIK MELALUI KESEIMBANGAN HOLISTIK

KPM berhasrat menangani isu kesejahteraan pendidik secara menyeluruh selaras dengan keperluan asas manusia. Prakarsa ini dirangka berpandukan Kerangka Hierarki Keperluan Maslow yang menegaskan bahawa manusia perlu memenuhi lima tahap keperluan secara berperingkat, iaitu bermula daripada keperluan fisiologi, keselamatan, kepunyaan sosial, penghargaan diri sehinggalah mencapai kesempurnaan kendiri. Pendidik hanya dapat berfungsi secara optimum apabila keperluan asas serta psikososial mereka dipenuhi secara menyeluruh dan bersepadu.

Kesejahteraan merupakan konsep yang merangkumi pelbagai dimensi. Kerangka kesejahteraan guru dalam pekerjaan yang dibangunkan oleh OECD (2020) menggariskan empat dimensi utama kesejahteraan guru, iaitu kognitif, kendiri, fizikal dan mental serta sosial. Keempat-empat dimensi ini mempengaruhi tahap tekanan keseluruhan guru serta motivasi mereka yang seterusnya memberikan kesan kepada proses dan keberkesanan PdP serta kesejahteraan murid.

Dipetik daripada *Teachers' well-being: A framework for data collection and analysis* oleh OECD, 2020



Antara langkah pertama untuk memastikan aspek fisiologi dan keselamatan pendidik dipenuhi termasuklah melalui usaha menaik taraf ruang kerja pendidik agar lebih kondusif dan selesa. Untuk meningkatkan keselamatan psikologi dan tahap kepunyaan sosial dalam kalangan pendidik, peluasan akses kepada sokongan psikososial dan pengukuhan jaringan komuniti turut dilaksanakan.

Saringan kesejahteraan pendidik dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan pendidik dan keperluan sokongan mereka. Profil Kesejahteraan Guru secara digital akan ditambah baik dalam platform Sistem Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling (e2PK) supaya pendidik boleh menilai tahap kesejahteraan kendiri secara berkala. Pendekatan ini membolehkan pelaksanaan intervensi, pencegahan, pemulihan dan pembangunan dilakukan secara bersasar serta berpandukan data.

Indeks Kesejahteraan Guru (IKG) KPM mengandungi 11 domain, iaitu motivasi; autonomi dan kompetensi; kesejahteraan psikologi; keselarasan kerja dan persekitaran; sistem sokongan; ketersediaan dan penggunaan sumber; resilien; perkembangan diri; keseimbangan kerja dan kehidupan; pengurusan kerja; dan kesejahteraan digital.



Rajah 6.5 Indeks Kesejahteraan Guru KPM

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Saringan awal dan persediaan**	• Pelaksanaan saringan awal menggunakan IKG dan penambahbaikan profil kesejahteraan pendidik. • Naik taraf platform e2PK untuk membolehkan pendidik menilai tahap kesejahteraan kendiri secara lebih berkesan.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Pelaksanaan dan saringan berterusan**	• Pelaksanaan saringan kesejahteraan pendidik dijalankan secara berterusan. • Data yang diperoleh digunakan untuk memantau kesejahteraan pendidik, mengenal pasti keperluan sokongan dan pelaksanaan intervensi secara bersasar.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Kajian impak dan pelaporan**	• Pelaksanaan saringan kesejahteraan pendidik dan pelaksanaan intervensi secara bersasar diteruskan. • Kajian impak dan pelaporan untuk menilai keberkesanan prakarsa dan memastikan intervensi yang dilaksanakan berimpak tinggi.

Rajah 6.6 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

STRATEGI 2: MEMPERKASAKAN KOMPETENSI PENDIDIK MELALUI PEMBERDAYAAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN SECARA BERSTRUKTUR DAN BERMUTU

Pengukuhan profesionalisme pendidik menjadi keutamaan KPM untuk memastikan sistem pendidikan negara bermutu tinggi. Sehubungan dengan itu, prakarsa bawah strategi ini bertujuan memantapkan pembangunan profesionalisme berterusan secara berstruktur untuk memastikan tahap kompetensi pendidik kekal relevan dan berorientasikan masa hadapan. Melalui pelaksanaan pembangunan profesionalisme berstruktur yang berasaskan kompetensi, pendidik akan dibekalkan dengan kemahiran terkini secara sistematik dan berterusan selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Prakarsa Strategi 2

1
Memantapkan pembangunan profesionalisme berterusan secara berstruktur untuk memastikan tahap kompetensi pendidik kekal relevan



Rajah 6.7 Prakarsa bagi Strategi 2

PRAKARSA 1: MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN SECARA BERSTRUKTUR UNTUK MEMASTIKAN TAHAP KOMPETENSI PENDIDIK KEKAL RELEVAN



Rajah 6.8 Kerangka Standard Guru Malaysia 2.0

Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) yang diperkenalkan pada tahun 2023 merupakan rujukan utama untuk menilai dan memantau kompetensi guru di Malaysia. SGM 2.0 membolehkan guru membuat penilaian kendiri, merancang pembangunan profesionalisme berterusan dan memastikan latihan serta prakarsa pembangunan sejajar dengan keperluan laluan kerjaya guru dan peningkatan keberhasilan murid. Selain itu, Kamus Kompetensi PPP Laluan PdP (2023) dan Kamus Kompetensi Pemimpin Sistem (2024) memperincikan kompetensi yang perlu dimiliki oleh PPP mengikut peranan dan gred berdasarkan laluan kerjaya.

Prakarsa ini akan memperkukuh pembangunan profesionalisme berterusan secara berstruktur melalui pemetaan kompetensi dan latihan berstruktur yang menepati keperluan sebenar tenaga pendidik. Usaha ini akan memastikan pembangunan profesionalisme yang lebih bersasar, relevan dan berimpak tinggi. Analisis latihan berdasarkan kompetensi, latihan dan aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan yang dilaksanakan perlu berpandukan analisis mendalam terhadap profil kompetensi individu yang merangkumi kemahiran, pengetahuan dan prestasi semasa. Pendekatan ini juga mengelakkan pembaziran sumber terhadap latihan yang tidak menambah nilai kepada amalan pendidik.

Latihan pembangunan profesionalisme berstruktur merangkumi kursus jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memenuhi keperluan pendidik mengikut fungsi, peranan, laluan kerjaya, gred dan jawatan yang disandang.

Instrumen berasaskan kompetensi dibangunkan mengikut bidang tugas dan gred perkhidmatan supaya jurang kompetensi dapat dikenal pasti secara sistematik dan telus untuk membolehkan perancangan latihan individu yang lebih tepat dan berkesan. Pendekatan pembangunan profesionalisme berterusan berasaskan kompetensi turut menekankan pengukuran hasil pembelajaran sebenar berbanding dengan jam latihan semata-mata.

PENDEKATAN YANG MENEKANKAN *UPSKILLING, RESKILLING* DAN *CROSS-SKILLING*

Pendekatan yang menekankan *upskilling, reskilling* dan *cross-skilling* amat penting untuk memastikan kompetensi pendidik kekal relevan dengan keperluan semasa serta memperkukuh tahap profesionalisme mereka.

Upskilling bertujuan meningkatkan kemahiran sedia ada bagi memperkukuh mutu pengajaran dan pembelajaran.

Reskilling membantu pendidik memperoleh kemahiran baharu yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan peranan dan konteks pendidikan.

Cross-skilling pula membolehkan pendidik menguasai kemahiran yang pelbagai atau merentas bidang untuk menyokong keperluan murid dan sekolah.

PENYELARASAN DAN PENGUKUHAN DASAR

Penyelarasan dasar turut menjadi komponen penting dalam prakarsa ini, melibatkan pengintegrasian dasar sedia ada ke dalam satu kerangka pembangunan profesionalisme pendidik berasaskan kompetensi yang menyeluruh dan bersepadu. Usaha ini melibatkan penyelarasan menyeluruh antara dokumen rujukan utama seperti SGM 2.0, Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam dan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) bagi memastikan hala tuju pembangunan profesionalisme pendidik lebih selaras dan berstruktur serta mudah difahami.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Analisis jurang dan keperluan semasa**	• Analisis untuk mengenal pasti jurang kompetensi secara menyeluruh dan sistematik. • Pemetaan kompetensi, pembangunan instrumen kompetensi, pembangunan modul latihan bersasar, pengintegrasian platform latihan sedia ada serta pembinaan pangkalan data kompetensi PPP.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Pengukuhan dan peluasan**	• Pengukuhan latihan pembangunan profesionalisme berterusan dan peluasan akses latihan bermutu kepada warga pendidik. • Penyelarasan sumber peruntukan latihan pembangunan profesionalisme berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pemantapan pelaksanaan dan penilaian impak**	• Pengukuhan pelaksanaan dan penilaian impak untuk mengkaji keberkesanan latihan terhadap kompetensi pendidik dan pencapaian murid bagi penambahbaikan secara berterusan.

Rajah 6.9 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

STRATEGI 3: MENTRANSFORMASIKAN LATIHAN KEGURUAN AGAR BERSIFAT ADAPTIF, DINAMIK DAN RELEVAN

Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan negara. Program pendidikan guru yang merangkumi latihan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan perlu bersifat adaptif, dinamik dan relevan dengan keperluan semasa serta berorientasikan masa hadapan. Untuk mencapai matlamat ini, latihan keguruan yang bermutu tinggi dan menepati keperluan guru perlu dilaksanakan.



Rajah 6.10 Prakarsa bagi Strategi 3



PRAKARSA 1: MEMPERKASAKAN LATIHAN KEGURUAN AGAR LUWES DAN RELEVAN

Latihan keguruan dan pembangunan profesionalisme berterusan memainkan peranan penting dalam memastikan mutu serta keberkesanan pengajaran di bilik darjah. Latihan keguruan yang diberikan perlu seiring dengan keperluan semasa dan berorientasikan masa hadapan. Oleh itu, prakarsa ini diperkenalkan bagi memperkasakan latihan keguruan dan pembangunan profesionalisme berterusan melalui pendekatan yang lebih berstruktur dan menggunakan sokongan teknologi.

PENDEKATAN YANG LEBIH LUWES UNTUK LATIHAN GURU

Latihan guru sedia ada telah menyumbang kepada pembangunan tenaga pengajar bermutu. Namun, bagi memenuhi keperluan dunia pendidikan yang semakin kompleks dan dinamik, latihan guru perlu beranjak ke arah struktur yang lebih luwes dan berasaskan kompetensi. Pada masa ini, struktur kurikulum pendidikan guru masih boleh dipertingkat bagi memberikan lebih ruang dan peluang kepada guru untuk menyesuaikan pembelajaran mengikut minat dan keperluan.

Pendekatan ini membantu melahirkan guru yang memenuhi keperluan pelbagai konteks dalam ekosistem pendidikan negara. Prakarsa ini juga menyokong pelaksanaan strategi B1.5 dalam RMK13 yang menekankan pemantapan kompetensi dan kecekapan warga pendidik.

PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN BERBENTUK MODULAR

Modul pembangunan profesionalisme berterusan yang disediakan perlu mengikut minat dan keperluan pendidik, murid dan sekolah. Pendidik boleh mengikuti kursus atau modul pembangunan profesionalisme berterusan yang selaras dengan bidang serta laluan perkembangan kerjayanya. Modul yang selesai diikuti juga boleh diiktiraf sebagai kelayakan mikro dan dikumpulkan untuk membina kelayakan yang lebih tinggi seperti sijil, diploma atau ijazah. Pendekatan ini turut menawarkan keluwesan dari segi tempoh dan mod penyampaian.

SOKONGAN TEKNOLOGI

Untuk menjayakan prakarsa ini, Sistem Pengurusan Pembelajaran (SiPP) yang bersepadu berfungsi sebagai hab pembelajaran dinamik yang menyatukan pelbagai sumber dan peluang daripada pembekal latihan serta rakan industri. Pendekatan ini secara langsung memperkukuh penyampaian latihan pendidik serta menggalakkan laluan pembangunan profesional yang lebih tersusun dan mudah diakses bagi semua pendidik. Di samping itu, Komuniti Pembelajaran Profesional (Professional Learning Community – PLC) maya antara pendidik dengan pakar industri juga boleh diperkukuhkan.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Analisis keperluan dan penstrukturan kurikulum**	• Analisis jurang latihan keguruan serta penstrukturan kurikulum praperkhidmatan dan latihan guru dalam perkhidmatan berdasarkan keperluan.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Pelaksanaan dan peluasan**	• Kurikulum latihan keguruan mengikut bidang dirintis untuk memastikan kebolehlaksanaan sebelum diperluas ke semua pembekal latihan.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pengukuhan, pembudayaan dan penilaian impak**	• Pengukuhan kurikulum latihan keguruan melalui proses penambahbaikan berpandukan maklum balas kepuasan pelanggan. • Pembudayaan amalan pembangunan profesionalisme berterusan supaya dapat dilaksanakan secara konsisten. • Penilaian impak untuk mengkaji keberkesanan latihan.

Rajah 6.11 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MEMPERKUKUH MEKANISME JAMINAN MUTU LATIHAN GURU DALAM PERKHIDMATAN

SGM 2.0, Dasar Latihan Sumber Manusia KPM (2020) dan Dasar Kawalan Mutu Latihan (DKKL) PPP (2024) berfungsi sebagai piawaian rujukan bagi semua penganjur dan pembekal latihan dalam dan luar KPM. Pendekatan ini menyediakan garis panduan yang jelas untuk menyokong penyampaian latihan yang lebih konsisten, berimpak dan bertumpu kepada pembangunan profesionalisme berterusan yang bermakna. Walau bagaimanapun, latihan dalam perkhidmatan masih berdepan dengan cabaran ketidakseragaman mutu kerana pengelolaan latihan dijalankan secara berasingan oleh pelbagai pihak.

MEKANISME JAMINAN MUTU LATIHAN

KPM berhasrat memperkukuh sistem penjaminan mutu latihan pendidik melalui pendekatan yang lebih berpusat, bersepadu dan seragam. Sehubungan dengan itu, mekanisme kawalan mutu akan diperkasakan bagi memastikan latihan dalam perkhidmatan mencapai piawaian yang ditetapkan. Oleh itu, pelibatan pakar bidang perlu diutamakan bagi menyokong mekanisme jaminan mutu latihan ini.

KERJASAMA DENGAN RAKAN STRATEGIK DAN INDUSTRI

Prakarsa ini juga akan memudahkan kerjasama strategik dengan pembekal latihan terpilih yang melibatkan institusi pengajian tinggi, NGO dan sektor swasta yang berpotensi menyumbang kepada sistem latihan pendidik. Kerjasama ini diperlukan untuk menangani beberapa cabaran sedia ada termasuklah kapasiti terhad agensi KPM untuk memenuhi semua keperluan latihan terutamanya dalam bidang kepakaran khusus. Pendekatan ini juga membuka ruang untuk penyaluran dana yang lebih mampan melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkongsi matlamat untuk meningkatkan mutu pendidikan negara.

Pembangunan kursus secara kolaboratif dengan pembekal latihan luar KPM pula membolehkan modul disesuaikan mengikut keperluan dan keutamaan semasa. Bagi menjamin kesinambungan latihan yang ditawarkan, tempoh dan bentuk kerjasama juga perlu dipertimbangkan dengan teliti serta mengutamakan kerjasama jangka panjang yang kukuh dan strategik.



GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Analisis keperluan, pemetaan dan pemusatan**	• Analisis keperluan latihan dalam perkhidmatan serta audit dan pemetaan pembekal latihan dalam dan luar KPM. • Perancangan bagi pemusatan pusat kawalan mutu latihan. • Pengukuhan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan untuk menyokong penyampaian latihan yang bermutu dan pelbagai.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Pelaksanaan dan kajian awal**	• Pelaksanaan latihan bersepadu berdasarkan hasil analisis dan pemetaan. • Kajian awal untuk menilai keberkesanan mekanisme yang digunakan dan mengenal pasti penambahbaikan bagi memastikan latihan mencapai piawaian yang ditetapkan.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pengukuhan dan analisis keberkesanan pelaksanaan**	• Pengukuhan peranan pusat kawalan mutu dengan penekanan kepada penyepaduan sistem dan pematuhan kepada piawaian kebangsaan. • Pelaksanaan mekanisme pemantauan, pelaporan dan penilaian bagi menilai keberkesanan pelaksanaan.

Rajah 6.12 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 2

STRATEGI 4: MEMBANGUNKAN PEMIMPIN TRANSFORMATIF, BERKEUPAYAAN TINGGI DAN BERORIENTASIKAN MASA HADAPAN

Strategi ini bertujuan membentuk pemimpin yang transformatif, berkeupayaan tinggi dan berorientasikan masa hadapan melalui dua prakarsa utama. Pertama, membangunkan pelapis pemimpin yang berteraskan nilai dan berwawasan sistemik melalui latihan transformatif dan laluan perancangan penggantian yang terancang. Kedua, meningkatkan mobiliti kerjaya guru besar dengan laluan yang luwes hingga ke jawatan pengetua.





Rajah 6.13 Prakarsa bagi Strategi 4

PRAKARSA 1: MEMPERKASAKAN PERANCANGAN PENGGANTI DENGAN MEMBENTUK KUMPULAN PELAPIS PEMIMPIN PENDIDIKAN YANG BERTERASKAN NILAI DAN BERWAWASAN SISTEMIK

Pelantikan pemimpin perlu mengutamakan kecekapan dan kompetensi yang ditunjukkan oleh calon dan bukan berasaskan tempoh perkhidmatan. Pada tahun 2013, KPM menukarkan kriteria pelantikan daripada mengikut tempoh perkhidmatan kepada kecekapan kepimpinan. Sebagai contoh, calon pemimpin perlu mempunyai pengalaman sebagai guru kanan mata pelajaran atau guru penolong kanan dan menamatkan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (National Professional Qualification for Educational Leaders – NPQEL). Namun, antara penambahbaikan yang boleh dilaksanakan termasuklah garis panduan laluan kepimpinan yang lebih jelas, modul latihan yang relevan dengan keperluan semasa serta sistem pemantauan dan sokongan susulan yang lebih menyeluruh.

Pemimpin transformatif ialah pemimpin yang mampu membawa perubahan menyeluruh dengan visi dan misi yang jelas, melibatkan pembangunan sumber manusia serta membentuk budaya kerja positif bagi mencapai matlamat organisasi.

Pemimpin sistem merupakan PPP berjawatan hakiki dalam pengurusan bermula dari gred DG9 hingga DG14 yang bertugas di PPD, JPN, Bahagian KPM dan institusi pendidikan KPM.



Oleh itu, pembentukan kumpulan pelapis pemimpin pendidikan akan dilaksanakan secara berterusan pada semua fasa (2026 – 2035) menerusi kursus asas kepimpinan kepada PPP oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan Institut Aminuddin Baki (IAB) dengan sokongan Jemaah Nazir, JPN dan PPD. Tumpuan utama kursus asas kepimpinan ialah menggabungkan pendekatan pembelajaran teradun (gabungan teori, amali, dan refleksi) bagi memastikan keberkesanan program. Seterusnya, pelaksanaan sistem pemantauan berterusan seperti Tindak Ikut Tindak Lanjut (TITL) selama dua tahun dan pelaksanaan komuniti amalan (Community of Practice – CoP) untuk menyokong pelaksanaan di institusi pendidikan KPM.

Hasil prakarsa ini menunjukkan laluan kepimpinan pendidikan bermula daripada PPP Gred DG9 dilantik menjadi ketua panitia sehingga jawatan pengurusan yang lebih tinggi di sekolah, PPD, JPN atau mana-mana bahagian di KPM mengikut keperluan.

LALUAN KERJAYA PEMIMPIN PENDIDIKAN YANG JELAS

PPP Gred DG9 yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun layak memohon mengikuti kursus asas kepimpinan yang disediakan oleh IAB. Seterusnya, PPP Gred DG10 hingga DG14 yang memiliki kompetensi yang menepati kriteria ditetapkan layak mengikuti kursus kepimpinan dan mempunyai peluang untuk dilantik menjawat jawatan pengurusan pertengahan seperti Guru Kanan Mata Pelajaran, Penolong Kanan atau Penolong Pengarah dan sebagainya di Bahagian, JPN atau PPD sekiranya ada keperluan.



Rajah 6.14 Cadangan Proses untuk Mewujudkan Kumpulan Pelapis Pemimpin Sekolah Seawal Gred DG9



Rajah 6.15 Cadangan Proses untuk Mewujudkan Kumpulan Pelapis Pemimpin Sistem untuk Gred DG10 – DG14

PEMBENTUKAN KUMPULAN PELAPIS PEMIMPIN PENDIDIKAN BERTERASKAN NILAI DAN BERWAWASAN SISTEMIK

Pembinaan kumpulan pelapis pemimpin pendidikan memastikan kelangsungan kepimpinan bermutu melalui pendekatan sistemik dengan mengenal pasti, membimbing, dan menyediakan barisan kepimpinan baharu.

Membina kumpulan pelapis pemimpin pendidikan **berteraskan nilai** dan **berwawasan sistemik.**

Membangunkan modul berteraskan nilai dan wawasan sistemik serta mengintegrasikan elemen berkaitan dalam latihan pemimpin muda yang akan diterajui oleh IAB.

Kerjasama dengan agensi luar dalam membudayakan nilai dan wawasan sistemik kepada pelapis pemimpin pendidikan melalui latihan kepimpinan dalam perkhidmatan.

Tumpuan utama yang diperlukan dalam kalangan kumpulan pelapis pemimpin:

- Pengaruh Berteraskan Nilai (Value-based Influence)
- Pelaksanaan dan Sokongan
- Visi dan Strategi Kepimpinan
- Pembangunan Profesionalisme



GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Penstrukturan dan Persediaan

- Pembinaan asas transformasi kepimpinan pendidikan melalui penggubalan dasar dan kerangka perancangan pengganti kepimpinan pendidikan.
- Pembangunan pangkalan data pemimpin berpotensi.
- Pengenalpastian kumpulan pelapis pemimpin melalui proses penilaian bakat.
- Pembangunan modul latihan kepimpinan transformatif berasaskan nilai, kompetensi dan visi masa hadapan.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Pengukuhan dan Pelaksanaan Strategik

- Pelaksanaan menyeluruh dan pengukuhan sistem pembangunan kepimpinan.
- Pengukuhan pangkalan data bakat kepimpinan bagi menyokong perancangan penggantian.
- Penilaian pelaksanaan bagi menilai keberkesanan strategi dan menentukan keperluan penambahbaikan.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Penstabilan dan Kelestarian

- Pembentukan kumpulan pelapis pemimpin pendidikan berteraskan nilai dan berwawasan sistemik.
- Pembudayaan kepimpinan berasaskan nilai, inovasi dan pembelajaran berterusan.

Rajah 6.16 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 4 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MEWUJUDKAN KELUWESAN PENEMPATAN GURU BESAR DI SEKOLAH RENDAH DAN DARI SEKOLAH RENDAH KE SEKOLAH MENENGAH

Prakarsa kedua ini bertujuan memaksimumkan impak kepimpinan melalui penempatan guru besar secara luwes yang bersesuaian dengan keperluan sekolah dan kompetensi yang dimiliki seperti penempatan guru besar ke jawatan pengetua. Langkah ini merupakan kunci kepada penambahbaikan di sekolah secara menyeluruh dan mampan kerana laluan kerjaya guru besar akan diperluaskan merentasi gred DG12 yang memberi peluang perkembangan kepimpinan yang berterusan.

Keserasian kepimpinan mengikut lokaliti dapat meningkatkan prestasi sekolah. Kepakaran dan pengalaman pemimpin dimanfaatkan sepenuhnya di samping menggalakkan pendekatan kepimpinan yang adaptif dan responsif.



Rajah 6.17 Cadangan Laluan untuk Keluwesan Penempatan Guru Besar

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Penstrukturan dan Persediaan

- Penggubalan dasar penempatan guru besar yang luwes melibatkan pengumpulan data dan maklum balas daripada pihak berkepentingan.
- Pembangunan kerangka yang merangkumi syarat, panduan, kriteria serta mekanisme penempatan.
- Kajian rintis untuk menguji kesesuaian kerangka.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Pelaksanaan Penempatan

- Perancangan kepada pelaksanaan awal yang melibatkan projek rintis penempatan di beberapa negeri atau daerah terpilih.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Penstabilan dan Kelestarian

- Pelaksanaan dasar penempatan keluwesan secara menyeluruh di semua negeri.
- Pemantauan pelaksanaan dan audit prestasi tahunan akan dilakukan secara berterusan untuk penambahbaikan.

Rajah 6.18 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 4 Prakarsa 2

PEMBOLEH DAYA: MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI MELALUI PENUBUHAN PUSAT YANG MEMBERIKAN TUMPUAN KEPADA PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI BAWAH KPM

Penubuhan pusat yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan dan inovasi pendidikan di bawah KPM merupakan langkah strategik dan kritikal untuk memperkukuh amalan inovatif dan berkesan serta penggubalan dasar pendidikan berasaskan bukti. Pusat ini berperanan sebagai pusat rujukan terbaik (centre of excellence) bagi amalan pendidikan yang terkini serta menyelaras pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan. Fungsi pusat juga merangkumi pengurusan geran, latihan, pemantauan dan penyebaran hasil yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan dan inovasi. Prakarsa ini bukan sahaja akan meningkatkan pelibatan pendidik malah menyokong penghasilan penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi. Penyelarasan tajuk dan bidang keutamaan juga memastikan penggunaan dana lebih berkesan dan mengelakkan pertindihan kajian.

Laporan OECD (2022) menegaskan jurang antara penyelidikan dengan pelaksanaan dasar sering berlaku kerana tiadanya struktur institusi yang menyokong pemindahan pengetahuan secara sistematik. Tanpa pusat khusus, hasil penyelidikan berisiko kekal dalam dokumen akademik tanpa diterjemahkan ke dalam dasar atau amalan.

UNESCO melalui laporan *Reimagining our futures together: A new social contract for education (2021)*, menyeru negara anggota untuk memperkukuh ekosistem penyelidikan pendidikan bagi menangani cabaran abad ke-21 secara kolektif dan saintifik.

Institut Kurikulum dan Penilaian Korea (Korea Institute for Curriculum and Evaluation – KICE) yang ditubuhkan pada 1998 sebagai sebuah institusi penyelidikan yang dibiayai kerajaan, memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan sekolah rendah dan menengah. KICE menjalankan penyelidikan menyeluruh berkaitan dengan kurikulum dan pentaksiran, merangka dasar pendidikan serta memastikan hasil penyelidikan dapat diterapkan secara berkesan dalam amalan.

Pusat ini memacu budaya penyelidikan dan inovasi pendidikan melalui bimbingan, insentif dan pengiktirafan bagi menggalakkan serta menyokong pelibatan aktif pendidik. Pangkalan data pusat diwujudkan untuk merekodkan pelibatan dan pencapaian dalam penyelidikan dan inovasi, termasuklah penulisan dan penerbitan jurnal, paten, hak cipta serta aktiviti komersialisasi.

Akses terbuka kepada data dan dapatan penyelidikan akan memudahkan penyebaran hasil untuk diterjemahkan ke dalam amalan pendidikan di lapangan.

Kerjasama yang lebih erat dan mampan antara KPM dengan institusi pengajian tinggi dan agensi luar adalah penting untuk memupuk budaya perkongsian ilmu dan amalan terbaik. Melalui pusat ini, KPM berpotensi untuk menjadi peneraju penyelidikan pendidikan pada peringkat antarabangsa melalui penerbitan jurnal berindeks, kerjasama global dan pengiktirafan berprestij. Budaya penyelidikan dan inovasi ini menjadi asas pengukuhan dan penggerak pelaksanaan semua strategi dalam Teras Strategik 3.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Analisis keperluan, pemetaan dan pemusatan**	Pembinaan kerangka serta keperluan asas penyelidikan dan inovasi di dalam sistem pendidikan menerusi penubuhan pusat yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan dan inovasi.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Peluasan dan penilaian keberkesanan**	Peluasan dan penilaian keberkesanan penyelidikan dan inovasi dalam sistem pendidikan negara.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pembudayaan penyelidikan dan inovasi**	Pembudayaan amalan penyelidikan dan inovasi dalam sistem pendidikan negara dengan memastikan hasil penyelidikan dan inovasi memberikan impak kepada dasar serta amalan pendidikan secara meluas.

Rajah 6.19 Garis Masa Pelaksanaan Pemboleh Daya



6.4 KESIMPULAN

Pendidik merupakan penggerak utama kejayaan pelaksanaan dasar dan reformasi pendidikan yang menyumbang kepada pembangunan negara. Transformasi pendidikan hanya dapat direalisasikan apabila sistem pendidikan diterajui oleh tenaga pendidik yang berkeupayaan tinggi dan berorientasikan masa hadapan. Pelaksanaan strategi dan prakarsa di bawah Teras Strategik 3 menegaskan komitmen berterusan KPM untuk memperkukuh profesionalisme keguruan dan meningkatkan kompetensi pendidik agar terus relevan dalam landskap pendidikan yang dinamik.

Melalui pendekatan menyeluruh yang menitikberatkan peningkatan kompetensi, kesejahteraan, kepimpinan serta pembudayaan penyelidikan dan inovasi, pendidik akan mendapat sokongan yang menyeluruh dan bersedia menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Usaha ini akan memperkukuh keupayaan sistem pendidikan di Malaysia untuk melahirkan bakat masa hadapan yang beradab, berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berkeyakinan selaras dengan aspirasi RPM 2026 – 2035.

BAB

7

TERAS STRATEGIK 4 | MEMANTAPKAN PRASARANA FIZIKAL DAN DIGITAL DI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

RINGKASAN

Teras Strategik 4 memberikan tumpuan kepada memantapkan prasarana di institusi pendidikan KPM serta bertujuan menyediakan persekitaran pembelajaran yang bersedia bagi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 dan agenda pendidikan global. Usaha ini melibatkan tiga komponen utama, iaitu **prasarana fizikal, digital dan sistem maklumat pintar.**

- Pembangunan prasarana bagi institusi pendidikan baharu menggunakan Kerangka Sekolah Sedia Masa Hadapan merangkumi reka bentuk sejagat dan kelestarian, serta menekankan penggunaan bahan mesra alam dan kecekapan tenaga.
- Di kawasan bandar padat, pendekatan sekolah menegak dan Pembangunan Berorientasikan Transit (Transit-Oriented Development – TOD) diperluas.
- Di kawasan pedalaman, tumpuan diberikan kepada penyediaan prasarana pendidikan yang mampan.
- Semua prakarsa dilaksanakan melalui perancangan berpandukan data dan kolaborasi antara kementerian.
- Dari aspek prasarana digital, KPM berusaha untuk memperkukuh penggunaan teknologi dengan menyediakan bilik darjah digital, peranti untuk guru dan murid serta capaian internet berkelajuan tinggi.
- Teknologi baharu seperti AI, Realiti Lanjutan (Extended Reality – XR) dan sistem pengurusan pembelajaran (Learning Management System – LMS) memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat serta menjadikan pendidikan lebih interaktif.
- Pembangunan sistem maklumat pintar seperti Gudang Data (Enterprise Data Warehouse – EDW), Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (Educational Management Information System – EMIS), Sistem Bersepadu KPM (Ministry of Education Integrated System – MOEIS) dan Sistem Amaran Awal (Early Warning System – EWS) memperkukuh tadbir urus pendidikan berpandukan data dan bukti.
- Sistem ini berupaya memberikan amaran awal untuk murid berisiko keciciran pembelajaran dan membantu membuat keputusan strategik melalui penggunaan data masa nyata.
- Sinergi antara ketiga-tiga komponen ini akan memastikan institusi pendidikan KPM kekal relevan, dinamik dan berdaya saing bagi menghadapi cabaran global.

7.1 PENGENALAN DAN RASIONAL

Prasarana pendidikan merupakan tunjang utama kepada sistem pendidikan negara yang berdaya tahan, saksama dan responsif terhadap perubahan zaman. Teras ini menekankan pembangunan prasarana dengan memberikan tumpuan pada tiga komponen utama, iaitu (i) memperkukuh pembangunan prasarana yang terangkum dan lestari; (ii) peluasan prasarana digital pendidikan serta; (iii) mewujudkan sistem pintar dan tadbir urus berpandukan data.

Pelaksanaan Teras Strategik 4 turut mendorong transformasi digital yang menyeluruh melalui integrasi sistem maklumat, AI dan analitik data raya dalam pengurusan pendidikan.

Teras ini berperanan sebagai pemangkin transformasi sistem pendidikan kebangsaan dengan memastikan semua sekolah, kolej dan institut pendidikan guru dilengkapi dengan kemudahan fizikal dan digital yang terkini, kondusif, selamat dan menyokong pembelajaran abad ke-21.

Teras Strategik 4 memberikan tumpuan kepada pembangunan institusi pendidikan berorientasikan keperluan masa hadapan melalui prasarana yang terangkum, bilik darjah berdaya digital serta sistem pintar dan bersepadu. Tumpuan ini penting bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang saksama, berimpak tinggi dan mampu merapatkan jurang pendidikan sedia ada antara sekolah bandar, luar bandar, pedalaman dan pulau.

Berdasarkan data semasa, masih terdapat sekolah KPM yang belum memenuhi tahap piawaian minimum prasarana asas seperti bekalan elektrik, bekalan air bersih, kemudahan tandas yang sempurna dan bilik darjah yang kondusif. Keadaan ini sekali gus menjejaskan mutu pembelajaran serta melebarkan jurang dalam kalangan murid di pelbagai lokasi. Oleh itu, Teras Strategik 4 menggariskan beberapa prakarsa bersasar yang bakal dilaksanakan bagi meningkatkan tahap prasarana fizikal dan digital di sekolah yang masih berada di bawah garis asas agar semua murid, tanpa mengira lokasi atau latar belakang mempunyai peluang pembelajaran yang setara.



Beberapa prakarsa di bawah Teras Strategik 4 turut memberikan tumpuan pada meningkatkan mutu persekitaran pembelajaran melalui pemodenan bilik darjah dengan teknologi pembelajaran digital dan AI, peluasan capaian internet berkelajuan tinggi serta pemantapan sistem maklumat yang membolehkan penggunaan data secara pintar dan strategik.

Tiga strategi yang digariskan adalah seperti yang berikut:

- Memperkukuh pembangunan prasarana yang terangkum dan lestari.
- Memperkasakan prasarana digital untuk pendidikan.
- Menambah baik sistem pintar dan tadbir urus berpandukan data.

Pelaksanaan strategi memerlukan pelbagai input termasuklah peruntukan pembangunan daripada RMK, dana alternatif daripada sektor swasta, data bersistem daripada EMIS, EDW, pelantar DELIMa, serta sokongan kepakaran teknikal dan teknologi pendidikan. Aktiviti utama merangkumi pembangunan dan naik taraf sekolah berasaskan reka bentuk sejagat yang terangkum, pemberian peranti digital kepada murid dan pendidik secara menyeluruh, peluasan sambungan internet stabil dan berkelajuan tinggi ke semua institusi pendidikan serta pembangunan sistem digital bersepadu seperti LMS, EWS dan *Business Intelligence Dashboard*.

Melalui pelaksanaan prakarsa ini, beberapa output utama disasarkan, antaranya termasuklah persekitaran pembelajaran yang lengkap dan selamat, penggunaan pelantar DELIMa secara aktif oleh pendidik dan murid, pelaksanaan sistem penyelenggaraan yang sistematik serta capaian digital yang saksama di semua institusi pendidikan. Selain itu, sistem pengurusan berpandukan data dapat menyokong tadbir urus yang telus dan responsif terhadap keperluan sebenar.

7.2 KEADAAN SEMASA

KPM melaksanakan pelbagai prakarsa pembangunan dan penaiktarafan kemudahan pendidikan sejak beberapa dekad lalu, termasuklah pembinaan bilik darjah baharu, penyediaan kemudahan untuk pendidikan khas, kemudahan mesra alam sekitar serta pembinaan semula bangunan sekolah yang daif secara berperingkat. Usaha turut ditumpukan pada pengukuhan keupayaan sekolah dalam usaha mendukung pelaksanaan pedagogi digital melalui penyediaan peralatan teknologi pendidikan dan akses internet yang stabil. Langkah-langkah ini menyokong pembangunan sistem pendidikan yang lebih lestari dan berdaya saing.

Teras Strategik 4 juga mengambil kira keperluan global terhadap kelestarian dan daya tahan prasarana pendidikan. Amalan terbaik antarabangsa seperti prakarsa *Right to Learn di Finland, Building Schools for the Future* di United Kingdom dan sekolah pintar berasaskan TMK di Korea Selatan menunjukkan bahawa pelaburan dalam reka bentuk sejagat, sistem digital bersepadu dan tadbir urus berasaskan data mampu memperkukuh mutu pendidikan serta kesaksamaan akses.

Menyedari hakikat ini, Malaysia perlu bergerak seiring dengan arus global melalui pembangunan prasarana yang terangkum dan lestari serta berdaya saing.

Pembangunan prasarana pendidikan ini mencerminkan komitmen berterusan KPM dalam usaha memperkukuh asas fizikal dan digital institusi pendidikan di seluruh negara. Selain itu, penggunaan pelantar DELIMa yang digunakan secara aktif oleh pendidik dan murid serta perancangan pembinaan kerangka sekolah masa hadapan menjadi pemacu utama kepada transformasi kemudahan pendidikan.

Namun begitu, masih terdapat kelemahan ketara, khususnya dari aspek ketidakseimbangan pembangunan prasarana antara kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman. Banyak sekolah masih belum memenuhi keperluan minimum dari segi kemudahan fizikal dan akses kepada teknologi digital. Kebergantungan terhadap kaedah penyelenggaraan secara pembetulan (corrective maintenance) pula menjejaskan kecekapan pengurusan aset dan menyumbang kepada peningkatan kos jangka masa panjang. Di samping itu, hanya 48 peratus murid dikenal pasti menggunakan pelantar DELIMa secara aktif. Walaupun penggunaan aktif pelantar DELIMa adalah tinggi, masih terdapat 24 peratus guru yang berada pada tahap asas dalam kompetensi digital. Situasi ini menggambarkan wujudnya jurang kesediaan digital yang perlu diatasi melalui pendekatan yang lebih strategik.

Faktor luaran turut membawa pelbagai peluang dan cabaran. Antara peluang yang dikenal pasti termasuklah keserasian Teras Strategik 4 dengan dasar nasional seperti RMK13 dan Dasar Pendidikan Digital, di samping potensi kerjasama melalui kaedah pembiayaan alternatif seperti perkongsian awam-swasta (Public Private Partnership), tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility – CSR) serta pelibatan komuniti. Kemajuan teknologi seperti AI, analitik data raya (big data analytics) dan sistem pengkomputeran awan (cloud computing) turut menyediakan ruang bagi penambahbaikan ketara dalam pendekatan pembelajaran dan tadbir urus pendidikan. Walau bagaimanapun, faktor seperti ketidaktentuan ekonomi, perubahan iklim, isu keselamatan data serta jurang prasarana digital antara kawasan dikhuatiri menjadi penghalang kepada kejayaan pelaksanaan Teras Strategik 4.

7.3 MATLAMAT

Matlamat Teras Strategik 4 adalah untuk memantapkan prasarana di semua institusi pendidikan KPM. Teras ini dilaksanakan melalui tiga strategi utama yang saling melengkapi, iaitu pembangunan prasarana yang terangkum dan lestari, prasarana digital untuk pendidikan serta sistem pintar dan tadbir urus berpandukan data.

TERAS STRATEGIK 4
MEMANTAPKAN PRASARANA FIZIKAL DAN DIGITAL DI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

STRATEGI 1
Memperkukuh Pembangunan Prasarana yang Terangkum dan Lestari

1. Memperkukuh pembangunan prasarana pendidikan yang strategik dan responsif.
2. Memantapkan pengurusan aset, penyelenggaraan proaktif dan berfasa untuk kelestarian prasarana KPM.
3. Memperkasakan prasarana dan sokongan pembelajaran bagi pendidikan khas.
4. Memperkukuh kemudahan sedia ada yang berfungsi, terangkum dan berimpak.

STRATEGI 2
Memperkasakan Prasarana Digital untuk Pendidikan

1. Mentransformasikan pengalaman pembelajaran dengan inovasi teknologi.
2. Menambah baik prasarana digital di institusi pendidikan.

STRATEGI 3
Menambah Baik Sistem Pintar dan Tadbir Urus Berpandukan Data

1. Memperkukuh tadbir urus pendidikan melalui sistem maklumat dan data pintar serta terhubung.

STRATEGI 1: MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PRASARANA YANG TERANGKUM DAN LESTARI



Rajah 7.1 Prakarsa bagi Strategi 1

Prasarana sedia ada didapati belum sepenuhnya memenuhi kehendak kurikulum baharu, keperluan transformasi digital serta keperluan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Teras Strategik 4 Strategi 1 menekankan perkara yang berikut:

- Memanjangkan jangka hayat prasarana dan mempertingkatkan keberkesanan perancangan pembangunan pendidikan.
- Melaksanakan Kerangka Sekolah Sedia Masa Hadapan sebagai asas kepada pembangunan sekolah yang luwes, mampan dan responsif terhadap keperluan lokaliti serta perubahan masa hadapan.
- Memastikan akses pendidikan yang setara bagi MBPK dengan mengintegrasikan prinsip keterangkuman dalam reka bentuk dan pelaksanaan prasarana pendidikan.
- Melengkapkan kemudahan asas di sekolah dan menaik taraf serta mengoptimumkan penggunaan kemudahan sedia ada bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dinamik, moden, terangkum dan berimpak tinggi.
- Memodenkan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dengan penyesuaian semula fungsinya agar dapat menyokong model pembelajaran hibrid, pendidikan STEM, literasi digital dan perkembangan bakat murid secara bersepadu.
- Mengoptimumkan penggunaan kemudahan fizikal yang kurang dimanfaatkan seperti sekolah kurang murid (SKM) dan kuarters yang tidak digunakan.

PRAKARSA 1: MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PRASARANA PENDIDIKAN YANG STRATEGIK DAN RESPONSIF

Prakarsa ini memberikan tumpuan pada memperkukuh pembangunan prasarana pendidikan secara menyeluruh dengan menyeimbangkan keperluan fizikal, pedagogi dan kesaksamaan akses kepada pendidikan bermutu. Usaha ini bertujuan merapatkan jurang prasarana antara bandar, luar bandar dan pedalaman, serta memastikan kemudahan sedia ada sejajar dengan keperluan kurikulum baharu, pendekatan digital dan keperluan MBPK.

Pelaksanaan prakarsa ini diterajui melalui Kerangka Sekolah Sedia Masa Hadapan yang berasaskan tiga prinsip utama, iaitu seperti yang berikut:

1. Reka bentuk sejagat yang mengutamakan keluwesan ruang pembelajaran, akses untuk semua murid termasuklah MBPK dan integrasi teknologi pendidikan terkini.
2. Pembangunan mampan yang menggabungkan unsur hijau seperti sistem penuaian air hujan, tenaga boleh diperbaharui dan bahan binaan yang mesra alam.
3. Pendekatan kontekstual yang memastikan reka bentuk sekolah mengambil kira faktor geografi, budaya dan keperluan komuniti setempat.

Sekolah Sedia Masa Hadapan (Future Ready School – FRS)

Merupakan institusi pendidikan KPM yang reka bentuk bangunan dan persekitaran alam bina mematuhi brif dan spesifikasi mengikut keperluan reka bentuk sejagat (universal design), lokaliti, kurikulum, jenis institusi pendidikan KPM serta keperluan bangunan hijau dan pasif.

Reka Bentuk Sejagat dan *Prevention through Design* (PtD)

- Ruang atau bilik darjah luwes dengan kaedah PdP yang tradisional, pendidikan terbuka dan hibrid.
- Reka bentuk bersepadu dan terangkum.
- Reka bentuk dengan ciri keselamatan khusus.

Kelestarian dan Bangunan Hijau

- Reka bentuk hijau dan pasif (contohnya jimat tenaga, penuaian air hujan dan panel solar).
- Model baharu sekolah menegak (vertical school).

Reka Bentuk Berasaskan Konteks

- Reka bentuk bangunan menitikberatkan keadaan setempat seperti ribut, banjir, laluan haiwan liar, seismik dan pesisir laut.

Kecekapan dan Kepraktisan

- Kaedah pembinaan yang lebih efektif dari segi masa, kos dan praktikal (contohnya Industrialised Building System – IBS).
- Reka bentuk mesra penyelenggaraan.

Keperluan Asas dan Fungsi

- Keperluan asas untuk pembelajaran yang selesa dan kondusif dipenuhi.
- Keperluan asas mengikut kurikulum dipatuhi.
- Komunikasi dua hala wujud antara infra dengan murid dalam pelaksanaan kurikulum.

Garis Panduan dan Rujukan

- Pematuhan Garis Panduan Peraturan Pembangunan oleh Kementerian Ekonomi (KE) dan Garis Panduan Kemudahan Masyarakat oleh PLANMalaysia.
- Reka bentuk sejagat MS1184.
- Pematuhan keperluan BOMBA (Uniform Building By-Laws – UBBL)
- Pematuhan syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Tatacara perolehan dan tempoh pelaksanaan.

Rajah 7.2 Kerangka Sekolah Sedia Masa Hadapan (Future Ready School)

Kaedah pembinaan moden seperti Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System – IBS) dan Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling – BIM) digunakan bagi mempertingkatkan tahap kecekapan serta ketepatan dalam proses pembinaan. Selain itu, pelbagai sumber pembiayaan turut diteroka melalui kerjasama antara sektor awam dan swasta, sumbangan pihak korporat melalui program CSR dan pelibatan komuniti setempat serta alumni sekolah. Pengoptimuman bangunan sedia ada turut dilaksanakan bagi menambah baik penggunaan ruang pembelajaran.

Prakarsa ini dijangka menghasilkan prasarana pendidikan baharu yang memenuhi keperluan semasa, anjal dan berdaya tahan. Bilik darjah dilengkapi dengan kemudahan teknologi terkini yang menyokong pedagogi abad ke-21, manakala standard kebolehcapaian dan akses bagi MBPK dapat dilaksanakan secara menyeluruh di semua institusi pendidikan KPM.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini dilaksanakan melalui tiga fasa seperti yang berikut:

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Penambahbaikan Pelaksanaan dan Kerangka**	Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal FRS untuk menyelaraskan dasar, garis panduan dan penanda aras antarabangsa. Fasa ini menumpukan pada pembangunan asas kerangka berteraskan reka bentuk sejagat, kelestarian, fungsi asas dan kesesuaian konteks tempatan sebagai panduan utama pelaksanaan.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Penginstitusian Kerangka dan Pemurnian**	Melaksanakan SLU bersama-sama pihak berkepentingan bagi menambah baik dan memuktamadkan kerangka. Uji laksana simulasi projek perintis turut dijalankan bagi menilai kepraktisan, keluwesan dan keberkesanan sebelum diterbitkan dalam bentuk panduan rasmi pelaksanaan.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Penilaian Impak dan Penambahbaikan Berterusan**	Menilai keberkesanan pelaksanaan berdasarkan kos, keberfungsian prasarana dan kesesuaian dengan lokaliti. Dapatan penilaian digunakan untuk menambah baik pelaksanaan dan memastikannya kekal relevan serta mampan mengikut perubahan keperluan pendidikan, persekitaran sosial semasa dan teknologi semasa.

Rajah 7.3 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MEMANTAPKAN PENGURUSAN ASET, PENYELENGGARAAN PROAKTIF DAN BERFASA UNTUK KELESTARIAN PRASARANA KPM

Prakarsa ini bertujuan memperkukuh sistem pengurusan aset sedia ada dengan beralih daripada pendekatan reaktif kepada pengurusan aset yang bersifat proaktif, sistematik dan berkesan. Pelaksanaannya dirancang secara berfasa dari tahun 2026 hingga tahun 2035 bagi memastikan semua proses perolehan, penyelenggaraan dan pemantauan aset dilaksanakan dengan teratur.



Jadual 7.1 Kerangka Konsep Pemantapan Pengurusan Aset, Penyelenggaraan Proaktif dan Berfasa untuk Kelestarian Prasarana KPM

MEMANTAPKAN PENGURUSAN ASET, PENYELENGGARAAN PROAKTIF DAN BERFASA UNTUK KELESTARIAN PRASARANA KPM

Ke arah usaha memperkukuh perancangan penyelenggaraan, menyeragamkan spesifikasi perolehan dan melengkapkan data aset bagi pengurusan sumber yang lebih strategik dan berkesan.

Sorotan Projek:

Penerangan Konsep: Pemantapan pengurusan aset yang lebih strategik dengan pematuhan kepada Dasar Pengurusan Aset Kerajaan. Antara strategi yang dicadangkan termasuklah mengambil kira penyelenggaraan secara pencegahan (preventive maintenance), selain penyelenggaraan secara pembetulan (corrective maintenance) yang sedia ada dilaksanakan. Hal ini bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan aset, penyelarasan sumber, menepati piagam pelanggan serta memanjangkan jangka hayat aset

Memastikan tadbir urus pengurusan aset kerajaan yang lebih efisien.

1 Pengurusan Fasiliti Aset Bersepadu

- Perancangan pelaksanaan **penyelenggaraan secara pencegahan (preventive maintenance)** bagi meningkatkan keberkesanan dan mengurangkan kos jangka panjang seperti pengurusan penyelenggaraan secara *Facility Management* dan *Task-based*.
- **Pengurusan aktiviti OSPPUN** (Operasi, Senggara, Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf) secara sistematik.

2 Rasionalisasi Perjawatan Teknikal

- Penstrukturan semula bilangan perjawatan teknikal di **PPD** dan **JPN** untuk menyokong pelaksanaan penyelenggaraan yang lebih efisien.

3 Digitalisasi dan Teknologi

- Penggunaan teknologi untuk mengurus data-data penyelenggaraan aset kerajaan seperti penggunaan *dashboard* dan penambahbaikan sistem EMIS.
- Perancangan jangka masa panjang untuk Penggunaan ***Building Information Modeling (BIM)*** sebagai pangkalan data kitar hayat aset untuk pemantauan dan analisis bersepadu.

4 Pengukuhan Dasar dan Rancangan Strategik

- Memperkasakan pelaksanaan **Pelan Strategik Pengurusan Aset (PSPA) Operasi** berlandaskan **Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA)**, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan KM 2/1 dan **Pelan Pengurusan Perolehan.**

Melengkapkan prasarana dan aset pendidikan bagi memastikan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang terangkum mengikut keperluan.

1 Mengoptimumkan peruntukan perolehan aset.

2 Spesifikasi yang seragam, terutama untuk peralatan digital, makmal dan bengkel.

3 Keluwesan pengurusan perolehan semasa.

Institusi dan aset KPM mempunyai jangka hayat lebih lama dan berdaya tahan dengan kefungsian serta penggunaan sumber yang optimum dan pulangan pelaburan yang tinggi kepada kerajaan

GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini dilaksanakan melalui tiga fasa seperti yang berikut:

Profil Aset: Pembangunan Sistem	
Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Jangka Pendek**	• Penambahan/integrasi modul ke dalam EMIS melibatkan modul: 1. Penyelenggaraan 2. Premis Bukan Sekolah 3. Laporan penilaian *Facility Condition Assessment (FCA)* 4. Pelaporan penilaian *Building Condition Assessment (BCA)* • Penambahbaikan sistem pelaporan melalui *dashboard.*
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Jangka Sederhana**	• Penambahan/integrasi modul ke dalam EMIS melibatkan modul: 1. Pelaporan penilaian BCA • Penambahbaikan sistem pelaporan melalui *dashboard.*
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Jangka Panjang**	• Sistem yang boleh membantu pelaksanaan penyelenggaraan proaktif. • Penambahbaikan sistem secara berterusan.

Rajah 7.4 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini dilaksanakan melalui tiga fasa seperti yang berikut:

Pembangunan Kapasiti dan Kompetensi dalam Pemulihan dan Penyelenggaraan Aset

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Jangka Pendek**	• Kit pengurusan aset yang menyeluruh dibangunkan termasuklah pusat sehenti (One Stop Centre - OSC), spesifikasi, dasar dan garis panduan. • Latihan bagi meningkatkan kompetensi staf bukan pendidik bagi pengurusan aset dan penyelenggaraan.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Jangka Sederhana**	• Peningkatan bilangan staf bukan pendidik yang terlatih dan mendapat pensijilan dalam pengurusan aset dan penyelenggaraan.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Jangka Panjang**	• Sekolah dan premis bukan sekolah mempunyai sekurang-kurangnya satu staf bukan pendidik yang terlatih dan mendapat pensijilan dalam pengurusan aset dan penyelenggaraan.

Rajah 7.5 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini dilaksanakan melalui tiga fasa seperti yang berikut:

Penubuhan *Task Force* Pemulihan dan Penyelenggaraan Aset

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Jangka Pendek**	• Penubuhan *task force/ response team* yang terdiri daripada *Subject Matter Expert (SME)*/ pakar berpengetahuan teknikal dalam penyelenggaraan, perolehan dan pengurusan aset mengikut zon untuk semua institusi pendidikan KPM.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Jangka Sederhana**	• Peluasan *task force/response team* yang terdiri daripada SME/pakar berpengetahuan teknikal dalam penyelenggaraan, perolehan dan pengurusan aset mengikut zon untuk semua institusi pendidikan KPM.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Jangka Panjang**	• Peluasan *task force/response team* yang terdiri daripada SME/pakar berpengetahuan teknikal dalam penyelenggaraan, perolehan dan pengurusan aset ke semua institusi pendidikan KPM.

Rajah 7.6 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini dilaksanakan melalui tiga fasa seperti yang berikut:

Kemampanan Kewangan dan Sumber dalam Tadbir Urus Aset Kerajaan

Mengurangkan kebergantungan dana kerajaan melalui pendanaan swasta

Fasa 1
(2026 – 2027)
Jangka Pendek

- Penganjuran SLU bersama-sama Kementerian Kewangan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Company - GLC), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), agensi swasta, NGO dan pihak berkepentingan.
- Cadangan pelepasan cukai bagi sumbangan penyelenggaraan, perolehan aset dan pembekal utiliti.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Jangka Sederhana

- Peratusan pelibatan sumbangan peruntukan agensi swasta, NGO dan agensi kerajaan lain terus meningkat.
- Peratusan sekolah yang menerima manfaat daripada prakarsa pengurangan kebergantungan dana kerajaan meningkat.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Jangka Panjang

- Peratusan pelibatan sumbangan peruntukan agensi swasta, NGO dan agensi kerajaan lain terus meningkat.
- Peratusan sekolah yang menerima manfaat daripada prakarsa pengurangan kebergantungan dana kerajaan terus meningkat.

Rajah 7.7 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini dilaksanakan melalui tiga fasa seperti yang berikut:

Keadaan Aset dan Kecekapan Operasi	
Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Jangka Pendek**	• Aset kritikal diselenggarakan mengikut jadual melalui pendekatan penyelenggaraan pencegahan yang merangkumi sistem bekalan air, sistem elektrik, sistem mekanikal dan sistem pembentungan.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Jangka Sederhana**	• Aset kritikal diselenggarakan mengikut jadual melalui pendekatan penyelenggaraan pencegahan yang merangkumi sistem bekalan air, sistem elektrik, sistem mekanikal dan sistem pembentungan.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Jangka Panjang**	• Aset kritikal diselenggarakan mengikut jadual melalui pendekatan penyelenggaraan pencegahan yang merangkumi sistem bekalan air, sistem elektrik, sistem mekanikal dan sistem pembentungan.

Rajah 7.8 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini dilaksanakan melalui tiga fasa seperti yang berikut:

Ketersediaan Aset Alih yang Berdaya Tahan, Memenuhi Elemen Hijau, Ergonomik, Futuristik dengan Teknologi Semasa dan Kepelbagaian Fungsi

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Jangka Pendek**	• Penghasilan dokumen standard spesifikasi bagi perolehan aset yang memenuhi kriteria berdaya tahan, memenuhi elemen ergonomik, futuristik dan pelbagai fungsi.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Jangka Sederhana**	• Pelaksanaan perolehan aset berpandukan spesifikasi standard.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Jangka Panjang**	• Pelaksanaan perolehan aset berpandukan spesifikasi standard. • Semakan dan kajian semula standard spesifikasi.

Rajah 7.9 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

PRAKARSA 3: MEMPERKASAKAN PRASARANA DAN SOKONGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN KHAS

Prakarsa ini menumpukan kepada pemerkasaan prasarana dan sokongan pembelajaran pendidikan khas kepada MBPK sejajar dengan peningkatan enrolmen yang ketara, khususnya dalam tempoh lima tahun sejak tahun 2020 (Rajah 7.10). Pelaksanaan prakarsa ini menuntut kepada keperluan peluasan program pendidikan khas yang merangkumi Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI), melengkapkan kemudahan mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) serta memantapkan perkhidmatan sokongan dan pembelajaran pendidikan khas secara mampan, sistematik dan terancang untuk memastikan sistem pendidikan yang terangkum serta akses saksama bagi MBPK. Prakarsa ini selaras dengan dasar yang menekankan pendidikan untuk semua tanpa diskriminasi serta komitmen Malaysia terhadap Konvensyen Tentang Hak Orang Kurang Upaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities – CRPD).

Bilangan MBPK Mengikut Program Pendidikan Khas



Tahun	Jumlah	Peratus Peningkatan (%)
2020	93,951	–
2021	97,220	3.48
2022	105,785	8.81
2023	116,044	9.70
2024	132,264	13.98
2025	147,512	11.53

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, data seperti pada 31 Oktober 2025

Rajah 7.10 Enrolmen MBPK yang Berdaftar di Sekolah KPM (2020 – 31 Oktober 2025)



Pelaksanaan prakarsa ini menumpukan kepada tiga isu utama, iaitu kekurangan kemudahan mesra OKU di institusi pendidikan KPM, capaian terhad kepada Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) dan kekurangan peralatan serta bahan sokongan pembelajaran yang bersesuaian.

Pelaksanaan prakarsa secara berfasa melalui tiga komponen utama

Melengkapkan kemudahan mesra OKU

Penyediaan kemudahan asas mesra OKU seperti susur landai, susur tangan, tandas OKU dan parkir OKU serta kemudahan OKU lain seperti laluan taktil (tactile path), lif, sistem amaran kecemasan (lampu strob dan loceng kecemasan) dan kemudahan lain selaras dengan reka bentuk sejagat (universal design). Fasa awal memberikan keutamaan kepada institusi pendidikan KPM yang mempunyai MBPK.

Peluasan perkhidmatan 3PK

Penubuhan premis tetap 3PK Negeri di Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Labuan serta penubuhan 3PK daerah dan pewujudan 3PK Bergerak untuk kawasan yang sukar mendapat akses kepada perkhidmatan sokongan pendidikan khas.

Pembekalan peralatan sokongan pembelajaran pendidikan khas

Pembelian peralatan, kerjasama sektor awam dan swasta serta menggalakkan inovasi tempatan. Antara peralatan sokongan pembelajaran yang dicadangkan termasuklah mesin braille, mesin embosser, papan pintar, *maker kit*, kit kemahiran motor kasar dan motor halus dan sebagainya.

Rajah 7.11 Pelaksanaan Prakarsa Teras Strategik 4 Strategi 1 Prakarsa 3

Pelaksanaan prakarsa ini menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan Keempat (SDG4), iaitu Pendidikan Bermutu dan SDG 10, yakni Mengurangkan Ketidaksamaan demi memastikan tiada murid tercicir daripada sistem pendidikan negara.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini bertumpu kepada memperkukuh ekosistem pendidikan khas melalui tiga tumpuan utama, iaitu peningkatan kemudahan mesra OKU di institusi pendidikan KPM, termasuklah mewajibkan penyediaan kemudahan tersebut dalam pembangunan institusi pendidikan baharu, peluasan 3PK di semua peringkat serta pembekalan peralatan sokongan pembelajaran pendidikan khas. Pelaksanaan prakarsa ini dilaksanakan secara berfasa dari tahun 2026 hingga tahun 2035 bagi menjamin akses pendidikan yang terangkum dan seimbang kepada semua MBPK.

Peluasan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK)

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Penubuhan 3PK Baharu**	• Penubuhan premis tetap 3PK Negeri di Negeri Sembilan, pewujudan 3PK Daerah dan 3PK Bergerak bagi memperkukuh akses kepada perkhidmatan sokongan pendidikan khas.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Peluasan Pelaksanaan**	• Penubuhan premis tetap 3PK Negeri di WP Kuala Lumpur, peluasan 3PK Daerah dan 3PK Bergerak di lokasi terpilih bagi memperluas akses perkhidmatan sokongan pendidikan khas ke lebih banyak wilayah.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Peluasan Rangkaian 3PK**	• Penubuhan premis tetap 3PK Negeri di WP Labuan, peluasan 3PK Daerah dan 3PK Bergerak di lokasi terpilih bagi mengukuhkan rangkaian perkhidmatan sokongan pendidikan khas pada peringkat nasional.

Rajah 7.12 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 3



Rajah 7.13 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 3



Rajah 7.14 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 3

PRAKARSA 4: MEMPERKUKUH KEMUDAHAN SEDIA ADA YANG BERFUNGSI, TERANGKUM DAN BERIMPAK

Prakarsa ini dirangka bagi memastikan kemudahan fizikal di institusi pendidikan KPM berfungsi secara optimum, bersifat terangkum dan mampu memberikan kesan yang bermakna terhadap pengalaman pembelajaran murid secara menyeluruh.

Aktiviti utama yang menjadi tumpuan pelaksanaan prakarsa ini adalah seperti yang berikut:

- Penyediaan kemudahan asas di semua institusi pendidikan KPM merangkumi bekalan elektrik, air bersih, capaian internet dan sistem kumbahan yang berfungsi dengan baik.
- Pengoptimuman prasarana sedia ada, terutamanya sekolah kurang murid dan kuarters pendidik tidak berpenghuni dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengurangkan pembaziran aset, meningkatkan penggunaan kemudahan sedia ada dan menyumbang kepada kesejahteraan komuniti serta pembangunan pendidikan mampan.
- Penambahbaikan kemudahan sukan bagi menggalakkan pembangunan sahsiah dan kesihatan murid melalui aktiiti fizikal yang selamat dan kondusif.
- Pemodenan pusat sumber sekolah sebagai ruang pembelajaran yang interaktif dan menyokong perkembangan bakat murid menerusi teknologi terkini dan AI.



GARIS MASA PELAKSANAAN

Prakarsa ini bertujuan memastikan semua institusi pendidikan KPM dilengkapi dengan kemudahan asas yang selamat, selesa dan berfungsi sepenuhnya, di samping dioptimumkan penggunaannya. Selain itu, perkembangan bakat murid secara menyeluruh turut diberikan penekanan menerusi penggunaan teknologi digital terkini yang interaktif. Pelaksanaan prakarsa ini dijalankan secara berfasa seperti yang berikut:

Melengkapkan Kemudahan Asas di Semua Institusi Pendidikan

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek**	• Mengenal pasti tahap ketersediaan kemudahan asas di sekolah. • Kajian geofizik bagi potensi sumber air. • Menentukan kaedah pembaikan, naik taraf atau gantian dan anggaran kos. • Reka Bentuk Gelanggang Serbaguna Terbuka Berbumbung (GSTB) dan sistem solar. • Penyelenggaraan segera: air terawat, bekalan elektrik, tandas, musala, kantin, bilik darjah, meja, kerusi dan rangkaian internet. • Menggunakan peruntukan Penyelenggaraan Institusi Pendidikan (PIP).
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana**	• Penilaian lanjut berdasarkan keutamaan keperluan. • Penyediaan rancangan pembiayaan swasta bagi projek baharu. • Pembinaan panel solar mengikut kategori bangunan. • Penyediaan bekalan air terawat secara berfasa (telaga tiub/Atmospheric Water Generator–AWG). • Pembaikan kemudahan asas seperti tandas, musala dan kantin. • Lantikan pengurusan fasiliti (Facility Management – FM) bagi penyelenggaraan berkala.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang**	• Peluasan pelaksanaan FM secara menyeluruh. • Pengukuhan tadbir urus aset dan penyelenggaraan preventif bagi memastikan kos efektif, kelestarian tenaga dan kecekapan operasi. • Pembiayaan alternatif, termasuklah model konsesi melibatkan pelbagai pihak dan sumbangan komuniti yang dikoordinasikan secara sistematik.

Rajah 7.15 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 4

Mengoptimumkan Prasarana Sedia Ada KPM

Fasa 1
(2026 — 2027)
Jangka Pendek

- Pemetaan dan penilaian awal prasarana fizikal dan digital dilaksanakan di institusi pendidikan KPM bagi mengenal pasti kefungsian aset dan potensi pemanfaatan semula.
- Instrumen penilaian standard dan garis panduan dibangunkan sebagai asas pelaksanaan pemanfaatan aset.

Fasa 2
(2028 — 2030)
Jangka Sederhana

- Pemanfaatan aset diperluas melalui penggunaan *dashboard* digital di semua institusi pendidikan KPM dan penilaian penuh terhadap aset yang berpotensi untuk guna sama, tukar fungsi atau disewakan.
- Kaedah guna sama, tukar fungsi atau penyewaan mula dilaksanakan.

Fasa 3
(2031 — 2035)
Jangka Panjang

- Tadbir urus dan pemantauan aset diperkukuh melalui pengemaskinian data masa nyata dan semakan dasar secara berkala.
- Pemanfaatan aset digiatkan melalui kaedah guna sama, tukar fungsi atau penyewaan.

Rajah 7.16 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 4

Menaik Taraf Prasarana Sukan di Semua Institusi Pendidikan KPM

Fasa 1
(2026 — 2027)
Jangka Pendek

- Pemetaan dan penilaian kerosakan prasarana sukan di institusi pendidikan KPM seluruh negara.
- Penyelenggaraan asas dan naik taraf kemudahan sukan asas dilaksanakan bagi memastikan keselamatan dan kesediaan penggunaan.

Fasa 2
(2028 — 2030)
Jangka Sederhana

- Tumpuan pada menaik taraf prasarana sukan di Pusat Latihan Daerah dan sekolah bitara sukan bagi memenuhi keperluan latihan berprestasi tinggi.
- Pembekalan alatan sukan asas diperluas ke semua institusi pendidikan KPM.

Fasa 3
(2031 — 2035)
Jangka Panjang

- Pelaksanaan pemenuhan piawaian prasarana sukan di semua Sekolah Sukan Malaysia dan Sekolah Sukan Negeri, manakala semua sekolah KPM dilengkapi dengan kemudahan sukan asas yang lengkap.
- FM berasaskan zon diperkenalkan bagi mengoptimumkan kos dan memenuhi keperluan penyelenggaraan mengikut spesifikasi.

Rajah 7.17 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 4

Memodenkan Pusat Sumber

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek**	• Naik Taraf Prasarana Pusat Sumber: Pelaksanaan pemetaan keperluan dan perancangan naik taraf ruang pusat sumber. • Pendigitalan Pusat Sumber: Pembangunan sistem pengurusan pusat sumber bersepadu. • Pelaksanaan rintis kiosk digital kendiri yang menepati spesifikasi ditetapkan KPM (spesifikasi dan bilangan peranti, lokasi, kepelbagaian bahan sumber pembelajaran yang boleh diakses, dan sebagainya). • Pemerkasaan prakarsa naik taraf ruang kolaboratif di pusat sumber secara berfasa untuk pelaksanaan aktiviti STEM/TVPSS/pendidikan digital. • Perancangan pemerkasaan AI dalam perkhidmatan pusat sumber institusi pendidikan.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana**	• Pelaksanaan naik taraf ruang dan prasarana fizikal pusat sumber secara berfasa. • Pelaksanaan sistem pengurusan pusat sumber bersepadu di semua institusi pendidikan KPM. • Pelaksanaan kiosk digital kendiri di semua pusat sumber institusi pendidikan KPM. • Peluasan pemerkasaan prakarsa naik taraf ruang kolaboratif di pusat sumber secara berfasa untuk pelaksanaan aktiviti STEM/TVPSS/ pendidikan digital. • Rintis pelaksanaan pusat sumber yang dikuasakan dengan AI di institusi pendidikan KPM.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang**	• Pemodenan PSS dilaksanakan sepenuhnya di semua institusi pendidikan KPM.

Rajah 7.18 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 4

Rancangan pelaksanaan ini bertujuan menyediakan kemudahan asas yang lengkap, lestari dan terangkum di semua institusi pendidikan KPM menjelang tahun 2035. Melalui pelaksanaan berfasa yang terancang, rancangan ini meningkatkan keselesaan dan keselamatan murid dan mengurangkan jurang kemudahan antara sekolah di kawasan bandar dengan luar bandar. Usaha ini menyokong matlamat KPM untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan berdaya tahan, sekali gus memastikan pendidikan yang terangkum dan bermutu untuk semua.

STRATEGI 2: MEMPERKASAKAN PRASARANA DIGITAL UNTUK PENDIDIKAN

Dalam dunia pascapandemik dan perkembangan pesat teknologi, institusi pendidikan perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang menggabungkan elemen fizikal dan digital sebagai keperluan asas. Melalui strategi ini, semua warga pendidik dan murid mempunyai akses adil, selamat dan setara kepada teknologi pendidikan tanpa mengira lokasi atau latar belakang sosioekonomi.

Prakarsa Strategi 2

1
Mentransformasikan pengalaman pembelajaran dengan inovasi teknologi

2
Menambah baik prasarana digital institusi pendidikan KPM

Rajah 7.19 Prakarsa bagi Strategi 2



Kajian terkini menunjukkan masih wujud jurang digital antara sekolah bandar dengan luar bandar dalam capaian internet, ketersediaan peranti, kemudahan sokongan teknikal dan tahap keberkesanan penggunaan pelantar pembelajaran digital. Strategi ini menumpukan pada peluasan capaian internet berkelajuan tinggi dan stabil, penyediaan peranti bermutu, pembangunan sistem sokongan teknikal serta pengoperasian pelantar pembelajaran digital mesra pengguna dan bersepadu. Pendekatan ini menyokong pelaksanaan KP2027 dan pembelajaran berasaskan AI, di samping memastikan setiap murid memperoleh pendidikan adil dan bermakna dalam era digital.

PRAKARSA 1: MENTRANSFORMASIKAN PENGALAMAN PEMBELAJARAN DENGAN INOVASI TEKNOLOGI

Pendekatan bagi mentransformasikan pengalaman pembelajaran dengan inovasi teknologi memberikan tumpuan pada pemerkasaan landskap pendidikan melalui penerapan teknologi kecerdasan AI secara menyeluruh dalam proses PdP.

Teras Strategik 4 Strategi 2 Prakarsa 1 ini merangkumi komponen pelaksanaan yang berikut:



Rajah 7.20 Komponen Pelaksanaan Teras Strategik 4 Strategi 2 (Komponen 1)

Pelantar pembelajaran digital DELIMa yang dikuasakan oleh AI

1 DELIMa 3.0 merupakan versi terbaharu yang mengintegrasi AI berasaskan Model Bahasa Raya (LLM) yang direka khas untuk sektor pendidikan.

2 Pelantar ini berfungsi sebagai pembantu digital peribadi kepada pendidik dan murid dengan mencadangkan bahan pembelajaran yang sesuai, memudahkan akses kepada sumber pendidikan dan memberikan bimbingan akademik serta sokongan emosi secara lebih pintar dan bersasar.

3 Empat modul utama menjadi tunjang kepada keupayaan DELIMa 3.0 adalah seperti yang berikut:

Modul Murid

i. Modul ini memberikan tumpuan pada pengalaman pembelajaran digital yang diperibadikan, adaptif dan terangkum. AI menyesuaikan kandungan dan aktiviti berdasarkan pencapaian dan keperluan murid.

ii. Menyediakan pensijilan automatik bagi kursus atau latihan yang diselesaikan dan membolehkan murid menjejak kemajuan.

iii. Ruang kolaboratif pelbagai bahasa membolehkan interaksi tanpa batasan geografi atau linguistik.

iv. Aktiviti berasaskan simulasi interaktif dan gamifikasi meningkatkan motivasi, pelibatan dan minat murid.

Modul Pendidik

i. Modul ini memperkukuh pembangunan profesionalisme berterusan (Continuous Professional Development – CPD) pendidik.

ii. Penyediaan pembantu AI untuk menghasilkan bahan pengajaran pantas, relevan dan sejajar kurikulum.

iii. Ruang kolaboratif digital membolehkan perkongsian amalan terbaik dan inovasi pedagogi di seluruh negara.

iv. Portfolio digital mendokumentasikan pencapaian sebenar dan memudahkan pengiktirafan kompetensi.

v. Latihan kendiri berasaskan AI disesuaikan dengan keperluan pembangunan kerjaya pendidik.

Modul Jabatan (KPM/JPN/PPD/Sekolah)

i. Modul ini memperkukuh pentadbiran dan penyeliaan pendidikan di pelbagai peringkat.

ii. Automasi pengguna memudahkan pengurusan akaun dan akses sistem secara selamat.

iii. Akses data pendidikan masa nyata membolehkan penilaian prestasi sekolah dan murid dengan segera.

iv. Sistem keselamatan berpusat memastikan integriti dan kebolehpercayaan maklumat.

v. Antara muka pengguna (User Interface – UI) mesra memudahkan pentadbiran secara cekap dan intuitif.

Modul Pengurusan Sekolah

i. Modul ini menumpukan pada kecekapan operasi dan tadbir urus di sekolah.

ii. *Dashboard* analitik memantau prestasi akademik, kehadiran dan perkembangan murid secara menyeluruh.

iii. Sistem pengurusan kelas dan jadual berasaskan AI mengoptimumkan penggunaan masa dan sumber.

iv. Automasi laporan prestasi dan pencapaian murid membolehkan pelaporan cepat, tepat dan telus.

v. Menyokong keputusan berasaskan data melalui analisis ramalan untuk perancangan strategik lebih berkesan.

Rajah 7.21 Komponen Pelaksanaan Teras Strategik 4 Strategi 2 (Komponen 2)



Rajah 7.22 Komponen Pelaksanaan Teras Strategik 4 Strategi 2 (Komponen 3)

Pelaksanaan *AI-Powered Classroom* di institusi pendidikan KPM

1

Pelaksanaan *AI-Powered Classroom* bagi menyokong pembelajaran diperibadikan yang dipacu AI memberikan tumpuan kepada keperluan murid melalui analitik pembelajaran dan kandungan adaptif, membolehkan pengalaman belajar disesuaikan mengikut tahap, minat dan kemajuan individu, serta sokongan masa nyata yang memperkasa penglibatan, kefahaman dan pencapaian murid secara berterusan dalam persekitaran pembelajaran digital yang selamat.

2

Bilik darjah ini bukan hanya ruang berteknologi tinggi, tetapi satu ekosistem pembelajaran masa hadapan yang disokong oleh pelantar DELIMa versi baharu. Bilik darjah ini mengintegrasikan analitik data, pembelajaran adaptif, Realiti Lanjutan (XR) dan maklum balas masa nyata, sekali gus membolehkan pendidik memberikan tumpuan pada pengajaran, bukan urusan pentadbiran.

3

Prakarsa ini dilaksanakan secara berfasa, bermula dengan projek rintis dan diperluas mengikut kesediaan sekolah. *AI-Powered Classroom* menjadi pemangkin penting ke arah pendidikan yang lebih tersuai, terangkum dan berdaya saing global, pembelajaran murid dan pengajaran pendidik.

Rajah 7.23 Komponen Pelaksanaan Teras Strategik 4 Strategi 2 (Komponen 4)

GARIS MASA PELAKSANAAN

Pelaksanaan Teras Strategik 4 Strategi 2 Prakarsa 1 melalui fasa yang berikut berdasarkan tiga komponen yang digariskan, iaitu:

Melaksanakan Pembelajaran Diperibadikan yang Dikuasakan oleh AI (AI-Powered Personalised Learning) Melalui Model AI KPM

Fasa 1
(2026 — 2027)
Jangka Pendek

- Tumpuan pada pembinaan asas Model AI KPM termasuklah pembangunan prototaip Model Bahasa Raya (Large Language Model – LLM) untuk pemprosesan bahasa Melayu, penubuhan pasukan pakar dan pembangunan set data awal dari pelantar DELIMa dan EMIS.
- Integrasi awal dengan sistem pembelajaran sedia ada dan modul untuk MBPK juga dilaksanakan. Piawaian etika dan keselamatan data ditetapkan.

Fasa 2
(2028 — 2030)
Jangka Sederhana

- Tumpuan pada pengukuhan LLM KPM dan peluasan fungsi AI, termasuklah pembelajaran kendiri, sistem analitik prediktif dan personalisasi pembelajaran mengikut profil, gaya belajar dan minat murid.
- Integrasi AI dalam pelantar DELIMa diuji dan dasar pelaksanaan disemak untuk keadilan, keterangkuman dan privasi.

Fasa 3
(2031 — 2035)
Jangka Panjang

- Model AI digunakan sepenuhnya di semua peringkat institusi pendidikan dengan integrasi data nasional masa nyata.
- Fungsi cadangan pelantar DELIMa pintar diperkasakan untuk pembelajaran adaptif, pemantauan perkembangan dan intervensi automatik.
- AI terangkum menyokong murid MBPK, komuniti luar bandar dan golongan minoriti.
- Analisis data nasional digunakan untuk dasar dan penambahbaikan kurikulum berterusan.

Rajah 7.24 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

Pelantar Pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)* yang Dikuasakan oleh AI

Fasa 1
(2026 — 2027)
Jangka Pendek

- Penggunaan DELIMa 3.0 yang dikuasakan oleh AI.
- Pengembangan fungsi AI dan integrasi automasi data pendidikan, termasuklah *onboarding/ offboarding* pengguna melalui Sistem Pengurusan Pengguna (SPP) dan DELIMa BOT lanjutan dengan ciri emosi serta pembelajaran tersuai.
- Peningkatan antara muka dan pengalaman pengguna (UI/UX).
- Terjemahan kandungan automatik termasuklah memperkenalkan tulisan Jawi.
- Laluan pembelajaran diperkuat dengan sokongan AI dan data masa nyata, manakala Portfolio Digital dan Profil Pendidik disepadukan dengan rekod latihan berasaskan AI.
- *Dashboard* pengurusan diperluas ke peringkat PPD dan JPN untuk pelaporan dan analisis berasaskan data.
- Latihan guru bagi peluasan penggunaan DELIMa 3.0.

Fasa 2
(2028 — 2030)
Jangka Sederhana

- Peningkatan latihan guru bagi peluasan penggunaan DELIMa 3.0
- Peningkatan kerjasama dengan rakan strategik bagi perkembangan dan penambahan aplikasi AI.

Fasa 3
(2031 — 2035)
Jangka Panjang

- DELIMa 3.0 beroperasi sepenuhnya sebagai ekosistem pembelajaran pintar dengan antara muka masa hadapan dan pengalaman pengguna dengan keupayaan AI yang terus diperkembangkan.
- Latihan guru yang berterusan bagi pemantapan penggunaan DELIMa dalam PdP.
- Audit keselamatan siber dan pengurusan data dilaksanakan secara menyeluruh.
- Pemantapan integrasi global dengan ekosistem teknologi pendidikan serantau dan antarabangsa.
- Fungsi intervensi AI yang lebih tersuai menyokong pembelajaran adaptif dan holistik murid.
- Rancangan kelestarian sistem dan tadbir urus baharu memastikan operasi jangka panjang.
- Perancangan DELIMa generasi baharu.

Rajah 7.25 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

Membangunkan LMS Sebagai Pelantar Pembelajaran Dalam Talian bagi Institusi Pendidikan Lepas Menengah

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek**	• Tumpuan pada penetapan asas pelaksanaan LMS, termasuklah kajian keperluan pengguna melalui libat urus dan soal selidik, penubuhan Jawatankuasa Pembangunan LMS serta pembangunan prototaip sistem di beberapa institusi pendidikan KPM terpilih. Reka bentuk LMS mengikuti *Standard 5.1.2 MQA*, merangkumi akses bahan pengajaran, forum interaksi, penilaian, pemantauan perkembangan murid dan saluran bantuan.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana**	• Tumpuan pada pengukuhan dan peluasan penggunaan LMS di institusi pascamenengah. • Pembangunan penuh sistem berdasarkan hasil ujian rintis, integrasi dengan rekod murid sedia ada dan latihan berstruktur untuk pensyarah, tutor serta pentadbir LMS. • Kebolehskalaan sistem dipertingkatkan untuk menyokong pembelajaran hibrid dan berasaskan teknologi, manakala pemantauan prestasi dilakukan melalui *dashboard* masa nyata dan sistem analitik pembelajaran. • Audit tahunan dijalankan bagi memastikan pematuhan *Standard 5.1.2 MQA*.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang**	• Tumpuan pada pengukuhan LMS sebagai model nasional pembelajaran digital. • Pelaksanaan menyeluruh di semua institusi pascamenengah, pemantauan prestasi berterusan, pensijilan atau audit pematuhan *Standard 5.1.2 COPPA-ODL MQA*, serta pengukuhan sistem analitik untuk cadangan intervensi dan penambahbaikan berterusan. • Penubuhan LMS nasional sebagai model rujukan berstandard tinggi juga dilaksanakan.

Rajah 7.26 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

Melaksanakan *AI-Powered Classroom* di Institusi Pendidikan KPM

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek**	• Pelaksanaan projek *AI-Powered Classroom* di sekolah terpilih secara berfasa (bandar/luar bandar) yang mempunyai capaian internet, guru bersedia dan prasarana digital. • Pembangunan garis panduan *AI-Powered Classroom* (spesifikasi peralatan, perisian, reka bentuk bilik darjah, modul latihan guru). • Kolaborasi dengan rakan strategik industri untuk bekalan peralatan AI dan latihan teknologi, termasuklah pengkomputeran pinggiran (edge computing). • Latihan awal pendidik dalam konsep asas AI, pedagogi digital dan penggunaan pelantar DELIMa. • Penilaian impak awal terhadap pembelajaran murid dan pengajaran guru.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana**	• Peluasan *AI-Powered Classroom* kepada institusi pendidikan KPM dengan kemudahan minimum (capaian pelantar DELIMa dan peranti sedia ada). • Pelaksanaan alat pembelajaran adaptif, XR dan gamifikasi dalam PdP. • Penggunaan *dashboard* cerapan pembelajaran murid oleh guru untuk intervensi awal dan berkesan. • Pemantapan penyelenggaraan peranti melalui sistem pengurusan aset pintar.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang**	• *AI-Powered Classroom* dijadikan norma dalam reka bentuk bilik darjah baharu dan naik taraf bilik sedia ada. • Pelaksanaan menyeluruh pembelajaran diperibadikan dipacu AI, termasuklah dalam penilaian prestasi murid. • Rancangan naik taraf kapasiti pendidik secara berterusan melalui pensijilan mikro dan bimbingan digital. • Pengurusan data pembelajaran dan keputusan intervensi dipandu oleh AI secara sistematik.

Rajah 7.27 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MENAMBAH BAIK PRASARANA DIGITAL DI INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Teras Strategik 4 Strategi 2 Prakarsa 2 dirangka dengan hasrat untuk memperkasakan sistem pendidikan digital secara menyeluruh, memastikan semua institusi pendidikan KPM tanpa mengira lokasi atau saiz menikmati akses prasarana digital yang stabil, berdaya tahan dan mampu menyokong proses PdP abad ke-21. Matlamat akhir prakarsa ini adalah untuk memastikan setiap sekolah menikmati mutu capaian digital yang setara dan berfungsi sepenuhnya.

Pelaksanaan prakarsa ini digerakkan melalui dua objektif utama, iaitu:

Objektif 1:

Meningkatkan Perbekalan Prasarana Digital bagi Menyokong PdP

Peningkatan prasarana digital berasaskan *Internet of Things (IoT)* merupakan langkah penting bagi memperkukuh pembelajaran STEM dan TVET di Malaysia, sejajar dengan keperluan Revolusi Industri 4.0. Teknologi seperti Realiti Maya (Virtual Reality - VR), Realiti Terimbuh (Augmented Reality - AR) dan Realiti Campuran (Mixed Reality - MR) membolehkan pengalaman pembelajaran lebih praktikal dan menyeronokkan, manakala integrasi pelantar berasaskan awan dan IoT membolehkan analisis data masa nyata serta akses pembelajaran yang lebih luas, khususnya bagi murid di kawasan luar bandar.

Pelbagai peranti dan perisian sokongan terkini memperkaya pengalaman pembelajaran amali (hands-on) murid, manakala LMS dan pelantar digital lain membolehkan pembelajaran lebih terangkum, luwes dan berpusatkan murid.

Objektif 2:

Memantapkan Rangkaian Kawasan Setempat (Local Area Network - LAN) dan Rangkaian Kawasan Luas (Wide Area Network - WAN) Seluruh Institusi Pendidikan KPM

Transformasi pendidikan digital masa ini memerlukan sistem internet yang menyeluruh, stabil dan bermutu bagi memastikan pelantar pembelajaran digital seperti pelantar DELIMa, LMS, kelas hibrid dan bilik darjah berasaskan AI dapat berfungsi dengan berkesan.

Tiga tumpuan utama dikenal pasti sebagai asas pelaksanaan prakarsa transformasi pendidikan digital, iaitu:

1. Penekanan pada peningkatan jalur lebar, peluasan liputan Wi-Fi dan peningkatan kestabilan rangkaian di sekolah.
2. Memperkukuh sokongan terhadap pelantar pembelajaran digital perlu diutamakan bagi memastikan warga pendidik dan murid memperoleh akses tanpa had kepada sumber ilmu serta bahan pengajaran yang menyeluruh.
3. Penyelesaian terhadap isu sambungan internet yang lemah perlu diutamakan kerana masalah ini menjejaskan keberkesanan proses PdP di sekolah.

Rajah 7.28 Objektif Teras Strategik 4: Strategi 2 Prakarsa 2

GARIS MASA PELAKSANAAN

Objektif 1: Meningkatkan Perbekalan Prasarana Digital bagi Menyokong PdP

Garis Masa Pelaksanaan Peningkatan Pembekalan Bahan Sokongan Pembelajaran Digital (2026 – 2035)

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Jangka Pendek:** **Pengenalan dan Pelaksanaan Percubaan**	• Mengenal pasti keperluan STEM dan TVET di sekolah dan kolej vokasional. • Pelaksanaan perintis kelas pintar dengan peranti asas PdP termasuklah IoT. • Penyediaan peranti asas: projektor, papan pintar, komputer riba, TV pintar dan pembesar suara untuk PdP yang jelas serta berkesan. • MBPK: penggunaan peranti audiovisual, tablet dan bahan pembelajaran digital disesuaikan dengan keperluan individu. • Pembangunan kandungan animasi dan visual, pelantar awan asas *(cloud)* disediakan untuk akses bahan pembelajaran tanpa peranti berkuasa tinggi.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Jangka Sederhana:** **Pengembangan dan Penyempurnaan**	• Peluasan kelas pintar ke lebih banyak institusi, terutamanya di kawasan luar bandar. • Penambahan modul IoT lanjutan: PLC, robotik, sensor DHT, ESP32 dan pencetak 3D. • Pengenalan peranti automasi pintar dan sistem pengurusan kelas pintar untuk meningkatkan PdP. • Kandungan XR (VR/AR) diperluas; latihan pendidik dalam pedagogi XR dilaksanakan pada skala besar. • Penggunaan lebih banyak peranti IoT dan robotik seperti DOBOT Magician dan sistem pemantauan digital. • Pelantar awan diperluas ke sekolah luar bandar dan asrama dengan sistem pengagregatan *(caching)*. • MBPK: teknologi adaptif seperti sarung tangan VR dan kandungan gamifikasi disediakan.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Jangka Panjang:** **Penyeragaman dan Pengoptimuman**	• Ekosistem kelas pintar distrukturkan sebagai norma baharu dalam PdP STEM dan TVET di seluruh negara. • Penggunaan XR dipertingkatkan termasuklah ujian simulasi, latihan keselamatan dan pembelajaran kendiri. • Integrasi AI dalam IoT dan robotik untuk pengurusan dan pengoptimuman pembelajaran. • Ekosistem digital MBPK disepadukan dengan pelantar pembelajaran kebangsaan; perkembangan dipantau melalui sistem sokongan digital peribadi.

Rajah 7.29 Garis Masa Pelaksanaan Objektif 1 Strategi 2 Prakarsa 2

GARIS MASA PELAKSANAAN

Objektif 1: Meningkatkan Perbekalan Prasarana Digital bagi Menyokong PdP

Garis Masa Pelaksanaan Peningkatan Pembekalan Peranti Digital (2026 – 2035)

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek**	• Pelaksanaan tertumpu pada kajian dasar dan penyediaan keperluan asas sebagai landasan pelaksanaan jangka panjang. • Kajian jurang digital nasional bagi mengenal pasti tahap keperluan pendidik dan murid. • Kajian kebolehlaksanaan skim "beli dan tuntut" bagi pendidik, dasar pinjaman peranti untuk murid, terutamanya golongan berkeperluan dan sekolah luar bandar. • Perolehan dan pengagihan peranti melalui pusat sumber sekolah yang lengkap dengan perisian asas PdP. • Penyediaan garis panduan pengurusan peranti merangkumi pinjaman, penyelenggaraan, belanjawan dan pelaporan. • *Dashboard* berpusat dibangunkan untuk memantau penggunaan peranti dan kesannya terhadap prestasi pembelajaran.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana**	• Pemantapan pelaksanaan dasar dan peluasan capaian peranti ke semua institusi pendidikan KPM. • Program "beli dan tuntut" diteruskan dengan sasaran peningkatan penyertaan tahunan. • Penambahan peranti pinjaman untuk murid mengikut keperluan dan dilengkapi dengan perisian utama pembelajaran digital. • Penilaian impak jurang digital antara bandar dengan luar bandar dilakukan. • Audit penggunaan dan penyelenggaraan peranti untuk memastikan pematuhan garis panduan. • *Dashboard* berpusat digunakan untuk memantau capaian, keberkesanan PdP digital dan penyelesaian aduan teknikal.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang**	• Pengukuhan sistem dan automasi tadbir urus peranti digital. • Pelaksanaan penuh skim "beli dan tuntut" mengikut nisbah yang ditetapkan. • Pemantauan garis panduan dan audit tahunan diteruskan. • Integrasi automasi digital dan AI untuk pengurusan aset serta sokongan teknikal.

Rajah 7.30 Garis Masa Pelaksanaan Objektif 1 Strategi 2 Prakarsa 2

Sementara itu, garis masa pelaksanaan bagi objektif kedua adalah seperti yang berikut:

Objektif 2: Memantapkan LAN dan WAN Seluruh Sekolah dan Institusi Pendidikan KPM

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek**	• Penilaian dan perancangan menyeluruh terhadap prasarana sedia ada. • Audit rangkaian di semua sekolah dan institusi pendidikan untuk mengenal pasti keperluan penaiktarafan. • Penyediaan rancangan penaiktarafan nasional: strategi pelaksanaan, standard teknikal dan model pembiayaan berperingkat. • Pelaksanaan projek rintis di sekolah luar bandar dan kawasan berisiko tinggi.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana**	• Penaiktarafan rangkaian secara meluas di seluruh negara. • LAN dan sambungan internet dinaik taraf. Peningkatan liputan Wi-Fi. • Pemantapan penggunaan pelantar digital oleh pendidik dan murid sejajar dengan prakarsa pelantar DELIMa 3.0 dan Model AI KPM.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang**	• Peluasan liputan LAN dan WAN menyeluruh ke institusi pendidikan KPM. • Pengoperasian penuh Sistem Pemantauan Capaian Nasional (NMS/NOC) untuk pemantauan prestasi dan penyelesaian masalah secara masa nyata di semua peringkat. • Peningkatan keberkesanan penyelenggaraan dan tindak balas teknikal penilaian tahap kepuasan pengguna setiap tahun.

Rajah 7.31 Garis Masa Pelaksanaan Objektif 2 Strategi 2 Prakarsa 2

STRATEGI 3: MENAMBAH BAIK SISTEM PINTAR DAN TADBIR URUS BERPANDUKAN DATA

Teras Strategik 4 Strategi 3 memberikan tumpuan kepada pengukuhan tadbir urus berpandukan data bagi menjadikan sistem pendidikan negara lebih cekap, responsif dan berasaskan bukti. KPM membangunkan sistem maklumat pintar yang menggunakan data raya (big data), AI dan EWS untuk mengenal pasti murid berisiko dan menyokong intervensi bersasar.

Strategi ini memberikan tumpuan kepada:

- Pembangunan sistem maklumat pintar, saling terhubung dan bersepadu.
- Pengukuhan tadbir urus data untuk memastikan integriti, keselamatan dan keberkesanan pelaksanaan dasar pendidikan.



Prakarsa Strategi 3

1

Memperkukuh tadbir urus pendidikan melalui sistem maklumat dan data pintar serta terhubung

Rajah 7.32 Prakarsa bagi Strategi 3

PRAKARSA 1: MEMPERKUKUH TADBIR URUS PENDIDIKAN MELALUI SISTEM MAKLUMAT DAN DATA PINTAR SERTA TERHUBUNG

Pelaksanaan prakarsa ini dijadualkan dari tahun 2026 hingga tahun 2035 secara berfasa, bermula dengan pembangunan sistem, diikuti oleh proses ujian, penambahbaikan, peluasan capaian dan pelaksanaan penuh di semua institusi pendidikan KPM.

Bagi mencapai matlamat prakarsa ini, empat komponen dikenal pasti, iaitu:

Jadual 7.2 Empat Komponen Strategi 3

EWS	Direka untuk mengesan murid yang berisiko mengalami keciciran dalam pembelajaran.
EMIS Pintar	Memperkukuh pengurusan maklumat premis pendidikan melalui sistem maklumat bersepadu dengan keupayaan analitik ramalan bagi membantu membuat keputusan berpandukan data, meningkatkan kecekapan pentadbiran sekolah dan jabatan serta memperkukuh pengagihan sumber pendidikan secara strategik.
EDW KPM	Berfungsi sebagai sumber data tunggal bagi semua analisis pendidikan merentas data murid, sekolah dan pendidik serta menyokong pelaporan masa nyata.
MOEIS	Penambahbaikan untuk memperkukuh pengurusan pendidikan yang menyeluruh, berorientasikan pengguna dan memudahkan penyelarasan data serta proses pentadbiran di semua peringkat.



GARIS MASA PELAKSANAAN

Pembangunan Sistem Amaran Awal (EWS) bagi Pengesanan Keciciran Pembelajaran Murid

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek:** **Penilaian dan Pembangunan Asas**	• Tumpuan kepada pembentukan asas sistem EWS dengan objektif dan kriteria ditetapkan untuk mengenal pasti murid berisiko keciciran berdasarkan kehadiran, pencapaian 3M dan tahap pelibatan. • Dipetakan data saringan, kehadiran, psikometrik serta aspek motor halus dan kasar murid. • Dijalankan penilaian kesiapsiagaan prasarana digital sekolah dan literasi digital pendidik. • Dimulakan Pembangunan prototaip EWS dan ujian rintis di pelantar DELIMa.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana:** **Ramalan dan Intervensi**	• Penggunaan model ramalan bagi mengenal pasti murid berisiko dan pelaksanaan intervensi tersasar. Murid dikategorikan: MBPK, Asas, Pertengahan dan Tinggi. Pendidik dan ibu bapa dimaklumkan untuk intervensi akademik dan psikososial. • Keberkesanan intervensi dianalisis dan model disemak secara berterusan.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang:** **Penambahbaikan dan Pemantauan Berterusan**	• Pengukuhan, automasi dan kesinambungan sistem. • Model AI dilatih semula berdasarkan data baharu dan analitik intervensi. • Pemantauan berkala dilaksanakan dan laporan prestasi automatik disediakan kepada sekolah, PPD dan JPN.

Rajah 7.33 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1

GARIS MASA PELAKSANAAN

Memperkukuh Ekosistem Pengurusan Maklumat Premis Pendidikan Melalui Pembangunan EMIS Pintar yang Bersepadu

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek: EMIS baharu siap dibangunkan. Penyepaduan data institusi pendidikan dalam satu sistem tunggal.**	• Melaksanakan analisis keperluan, pemetaan proses kerja dan semakan struktur tadbir urus EMIS. • Membangunkan sistem EMIS baharu (backend, frontend, keselamatan siber, blockchain, automasi asas). • Menyepadukan data di semua peringkat KPM dalam satu pangkalan data pusat. • Melantik EMIS Champion di setiap institusi pendidikan KPM dan menyediakan modul latihan asas. • Mengaktifkan semula Pegawai Teknikal di PKG sebagai sokongan lapangan.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana: Penggunaan penuh EMIS di seluruh institusi KPM.**	• Menjalankan latihan intensif secara meluas dan berperingkat untuk Guru Data, Penolong Jurutera dan pentadbir. • Melaksanakan penambahbaikan sistem berdasarkan maklum balas pengguna (UI/UX, fungsi laporan, automasi). • Mengukuhkan sistem rujukan tunggal (single data source) bagi Bahagian Pengurusan Aset untuk perancangan penyelenggaraan. • Menyelaraskan proses kerja baharu berdasarkan SOP EMIS Pintar Bersepadu. • Menjalankan audit keselamatan data tahunan dan pengukuhan protokol blok rantai (blockchain)/log audit.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang: EMIS matang sebagai sistem bagi tadbir urus prasarana KPM. Penilaian impak nasional. Integrasi automasi/AI dalam penyelenggaraan ramalan (predictive maintenance).**	• Menyepadukan EMIS dengan sistem-sistem lain KPM (EDW, Analitik EMIS, Pemetaan GIS). • Melaksanakan teknologi AI untuk penyelenggaraan ramalan (predictive maintenance) bangunan (unjuran kerosakan, keutamaan penyelenggaraan). • Membangunkan modul lanjutan untuk IoT (sensor kelembapan, struktur, elektrik). • Memantapkan pusat sokongan EMIS hibrid (onsite dan remote serta automasi). • Mewujudkan model operasi lestari (sustainability plan) untuk memastikan EMIS kekal relevan menjelang tahun 2035.

Rajah 7.34 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1

GARIS MASA PELAKSANAAN

Mewujudkan Gudang Data (EDW) Sebagai Sumber Tunggal Data Kementerian Pendidikan

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek: Pembangunan Sistem dan Prasarana**	• Pembangunan gudang data merangkumi pembelian perkakasan, pemindahan teknologi, latihan literasi data dan pelaksanaan tadbir urus sistem. • Pemasangan perkakasan utama untuk operasi penyimpanan dan pemprosesan data. • Penetapan standard keselamatan, penyepaduan sumber data dan protokol akses pengguna.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana: Pelaksanaan dan Penggunaan Penuh**	• EDW digunakan sepenuhnya di semua peringkat KPM sebagai sumber utama analisis dan perancangan strategik. • Digunakan untuk pemantauan dasar, pelaporan prestasi dan membuat keputusan berpandukan bukti.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang: Pengukuhan, Inovasi dan Kelestarian EDW**	• Budaya kerja berpandukan data digiatkan di semua peringkat. • Pengukuhan prasarana dan peningkatan keupayaan sistem bagi menyokong pertumbuhan data jangka panjang. • Automasi proses pengurusan data dan penerapan analitik lanjutan termasuklah pemodelan ramalan. • Pengintegrasian menyeluruh antara EDW dengan semua sistem utama KPM dan agensi berkaitan. • Penilaian impak nasional dan pembangunan rancangan kelestarian EDW generasi seterusnya selepas tahun 2035.

Rajah 7.35 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1

GARIS MASA PELAKSANAAN

Menambah Baik Modul Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) untuk Menyokong Pengurusan Pendidikan

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Jangka Pendek: Perancangan dan Pembangunan Modul Asas**	• Menjalankan audit sistem MOEIS sedia ada. • Mereka bentuk semula proses dan pembangunan tiga modul asas seperti pengurusan enrolmen, perjawatan dan pencapaian akademik.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Jangka Sederhana: Pembangunan Modul, Integrasi dan *Dashboard* Nasional**	• Membangunkan modul selebihnya. • Mengintegrasikan MOEIS dengan sistem kerajaan yang lain. • Melancarkan *dashboard* nasional berasaskan analitik masa nyata bagi pemantauan prestasi di semua peringkat KPM.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Jangka Panjang: Pemantapan Penggunaan, Latihan Lanjutan dan Penambahbaikan**	• Memantapkan penggunaan MOEIS di seluruh ekosistem pendidikan KPM. • Melaksanakan latihan lanjutan kepada semua pengguna. • Menambah baik sistem secara berterusan berdasarkan maklum balas pengguna dan keperluan semasa.

Rajah 7.36 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1

7.4 KESIMPULAN

Teras Strategik 4 yang menekankan usaha memperkukuh prasarana di semua institusi pendidikan KPM merupakan manifestasi komitmen berterusan KPM dalam usaha membina ekosistem pendidikan yang mantap. Berpaksikan tiga komponen utama, iaitu prasarana fizikal, prasarana digital dan sistem maklumat pintar, teras ini menjadi asas kepada transformasi pendidikan ke arah institusi yang terangkum, lestari dan berimpak tinggi. Sinergi dan kesepaduan ketiga-tiga komponen tersebut akan memastikan institusi pendidikan KPM kekal relevan, dinamik dan berdaya saing bagi mendepani cabaran global. Pelaksanaan strategi menyeluruh ini bukan sahaja memperkukuh mutu pendidikan, malah menjamin akses pembelajaran bermakna bagi setiap murid selaras dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 serta visi Malaysia sebagai sebuah negara berilmu, berdaya tahan dan berinovasi.



BAB

8

TERAS STRATEGIK 5 | MEMPERGIAT SINERGI ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

RINGKASAN



Teras Strategik 5 memberikan keutamaan kepada pembinaan hubungan strategik antara institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan untuk mewujudkan ekosistem pendidikan yang terangkum, responsif dan mampan. Pelibatan aktif pihak berkepentingan seperti ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan, pihak swasta serta badan bukan kerajaan yang berdaftar berupaya membantu KPM dalam penyediaan Prasarana Pendidikan, sekali gus menyokong pembangunan ekosistem institusi pendidikan di bawah KPM yang kondusif bagi melaksanakan proses pembelajaran secara holistik dan berkualiti.

Visi teras ini adalah untuk memastikan keperluan institusi pendidikan KPM dapat dipadankan dengan sumbangan pihak berkepentingan secara telus, adil dan saksama. Pendekatan ini menjadikan kaedah perancangan dan pelaksanaan kerjasama lebih efisien, sekali gus memperkukuh keyakinan semua pihak terhadap keupayaan institusi pendidikan KPM.

Teras Strategik 5 merangkumi tiga strategi utama, iaitu memperkukuh dasar kerjasama antara KPM dengan pihak berkepentingan dan ekosistem penyaluran sumber yang tersusun serta meningkatkan pelibatan pihak berkepentingan dengan institusi pendidikan KPM.

8.1 PENGENALAN DAN RASIONAL



Rajah 8.1 Gambaran Keseluruhan Teras Strategik 5: Mempergiat Sinergi antara Institusi Pendidikan KPM dengan Pihak Berkepentingan

Pelibatan pihak berkepentingan merupakan elemen penting dalam memperkukuh mutu pendidikan secara menyeluruh. Institusi pendidikan KPM yang menjalinkan hubungan strategik dengan pihak berkepentingan lazimnya menunjukkan perkembangan murid yang lebih holistik. Jalinan kerjasama ini turut meningkatkan keberkesanan pelaksanaan prakarsa KPM kerana sokongan pihak luar berupaya membantu menangani kekangan sumber dan kepakaran.

KPM telah melaksanakan pelbagai program dan prakarsa untuk mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan. Namun, pelaksanaannya masih tidak menyeluruh dan konsisten. Di samping itu, perubahan landskap pendidikan masa ini menuntut pendekatan kerjasama yang lebih sistematik, teratur dan berlandaskan data berpusat.

Selain itu, ketiadaan pelantar maklumat berpusat menyebabkan penyumbang sukar memahami keperluan sebenar institusi pendidikan KPM. Contohnya, pada peringkat sekolah, proses permohonan bagi program kerjasama sering melibatkan dokumentasi dan prosedur kelulusan yang melibatkan pelbagai peringkat. Keadaan ini melambatkan pelaksanaan dan mengurangkan minat pihak berkepentingan untuk menyalurkan sumbangan melalui saluran yang formal.

Oleh itu, Teras Strategik 5 dirangka untuk membangunkan ekosistem kerjasama pendidikan yang lebih terancang dan menyeluruh bagi memastikan semua murid memperoleh peluang pembelajaran yang setara serta menerima sokongan berterusan.



8.2 KEADAAN SEMASA

Pelibatan pihak berkepentingan dalam ekosistem pendidikan negara amat penting selaras dengan perubahan keperluan murid serta aspirasi sistem pendidikan abad ke-21.

KPM telah memperkenalkan Dasar Sekolah Sebagai Institusi Masyarakat pada tahun 1985 dan diperluas melalui beberapa prakarsa bawah PPPM 2013 — 2025. Namun begitu, perubahan landskap pendidikan semasa menuntut pelibatan dinamik dan responsif semua pihak dengan mekanisme pelaksanaan kerjasama strategik yang konsisten, berstruktur dan mengikut keperluan institusi pendidikan KPM.

Antara cabaran utama KPM termasuklah kekurangan koordinasi dari segi kerjasama antara institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan, ketidakpadanan sumbangan dengan keperluan institusi pendidikan KPM serta pelibatan pihak berkepentingan yang bersifat sementara dan tidak mampan. Hal ini menyukarkan penyaluran sumbangan secara sistematik dan bersasar kepada institusi pendidikan KPM.

Selain itu, karenah birokrasi dari segi prosedur pengurusan permohonan melaksanakan program atau penyaluran sumbangan, telah melambatkan proses pelaksanaan projek dan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penyumbang. Perkara ini dirumitkan lagi dengan saluran komunikasi yang tidak efisyen dan menyeluruh.

Dari aspek insentif kepada penyumbang, penghargaan yang diberikan adalah bersifat sementara, tidak seragam dan berbeza pada setiap peringkat. Ketiadaan mekanisme pemberian insentif dan pengiktirafan yang teratur pada peringkat nasional, KPM, JPN, PPD mahupun institusi pendidikan KPM memberikan implikasi negatif terhadap keberkesanan dan kemampanan kerjasama antara institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan.

Secara keseluruhannya, cabaran yang wujud menunjukkan keperluan mendesak untuk mewujudkan mekanisme pelaksanaan kerjasama yang lebih sistematik, telus dan menumpukan bagi memastikan kerjasama strategik antara institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan, berimpak tinggi dan selari dengan keperluan institusi pendidikan KPM di seluruh negara.



8.3 MATLAMAT

TERAS STRATEGIK 5

MEMPERGIAT SINERGI ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

STRATEGI 1

Memperkukuh dasar kerjasama antara KPM dengan pihak berkepentingan

1. Memperkasakan dasar kerjasama antara institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan.

STRATEGI 2

Memperkukuh ekosistem penyaluran sumber

1. Memperkukuh ekosistem penyaluran sumber.

STRATEGI 3

Meningkatkan pelibatan pihak berkepentingan dengan institusi pendidikan KPM

1. Mempelbagaikan mekanisme pelibatan dan kerjasama pihak berkepentingan.

KPM mengiktiraf bahawa kerjasama merentas sektor mampu memperkukuh sokongan terhadap murid, memperluas peluang pembelajaran dan mempercepat pencapaian aspirasi sistem pendidikan. Oleh itu, pendekatan kerjasama baharu yang lebih terbuka, terangkum dan berasaskan kepercayaan bersama-sama perlu diwujudkan. Pendekatan ini berpaksikan keyakinan bahawa pendidikan bukan tanggungjawab sekolah semata-mata, tetapi merupakan usaha menyeluruh seluruh masyarakat.

Teras Strategik 5 memberikan tumpuan kepada usaha mempergiat sinergi antara institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan. Setiap strategi bawah teras ini disokong oleh prakarsa yang mampu mencetuskan gelombang perubahan yang signifikan terhadap landskap kerjasama pendidikan negara.

STRATEGI 1:
MEMPERKUKUH DASAR KERJASAMA ANTARA KPM DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Keberkesanan pelaksanaan kerjasama strategik bergantung kepada kewujudan dasar yang jelas, konsisten dan selaras dengan keperluan semasa.

Pelaksanaan dasar kerjasama sering terjejas oleh ketidakselarasan dokumen rujukan, syarat yang tidak lagi relevan dan proses pentadbiran yang berlapis. Sekolah berdepan kekangan apabila perlu mendapatkan kelulusan daripada pelbagai peringkat, manakala penyumbang luar pula menghadapi kesukaran memahami saluran rasmi, tempoh pemprosesan dan syarat penyertaan. Keadaan ini menimbulkan persepsi bahawa kerjasama dengan institusi pendidikan KPM merupakan proses yang rumit dan memakan masa.

Selain itu, ketiadaan rangka kerja pengiktirafan yang konsisten menyebabkan penyumbang berasa usaha mereka kurang dihargai. Akibatnya, minat untuk terlibat dalam program pendidikan jangka panjang semakin berkurangan walaupun banyak pihak bersedia menyumbang dana, kepakaran atau sokongan teknikal.



Rajah 8.2 Prakarsa bagi Strategi 1

PRAKARSA 1: MEMPERKASAKAN DASAR KERJASAMA ANTARA KPM DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Tumpuan utama diberikan kepada penyelarasan semula dokumen dasar, proses kerja, saluran permohonan serta mekanisme pelaksanaan supaya lebih responsif terhadap keperluan semasa dan lebih mesra pengguna pada semua peringkat.

Langkah awal pelaksanaan melibatkan analisis terperinci terhadap dasar dan pekeliling sedia ada bagi mengenal pasti pertindihan, kekeliruan serta syarat yang tidak lagi relevan. Hasil analisis tersebut akan menjadi asas pembentukan kerangka pengurusan sumbangan yang menekankan proses yang seragam, lebih ringkas dan dapat dilaksanakan tanpa birokrasi berlebihan.

Bagi menggalakkan penyertaan pihak berkepentingan, kerangka tersebut akan memperkenalkan mekanisme pengiktirafan yang lebih teratur dan konsisten pada semua peringkat daripada sekolah hingga ke peringkat KPM. Latihan dan SLU akan dianjurkan untuk memberikan panduan kepada pemimpin sekolah, PPD dan JPN berkaitan tatacara baharu serta tanggungjawab masing-masing untuk memastikan pelaksanaan dasar kerjasama tersebut berjalan lancar.



Rajah 8.3 Memperkasakan Dasar kerjasama KPM dengan Pihak Berkepentingan

Penetapan peranan dan tanggungjawab yang lebih jelas akan memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan, sekali gus membentuk jaringan kerjasama yang lebih kukuh dan mampan.

Penambahbaikan terhadap pelaksanaan dasar kerjasama ini juga akan membantu memperluas penyertaan pihak berkepentingan daripada pelbagai sektor termasuk industri, universiti, alumni dan komuniti.

Kerangka baharu ini juga akan menambah baik pekeliling sedia ada supaya lebih menyeluruh, jelas dan responsif. Di samping menyusun semula proses kerja, mempermudah urusan kelulusan dan memperincikan tanggungjawab setiap pihak.

Semakan terhadap pekeliling ini akan meneliti keperluan untuk memperuntukkan autonomi terkawal kepada institusi pendidikan KPM, khususnya dalam menerima sumbangan tertentu agar proses kelulusan dapat dipermudah tanpa perlu melalui pelbagai peringkat birokrasi.



STRATEGI 2:
MEMPERKUKUH EKOSISTEM PENYALURAN SUMBER

Secara umumnya, keperluan institusi pendidikan KPM berbeza mengikut konteks setempat. Sebahagian besar institusi pendidikan KPM masih membuat permohonan secara manual, manakala penyumbang pula menghadapi kesukaran untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang keperluan sebenar pada peringkat institusi pendidikan KPM. Oleh itu, satu sistem pemadanan berpusat diperlukan untuk menyelaras permintaan dan penawaran secara berkesan.

Di samping itu, ketiadaan repositori digital tunggal menyebabkan penyaluran sumber menjadi tidak adil di mana terdapat sekolah yang menerima sokongan berulang, manakala ada juga sekolah yang tidak mendapat akses kepada sumbangan yang relevan. Jurang perbezaan ini lebih ketara antara sekolah bandar dengan luar bandar, khususnya di kawasan pedalaman yang berdepan cabaran logistik dan jaringan kerjasama.

Prakarsa Strategi 2

1
Memperkukuh ekosistem penyaluran sumber

Rajah 8.4 Prakarsa bagi Strategi 2

Oleh itu, Strategi 2 memberikan tumpuan kepada pembinaan ekosistem yang dapat menyatukan semua proses penyaluran sumber, bermula daripada permohonan hingga pemantauan, melalui satu platform digital sehenti. Dengan ini, setiap sumbangan dapat dipadankan secara tepat, adil dan telus berdasarkan data keperluan institusi pendidikan KPM.



PRAKARSA 1: MEMPERKUKUH EKOSISTEM PENYALURAN SUMBER

Prakarsa ini memperkenalkan pembangunan Sistem Akses Tunggal (SAT), iaitu pelantar digital sehenti bersepadu yang menyenaraikan keperluan institusi pendidikan KPM dan tawaran sumbangan daripada pihak berkepentingan. SAT berfungsi sebagai repositori menyeluruh yang membolehkan proses permohonan, pemadanan, kelulusan dan pemantauan dilaksanakan dalam satu persekitaran bersepadu.

Melalui SAT, institusi pendidikan KPM dapat mengemukakan keperluan secara lebih teratur, manakala penyumbang boleh meneliti keperluan tersebut mengikut kategori, lokasi, tahap keutamaan dan impak. Sistem pemadanan automatik akan mencadangkan padanan yang paling sesuai berdasarkan data, sekali gus menjadikan proses lebih cekap dan bersasar. Langkah ini membantu mengurangkan pertindihan bantuan dan memastikan kawasan yang kurang menerima sokongan mendapat peluang yang saksama.

SAT turut menyediakan papan pemuka interaktif yang memaparkan status permohonan, trend bantuan mengikut negeri, peta keperluan nasional dan indikator kesiapsiagaan institusi pendidikan KPM. Integrasi sistem ini dengan pangkalan data sedia ada membolehkan maklumat dipadankan dengan lebih tepat dan sentiasa dikemas kini.



PROSES PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN SAT

1. Pembangunan Asas

Kerja-kerja asas merangkumi penilaian sistem sedia ada, pemetaan keperluan pengguna, pembangunan terma rujukan dan penyediaan rangka teknikal. Proses kodifikasi piawaian kerjasama turut dilaksanakan bagi memastikan semua data direkodkan secara seragam.

2. Reka Bentuk dan Konfigurasi Sistem

Fasa ini memberikan tumpuan kepada pembinaan struktur sistem, reka bentuk antaramuka pengguna, penetapan peranan pengguna dan integrasi dengan pangkalan data sedia ada. Keperluan pematuhan undang-undang, termasuk perlindungan data peribadi, turut disemak.

3. Pembangunan dan Ujian Rintis

Sistem dibangunkan sepenuhnya dan diuji melalui projek rintis yang melibatkan institusi pendidikan KPM terpilih. Latihan diberikan kepada pentadbir sekolah, PPD, JPN dan penyumbang bagi memastikan penggunaan sistem difahami dengan jelas.

4. Pelaksanaan Penuh dan Penambahbaikan

SAT dilaksanakan secara nasional dengan pemantauan berkala. Mekanisme maklum balas akan digunakan bagi menambah baik sistem secara berterusan serta memastikan ketepatan ciri padanan pintar dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Rajah 8.5 Proses Pembangunan dan Pelaksanaan SAT

Pelaksanaan SAT dijangka mengubah pendekatan penyelarasan kerjasama pendidikan pada peringkat kebangsaan.

Manfaat SAT

Platform ini akan:

1. Meningkatkan ketelusan dalam penyaluran bantuan.
2. Mempercepat proses pemadanan antara tawaran dengan keperluan sekolah.
3. Memastikan sekolah yang kurang bernasib baik menerima sokongan yang lebih bersasar.
4. Memudahkan penyumbang menilai impak jangka panjang.
5. Membantu KPM merancang intervensi berasaskan data masa nyata.

SAT juga akan mengukuhkan keyakinan pihak berkepentingan untuk terus terlibat dalam pembangunan pendidikan dan memastikan kemampanan penyaluran sumbangan, berikutan adanya sistem pelaporan impak yang lebih teratur yang membolehkan mereka menilai keberkesanan program dengan lebih tepat.

Selain itu, kerjasama dengan yayasan pendidikan seperti Yayasan Didik Negara dan Yayasan Guru Tun Hussein Onn akan diperkasakan.

STRATEGI 3:
MENINGKATKAN PELIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Institusi pendidikan KPM perlu berfungsi sebagai pusat kolaboratif yang menghubungkan kepakaran pelbagai pihak bagi memperkukuh pengalaman pembelajaran murid. Dalam konteks ini, peningkatan pelibatan pihak berkepentingan menjadi keutamaan strategik untuk memastikan semua murid mendapat akses kepada pendidikan dan persekitaran pembelajaran yang bermutu.

Walaupun pelbagai prakarsa kerjasama telah dilaksanakan, masih ada ruang peluasan untuk pelibatan pihak berkepentingan dalam ekosistem pendidikan. Sebagai contoh, kekurangan sumber manusia di sekolah, khususnya pendidik dan kaunselor, serta ruang dan peluang yang terhad bagi murid untuk memperoleh pendedahan industri dan pembangunan bakat khusus menuntut pendekatan pelibatan yang lebih bersasar, berstruktur dan meluas.

Strategi 3 memberikan tumpuan kepada usaha mempelbagaikan mekanisme pelibatan pihak berkepentingan melalui program sukarelawan pendidikan dan pembangunan kemudahan dan fasiliti pendidikan.

Prakarsa Strategi 3

1
Mempelbagaikan mekanisme pelibatan dan kerjasama pihak berkepentingan

Rajah 8.6 Prakarsa bagi Strategi 3

PRAKARSA 1: MEMPELBAGAIKAN MEKANISME PELIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Prakarsa ini memperkenalkan dua komponen utama yang saling melengkapi, iaitu mobilisasi tenaga sukarelawan pendidikan dan aksesibiliti kepada kemudahan pendidikan yang luwes. Kedua-duanya bertujuan mengatasi kekangan sumber sedia ada dan mempertingkatkan pengalaman pembelajaran murid di seluruh negara.

SUKARELAWAN PENDIDIKAN

Program Sukarelawan Pendidikan merupakan suatu prakarsa khidmat masyarakat yang melibatkan penyertaan aktif komuniti setempat, merangkumi pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), guru bersara, kaunselor, individu profesional serta syarikat dan agensi korporat. Program ini bertujuan untuk membantu dan menyokong institusi pendidikan di bawah KPM melalui pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan yang dirancang secara sistematik, berstruktur dan berterusan.

Pelibatan komuniti daripada pelbagai latar belakang serta bidang kepakaran yang luas turut memberikan manfaat yang signifikan bukan sahaja kepada murid, malah kepada para sukarelawan sendiri. Program ini membuka ruang kepada ahli komuniti untuk menyumbang kembali kepada masyarakat, berkongsi ilmu dan pengalaman, serta memperkukuh jalinan kerjasama antara institusi pendidikan dengan komuniti setempat. Secara tidak langsung, usaha ini dapat memupuk semangat kesukarelawanan, tanggungjawab sosial serta keprihatinan terhadap pembangunan pendidikan negara.

PEMBANGUNAN KEMUDAHAN DAN FASILITI YANG LUWES

Selain sokongan tenaga manusia, prakarsa ini turut memberikan tumpuan kepada pembangunan fasiliti pendidikan yang dapat memenuhi keperluan murid di kawasan dengan akses terhad. Penubuhan pusat kecemerlangan pendidikan, pusat pengembangan bakat seperti ruang latihan sukan dan seni melalui kerjasama dengan sektor swasta membolehkan murid memperoleh pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah. Prakarsa ini amat penting bagi membolehkan murid memperoleh pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah serta pendedahan awal kepada bidang kemahiran dan laluan kerjaya yang relevan dengan keperluan masa hadapan.

Selain itu, bilik darjah modular akan dibangunkan oleh rakan strategik sebagai penyelesaian jangka pendek dan sederhana di kawasan yang menghadapi kekurangan prasarana pendidikan kekal, kadar keciciran murid yang tinggi atau kesukaran mengakses sekolah oleh murid. Reka bentuk modular membolehkan ruang pembelajaran dibina dan dipasang dengan cepat mengikut keperluan lokasi serta jumlah murid.

Pada peringkat awal, pemetaan rakan strategik dan penyediaan modul latihan sukarelawan akan dijalankan bagi memastikan setiap peranan difahami dengan jelas. Penempatan sukarelawan dan pembinaan fasiliti rintis akan dilaksanakan secara berperingkat dengan memberikan keutamaan kepada sekolah yang mempunyai keperluan paling mendesak.

8.4 KESIMPULAN

Teras Strategik 5 menggariskan komitmen KPM untuk memperkukuh ekosistem kerjasama antara institusi pendidikan KPM dengan pihak berkepentingan secara menyeluruh, dengan mewujudkan kerangka pengurusan sumbangan yang efisien bagi penyaluran sumber secara optimum dengan pelibatan pihak berkepentingan berasaskan keperluan sebenar institusi pendidikan KPM. Sinergi yang kukuh ini mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan institusi pendidikan KPM yang lebih berdaya saing, terangkum dan responsif terhadap keperluan masa hadapan.



BAB

9

TERAS STRATEGIK 6 | MEMBUDAYAKAN KEMAMPANAN DALAM EKOSISTEM PENDIDIKAN

RINGKASAN

Teras Strategik 6 memberikan tumpuan kepada usaha membudayakan kemampanan melalui pembentukan sahsiah, nilai dan amalan warga KPM. Peralihan ke arah pembangunan mampan menuntut agar setiap murid celik ilmu dan berupaya untuk memahami, menganalisis serta bertindak terhadap isu tempatan dan antarabangsa.

Pendidikan untuk Pembangunan Mampan (PPM) menjadi asas utama kepada transformasi ini. PPM bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai kesedaran mendalam tentang alam sekitar, kesejahteraan sosial dan pembangunan ekonomi, sejajar dengan agenda nasional dan global.

Teras Strategik 6 menekankan bahawa nilai seperti empati, tanggungjawab, pemeliharaan alam sekitar dan kewarganegaraan global perlu disemai secara konsisten sepanjang hayat bermula dari peringkat awal pendidikan. Pendekatan pembudayaan PPM bersifat menyeluruh dan menekankan peranan institusi pendidikan sebagai pusat pembudayaan kemampanan.

Pembudayaan kemampanan melalui pedagogi holistik dan berpusatkan murid, serta diterajui pemimpin transformatif yang mewujudkan budaya dan sokongan komuniti yang membolehkan nilai kemampanan berkembang dalam keseluruhan ekosistem pendidikan.



Impak PPM yang diterapkan akan melangkaui bilik darjah apabila murid menghayati dan mengamalkan nilai tersebut di rumah, komuniti dan masyarakat setempat, sekali gus mencetuskan gelombang pembudayaan kemampanan pada skala yang lebih besar.

Teras strategik ini dipacu oleh enam prakarsa dan satu pemboleh daya. Usaha ini merangkumi integrasi PPM dalam kurikulum dan kokurikulum; penyediaan murid dengan kemahiran berkaitan dengan pekerjaan lestari; pembangunan kapasiti pendidik dan pemimpin institusi pendidikan; peningkatan advokasi dan pelibatan komuniti; serta pengukuhan mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan. Pendekatan ini disokong oleh pemboleh daya dalam bentuk pendanaan, kepakaran dan sokongan logistik bagi memastikan pelaksanaan semua prakarsa berlaku secara tekal dan berimpak tinggi.

Pembudayaan kemampanan melalui Teras Strategik 6 membawa perubahan sistemik dan terangkum yang akan melahirkan generasi berdaya tahan, bertanggungjawab dan cakna terhadap cabaran global. Transformasi ini berupaya mewujudkan warga institusi pendidikan yang progresif dan bersedia menghadapi isu alam sekitar, perubahan iklim dan sosioekonomi.

9.1 PENGENALAN DAN RASIONAL

Pembangunan mampan yang diperkenalkan melalui Laporan Brundtland 1987 menekankan kepentingan generasi semasa menggunakan sumber untuk memenuhi keperluan tanpa menjejaskan kemampuan generasi akan datang meneruskan kelangsungan hidup mereka. Prinsip ini berasaskan keseimbangan antara tiga tonggak utama, iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi merealisasikan aspirasi pembangunan mampan, setiap individu perlu dilengkapi dengan ilmu, kemahiran, nilai dan tingkah laku positif agar dapat menyumbang kepada kehidupan yang sejahtera, peka terhadap alam sekitar serta menghormati keadilan sosial dan ekonomi.

Usaha mendukung pembangunan mampan melalui dasar dan strategi nasional telah bermula sejak 1970-an dan kemudiannya diarusperdanakan dalam RMK6 hingga RMK13. PPM pula diperkukuh sebagai hala tuju dalam sistem pendidikan Malaysia, selari dengan komitmen global terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDG) 2030.

PPM memainkan peranan penting dalam memupuk kesedaran murid terhadap aspek kemampanan seperti keamanan, hak asasi, keadilan sosial, perubahan iklim dan kepelbagaian budaya. PPM membentuk murid sebagai warganegara global yang bertanggungjawab melalui pendekatan pedagogi yang berpusatkan murid.

Asas pendidikan kemampanan dicetuskan melalui gabungan pendekatan PPM dan Pendidikan Kewarganegaraan Global (Global Citizenship Education – GCED) ke arah perubahan transformatif (Rajah 9.1).





Rajah 9.1 Persamaan Domain PPM dan GCED

Matlamat Pembangunan Mampan 2030

Matlamat Pembangunan Mampan merupakan kerangka global yang menyatukan seluruh dunia ke arah kesalinghubungan aspek alam sekitar dan sosioekonomi demi mencapai pembangunan mampan. Sasaran 4.7 bagi SDG4 (Pendidikan Bermutu) menekankan kepentingan PPM, khususnya untuk memastikan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran berkaitan pembangunan mampan.

PPM menekankan kesedaran untuk menghargai keamanan, semangat kewarganegaraan global, empati dan beretika, menghormati kepelbagaian serta mengiktiraf sumbangan budaya terhadap pembangunan mampan. Selain itu, PPM memupuk pemahaman hak asasi manusia, tanggungjawab, keadilan serta kebolehan membuat keputusan dan bertindak berasaskan maklumat.

Teras Strategik 6 menumpukan kepada anjakan dalam kurikulum, latihan pedagogi dan kepimpinan, advokasi serta mekanisme pemantauan dan penilaian. Anjakan ini akan dijayakan melalui pendekatan keseluruhan institusi (whole-of-institution approach) dan kerjasama pelbagai pihak termasuklah komuniti, industri, pertubuhan masyarakat sivil (Civil Society Organisation – CSO) dan agensi kerajaan.



9.2 KEADAAN SEMASA

Usaha membudayakan kemampanan dalam sistem pendidikan Malaysia telah dilaksanakan lebih dua dekad melalui pelbagai dasar, program dan kerjasama. Pada tahun 1998, KPM telah menerbitkan Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar merentas kurikulum untuk sekolah rendah dan menengah. Seterusnya pada tahun 2016, Buku Panduan Kelestarian Global diterbitkan sebagai rujukan bagi pengintegrasian elemen PPM merentas kurikulum.

Dalam konteks semasa, aktiviti berkaitan dengan pembangunan mampan masih belum dilaksanakan secara menyeluruh. Keadaan ini berpunca daripada model pelaksanaan yang kurang seragam, faktor logistik dan geografi, tahap pendedahan pendidik dan kepimpinan sekolah serta ketersediaan kerjasama strategik.

Pada peringkat global, prestasi Malaysia melalui indikator SDG 4.7 menunjukkan bahawa skor Malaysia dalam setiap komponen berada dalam kelompok kedudukan teratas yang menunjukkan kemajuan yang kukuh, dengan skor tertinggi dalam aspek pendidikan guru, iaitu 0.90 (daripada 1) seperti di Rajah 9.2.

Namun demikian, dapatan soal selidik PISA 2018 bagi kompetensi global menunjukkan bahawa murid Malaysia berumur 15 tahun masih memiliki tahap kesedaran yang rendah terhadap isu global, komunikasi antara budaya dan tindakan berasaskan nilai kemampanan.

Murid yang terpinggir serta murid lelaki mencatatkan skor yang lebih rendah dalam semua komponen. Keadaan ini menunjukkan bahawa penerapan nilai dan kompetensi kemampanan masih belum diterapkan secara konsisten dan optimum.

Dapatan SEA-PLM 2019 pula menunjukkan bahawa murid sekolah rendah di Malaysia mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi terhadap isu perubahan iklim dan pencemaran. Hal ini mencerminkan potensi besar dalam kalangan murid untuk mengembangkan nilai kemampanan, namun memerlukan pendekatan pembelajaran yang lebih sistematik dan transformatif agar dapat diterjemahkan kepada tindakan.



Rajah 9.2 Skor Pemerkasaan Pendidikan Kewarganegaraan Global dan Pendidikan untuk Pembangunan Mampan dalam Arus Perdana, Malaysia

Walaupun elemen PPM telah diintegrasikan dalam kurikulum, kokurikulum dan aktiviti komuniti sekolah, pelaksanaannya perlu diperluas secara menyeluruh dan tekal di semua institusi pendidikan.

Secara keseluruhannya, pengintegrasian PPM dalam sistem pendidikan memerlukan pelaksanaan yang lebih sistematik, seragam, melibatkan semua warga pendidik dan pemimpin serta dimantapkan lagi dengan kaedah penilaian dan pemantauan yang berterusan.

9.3 MATLAMAT

Matlamat Teras Strategik 6 adalah untuk membudayakan kemampanan dalam seluruh ekosistem pendidikan, selaras dengan tumpuan RPM 2026 — 2035.

TERAS STRATEGIK 6
MEMBUDAYAKAN KEMAMPANAN DALAM EKOSISTEM PENDIDIKAN

STRATEGI 1
Memperkasakan PPM dalam kalangan murid.

1. Mengintegrasikan PPM dalam kurikulum dan kokurikulum.
2. Menyediakan murid dengan kemahiran berkaitan bidang pekerjaan lestari.

STRATEGI 2
Mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan bagi menerajui PPM.

1. Membangunkan kapasiti pendidik dan pemimpin pendidikan sebagai peneraju PPM.

STRATEGI 3
Meningkatkan advokasi dan promosi PPM dalam ekosistem pendidikan secara terangkum.

1. Mengoptimumkan jaringan dan jalinan untuk PPM.
2. Memperkasakan murid dan warga pendidikan sebagai agen perubahan amalan kemampanan.

STRATEGI 4
Memperkukuh pemantauan dan penilaian pelaksanaan PPM di institusi pendidikan KPM.

1. Menilai dan mengiktiraf institusi pendidikan KPM yang menerapkan amalan kemampanan.

PEMBOLEH DAYA
Pengupayaan pendanaan, kepakaran dan logistik untuk semua prakarsa berkaitan PPM

Teras Strategik 6 merangkumi empat strategi utama dan enam prakarsa ke arah membudayakan kemampanan dalam ekosistem pendidikan secara sistematik.

Teras strategik ini menumpukan kepada pembudayaan kemampanan melalui pendekatan holistik yang merangkumi pembentukan kompetensi kemampanan murid, pengupayaan pendidik dan pemimpin pendidikan, advokasi yang terangkum dan berterusan serta pemantauan dan penilaian yang menyeluruh.

Setiap strategi disokong oleh prakarsa yang merangkumi pengintegrasian PPM dalam kurikulum dan kokurikulum, penyediaan murid dengan kemahiran berkaitan pekerjaan lestari, pengukuhan kapasiti pendidik dan pemimpin, advokasi melalui Makmal Aktif Lestari (MAL), pusat sehenti untuk perkongsian maklumat PPM serta penarafan amalan kemampanan di institusi pendidikan KPM. Pemboleh daya pendanaan, kepakaran dan logistik akan menyokong pelaksanaan prakarsa agar berlaku secara berterusan dan transformatif.

Hasil yang ingin dicapai melalui teras strategik ini ialah pembentukan generasi murid yang celik kemampanan dan mampu berdaya saing dalam pasaran kerja masa hadapan yang cenderung kepada ekonomi hijau. Institusi pendidikan KPM pula berfungsi sebagai pusat aktiviti kemampanan yang mengamalkan pengurusan bertanggungjawab dan berkolaboratif, pedagogi berpusatkan murid, penggunaan sumber secara berhemah serta kerjasama aktif dengan komuniti dan pihak berkepentingan.

Dalam jangka masa panjang, pelaksanaan strategi dan prakarsa bagi teras strategik ini akan menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang terangkum, stabil dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta kesejahteraan global.

STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN PPM DALAM KALANGAN MURID

Strategi pertama memberikan tumpuan kepada usaha memperkukuh kompetensi dan nilai kemampanan dalam kalangan murid melalui integrasi PPM secara holistik dalam kurikulum dan kokurikulum. Strategi ini akan menyepadukan elemen PPM yang meliputi aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, nilai dan etika, tindakan dan advokasi serta kerjasama dan komunikasi selaras dengan kerangka KP2027 dan kokurikulum. Hasilnya, murid dapat membuat keputusan secara bertanggungjawab dan berasaskan maklumat. Strategi ini turut memberikan tumpuan kepada penyediaan bakat bidang kemahiran dan teknologi hijau yang dapat memenuhi keperluan ekonomi yang lebih mampan.

Prakarsa Strategi 1

1
Mengintegrasikan PPM dalam kurikulum dan kokurikulum

2
Menyediakan murid dengan kemahiran berkaitan bidang pekerjaan lestari

Rajah 9.3 Prakarsa bagi Strategi 1



PRAKARSA 1: MENGINTEGRASIKAN PPM DALAM KURIKULUM DAN KOKURIKULUM

Matlamat prakarsa ini adalah untuk melahirkan generasi murid yang memiliki kompetensi kemampanan berpandukan kepada dokumen kurikulum kebangsaan. Integrasi PPM dalam kurikulum dan kokurikulum merupakan asas kepada pembentukan kompetensi dan literasi kemampanan. PPM melalui Elemen Merentas Kurikulum (EMK) akan dilaksanakan daripada peringkat rendah hingga lepas menengah. Penyampaiannya bersifat lebih dinamik dengan mengambil kira kepelbagaian gaya pembelajaran murid termasuklah murid berkeperluan khusus seperti Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Bagi golongan ini, pendekatan multimodal mengutamakan penggunaan pelbagai deria dan sumber pembelajaran yang bersesuaian. Pendekatan multimodal ini juga memberikan ruang kepada mereka meneroka isu kemampanan mengikut gaya pembelajaran dan keupayaan masing-masing.

Selain itu, pendekatan pedagogi berpusatkan murid (student-centred) dan diterajui oleh murid (student-led) seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, projek dan masalah perlu dilaksanakan bagi membina kompetensi dan literasi kemampanan. Aktiviti dan amalan kolaboratif merupakan asas kepada pelaksanaan prakarsa bagi teras strategik ini yang turut melibatkan kerjasama komuniti setempat dan pihak berkepentingan. Pendekatan ini bukan sahaja menghubungkan pembelajaran dan penyelesaian masalah dunia sebenar, tetapi turut membina kemahiran komunikasi, keyakinan dan kepimpinan dalam kalangan murid.



Rajah 9.4 Kerangka Kompetensi Kemampanan

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Pembangunan dan Penataran Dokumen Kurikulum dan Kokurikulum Baharu secara Berperingkat

- Pembangunan dan penataran dokumen kurikulum, kokurikulum dan panduan pelaksanaan pengintegrasian PPM berdasarkan kerangka kompetensi kemampanan yang telah diselaraskan dengan kerangka KP2027 dan kokurikulum.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian secara Berperingkat di Institusi Pendidikan KPM

- Pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dokumen kurikulum, kokurikulum dan panduan pelaksanaan melibatkan semua institusi pendidikan KPM secara berperingkat.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan untuk Penambahbaikan dan Pelanjutan Pelaksanaan Pengintegrasian PPM

- Pemantauan, penilaian dan pelaporan berterusan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan pengintegrasian PPM dalam kurikulum dan kokurikulum melalui semakan berkala untuk penambahbaikan dan pelanjutan pelaksanaan.

Rajah 9.5 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MENYEDIAKAN MURID DENGAN KEMAHIRAN BERKAITAN BIDANG PEKERJAAN LESTARI



Matlamat prakarsa ini adalah untuk melahirkan bakat TVET KPM yang dilengkapi dengan kemahiran relevan untuk memenuhi peluang pekerjaan masa hadapan dalam sektor hijau

Prakarsa ini bertepatan dengan matlamat pembangunan negara menerusi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang menyokong peralihan ekonomi negara ke arah yang lebih mampan.

Bidang pekerjaan lestari atau ekonomi hijau menunjukkan trend permintaan dan potensi besar pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, prakarsa ini memberikan tumpuan kepada penyediaan bakat masa hadapan dalam bidang TVET dengan kemahiran yang dapat meningkatkan peluang dan daya saing mereka pada peringkat domestik dan global.

Program TVET KPM yang berpotensi untuk pengintegrasian kemahiran dan teknologi hijau adalah seperti automotif, elektrik dan elektronik, pertanian serta penyejukbekuan dan penyamanan udara.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Pembangunan, Penataran dan Pelaksanaan Modul Kelestarian bagi Program TVET Terpilih di Kolej Vokasional

- Pembangunan, penataran dan pelaksanaan modul kelestarian bagi program TVET terpilih di Kolej Vokasional dan pengintegrasian elemen PPM dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV).

Fasa 2
(2028 – 2030)
Peluasan Pelaksanaan, Penataran, Pemantauan dan Penilaian Modul Kelestarian Program TVET di Kolej Vokasional

- Peluasan pelaksanaan, penataran, pemantauan dan penilaian modul kelestarian bagi program TVET di Kolej Vokasional serta penambahbaikan kerjasama industri berasaskan perkembangan semasa dan keperluan industri. Selain itu, kolaborasi dan jaringan dengan rakan industri tempatan, serantau dan global untuk latihan industri dan perkongsian ilmu melalui *upskilling* dan *reskilling* kemahiran TVET berkaitan kemampanan.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Pemantauan, Penilaian dan Penarafan Kolej Vokasional sebagai Model Institusi Pendidikan Mampan

- Pemantauan dan penilaian untuk penambahbaikan dan pelanjutan pelaksanaan modul kelestarian bagi program TVET serta penarafan Kolej Vokasional sebagai model institusi pendidikan mampan.

Rajah 9.6 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 2

STRATEGI 2: MENGUPAYAKAN PENDIDIK DAN PEMIMPIN PENDIDIKAN BAGI MENERAJUI PPM

Pendidik dan pemimpin pendidikan merupakan tonggak utama dalam memastikan pelaksanaan PPM dengan berkesan di institusi pendidikan KPM. Mereka berperanan sebagai agen perubahan yang memacu amalan kemampanan dalam kalangan murid, komuniti dan keseluruhan ekosistem institusi pendidikan KPM. Strategi ini memberikan tumpuan kepada peningkatan kesedaran dan kompetensi pendidik serta pemimpin pendidikan agar nilai dan amalan PPM dapat diaplikasikan dalam gaya kepemimpinan dan pengurusan serta diintegrasikan secara holistik dalam PdP dan pentaksiran, seterusnya membentuk budaya organisasi.

Pelaksanaan PPM secara menyeluruh menuntut penguasaan pengetahuan yang mendalam tentang isu global, kebolehsuaian pedagogi dan kepimpinan, kemampuan mengintegrasikan nilai kemampanan dalam PdP serta kepekaan terhadap konteks komuniti setempat.

Prakarsa Strategi 2

1
Membangunkan kapasiti pendidik dan pemimpin pendidikan sebagai peneraju PPM

Rajah 9.7 Prakarsa bagi Strategi 2



PRAKARSA 1: MEMBANGUNKAN KAPASITI PENDIDIK DAN PEMIMPIN PENDIDIKAN SEBAGAI PENERAJU PPM

Matlamat prakarsa ini adalah untuk mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan bagi menerajui usaha membina ekosistem pendidikan yang mampan



Rajah 9.8 Komponen Pembangunan Kapasiti Pendidik dan Pemimpin Pendidikan bagi PPM

Prakarsa ini memberikan tumpuan kepada penyediaan latihan yang sistematik kepada guru praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan serta pemimpin di institusi pendidikan KPM, PPD, JPN dan KPM. Latihan untuk menerajui amalan kemampanan akan dilaksanakan secara berfasa dan berterusan merangkumi tiga komponen utama, iaitu integrasi elemen PPM, pengupayaan jurulatih utama (JU) serta pengukuhan kepimpinan (Rajah 9.8).

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1
(2026 – 2027)
Perancangan dan Pembangunan Modul dan Latihan bagi Pendidik dan Pemimpin Pendidikan

- Perancangan dan pembangunan modul latihan kemampanan yang berstruktur dan khusus untuk guru praperkhidmatan, guru dalam perkhidmatan, pemimpin institusi pendidikan KPM, PPD, JPN dan Kementerian. Pengupayaan jurulatih utama sebagai pembimbing dan kursus PLC berkaitan akan diperkukuh sebagai sokongan pembelajaran berterusan.

Fasa 2
(2028 – 2030)
Pelaksanaan Modul dan Pengukuhan PLC

- Pelaksanaan modul berkaitan kemampanan secara bersemuka dan dalam talian.
- Penawaran latihan melalui kursus dalam talian terbuka (Massive Open Online Courses – MOOC) bagi memperkukuh pembangunan profesional.

Fasa 3
(2031 – 2035)
Peluasan, Pemantauan serta Penilaian Modul dan Latihan

- Peluasan, pemantauan dan penilaian untuk penambahbaikan modul dan latihan.

Rajah 9.9 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

STRATEGI 3: MENINGKATKAN ADVOKASI DAN PROMOSI PPM DALAM EKOSISTEM PENDIDIKAN SECARA TERANGKUM

Strategi ketiga menumpukan kepada usaha memperluas dan mengukuhkan jaringan dan jalinan strategik antara institusi pendidikan KPM dengan pelbagai pihak berkepentingan di dalam dan luar negara secara terancang, berstruktur, terangkum serta berterusan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan prakarsa PPM. Penekanan diberikan kepada usaha advokasi dan promosi yang menyeluruh berkaitan dengan PPM dan pembudayaan kemampanan dalam kalangan warga KPM.

Prakarsa Strategi 3

1
Mengoptimumkan jaringan dan jalinan untuk PPM

2
Memperkasakan murid dan warga pendidikan sebagai agen perubahan amalan kemampanan

Rajah 9.10 Prakarsa bagi Strategi 3



PRAKARSA 1: MENGOPTIMUMKAN JARINGAN DAN JALINAN UNTUK PPM



Matlamat prakarsa ini adalah untuk mengoptimumkan jaringan dan jalinan strategik, memperkukuh kolaborasi bagi memacu penyelesaian masalah berasaskan data serta advokasi amalan pembudayaan kemampanan

Prakarsa ini memberikan tumpuan kepada pengukuhan kerjasama antara semua entiti KPM dengan pihak berkepentingan dalam aspek PPM seperti kementerian lain (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Kementerian Pendidikan Tinggi), agensi kerajaan dan swasta, CSO berkaitan dengan PPM, pihak berkuasa tempatan dan komuniti.

Jaringan dan jalinan juga akan diperluas ke peringkat serantau dan antarabangsa melalui platform strategik dan inovatif bagi membolehkan perkongsian kepakaran dan amalan terbaik, peluang kerjasama berimpak tinggi serta pelibatan yang lebih holistik dalam mempromosikan PPM secara lebih meluas dan berterusan. Pembangunan Portal PPM KPM sebagai pusat sehenti untuk perkongsian data dan maklumat berkaitan dengan PPM menjadi tumpuan utama prakarsa ini.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Pembangunan dan Pelancaran Portal PPM**	• Pembangunan portal yang interaktif sebagai pusat sehenti maklumat, data dan pelaksanaan amalan PPM sebagai rujukan dan hebahan dalam kalangan warga KPM dan orang awam.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Penambahbaikan Portal PPM**	• Penambahbaikan teknikal merangkumi fitur tambahan, ruang interaksi dan pengintegrasian pelbagai sumber data bagi meningkatkan keterjangkauan dan kebolehcapaian.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pengukuhan, Pemantauan dan Penilaian Portal PPM**	• Penilaian portal secara skala penuh bagi penambahbaikan portal dan memperkukuh kolaborasi pelbagai pihak berkepentingan.

Rajah 9.11 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1

PRAKARSA 2: MEMPERKASAKAN MURID DAN WARGA KPM SEBAGAI AGEN PERUBAHAN AMALAN KEMAMPANAN

Matlamat prakarsa ini adalah untuk melahirkan murid dan warga pendidikan menjadi agen perubahan bagi pembudayaan amalan kemampanan secara menyeluruh



Rajah 9.12 Konsep Makmal Aktif Lestari

Prakarsa ini mengadaptasi konsep *living lab* menerusi Makmal Aktif Lestari (MAL) sebagai ruang kolaboratif untuk membangunkan kompetensi, nilai dan amalan PPM dalam kalangan warga pendidik. MAL turut melibatkan komuniti, pihak berkuasa tempatan, CSO, institusi pendidikan tinggi dan rakan industri dalam projek penyelesaian masalah berasaskan konteks setempat.

Pendekatan ini melangkaui isu alam sekitar dan turut merangkumi isu sosial serta ekonomi seperti kemiskinan, keselamatan makanan dan malnutrisi.

Melalui MAL, aktiviti berpusatkan murid memberikan penekanan kepada tindakan yang transformatif meliputi aspek kognitif, sosioemosi dan tingkah laku. MAL juga akan menjadi platform pembelajaran sepanjang hayat, membina kemahiran kepimpinan, kolaborasi dan empati secara lebih mendalam ke arah melahirkan Ikon Lestari di institusi pendidikan KPM (Rajah 9.12).



GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Reka Bentuk dan Pelaksanaan Rintis Kerangka MAL**	• Reka bentuk dan pembangunan kerangka MAL serta pelaksanaan projek rintis berdasarkan kerangka yang dibangunkan di institusi pendidikan KPM yang terpilih.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Peluasan Kohort Pelaksanaan MAL**	• Peluasan pelaksanaan MAL secara berperingkat. Fasa ini memberikan penekanan kepada pengukuhan pengurusan aktiviti berdasarkan kerangka MAL, pemantapan bimbingan dan kerjasama rakan strategik secara berterusan.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pengukuhan Jaringan, Pemantauan dan Penilaian MAL**	• Pengukuhan jaringan MAL pada pelbagai peringkat. Peranan komuniti dalam pembangunan amalan PPM akan diberikan penekanan dan disokong oleh program mentor menti antara institusi pendidikan KPM. • Pemantauan dan penilaian secara sistematik.

Rajah 9.13 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 2

STRATEGI 4: MEMPERKUKUH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAKSANAAN PPM DI INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Pemantauan dan penilaian yang tersusun, bersepadu dan berteraskan data penting untuk penambahbaikan amalan kemampanan yang berterusan. Bagi menjayakan strategi ini, pembangunan mekanisme pemantauan dan penilaian amalan kemampanan yang standard diperlukan untuk memastikan ketekalan dan mengenal pasti ruang penambahbaikan.

Strategi 4 memastikan pelaksanaan PPM dipantau dan dinilai berdasarkan kerangka nasional yang menyeluruh, merangkumi dimensi sosial, kepimpinan dan pelibatan komuniti dalam pembudayaan amalan kemampanan.

Prakarsa Strategi 4

1
Menilai dan mengiktiraf institusi pendidikan KPM yang menerapkan amalan kemampanan

Rajah 9.14 Prakarsa bagi Strategi 4



PRAKARSA 1: MENILAI DAN MENGIKTIRAF INSTITUSI PENDIDIKAN KPM YANG MENERAPKAN AMALAN KEMAMPANAN



Matlamat prakarsa ini adalah untuk memupuk pembudayaan kemampanan dalam ekosistem pendidikan melalui pemantauan, penilaian dan penarafan secara berterusan

Prakarsa ini bertujuan untuk mewujudkan mekanisme pemantauan dan penilaian yang sistematik dan menyeluruh bagi memastikan setiap aktiviti berkaitan dengan PPM mencapai matlamat pembudayaan kemampanan seperti yang disasarkan. Pengiktirafan amalan kemampanan di institusi pendidikan KPM yang merangkumi dimensi sosioekonomi dan alam sekitar menggalakkan penambahbaikan pelaksanaan secara berterusan.

Kriteria pemantauan, penilaian dan pengiktirafan berpandukan kerangka badan antarabangsa seperti UNESCO, UNICEF, OECD dan serantau akan disesuaikan dengan konteks pendidikan di Malaysia. Kerangka yang berstruktur, telus dan selari dengan piawaian kemampanan antarabangsa membolehkan institusi pendidikan KPM dinilai secara objektif seterusnya berpotensi dijadikan model institusi pendidikan mampan pada peringkat serantau dan global.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Pembangunan Mekanisme Pemantauan dan Penilaian Amalan Kemampanan**	• Analisis situasi untuk membina kerangka pemantauan, penilaian dan penarafan serta pembangunan alat pengukuran yang merangkumi domain kemampanan alam sekitar dan sosioekonomi.
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Rintis Instrumen Pemantauan dan Penilaian Amalan Kemampanan**	• Pelaksanaan rintis di institusi pendidikan KPM yang mengambil kira faktor geografi, lokaliti dan jenis institusi pendidikan untuk memastikan kerangka penilaian yang dibangunkan bersifat terangkum dan boleh diguna pakai pada semua peringkat.
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pemantauan, Penilaian dan Pengiktirafan Institusi Pendidikan KPM yang Melaksanakan Amalan Kemampanan**	• Peluasan institusi pendidikan KPM yang menjalani proses penilaian dan penarafan secara bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan budaya kemampanan berlaku.

Rajah 9.15 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 4 Prakarsa 1

PEMBOLEH DAYA: PENGUPAYAAN PENDANAAN, KEPAKARAN DAN LOGISTIK UNTUK SEMUA PRAKARSA BERKAITAN PPM

Bagi memastikan ketiga-tiga komponen pemboleh daya dilaksanakan secara bersepadu dan sistematik, penyelarasan berpusat yang cekap adalah amat penting. Pemantauan dan penilaian akan menjamin ketelusan dan penambahbaikan berterusan.

Pembudayaan amalan kemampanan memerlukan sokongan serta penyelarasan berterusan dari segi pendanaan, kepakaran dan logistik bersama-sama dengan pihak berkepentingan dan agensi antarabangsa. Tanpa sokongan tiga komponen utama ini, pelaksanaan prakarsa PPM akan menghadapi kekangan dan kurang berkesan.

Pelaksanaan prakarsa seperti pembangunan modul dan latihan, pemantauan dan penilaian serta perancangan aktiviti memerlukan bantuan kepakaran daripada pelbagai pihak berkepentingan.

Dari sudut logistik dan pengoperasian, bahan bantu mengajar, peralatan dan kemudahan sokongan serta kemudahan ICT adalah penting. Hal ini juga merangkumi penyelarasan agihan sumber dana secara strategik. Ketiga-tiga komponen ini merupakan asas bagi memastikan proses pembudayaan kemampanan dapat dilaksanakan dengan berkesan, terangkum dan saksama.



Rajah 9.16 Cadangan Model Fungsi Pemboleh Daya

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 – 2027)** **Rintis**	• Rintis latihan pembangunan kompetensi kemampanan untuk jurulatih (Train-the-trainer).
Fasa 2 **(2028 – 2030)** **Penambahbaikan dan Peluasan**	• Penambahbaikan modul dan peluasan latihan pembangunan kompetensi kemampanan untuk jurulatih (Train-the-trainer).
Fasa 3 **(2031 – 2035)** **Pemantauan dan Penilaian**	• Pemantauan dan penilaian impak modul dan latihan pembangunan kompetensi kemampanan untuk jurulatih (Train-the-trainer).

Rajah 9.17 Garis Masa Pelaksanaan Pemboleh Daya



9.4 KESIMPULAN

Teras Strategik 6 menekankan pendekatan keseluruhan institusi dan masyarakat ke arah pembudayaan kemampanan secara menyeluruh dalam ekosistem pendidikan. Usaha ini merangkumi pengukuhan kurikulum dan pedagogi, latihan pendidik dan pemimpin pendidikan, advokasi dan pengukuhan jaringan kerjasama strategik serta pemantauan, penilaian dan penarafan amalan kemampanan institusi pendidikan KPM.

Integrasi PPM mengupayakan warga KPM, khususnya murid dengan kompetensi kemampanan, manakala kapasiti pendidik akan dibangunkan untuk memastikan pelaksanaan yang konsisten di institusi pendidikan KPM. Kerjasama dengan pihak berkepentingan akan memperkaya pengalaman pembelajaran murid melalui penyelesaian masalah berasaskan konteks setempat. Mekanisme pemantauan dan penilaian yang bersepadu pula menjamin ketekalan dan mutu pelaksanaan PPM di seluruh negara.

Pendanaan, kepakaran dan logistik berfungsi sebagai pemboleh daya bagi memastikan semua prakarsa bawah Teras Strategik 6 dapat dilaksanakan secara transformatif ke arah melahirkan murid yang berdaya tahan, beretika dan membudayakan amalan kemampanan demi masa hadapan negara yang lebih lestari.

BAB

10

TERAS STRATEGIK 7 | MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN

RINGKASAN



Teras Strategik 7 menumpukan usaha memperkukuh struktur dan fungsi tadbir urus KPM dengan memperjelas peranan antara KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan KPM. Tadbir urus yang mantap membolehkan KPM mengurus sumber manusia, kewangan dan prasarana dengan lebih optimum, seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan kepada murid, pendidik dan komuniti pendidikan.

Selain itu, Teras Strategik 7 menekankan pelaksanaan komunikasi strategik yang berkesan, pengurusan perubahan dan risiko yang teratur serta autonomi terpimpin di institusi pendidikan. Hal ini bagi memperkukuh keupayaan membuat keputusan dengan lebih cepat dan responsif. Pendekatan ini menyokong aspirasi kerajaan untuk membentuk sektor awam yang tangkas, bertanggungjawab dan berorientasikan hasil supaya setiap peringkat organisasi dapat melaksanakan tanggungjawab dengan integriti tinggi dan kefahaman jelas terhadap peranan masing-masing.

10.1 PENGENALAN DAN RASIONAL

Tadbir urus yang berkesan dalam sektor pendidikan bertujuan memastikan sistem pendidikan ditadbir secara telus, bertanggungjawab dan berintegriti. Melalui amalan tadbir urus yang mantap, proses perancangan dasar dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berasaskan bukti, manakala pengurusan sumber dapat dioptimumkan bagi mengelakkan pembaziran serta ketirisan. Di samping itu, tadbir urus yang bermutu membolehkan keutamaan pendidikan ditentukan secara objektif, seterusnya memastikan setiap keputusan yang dibuat dapat memenuhi keperluan murid, institusi dan komuniti pendidikan.

Tadbir urus yang berkesan mendorong kecekapan penyampaian perkhidmatan yang akan menentukan keberhasilan pelaksanaan dasar secara menyeluruh. Penyampaian perkhidmatan yang cekap memastikan sistem komunikasi yang responsif, sumber manusia yang optimum, pengurusan prasarana dan latihan profesional yang mantap serta pengurusan institusi pendidikan yang baik, sejajar dengan keperluan semua pihak untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Hal ini bukan sahaja meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, malah memperkukuh kesaksamaan akses pendidikan. Secara keseluruhan, tadbir urus yang baik dan penyampaian perkhidmatan yang cekap merupakan asas penting bagi mewujudkan sistem pendidikan yang efektif, responsif dan berdaya saing.



Teras Strategik 7 menggariskan kecekapan tadbir urus dan keberkesanan sistem penyampaian yang merupakan asas kepada kejayaan keseluruhan sistem pendidikan negara. KPM sebagai organisasi yang besar dengan pelbagai lapisan pengurusan memerlukan struktur dan prosedur pentadbiran yang jelas, koordinasi yang mantap serta sistem komunikasi yang bersepadu agar setiap dasar dan keputusan strategik dapat dilaksanakan dengan efisien.

Jadual 10.1 Kerangka Strategik Pengukuhan Tadbir Urus dan Struktur Organisasi KPM

Persekitaran	Input	Aktiviti	Output	Hasil
1. Maklumat KPM tidak disampaikan secara menyeluruh dan berkesan. 2. Struktur KPM diperkemas bagi menjelaskan peranan dan meningkatkan keberkesanan pengurusan pendidikan. 3. Kekurangan keberkesanan pelaksanaan prosedur penamatan pegawai KPM. 4. Jurang kapasiti mengurus pentadbiran sekolah secara autonomi. 5. Jurang pengurusan risiko sebagai mekanisme mitigasi risiko operasi.	1. Medium komunikasi sedia ada. 2. Struktur organisasi KPM dan fungsi sedia ada. 3. Latihan kepada kepimpinan sekolah dan pentadbiran. 4. Kerjasama antara jabatan dan pemegang taruh. 5. Kepakaran teknikal dalam pengurusan risiko, perubahan dan komunikasi.	1. Memantapkan pelaksanaan Pelan Strategik Komunikasi KPM yang berstruktur dan bersasar. 2. Menyusun semula fungsi/ struktur dan perjawatan Bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan KPM. 3. Memperkasakan polisi dan prosedur penamatan pegawai di KPM. 4. Mengukuhkan pelaksanaan autonomi di institusi pendidikan KPM. 5. Mengoptimumkan penggunaan fasiliti dan prasarana di institusi pendidikan KPM. 6. Membangunkan Pelan Pengurusan Perubahan dan Risiko KPM.	1. Pelan komunikasi strategik dilaksanakan. 2. Fungsi organisasi yang distruktur semula. 3. Proses pelantikan pegawai yang lebih mantap. 4. Polisi autonomi dan penjanaan pendapatan institusi. 5. Pelan pengurusan risiko dan perubahan dibangunkan.	1. Pelan komunikasi yang responsif dan proaktif. 2. Pengukuhan fungsi dan struktur organisasi KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan. 3. Peningkatan kemampuan pemberian autonomi terpimpin. 4. Pengurusan risiko dan perubahan yang berkesan.

Pengurangan institusi berprestasi rendah dilaksanakan melalui pengurusan operasi yang efektif dan pendekatan menyeluruh untuk merapatkan jurang prestasi sedia ada.

Pelaksanaan dasar, program dan projek pendidikan sering kali menghadapi cabaran dari segi penyelarasan antara peringkat pengurusan, kekangan kapasiti sumber manusia dan kewangan, kekurangan mekanisme komunikasi serta pelaksanaan pemantauan yang efektif. Oleh itu, Teras Strategik 7 dirangka bagi menangani isu-isu ini melalui lima tumpuan utama:

1. Pemantapan Pelan Strategik Komunikasi KPM bagi memastikan penyampaian maklumat dan arahan strategik berlaku secara jelas, telus dan menyeluruh pada semua peringkat.
2. Penyusunan semula fungsi dan struktur organisasi KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bagi memperjelas bidang kuasa dan tanggungjawab.
3. Pemantapan prosedur penamatan pegawai dan amalan akauntabiliti agar hanya pegawai yang kompeten kekal dalam sistem pendidikan.
4. Pelaksanaan autonomi terpimpin di institusi pendidikan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan institusi pendidikan dan tindak balas terhadap keperluan.
5. Pembangunan Pelan Pengurusan Perubahan dan Risiko KPM untuk memperkukuh daya tahan institusi pendidikan terhadap ketidaktentuan operasi dan dasar.

Pelaksanaan Teras Strategik 7 akan mewujudkan budaya organisasi berprestasi tinggi, pengukuhan akauntabiliti serta peningkatan kecekapan penggunaan sumber dalam usaha menyampaikan perkhidmatan pendidikan yang bermutu kepada semua pihak berkepentingan.

10.2 KEADAAN SEMASA

Teras Strategik 7 menumpukan pelaksanaan dasar dan prakarsa KPM yang masih berdepan dengan pelbagai cabaran struktur dan operasi. Kajian mendapati wujud ketidakjelasan fungsi, struktur dan bidang kuasa antara jabatan dengan bahagian dalam KPM yang menyebabkan pertindihan peranan serta kelewatan untuk membuat keputusan.

Pertama, mekanisme penyampaian maklumat dan arahan antara peringkat KPM yang masih bersifat atas-bawah (top-down) dan tidak menyeluruh adalah antara isu utama yang mengekang tadbir urus yang berkesan. Kekangan ini menyebabkan maklumat penting tidak disampaikan dengan jelas kepada warga pendidikan sehingga ke peringkat akar umbi. Selain itu, sistem aduan sedia ada perlu ditambah baik agar lebih sistematik bagi menangani isu serta mendapatkan maklum balas daripada pelanggan dan pihak berkepentingan secara berkesan.

Kedua, semakan pelaksanaan dasar sedia ada menunjukkan bahawa masih wujud ketidakselarasan peranan serta fungsi pada semua peringkat pengurusan. Di samping itu, prosedur penamatan warga KPM yang tidak kompeten perlu diperkasakan bagi memastikan warga KPM yang berprestasi tinggi dapat terus meningkatkan mutu perkhidmatan pendidikan secara cemerlang.

Ketiga, keupayaan institusi pendidikan KPM untuk mengurus dan mentadbir secara kendiri masih belum diperluas dan perlu ditingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada JPN dan PPD. Hal ini boleh menjejaskan kecekapan operasi dan keupayaan institusi pendidikan untuk menyediakan penyelesaian berasaskan keperluan semasa.

Keempat, pengurusan risiko dan perubahan organisasi perlu dioptimumkan dengan pemantapan pelan pengurusan risiko yang sistematik dan menyeluruh bagi menangani situasi kecemasan atau cabaran operasi. Begitu juga dengan prosedur pengurusan perubahan yang perlu dilaksanakan secara berstruktur supaya pelaksanaan dasar baharu dapat dipraktikkan pada semua peringkat pelaksanaan.

10.3 MATLAMAT

Teras Strategik 7 bertujuan memperkukuh kecekapan tadbir urus dan sistem penyampaian pada semua peringkat KPM. Teras ini merangkumi pengukuhan struktur organisasi bagi meningkatkan kejelasan peranan dan tanggungjawab dalam memperkasakan autonomi institusi pendidikan secara terpimpin. Selain itu, pendekatan ini turut menumpukan kepada pemantapan pelan dan mekanisme komunikasi berstruktur serta bersasar untuk memastikan penyampaian maklumat yang tepat melalui media massa dan medium bersesuaian mengikut kawasan bandar dan luar bandar, sejajar dengan Strategi 1 Prakarsa 1 dalam memantapkan pelaksanaan Pelan Strategik Komunikasi KPM.

Teras ini menekankan pengurusan yang telus, bertanggungjawab, tangkas dan mampu bertindak balas pantas terhadap perubahan dasar dalam memastikan perkhidmatan pendidikan disampaikan secara cekap dan berkesan. Matlamat teras ini diterjemahkan melalui empat strategi utama:

TERAS STRATEGIK 7

MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN

STRATEGI 1 Mengukuhkan pelan komunikasi KPM yang lebih responsif dan proaktif	STRATEGI 2 Memperkukuh fungsi dan struktur organisasi bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan KPM	STRATEGI 3 Meningkatkan pemberian autonomi terpimpin kepada institusi pendidikan KPM	STRATEGI 4 Memperkasakan Pengurusan Perubahan dan Risiko
1. Memantapkan pelaksanaan Pelan Strategik Komunikasi KPM yang berstruktur dan bersasar.	1. Menyusun semula fungsi, struktur dan perjawatan Bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan KPM. 2. Memperkasakan polisi dan prosedur penamatan pegawai di KPM.	1. Memperkukuh pelaksanaan autonomi terpimpin di institusi pendidikan KPM. 2. Mengoptimumkan penggunaan fasiliti dan prasarana di institusi pendidikan KPM.	1. Membangunkan Pelan Pengurusan Perubahan KPM. 2. Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko KPM.

Pelaksanaan Teras Strategik 7 akan membolehkan KPM dan institusi pendidikan berfungsi sebagai organisasi pembelajaran berasaskan data, mengamalkan budaya komunikasi terbuka serta pengurusan perubahan dan risiko yang mampan.

STRATEGI 1: MENGUKUHKAN PELAN KOMUNIKASI KPM YANG RESPONSIF DAN PROAKTIF

Strategi ini menumpukan penambahbaikan mekanisme komunikasi sedia ada bagi menangani isu ketidaksamaan dalam penyampaian maklumat, arahan dan dasar di seluruh KPM, di samping akses maklumat yang terhad kepada institusi pendidikan di bawahnya. Tumpuan utama adalah untuk membangunkan Pelan Strategik Komunikasi KPM yang berstruktur, bersasar dan bersepadu bagi memastikan penyampaian maklumat dari peringkat atasan hingga pelaksana di lapangan dapat diterjemah dengan jelas, difahami dan dilaksanakan secara berkesan.

Melalui strategi ini, KPM akan membangunkan satu platform komunikasi bersepadu dan mesra pengguna untuk memperkukuh hubungan antara penggubal dasar, pelaksana dan penerima manfaat pendidikan.



Prakarsa Strategi 1

1
Memantapkan pelaksanaan Pelan Strategik Komunikasi KPM yang berstruktur dan bersasar

Rajah 10.1 Prakarsa bagi Strategi 1

PRAKARSA 1: MEMANTAPKAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK KOMUNIKASI KPM YANG BERSTRUKTUR DAN BERSASAR

Prakarsa ini bertujuan membangunkan dan melaksanakan Pelan Strategik Komunikasi KPM yang berasaskan prinsip ketelusan, kecekapan dan keterangkuman. Melalui prakarsa ini, setiap pekeliling, dasar atau arahan baharu akan disampaikan menggunakan pelbagai saluran, termasuk video, soalan lazim dan infografik, bagi memastikan kefahaman yang jelas dan menyeluruh dalam kalangan warga KPM.

Pelaksanaan prakarsa ini merangkumi perkara yang berikut:

1. Kajian penyatuan sistem komunikasi dari peringkat atasan ke pelaksana dan sistem aduan KPM bagi memastikan penyampaian maklumat dasar, pekeliling dan laporan dilaksanakan secara bersepadu.
2. Kajian kebolehlaksanaan migrasi sistem komunikasi sedia ada, contohnya daripada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) kepada sistem khusus KPM seperti MOIES bagi memantapkan pengurusan aduan dan maklum balas pengguna. Aliran dalam tindakan menyelesaikan aduan juga akan ditambah baik melalui prakarsa ini.
3. Pembangunan Pelan Strategik Komunikasi yang responsif, telus dan proaktif, disokong oleh pelan komunikasi digital serta saluran interaktif yang mesra pengguna.
4. Pelaksanaan prakarsa sokongan komunikasi, termasuk pengeluaran bahan komunikasi tambahan seperti video pendek, soalan lazim dan poster; penganjuran sesi taklimat dan hari bertemu pelanggan bagi meningkatkan kefahaman pelaksana dasar; serta SLU berkala dengan pihak berkepentingan sebelum pelaksanaan dasar baharu bagi memastikan penterjemahan yang tepat pada semua peringkat.
5. Mekanisme penyampaian maklumat yang pelbagai melalui penggunaan media massa dan medium yang berbeza serta bersesuaian mengikut kawasan bandar dan luar bandar.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Garis masa pelaksanaan Prakarsa ini dirangka bagi memastikan setiap langkah penyelarasan komunikasi, penambahbaikan sistem dan sokongan pelaksanaan dijalankan secara berperingkat, tersusun dan berimpak tinggi pada semua peringkat.

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Pembangunan Pelan**	Penubuhan dan pelaksanaan sistem komunikasi bersepadu KPM. Pembangunan Pelan Strategik Komunikasi KPM.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Kajian Keberkesanan**	Semua bahagian KPM dan institusi pendidikan menggunakan sistem komunikasi baharu. Pelaksanaan Kajian Keberkesanan Sistem Komunikasi.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Penambahbaikan Berterusan**	Sistem komunikasi diperkukuh dan ditambah baik secara berterusan bagi memastikan penyampaian maklumat yang bersepadu dan efektif di semua peringkat.

Rajah 10.2 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 1 Prakarsa 1

STRATEGI 2: MEMPERKUKUH FUNGSI DAN STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI, PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH DAN INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Strategi ini menekankan keperluan memperkukuh kecekapan tadbir urus dan sistem penyampaian dalam ekosistem pendidikan negara. Strategi ini merangkumi pelaksanaan dua prakarsa, iaitu:

- Menyusun semula fungsi, struktur dan perjawatan bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan KPM.
- Memperkasakan dasar dan prosedur penamatan pegawai di KPM.

Penstrukturan semula ini dijangka meningkatkan kecekapan sistem pendidikan melalui pengurangan birokrasi dan pemerkasaan proses membuat keputusan. Penjajaran fungsi yang lebih jelas akan menghapuskan pertindihan tugas, mengoptimumkan penggunaan sumber manusia serta memperkukuh kepakaran khusus di setiap bahagian. Secara keseluruhan, langkah ini membentuk ekosistem tadbir urus yang lebih cekap, responsif dan berupaya menyokong peningkatan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Malaysia mencatatkan antara peratusan perbelanjaan pendidikan yang tertinggi di rantau ini, iaitu antara 15% hingga 20% daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan pada tahun 2022 hingga tahun 2025. Oleh itu, prestasi pendidikan mesti diselaraskan dengan pelaburan tersebut.



Prakarsa Strategi 2

1
Menyusun semula fungsi, struktur dan perjawatan Bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan KPM

2
Memperkasakan polisi dan prosedur penamatan pegawai di KPM

Rajah 10.3 Prakarsa bagi Strategi 2

Sejak Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 — 2025, Malaysia konsisten berada dalam kalangan negara perbelanjaan terbesar untuk pendidikan sebagai peratusan perbelanjaan Kerajaan
(% perbelanjaan kerajaan)



Rajah 10.4 Perbandingan Peruntukan Sektor Pendidikan Mengikut Negara

Penstrukturan semula juga bertujuan memperjelas bidang kuasa, memperkukuh akauntabiliti dan memastikan sumber sedia ada dimanfaatkan secara optimum bagi menjana impak pendidikan yang lebih mampan dan berkesan. Secara keseluruhan, prakarsa ini mencerminkan komitmen KPM untuk berubah daripada model pentadbiran atas-bawah kepada sistem tadbir urus pendidikan yang lebih dinamik, terangkum dan berdaya saing. Pendekatan ini merupakan langkah proaktif bagi memastikan sistem pendidikan negara kekal relevan dan mampu melahirkan generasi yang bersedia menghadapi teknologi dan globalisasi.

PRAKARSA 1: MENYUSUN SEMULA FUNGSI, STRUKTUR DAN PERJAWATAN BAHAGIAN KPM, JPN, PPD DAN INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Prakarsa ini menumpukan penyusunan semula fungsi, struktur dan perjawatan di KPM, JPN, PPD serta institusi pendidikan di bawah KPM. Usaha ini merupakan transformasi menyeluruh bagi menangani cabaran sistemik yang membebankan pentadbiran pendidikan negara. Usaha ini turut mengambil kira keperluan untuk meningkatkan kecekapan struktur organisasi sedia ada bagi memenuhi perubahan pesat landskap pendidikan negara yang kompleks dan dinamik.

Antara komponen yang perlu diambil kira dalam prakarsa penyusunan semula struktur organisasi KPM termasuklah pengekalan pegawai jawatan gred DG14 di Bahagian, JPN dan PPD, di samping mobilisasi guru besar dan guru penolong kanan PPP Gred 10 ke atas.

Matlamat utama prakarsa ini adalah seperti yang berikut:

1. Menstruktur semula fungsi dan bidang kuasa setiap bahagian serta institusi KPM dengan jelas dan tegas bagi memastikan setiap peranan seperti pentadbiran pendidikan, penggubalan dasar, penyelarasan pelaksanaan dan operasi di lapangan difahami dengan tepat.
2. Mengelakkan pertindihan tanggungjawab yang boleh menyebabkan kekeliruan, pembaziran sumber dan kelewatan dalam penyampaian perkhidmatan pendidikan kepada sekolah dan murid.
3. Rasionalisasi agihan perjawatan dan fungsi secara seimbang serta saksama berasaskan prinsip *do more with less for more*.
4. Mengekalkan PPP jawatan gred DG14 di Bahagian, JPN dan PPD.
5. Mobilisasi Guru Besar dan Guru Penolong Kanan gred DG10 dan ke atas di sekolah rendah.
6. Memperkukuh peranan *School Improvement Partners* (SIP+) dan *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+) dalam menyediakan sokongan profesional secara berterusan melalui pendekatan *coaching* dan *mentoring*.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Kajian Struktur dan Fungsi Semasa**	Melaksanakan kajian menyeluruh terhadap struktur dan fungsi bahagian KPM, JPN dan PPD untuk mengenal pasti pertindihan fungsi dan bidang kuasa yang menjejaskan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pendidikan.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Pelaksanaan Pengukuhan Struktur**	Melaksanakan SLU dengan agensi pusat seperti JPA dan Kementerian Kewangan, menyediakan cadangan pengukuhan struktur KPM termasuklah JPN, PPD dan institusi pendidikan serta melaksanakan projek rintis untuk menguji keberkesanan pelan struktur yang telah ditambah baik.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Penilaian dan Penambahbaikan Berterusan**	Melaksanakan kajian keberkesanan dan penyusunan semula secara berterusan bagi memastikan struktur KPM sentiasa optimum dan relevan dengan keperluan organisasi.

Rajah 10.5 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 1

Pelaksanaan penstrukturan semula yang merangkumi penyelarasan perjawatan dan fungsi utama dirangka untuk memperjelas tanggungjawab serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Pemerkasaan mekanisme pemantauan dan pelaporan memastikan penambahbaikan tadbir urus dan pengurusan sumber pada semua peringkat organisasi dijalankan secara berterusan. Pendekatan ini selaras dengan RPM 2026 – 2035 supaya transformasi struktur membolehkan agenda pendidikan nasional dilaksanakan secara strategik, bersepadu dan berimpak tinggi.

PRAKARSA 2: MEMPERKASAKAN POLISI DAN PROSEDUR PENAMATAN PEGAWAI DI KPM



Keperluan untuk melaksanakan prakarsa ini wujud akibat ketirisan terhadap pematuhan dasar pemisah (exit policy) sedia ada. Data daripada *Human Resources Management Information System* (HRMIS) menunjukkan bahawa lebih 1,000 orang pegawai telah mencatat markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) di bawah 60 peratus, iaitu markah prestasi minimum yang sepatutnya melalui proses penamatan. Pelaksanaan dasar penamatan ini untuk memastikan hanya pegawai dan AKP yang kompeten, berintegriti dan berprestasi yang dikekalkan dalam sistem pendidikan negara.

Ringkasan Carta Alir



Rujukan Singkatan

PPSM – Panel Pembangunan Sumber Manusia
PPPK – Panel Penilai Prestasi Khas
PPDP – Panel Penilai Dasar Penamatan
LNPK – Laporan Penilaian Prestasi Khas
YDPA – Yang di-Pertuan Agong
PDKA – Penamatan Demi Kepentingan Awam
JPN – Jabatan Peguam Negara
JPA – Jabatan Perkhidmatan Awam

Rajah 10.6 Ringkasan Carta Alir Penamatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Berprestasi Rendah

GARIS MASA PELAKSANAAN

Garis masa pelaksanaan ditetapkan dari 15 Januari 2026 hingga 31 Mac 2028, memberikan tempoh kira-kira 27 bulan untuk melaksanakan semua fasa prakarsa, dari peringkat awal hingga akhir bagi kitaran pertama atau pelaksanaan rintis. Garis masa ini realistik dan mengambil kira keperluan perubahan dasar pada peringkat JPA, proses perundangan, jika perlu, pembangunan SOP dan sistem IT, latihan kakitangan serta pelaksanaan secara menyeluruh.

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Pembangunan SOP dan Persediaan Panel**	1. Menyusun Prosedur Operasi Standard (SOP) baharu untuk proses penamatan pegawai. 2. Menetapkan *Terms of Reference* (TOR) bagi Panel Penilai Khas yang akan dibentuk di fasa pertengahan. 3. Mengambil rujukan daripada pekeliling Dasar Pemisahan SSPA dan garis panduan JPA. 4. Latihan penilaian prestasi pertama untuk tahun 2026 dijalankan pada penghujung tahun 2026.
Fasa 2 **(2028 — 2030)** **Penubuhan Panel dan Pelaksanaan**	1. Menubuhkan Panel Penilai Khas yang bebas, berintegriti dan berwibawa untuk menilai cadangan penamatan pegawai. 2. Memendekkan tempoh penilaian khas dari 12 bulan kepada kurang dari enam bulan bagi mempercepat proses keputusan tanpa mengurangkan keadilan. 3. Panel memastikan keputusan dibuat berdasarkan merit dan bukti prestasi sebenar.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Normalisasi Skor dan Pemantauan Berterusan**	1. Normalisasi agihan skor prestasi tahunan bagi semua pegawai KPM untuk mencerminkan prestasi sebenar secara objektif. 2. Memantau trend penilaian prestasi dan mengenal pasti sebarang kriteria untuk tindakan pembetulan. 3. Meningkatkan sistem teknologi maklumat bagi menyediakan analitik dan papan pemuka (dashboard) prestasi secara masa nyata. 4. Memberikan pengiktirafan kepada pegawai cemerlang dan memastikan pegawai lemah menerima intervensi atau dikeluarkan mengikut prosedur.

Rajah 10.7 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 2 Prakarsa 2

STRATEGI 3: MENINGKATKAN PEMBERIAN AUTONOMI TERPIMPIN KEPADA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM



Strategi ini menumpukan kepada kesinambungan strategi PPPM 2013 — 2025, iaitu meningkatkan autonomi terpimpin pengurusan sekolah. Autonomi terpimpin yang diberikan tertumpu kepada pengurusan kewangan bagi sekolah yang mencapai pengiktirafan audit cemerlang selama tiga tahun berturut-turut.

RPM 2026 — 2035 bertujuan memperluas bidang autonomi terpimpin merangkumi pengurusan kurikulum, murid, sumber manusia dan perolehan.

Selain perluasan bidang autonomi terpimpin, strategi ini juga akan melahirkan pentadbir yang lebih kreatif dengan meningkatkan nilai pulangan atas pelaburan (Return on Investment - ROI) melalui pengoptimuman prasarana di institusi pendidikan KPM.



Rajah 10.8 Prakarsa bagi Strategi 3

PRAKARSA 1: MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN AUTONOMI TERPIMPIN DI INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Prakarsa ini menumpukan kepada peluasan bidang autonomi terpimpin di institusi pendidikan KPM dengan menggunakan kerangka program Transformasi Sekolah 2025 (TS25), Sekolah Amanah dan Sekolah Berprestasi Tinggi sebagai garis dasar (baseline).



Rajah 10.9 Model Sekolah Autonomi

Konsep autonomi terpimpin beroperasi dalam rangka kerja yang jelas, merangkumi standard kurikulum, amalan pentaksiran dan nilai komuniti. Namun, daripada mewajibkan setiap keputusan dibuat pada peringkat atasan atau membenarkan kebebasan tanpa batasan, autonomi terpimpin mewujudkan persekitaran berstruktur yang memberikan ruang kepada pasukan sekolah untuk berinovasi sambil kekal selaras dengan matlamat, nilai dan amalan berasaskan bukti yang dikongsi bersama.

Model ini menggambarkan autonomi terpimpin dalam lima bidang, iaitu kewangan, perolehan, sumber manusia, pengurusan murid dan penyampaian kurikulum, dengan kesan yang dihasratkan seperti yang berikut:

1. **Kewangan:** tanggungjawab yang lebih besar terhadap perbelanjaan bagi membolehkan pendekatan berasaskan hasil yang memberikan nilai lebih baik dengan mengambil kira keperluan khusus setiap sekolah.

2. **Kepimpinan:** autonomi terpimpin juga akan membina kapasiti pasukan sekolah dan pemimpin sekolah dengan memperkasakan mereka untuk mengambil pemilikan terhadap arah tuju strategik dan pengurusan operasi setiap sekolah.

3. **Pelibatan pihak berkepentingan:** model ini turut meningkatkan pembinaan hubungan dengan pihak berkepentingan setiap sekolah untuk memanfaatkan sokongan dan sumber luar, termasuk ibu bapa, industri dan komuniti setempat.

4. **Mutu:** autonomi terpimpin dalam penyampaian kurikulum memastikan semua murid menerima asas yang kukuh dan konsisten, sambil membenarkan keluwesan untuk menangani perbezaan latar belakang, minat dan profil pembelajaran. Sekolah akan membuat keputusan mengenai PdP berdasarkan keperluan murid, disesuaikan dengan konteks dan seterusnya meningkatkan pencapaian murid.

Daripada pemantauan berasaskan pematuhan, pemimpin menggunakan pendekatan bimbingan dan kolaboratif untuk membantu pendidik memperhalusi pilihan mereka berdasarkan amalan dipacu data dan berasaskan bukti.

Akhirnya, autonomi terpimpin memupuk budaya profesionalisme, kerjasama dan penambahbaikan berterusan.

Dari segi pendekatan, pelaksanaan prakarsa ini merangkumi langkah-langkah yang berikut:

1. Pembangunan SOP baharu bagi proses autonomi terpimpin dan kewangan sekolah.

2. Penjajaran semula mekanisme sokongan pentadbir melalui modul latihan, bimbingan dan pemindahan amalan terbaik.

3. Projek rintis pada tahun 2026 melibatkan 200 buah sekolah yang layak dengan pemantauan berfasa berdasarkan skor pencapaian.

4. Pelaporan autonomi terpimpin diselaraskan ke dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) dan platform ePrestasi untuk pemantauan digital.

5. Pemantapan District Transformation Programme (DTP) untuk meningkatkan keupayaan JPN dan PPD bagi mengurus tadbir institusi pendidikan dan mendorong pentadbir untuk membuat keputusan secara kontekstual dan terpimpin.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 **(2026 — 2027)** **Semakan Garis Panduan**	Penyusunan SOP, pembangunan dasar autonomi terpimpin, kajian kesiapsediaan institusi dan penandaarasan amalan antarabangsa.
Fasa 2 **(2028 — 2030) Pelaksanaan dan Pemantauan secara Berfasa**	Pelaksanaan berfasa autonomi terpimpin pengurusan kurikulum, murid, sumber manusia, kewangan dan perolehan, latihan intensif serta sokongan pengurusan berterusan.
Fasa 3 **(2031 — 2035)** **Penarafan**	Penarafan pencapaian autonomi terpimpin, sistem pemantauan yang efektif dan pengukuhan integriti serta akauntabiliti tadbir urus institusi pendidikan KPM.

Rajah 10.10 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 1

Secara keseluruhan, fasa ini dijangka meningkatkan bilangan sekolah yang layak menerima autonomi terpimpin menjelang tahun 2035. Dalam jangka panjang, prakarsa ini diharap dapat mewujudkan ekosistem institusi pendidikan yang lebih inovatif dan bertanggungjawab, serta mampu membuat keputusan berdasarkan konteks tempatan dan komuniti, menyokong keperluan dan meningkatkan keberhasilan murid.

Autonomi terpimpin mengurangkan kebergantungan terhadap aras pentadbiran yang lebih tinggi, sekali gus mempercepat penyampaian perkhidmatan pendidikan dan memperkukuh keberkesanan pelaksanaan dasar. Dengan adanya sistem pemantauan digital, pelaporan berkala dan pensijilan prestasi autonomi terpimpin, integriti perbelanjaan dan akauntabiliti sekolah dapat dikekalkan secara konsisten dan telus.

PRAKARSA 2: MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN FASILITI DAN PRASARANA DI INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

Prakarsa ini bertujuan mengukuhkan insentif institusi pendidikan untuk meningkatkan nilai ROI melalui pengoptimuman penggunaan aset fizikal untuk meningkatkan keupayaan kewangan. Sumber pendapatan tambahan ini boleh digunakan bagi memberikan nilai tambah kepada program-program sekolah demi manfaat murid, pendidik dan komuniti. Secara tidak langsung, prakarsa ini menyokong usaha penurunan kuasa kepada pentadbir serta memastikan pengurusan kewangan yang telus, cekap, berintegriti dan akauntabiliti.

Pada masa ini, segala hasil daripada aset sekolah berdasarkan kadar caj yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) disalurkan ke dalam akaun SUWA institusi masing-masing yang memerlukan kelulusan pendaftar, sebelum hasil tersebut boleh digunakan.

Di samping itu, kadar caj fasiliti sekolah dan kelengkapannya yang dibenarkan untuk disewa, diselaraskan di seluruh institusi pendidikan di Malaysia.

Penyelarasan kadar caj ini membataskan autonomi pentadbir sekolah untuk menetapkan kadar caj yang berdaya saing dengan penyedia fasiliti lain.

Tanpa langkah pembaharuan terhadap dasar penggunaan aset dan peraturan hasil, keupayaan institusi pendidikan untuk menjana pendapatan alternatif secara terkawal dan bertanggungjawab akan terus terbatas.

Skop Prakarsa 2

Perbelanjaan pentadbiran institusi pendidikan KPM menggunakan pulangan daripada sewaan aset fizikal:

1. Peluasan kelengkapan fasiliti yang dibenarkan disewa melebihi sembilan jenis fasiliti yang kini dibenarkan.
2. Penurunan kuasa mengenai jenis dan agensi luar bagi kelulusan masuk premis institusi pendidikan kepada pentadbir.
3. Saluran dan penjanaan sewaan premis dan fasiliti kepada akaun Kumpulan Wang Sumbangan Awam (SUWA).
4. Kelonggaran definisi perbelanjaan di bawah SUWA.
5. Penurunan kuasa keputusan kelulusan kegunaan akaun SUWA kepada pihak pentadbir institusi pendidikan.

Rajah 10.11 Gambaran Skop Strategi 3 Prakarsa 2

Dalam pelaksanaan Prakarsa ini, prosedur berkaitan dengan penggunaan dan pengeluaran dana daripada akaun SUWA akan disemak semula dan dipermudah. Institusi pendidikan juga akan diberikan autonomi terpimpin dalam penetapan kadar caj sewaan bagi meningkatkan insentif penyewaan secara berdaya saing dan menguntungkan. Langkah ini memerkasakan pentadbir sekolah untuk menjana dan mengurus kewangan, meningkatkan ketangkasan dalam penyelenggaraan kos tertentu serta mengurangkan kekangan birokrasi.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 (2026 — 2027) Semakan Semula Peraturan Kewangan	1. Autonomi Menetapkan Kadar Caj Sewaan Tersendiri – Semakan semula peraturan kewangan seperti yang terkandung dalam SPK dan SPI bagi membolehkan pentadbir sekolah melaksanakan penyewaan penggunaan fasiliti kepada agensi luar secara sah dan teratur. 2. Peluasan dan Kelengkapan Fasiliti yang Dibenarkan Disewa Melebihi Sembilan Jenis Fasiliti yang Kini Dibenarkan – Pembangunan mekanisme ROI melalui sistem kutipan hasil berasaskan aplikasi digital atau modul tambahan dalam MOEIS untuk memastikan hasil dijana dan diurus dengan cekap. Pelaksanaan projek rintis pada tahun 2027 di sekolah terpilih, dengan prestasi hasil dan perbelanjaan dilaporkan secara berkala dalam mesyuarat kewangan sekolah.
Fasa 2: (2028 — 2030) Penyediaan Garis Panduan	1. Penurunan Kuasa Mengenai Jenis dan Agensi Luar bagi Kelulusan Masuk Premis Sekolah kepada Pentadbir Sekolah – Penyediaan garis panduan pelaporan dan audit hasil sewaan bagi menyokong ketelusan dan integriti sistem. 2. Saluran dan Penjanaan Sewaan Premis dan Fasiliti kepada Akaun SUWA – Penurunan kuasa kepada pentadbir untuk mengurus akaun SUWA secara terpimpin, merangkumi kutipan, kelulusan dan pelaporan perbelanjaan.
Fasa 3: (2031 — 2035) Pemerkasaan Pelaksanaan dan Pemantauan	1. Kelonggaran Definisi Perbelanjaan di bawah Akaun SUWA – Memperkasakan sekolah untuk membuat keputusan berdasarkan keperluan sebenar tanpa menunggu kelulusan hierarki berlapis. 2. Penurunan Kuasa Keputusan Kelulusan Kegunaan Akaun SUWA kepada Pihak Pentadbir Sekolah – Menyokong keupayaan institusi untuk bertindak pantas, berdikari serta menyokong sistem pendidikan yang cekap, telus dan berorientasikan prestasi.

Rajah 10.12 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 3 Prakarsa 2

Secara keseluruhan, pelaksanaan prakarsa ini dijangka mewujudkan pengurusan sekolah yang lebih mampan, membolehkan keputusan berkaitan dengan fasiliti dan hasil dibuat dengan lebih cepat dan berdikari. Usaha ini seterusnya menyokong operasi yang lebih berkesan serta aspirasi sistem pendidikan yang cekap, telus dan berprestasi tinggi.

STRATEGI 4: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN PERUBAHAN DAN RISIKO

Strategi ini khusus kepada pemerkasaan pengurusan perubahan dan pengurusan risiko secara menyeluruh sebagai mekanisme utama untuk mitigasi cabaran pelaksanaan pengoperasian pendidikan. Pendekatan yang sistematik untuk mengenal pasti, menganalisis dan menangani risiko berupaya mengekang ketidakstabilan sistem pendidikan ketika berhadapan dengan pelbagai krisis.

Prakarsa di bawah strategi ini ialah membangunkan dua pelan pengurusan yang menyeluruh seperti yang berikut:

1. Pelan Pengurusan Perubahan

- Memberi tumpuan kepada pembangunan pelan perubahan sesuatu dasar yang sentiasa ditambah baik bagi menyokong strategi KPM pada masa hadapan.
- Memastikan prakarsa reformasi diterima dan disokong oleh semua lapisan warga KPM dan komuniti.
- Menyelaraskan komunikasi, mengenal pasti ejen perubahan, memberikan latihan berfasa serta memantau tahap penerimaan dan penyesuaian dalam organisasi.
- Membina naratif perubahan yang jelas, meningkatkan kepercayaan dan motivasi penjawat awam serta menyokong budaya organisasi yang tangkas, terangkum dan berorientasikan hasil.

2. Pelan Pengurusan Risiko

- Menangani risiko berbangkit dalam operasi harian KPM secara tangkas dan berkesan.
- Mengenal pasti, menilai dan menangani pelbagai risiko termasuklah kewangan, pematuhan, keselamatan siber, bencana alam, kesihatan dan kegagalan pelaksanaan.
- Memastikan integriti belanjawan, pematuhan undang-undang dan kelangsungan perkhidmatan pendidikan.
- Membina budaya kerja proaktif dan akauntabiliti pada semua peringkat serta meningkatkan keyakinan awam terhadap ketelusan dan kecekapan kementerian.



Rajah 10.13 Prakarsa bagi Strategi 4

PRAKARSA 1: MEMBANGUNKAN PELAN PENGURUSAN PERUBAHAN KPM



Fasa Kunci

Penilaian Keadaan Semasa

Pemetaan Pihak Berkepentingan dan Penyediaan Pelibatan

Perundingan dan Kajian Operasi

Laporan Penyatuan dan Penemuan

Rajah 10.14 Strategi Pelaksanaan Pembangunan Pelan Perubahan KPM

Strategi ini merangkumi tiga komponen, iaitu:

1. Penubuhan jawatankuasa pelaksana.
2. Penetapan kapasiti sumber manusia dan penetapan garis dasar.
3. Pelaksanaan pelan pengurusan perubahan.

Pelbagai strategi dan dasar yang telah dirancang secara berterusan bergantung sepenuhnya pada tahap penerimaan dan pelibatan warga KPM pada pelbagai peringkat. Pengurusan perubahan yang sistematik dan berkesan mengurangkan jurang komunikasi antara pembuat dasar dengan pelaksana.

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 (2026 — 2027) Pembangunan Pelan	1. Penetapan tinjauan awal dan indikator bagi mengenal pasti jurang pemahaman dan kesan perubahan di setiap peringkat di KPM. 2. Kaji selidik yang menyeluruh dan semakan dokumen bagi menilai strategi utama.
Fasa 2 dan 3 (2028 — 2035) Pelaksanaan dan Penilaian Pelan	1. Penetapan kapasiti sumber manusia dengan penubuhan jawatankuasa. 2. Penyediaan kerangka Model Pelan Pengurusan Perubahan, pelaksanaan dan penilaian. 3. Peluncuran Pelan Pengurusan Perubahan. 4. Aktiviti pemantauan dan penambahbaikan.

Rajah 10.15 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 4 Prakarsa 1

Pendekatan penubuhan pelan akan dilaksanakan secara menyeluruh melalui pelaksanaan berfasa. Antara tindakan utama termasuklah:

01 Pembangunan Pelan Lima Tahun

Pelan ini merujuk amalan terbaik antarabangsa bagi semua perubahan organisasi KPM.

02 Pengaktifan Agen Perubahan

Pengenalpastian dan pengaktifan agen perubahan pada peringkat Kementerian, JPN, PPD dan sekolah.

03 Latihan dan Modul Perubahan

Latihan dan modul disediakan kepada semua agen perubahan.

04 Pemetaan Jurang Kompetensi dan Proses

Kaji selidik menyeluruh dijalankan bagi mengenal pasti jurang daripada segi sumber manusia dan proses, termasuk kompetensi sumber manusia KPM, mekanisme sokongan untuk menterjemah dasar ke dalam prosedur, penilaian keupayaan menyelesaikan isu dan halangan perubahan serta mekanisme pemantauan, sokongan dan maklum balas.

05 Penjajaran Peranan Pihak Berkepentingan

Hasil pemetaan jurang digunakan untuk menetapkan peranan setiap pihak berkepentingan bagi merapatkan jurang tanggungjawab semasa pelaksanaan perubahan.

06 Rangka Kerja Pelaksanaan dan Penilaian

Pelan pengurusan perubahan akan menyediakan rangka kerja yang konsisten, lengkap dengan garis masa dan panduan naratif.

07 Komunikasi Perubahan

Komunikasi dijalankan melalui pelbagai saluran termasuklah sesi dialog awam (town hall), iaitu sesi taklimat umum bersama-sama media, sesi suai kenal, bengkel pelaksanaan dan pengumuman rasmi.

08 Pemantauan dan Pelaporan

Sistem pemantauan diintegrasikan ke dalam papan pemuka pelaksanaan strategik sedia ada KPM serta memastikan pemantauan dan pelaporan berjalan secara sistematik.

09 Penubuhan Jawatankuasa Khusus

Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengenal pasti jurang kapasiti sumber manusia dalam pentafsiran dan penterjemahan perubahan dasar, mengenal pasti pihak berkepentingan utama untuk memudah cara pengurusan perubahan serta menubuhkan pelan pengurusan perubahan dan mekanisme sokongan menyeluruh.

Secara keseluruhan, pelan ini dijangka menyumbang kepada pembentukan budaya kerja KPM yang lebih tangkas, terbuka dan responsif. Setiap prakarsa tidak lagi dilihat sebagai arahan berasingan dari pihak atasan, tetapi sebagai sebahagian daripada perjalanan bersama ke arah sistem pendidikan yang lebih cekap, berorientasikan hasil dan mampan. Dengan komunikasi yang lebih strategik dan sokongan terancang, pelaksanaan perubahan dapat dipraktikkan secara lebih konsisten dan terangkum.

PRAKARSA 2: MEMBANGUNKAN PELAN PENGURUSAN RISIKO KPM

Prakarsa ini memberikan tumpuan kepada pembentukan pelan pengurusan risiko yang meliputi rantaian pelaporan, indikator risiko berkepentingan serta garis panduan pemantauan, penyelenggaran dan pelaporan risiko.



01
Pelaksanaan kadar kerja yang dipersetujui

▼

02
Proses Pengurusan Risiko dipantau dan dibandingkan dengan amalan terbaik

▼

03
Mesyuarat diadakan untuk mengenal pasti masalah pelaksanaan

▼

04
Masalah dibawa kepada kepimpinan tertinggi untuk diselesaikan



1
Mengenalpasti dan memeta potensi risiko di KPM, JPN, PPD dan Institusi Pendidikan KPM

2
Pembinaan keupayaan Unit Risiko berdasarkan cadangan yang dipersetujui

3
Buku Panduan yang menyeluruh mengenai Risiko dan Tadbir Urus untuk KPM

Rajah 10.16 Tiga Komponen Asas Pengurusan Risiko Menyeluruh



Rajah 10.17 Cadangan Mekanisme Pengurusan Risiko

GARIS MASA PELAKSANAAN

Fasa 1 (2026 — 2027) Pembangunan Pelan

1. Pengumpulan data dan proses pemetaan risiko berdasarkan kes terdahulu.
2. Kaji selidik secara menyeluruh.
3. Penyediaan Garis Panduan Utama Pengurusan Risiko KPM.

Fasa 2 dan 3 (2028 — 2035) Pelaksanaan dan Pemantauan secara Berfasa

1. Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko di JPN, PPD dan institusi pendidikan KPM secara berfasa sehingga selesai.
2. Pemantauan pelaksanaan.
3. Penilaian dan penambahbaikan berterusan.

Rajah 10.18 Garis Masa Pelaksanaan Strategi 4 Prakarsa 2

Mengekalkan Pandangan Risiko Jabatan Secara Bersepadu
Setiap jabatan perlu sentiasa mengenal pasti, memantau dan mengemas kini profil risikonya dalam satu portfolio risiko yang bersepadu.

Membangunkan dan Melaksanakan Papan Pemuka Risiko Peringkat Jabatan
Pemilik Risiko perlu membangunkan dan menyelenggara papan pemuka yang menyatukan semua risiko khusus jabatan, dan dikemas kini secara berkala bagi tujuan membuat keputusan.

Memastikan Unit Risiko Memberi Sokongan Berterusan
Unit Risiko perlu membantu Pemilik Risiko sepanjang keseluruhan kitaran pengurusan risiko, termasuk proses mengenal pasti, menilai, mengurangkan, memantau dan melapor risiko.

Menggalakkan Akauntabiliti Dalam Kalangan Pemilik Risiko
Melantik dan memberi kuasa kepada Pemilik Risiko untuk bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus, mendokumentasi dan melapor risiko jabatan masing-masing.

Menyeragamkan Format Pelaporan Risiko
Penetapan format pelaporan risiko yang konsisten bagi membolehkan penyatuan dan perbandingan antara jabatan lebih mudah dilaksanakan.

Mengkaji dan Mengemas Kini Risiko Secara Berkala
Menyediakan jadual tetap untuk semakan dan kemas kini risiko di peringkat jabatan dan organisasi secara berkala.

Prakarsa ini turut bertujuan mengadaptasi amalan terbaik pengurusan risiko yang akan dimasukkan ke dalam pelan pengurusan risiko berdasarkan hasil kajian dan keperluan KPM. Sebagai Kementerian yang menguruskan lebih 10,000 institusi pendidikan dan hampir setengah juta penjawat awam, KPM beroperasi dalam persekitaran yang kompleks dan sentiasa berubah. Oleh itu, kerangka pengurusan risiko yang menyeluruh dan bersepadu amat penting bagi mengelakkan ancaman yang boleh menjejaskan keberkesanan dasar, integriti kewangan dan kelangsungan perkhidmatan pendidikan.

PENDEKATAN PEMBANGUNAN PELAN PENGURUSAN RISIKO

1. Pembangunan Kerangka dan Garis Panduan Risiko	• Menggabungkan kerangka antarabangsa. • Membangunkan garis panduan risiko dan SOP melalui SLU. • Menyediakan dokumen teknikal seperti *Frequently Asked Questions* (FAQ) dan modul latihan untuk diedarkan menjelang tahun 2029.
2. Reka Bentuk dan Pembangunan Sistem Digital Risiko	• Membangunkan Aplikasi Pengurusan Risiko yang merangkumi modul pelaporan digital, pemetaan sumber dan papan pemuka risiko merentas enam kategori, iaitu kewangan, operasi, teknologi, reputasi, keselamatan dan bencana. • Menyepadukan papan pemuka risiko digital dengan sistem pengurusan sedia ada KPM.
3. Pembangunan Pelan Risiko pada Semua Peringkat Pengurusan	• Menjelang tahun 2029, semua peringkat pengurusan seperti JPN, PPD dan sekolah akan membangunkan pelan risiko masing-masing berdasarkan pelan risiko induk KPM dan FAQ. • Pelan risiko mengambil kira faktor lokaliti, geografi, kebolehcapaian dan keperluan setempat.
4. Pelantikan Pegawai Bertanggungjawab	• Melantik pegawai bertanggungjawab untuk menyokong pemilik risiko sepanjang keseluruhan kitaran pengurusan risiko: mengenal pasti, menilai, mengurangkan, memantau dan melapor.
5. Pelaksanaan Kitaran Pelaporan Risiko	• Melaksanakan mekanisme pelaporan secara berperingkat dari bawah ke atas untuk dinilai dan disahkan oleh Jawatankuasa Risiko KPM. • Memastikan semua jabatan dan institusi pendidikan mempunyai pelan risiko yang aktif dan dikemas kini berdasarkan garis panduan seragam. • Melaksanakan pelaporan dan pemantauan risiko secara bersepadu melalui sistem digital untuk membolehkan tindakan segera dan lebih cekap.
6. Penubuhan Struktur Jawatankuasa Pengurusan Risiko	• Menetapkan indikator risiko berkepentingan berdasarkan hala tuju RPM 2026 – 2035 dan dokumen strategik negara. • Membentuk kerangka jawatankuasa pelaporan risiko serta memetakan peranan pihak berkepentingan. • Mencadangkan penubuhan jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan oleh YB Menteri bagi memastikan ketelusan dan penjajaran hala tuju KPM.
7. Pengukuhan Fungsi Unit Risiko	• Unit Risiko KPM memberikan sokongan berterusan dalam penilaian, penyelenggaraan dan pelaporan risiko. • Menyelaraskan format pelaporan risiko melalui format standard. • Mengkaji dan mengemas kini senarai risiko berkepentingan kepada KPM.
8. Pemantapan Budaya Pengurusan Risiko	• Menginstitusikan pengurusan risiko sebagai amalan kerja proaktif dan berterusan. • Memastikan pemilik risiko dan Unit Risiko memainkan peranan bagi meningkatkan akauntabiliti dan kesiapsiagaan. • Mengukuhkan proses pemantauan berterusan dan pengesanan awal berdasarkan petunjuk risiko yang jelas dan boleh dikesan secara digital.

Rajah 10.19 Pendekatan Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko

10.4 KESIMPULAN

Teras Strategik 7 menumpukan kepada usaha memperkukuh tadbir urus dan sistem penyampaian KPM bagi memastikan pelaksanaan dasar pendidikan yang lebih cekap, responsif dan berorientasikan hasil.

Teras ini menekankan peranan KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan dengan jelas. Hal ini supaya pengurusan sumber manusia, kewangan dan prasarana dapat dioptimumkan demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada murid, pendidik dan komuniti.

Lima isu utama telah dikenal pasti, iaitu penyampaian maklumat yang tidak seragam, pertindihan fungsi organisasi, pelaksanaan dasar penamatan pegawai yang kurang efektif, kebergantungan tinggi sekolah kepada PPD/JPN akibat kekurangan autonomi terpimpin serta kelemahan dalam pengurusan risiko dan perubahan.



Bagi mengatasi cabaran ini, empat strategi utama dirangka:

1. **Strategi 1** menumpukan pembangunan Pelan Strategik Komunikasi KPM yang lebih berstruktur, telus dan bersasar, termasuklah sistem komunikasi bersepadu, penggunaan bahan sokongan seperti infografik dan video, serta libat urus sistematik.
2. **Strategi 2** melibatkan penyusunan semula fungsi dan struktur bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan, termasuklah memperkukuh prosedur penamatan pegawai berprestasi rendah melalui SOP baharu, panel penilai khas dan normalisasi skor prestasi.
3. **Strategi 3** memberikan penekanan kepada peluasan autonomi terpimpin dalam aspek kurikulum, murid, sumber manusia, kewangan dan perolehan. Institusi pendidikan juga mendapat pulangan melalui pengoptimuman aset fizikal, tertakluk kepada terma yang ditetapkan.
4. **Strategi 4** pula menumpukan kepada pembinaan Pelan Pengurusan Perubahan dan Pelan Pengurusan Risiko yang menyeluruh, merangkumi latihan agen perubahan, garis panduan risiko, sistem digital pelaporan risiko dan penubuhan jawatankuasa khusus.

Secara keseluruhan, pelaksanaan Teras Strategik 7 dijangka mewujudkan organisasi pendidikan yang moden, tangkas, telus dan berasaskan data, sekali gus memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pendidikan menjelang tahun 2035.

KESIMPULAN RPM 2026 – 2035

Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 — 2035 merupakan dokumen strategik yang mengukuhkan transformasi sistem pendidikan negara. Kurikulum Persekolahan 2027 dengan pendekatan yang lebih dinamik, terangkum dan bersepadu merupakan sebahagian daripada usaha KPM mentransformasikan pendidikan negara. Tujuan RPM 2026 — 2035 adalah untuk memastikan sistem pendidikan sentiasa responsif terhadap perubahan global dan keperluan masa hadapan dengan keberhasilan murid dijadikan ukuran utama kejayaan pendidikan yang holistik dan bermutu. Matlamat utama RPM 2026 — 2035 ialah melahirkan insan sejahtera yang beradab, berilmu, berkemahiran, berdaya tahan dan berkeyakinan, digerakkan melalui tujuh teras strategik yang saling melengkapi. Hal ini bagi menjamin transformasi pendidikan dilaksanakan secara menyeluruh, berkesan dan mampan.

Tujuh teras strategik menjadi nadi pelaksanaan RPM 2026 — 2035 yang akan disambut oleh JPN, PPD dan sekolah bagi penyediaan rancangan taktikal dan rancangan operasi. Tumpuan utama diberikan kepada penstrukturan semula sistem persekolahan kebangsaan agar pendidikan lebih relevan, saksama dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Kurikulum berasaskan standard dan berorientasikan kompetensi dibangunkan secara holistik bagi membentuk murid yang seimbang dari segi intelek, sahsiah dan kemahiran abad ke-21, bersedia menghadapi cabaran globalisasi dan kemajuan teknologi. Pada masa yang sama, peranan pendidik dan pemimpin sekolah diperkasakan sebagai agen transformasi utama yang memiliki kompetensi tinggi dan kepimpinan transformatif. Hal ini bagi memastikan mutu pengajaran dan pembelajaran sentiasa relevan dan bertumpu kepada keberhasilan. Dari segi prasarana fizikal dan digital, RPM 2026 – 2035 menekankan pembangunan fizikal dan digital yang kukuh, termasuklah penyediaan capaian Internet berkelajuan tinggi, bekalan peranti digital yang mencukupi, di samping sistem maklumat pintar bagi memperkukuh pedagogi interaktif dan inovatif serta meningkatkan pengalaman pembelajaran murid secara keseluruhan.

Kerjasama strategik antara KPM dengan pelbagai pihak berkepentingan diperkukuh demi mewujudkan ekosistem pendidikan yang teratur, responsif dan berimpak tinggi. Sinergi ini meliputi pengembangan sumber, kepakaran dan peluang bagi menyokong perkembangan murid dari segi sosial, ekonomi dan budaya. Selain itu, pembudayaan kemampanan diutamakan agar murid berkembang sebagai individu bertanggungjawab sosial dan peka terhadap alam sekitar serta keadilan sosial, sejajar dengan aspirasi pembangunan lestari negara. Tadbir urus yang cekap, telus dan bertanggungjawab menjadi sandaran bagi memastikan setiap dasar dan prakarsa RPM 2026 — 2035 dapat dilaksanakan secara optimum dan berkesan pada semua peringkat. Hal ini menyediakan asas kepada sistem pendidikan yang tangkas, berdaya saing dan berakauntabiliti tinggi, bersedia untuk menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan.

Berteraskan prinsip keanjalan, kemampanan dan inovasi, RPM 2026 — 2035 dirangka bagi memastikan sistem pendidikan negara kekal relevan dan dinamik. Melalui penerapan teknologi digital dan AI serta pendekatan sistematik bagi memperkukuh akses dan mutu pendidikan, RPM 2026 — 2035 mempertingkat keupayaan sistem pendidikan negara untuk menghadapi perubahan dan cabaran masa hadapan seiring dengan arus pembangunan global yang pesat. RPM 2026 — 2035 bukan sekadar rancangan pendidikan nasional, tetapi merupakan agenda strategik negara yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membangunkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Rancangan ini bermatlamat melahirkan insan sejahtera yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Melalui usaha ini, KPM bukan sahaja membina generasi warganegara global yang beretika, beradab dan bertanggungjawab, malah melahirkan modal insan yang berpemikiran kritis dan kreatif serta mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara demi memacu masa hadapan Malaysia yang mampan, terangkum dan sejahtera.



LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: RINGKASAN DOKUMEN LAPORAN SESI LIBAT URUS JELAJAH MASA DEPAN PENDIDIKAN NEGARA 2024

Dokumen ini merumuskan dapatan rasmi daripada Sesi Libat Urus (SLU) Jelajah Masa Depan Pendidikan Negara (JMDPN) yang dijalankan oleh KPM sepanjang Februari hingga Julai 2024. Sesi ini merupakan sebahagian daripada usaha pembangunan RPM 2026 – 2035, iaitu rancangan baharu yang akan menggantikan PPPM 2013 – 2025.

Matlamat utama laporan ini adalah untuk mengumpulkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuklah pendidik, pemimpin sekolah, ibu bapa, murid, komuniti, pihak industri dan badan NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan). Pandangan ini digunakan untuk membantu KPM merangka rancangan transformasi pendidikan yang lebih relevan dengan keperluan masa hadapan negara.

1. Objektif dan Rasional Pelaksanaan SLU

SLU bertujuan untuk:

- PPPM 2013 – 2025 menghampiri tempoh tamat dan terdapat keperluan untuk membangunkan satu rancangan pendidikan yang menyeluruh sesuai dengan keperluan semasa dan akan datang.
- Perubahan global: teknologi, digitalisasi, keperluan pekerjaan baharu, menuntut sistem pendidikan lebih anjal.
- KPM berhasrat memastikan rancangan pendidikan baharu bersifat terangkum dan berdasarkan data dan bukti, bukan keputusan *top-down* semata-mata.

SLU merupakan platform untuk mendapatkan input secara langsung dan menyeluruh dari seluruh negara.

2. Metodologi Pembangunan RPM 2026 – 2035

Proses pembangunan rancangan dilaksanakan melalui empat fasa utama:

Fasa	Tumpuan Utama
Fasa 1: SLU JMDPN	Mengumpul cadangan dan isu pendidikan semasa melalui SLU di seluruh negara.
Fasa 2: Diskusi Kumpulan Berfokus & Dialog Awam	Mengkaji cadangan lebih mendalam dan menguji kesesuaian idea yang dikemukakan.
Fasa 3: Makmal Penyelesaian Masalah dan Penulisan RPM 2026 – 2035	Memformulasikan strategi penyelesaian.
Fasa 4: Pemuktamadan RPM 2026 – 2035	Pembentangan ke Jemaah Menteri dan penerbitan rasmi pada awal Januari 2026.

Keseluruhan proses menekankan kolaborasi, keputusan berasaskan data, bukti dan sinergi antara komuniti, sekolah, industri dan kerajaan.

3. Tumpuan Perbincangan SLU Mengikut Tema Utama

Isi kandungan laporan dibahagikan kepada 8 tema besar:

- **Dasar dan Perancangan**
- **Kurikulum dan Pembelajaran**
- **Pembangunan Prasarana Fizikal dan Digital**
- **Pengoperasian Institusi Pendidikan**
- **Pendidik dan Pemimpin**
- **Pengurusan dan Kewangan**
- **Murid**
- **Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta**

Daripada semua tema ini, beberapa isu umum dikenal pasti:

- Ketidaksamarataan akses pendidikan (bandar/luar bandar, status sosioekonomi dan MBPK).
- Keperluan transformasi kurikulum agar selari dengan keperluan industri.
- Kompetensi pendidik dan pemimpin sekolah perlu dipertingkatkan.
- Prasarana fizikal dan digital (internet, peranti digital) masih tidak seimbang.
- Pelibatan ibu bapa dan komuniti masih tidak optimum.

4. Tema Utama dan Dapatan Penting

A. Dasar dan Perancangan

- Cadangan semakan semula Akta Pendidikan 1996 supaya relevan dengan isu teknologi dan pembelajaran luwes dan terangkum.
- Cadangan memendekkan tempoh persekolahan kepada 12 tahun selaras dengan amalan antarabangsa.
- Pendidikan prasekolah dicadangkan sebagai wajib dan percuma, terutamanya bagi kanak-kanak 5 tahun (4+).
- Tumpuan kepada autonomi pendidikan Sabah dan Sarawak, selaras dengan Perjanjian MA63.

B. Kurikulum dan Pembelajaran

- Kurikulum perlu relevan dengan pekerjaan masa depan.
- Peningkatan STEM dan TVET bermula dari sekolah rendah.
- Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diperkukuh, tidak terlalu peperiksaan berpusat.
- Pemartabatan bahasa Melayu dan pengukuhan bahasa Inggeris.
- Penekanan pembentukan karakter dan kemahiran insaniah (*soft skills*).

C. Pembangunan Prasarana Fizikal Dan Digital

- Sekolah daif dan kemudahan tidak seragam antara bandar dan luar bandar.
- Kelemahan capaian internet dan peranti digital.
- Peluasan peranti digital kepada murid golongan sasaran.
- Semua sekolah mencapai akses internet stabil.
- Penambahan kelas prasekolah, khasnya di kawasan pedalaman.

D. Pengoperasian Institusi Pendidikan

- Kolaborasi antara sekolah, komuniti dan industri masih rendah.
- Kekurangan institusi khas untuk murid pintar cerdas.
- Kepadatan kelas, terutama di bandar.
- Membina Akademi Pintar mengikut zon.
- Penggunaan bilik darjah digital untuk pengurangan kepadatan.

E. Pendidik dan Pemimpin

- Cabaran kekurangan guru opsyen dan pendidik kompeten digital.
- Latihan kepimpinan perlu diperkukuh, termasuk modul pemikiran strategik dan transformasi sekolah.
- Menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat untuk pendidik.

F. Pengurusan dan Kewangan

- Autonomi pengurusan kewangan di sekolah dipertingkatkan.
- Sekolah dibenarkan menjana pendapatan terkawal melalui kolaborasi luar.

G. Murid

- Pembentukan sahsiah dan jati diri.
- Literasi digital dan keselamatan dalam talian.
- Kesamarataan akses pendidikan bagi MBPK, Orang Asli dan B40.
- Menangani isu keciciran murid melalui intervensi awal dan kaunseling.
- Menggalakkan sektor swasta menyediakan peluang TVET, STEM dan kokurikulum.

H. Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta

- PIBG diperkukuh dalam isu disiplin dan sahsiah murid.
- Mengurangkan birokrasi agar sekolah lebih mudah menerima sumbangan industri.
- Menggalakkan sektor swasta menyediakan peluang TVET, STEM dan kokurikulum.

5. Hala Tuju Masa Hadapan

Pelaksanaan semua cadangan dalam RPM 2026 – 2035 digariskan berdasarkan tiga hasil utama:

- Sistem pendidikan terangkum dan adil untuk semua murid.
- Kurikulum dan pengajaran relevan dengan masa depan.
- Ekosistem pendidikan berdaya tahan dan mampan.

Kesimpulan

Laporan SLU ini menjadi asas dalam merangka RPM 2026 – 2035. Ia menggambarkan hasrat rakyat Malaysia terhadap sistem pendidikan yang berikut:

- Holistik
- Relevan dengan perubahan global
- Menitikberatkan keperluan murid
- Mengurangkan jurang pendidikan antara kawasan

Transformasi pendidikan yang dicadangkan bukan hanya berbentuk kurikulum baharu, tetapi satu transformasi sistem pendidikan agar Malaysia mampu melahirkan modal insan masa hadapan yang berdaya saing, kreatif, beradab, berakhlak, kreatif dan berinovatif.

LAMPIRAN 2: PIHAK BERKEPENTINGAN YANG TERLIBAT DALAM METODOLOGI

Pasukan Petugas Projek Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 – 2035

- Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha
- Datuk Dr. Mohd Azam bin Ahmad, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
- Dato' Wan Hashim bin Wan Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)
- Dato' Ahmad Suhaimi bin Endut, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- Encik Zainal bin Abas, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
- Dr. Rusmini binti Ku Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Dasar dan Kurikulum)
- Dato' Amzan bin Abd Malek, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, (Sektor Pembangunan Profesionalisme)
- Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi, Ketua Setiausaha (Februari 2023 hingga September 2024)
- Datuk Ruji bin Ubi, Ketua Setiausaha (September 2024 hingga Mei 2025)
- Datuk Azman bin Adnan, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia dan Pengerusi (2024 – Julai 2025)
- Datuk Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) (sehingga Januari 2024)
- Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Dasar dan Kurikulum) (Februari 2023 hingga Jun 2024)
- Tuan Haji Shafruddin bin Ali Hussin, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, (Sektor Pembangunan Profesionalisme) (hingga November 2024)
- Dr. Latip bin Muhammad, Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (sehingga Februari 2024)
- Puan Zurina binti Zulkarnain, Timbalan Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (sehingga Jun 2024)
- Dr. Ruhaya binti Hassan, Timbalan Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (sehingga Julai 2024)
- Dr. Zainin binti Bidin, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (sehingga Ogos 2024)

Pejabat Pengurusan Projek (Project Management Office – PMO) RPM 2026 – 2035

- Dr. Rusmini binti Ku Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Dasar dan Kurikulum)
- Dr. Nor Saidatul Rajeah binti Zamzam Amin, Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Datin Haryati binti Mohamed Razali, Timbalan Pengarah Kanan, Kluster Dasar dan Perancangan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Dr. Shamsudin bin Mohamad, Timbalan Pengarah Kluster Penyelidikan dan Penilaian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Encik Hisham bin Rahmat, Timbalan Pengarah, Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan , Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Dr. Wan Raisuha binti Wan Ali, Timbalan Pengarah, Sektor Perancangan Makro Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Encik Shaharuddin bin Abd. Hamid, Memangku Timbalan Pengarah, Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (24 Feb – 16 Nov 2025)
- Dr. Rusminah binti Musliman, Timbalan Rektor, Pusat Dasar dan Kualiti, Institut Pendidikan Guru Malaysia
- Dr. Jain bin Chee, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Lembaga Peperiksaan
- Puan Nuzulharlina binti Abdul Rahman, Ketua Penolong Pengarah, Unit Isu dan Analisis Dasar, Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

- Puan Wan Rowena binti Mohamad Rusli, Ketua Penolong Pengarah, Unit Isu dan Analisis Dasar, Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Encik Jasmadi bin Jamaludin, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
- Encik Mohamad Aidil bin Abu Bakar, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- Dr. Iskandar bin Padzil, Ketua Penolong Pengarah, Unit Isu dan Analisis Dasar, Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Cik Nurun Najah binti Ellias, Penolong Pengarah, Unit Isu dan Analisis Dasar, Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
- Puan Wan Aidatul Aizan binti Ton Abd Aziz, Penolong Pengarah, Ketua Unit Perolehan, Sektor Pembangunan Profesional dan Khidmat Pengurusan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Puan Nurain binti Rosli, Penolong Pengarah, Unit Isu dan Analisis Dasar, Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Puan Maswani binti Ismail, Penolong Pengarah, Unit Isu dan Analisis Dasar, Sektor Pembangunan Dasar Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Senarai Sidang Editorial Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 – 2035

- Dr. Aszunarni binti Ayob, Timbalan Pengarah, Sektor Sains dan Matematik, Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Dr. Sarifah Norazah binti Syed Anuar, Timbalan Pengarah, Sektor Dasar dan Perancangan Strategik, Bahagian Pendidikan Swasta
- Puan Salmah binti Abd Murad, Timbalan Pengarah, Sektor Perancangan dan Pengoperasian Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- Dr. Zanariah binti Ibrahim, Timbalan Rektor, Pusat Pembangunan Latihan, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
- Ts. Dr. Fazidah binti Naziri, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bahasa dan Sastera, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
- Puan Nur Sharliza binti Mohd Rapi'an, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Cawangan Dasar dan Perancangan, Bahagian Pengurusan Aset
- Dr. Azleena binti Mohamad, Ketua Jabatan, Jabatan Pengurusan Pengajaran Bahasa Inggeris, English Language Teaching Centre
- Puan Nurdina binti Muhammad, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Seksyen Perancangan, Sektor Perancangan dan Analisa Maklumat, Bahagian Pembangunan
- Puan Rose Enne Emellia binti Mohamed Razali, Nazir Kanan, Jemaah Nazir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Puan Rosmuni binti Saudin, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Akademik dan Kemajuan Sekolah Agama, Sektor Pengembangan Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan Islam
- Dr. Nita@ Siti Raudhah Binti Amri, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Pengurusan Penyampaian RPM
- Dr. Lay Ah Nam, Ketua Penolong Pengarah, Unit Perancangan Pendidikan STEM, Sektor Perancangan Makro Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Encik Mohd Nazir bin Mohd Ghazali, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Sektor KPI, Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Dr. Nor Hisham bin Ismail, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Pendidikan Antarabangsa, Sektor Perancangan Makro Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Encik Ednel Ashraff bin Misran, Ketua Penolong Pengarah, Unit Maklumat Asas Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Puan Afiza binti Aksan, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Penyampaian RPM
- Dr. Rusdi bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pengoperasian Kurikulum, Sektor Pengurusan Pembelajaran, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- Puan Intan Suzana Binti Abdul Rahman @ Abdullah, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Pendaftaran Murid, Sektor Perancangan dan Pengurusan Sekolah 1, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- Dr. Radhiah binti Muda, Ketua Penolong Pengarah, Unit Perancangan Pendidikan STEM, Sektor Perancangan Makro Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Puan Farahazfa binti Mohd Sapari, Penolong Setiausaha Kanan, Sektor Perancangan Strategik, Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Dr. Mazli Sham binti Abdullah KB;PA, Ketua Unit, Unit Pembangunan Pendidikan, Cawangan Pembangunan Strategik, Bahagian Psikologi dan Kaunseling
- Dr. Wee Akina Sia Seng Lee, Ketua Penolong Pengarah, Unit Perancangan dan Pembangunan Kemudahan Fizikal, Sektor Dasar, Perancangan dan Penyelarasan, Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

- Dr. Hasmira binti Alias, Ketua Penolong Pengarah, Unit Kebolehlaksanaan Program Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Puan Aniqah Husda binti Abdul Latif, Ketua Penolong Pengarah, Unit Sistem Repositori, Sektor Dokumentasi Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Puan Habibah binti Salim, Ketua Penolong Pengarah, Unit Maklumat Asas Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Puan Zuraida binti Ramli, Ketua Penolong Pengarah, Unit Penilaian Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Puan Naimah bin Mohd Jarkoni, Ketua Penolong Setiausaha (KP) Unit Pentadbiran, Perkhidmatan Dan Kewangan,Seksyen Khidmat Pengurusan, Bahagian Perolehan
- Puan Jershonia Devi A/P Sivam, Penolong Setiausaha Kanan, Seksyen Perancangan, Sektor Perancangan dan Analisa Maklumat, Bahagian Perolehan
- Encik Ismariwan bin Shamsudin, Ketua Penolong Pengarah, Unit Komunikasi, Hubungan Antarabangsa dan Pendokumentasian, Sektor Dasar dan Perancangan Profesioonalisme Keguruan, Bahagian Profesionalisme Guru
- Dr. Siew Siew Kim, Ketua Penolong Pengarah, Unit STEM Awal, Sektor Pra Sekolah, Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Encik Shaiful Afzan bin Abdol Majid, Ketua Penolong Setiausaha, Unit Tadbir Urus dan Pengurusan Projek ICT, Seksyen Dasar dan Tadbir Urus ICT, Bahagian Pengurusan Maklumat
- Puan Nor Fazila binti Ramli, Ketua Penolong Setiausaha, Unit Bantuan 3, Cawangan Bantuan, Bahagian Kewangan
- Puan Suriati binti Hashim, Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Premis, Demis dan Kuarters, Cawangan Pengurusan Hartanah, Bahagian Pengurusan Aset
- Puan Bibi Aishah binti Roslan, Ketua Penolong Pengarah, Jaminan Mutu, Inovasi dan Pengakreditan, Sektor Dasar dan Perancangan, Bahagian Matrikulasi
